



# MABIMS

## التفسير العلمي

TAFSIR 'ILMI AYAT-AYAT KAUNIYYAT  
MABIMS



TUMBUH  
TUMBUHAN

DITERBITKAN BERSAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, INDONESIA, MALAYSIA & SINGAPURA  
PENYELARAS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



# التفسير العلمي

TAFSIR 'ILMI  
(AYAT-AYAT KAUNIYYAT)  
MABIMS

## Tumbuh-Tumbuhan

Dr Muhammad Haniff Hassan  
*Zamil Penyelidikan (RSIS-NTU)*

Disediakan oleh Republik Singapura

## ISI KANDUNGAN

<b>01</b> <b>Bab 1</b> PENGENALAN KEPADA TAFSIR ILMII DAN KAITANNYA DENGAN TAFSIR MAUDU'II	<b>07</b> <b>Bab 2</b> GAMBARAN MENYELURUH BAGI AYAT-AYAT AL-QURAN BERKAITAN TUMBUH-TUMBUHAN	<b>123</b> <b>Bab 3</b> ISU – ISU KEAGAMAAN DALAM AYAT-AYAT TUMBUHAN
<b>239</b> <b>Bab 6</b> PENUTUP: RUMUSAN DAN PELAJARAN	<b>200</b> <b>Bab 5</b> ISU – ISU PILIHAN BERKAITAN ALAM TUMBUHAN DARI SUDUT ILMU LAIN	<b>159</b> <b>Bab 4</b> ISU – ISU KEHIDUPAN DALAM AYAT-AYAT TUMBUHAN
<b>248</b> <b>Bibliografi</b>		

# BAB 1

## PENGENALAN TAFSIR ILMU DAN KAITANNYA DENGAN TAFSIR MAUDU'II

### PENDAHULUAN

Bab ini akan memperkenalkan pembaca akan *Tafsir 'Ilmii* yang merupakan metode utama dan genre bagi kajian ini dan satu cabang dari *Tafsir Maudu'ii* yang merupakan pendekatan utama projek kajian dan penulisan ini.

Oleh kerana pengenalan tentang *Tafsir Maudu'ii* telah dibuat dalam salah satu jilid yang diterbitkan bagi tujuan kajian dan projek ini, penulis hanya akan memberi pengenalan pada *Tafsir 'Ilmii* sebagai pembukaan bagi jilid ini. Tujuannya ialah untuk memberi gambaran kepada para pembaca proses yang diambil bagi menghasilkan jilid sebagai penyempurna bagi pengenalan bagi *Tafsir Maudu'ii* dalam jilid pertama dan penjelasan kenapa ia berbeza dengan pendekatan yang ada dalam kajian tafsir yang lain. Memahami proses ini membantu pembaca juga untuk mempunyai keyakinan pada kandungan buku ini, bahawa idea-idea yang terdapat padanya bukan dibuat berdasarkan proses yang asing dari tradisi ilmu Islam, khususnya ilmu tafsir Al-Quran.

Pendekatan *Tafsir 'Ilmii* disaingkan dengan kaedah *Tafsir Tematik* yang lebih dikenali sebagai *Tafsir Maudu'ii* di sini kerana topik perbahasan disusun mengikut tema yang sesuai dengan struktur kandungan buku ini. Kajian ini berusaha mengkaji ayat-ayat Al-Quran yang bertemakan alam tumbuhan dengan menggunakan konsep dan kaedah *Tafsir 'Ilmii* yang wujud dalam tradisi ilmu tafsir Al-Quran.

Bagi memudahkan pembaca mempunyai kefahaman asas bagi *Tafsir 'Ilmii*, bab ini akan membicarakan secara ringkas definisinya di dalam bidang tafsir yang dengannya para pembaca dapat memahami makna umum bagi *Tafsir 'Ilmii*.

Seterusnya, bab ini akan menjelaskan hubungan di antara *Tafsir 'Ilmii* dan *I'jaz 'Ilmii* sebagai satu pendekatan bagi memahami Al-Quran untuk para pembaca, serta memberi perbandingan terhadap kedua konsep ini. Bab ini juga akan menyenaraikan beberapa prinsip dan kaedah sebagai pengabsahan bagi *Tafsir 'Ilmii* - salah satu cabang dari tafsir Al-Quran yang diakui dalam tradisi ilmu pengajian Islam.

### DEFINISI DAN PENGERTIAN

*Tafsir 'Ilmii* adalah satu istilah yang terbentuk dari dua perkataan Arab; a) *tafsir*, dan b) *'ilmii*. Memahami maksud bagi setiap perkataan ini akan memberi pengertian mudah bagi istilah yang sedang dibicarakan dan akan membantu untuk memahami juga definisinya di sisi para ulama tafsir.

Perkataan tafsir bukan sesuatu yang asing dalam bahasa Melayu kerana ia telah diserap dalam bahasa Melayu sekian lama. Sebagaimana dalam bahasa Melayu,<sup>1</sup> perkataan tafsir dalam bahasa Arab juga bermakna memberi penjelasan, penerangan atau ulasan akan maksud atau makna bagi sesuatu perkara seperti mentafsir mimpi yang bermaksud menjelaskan, menerangkan atau mengulas akan maksud atau makna bagi sesuatu mimpi.<sup>2</sup>

Perkataan ilmiah pula ialah kata sifat bagi tafsir yang, dalam bahasa Melayu, membawa makna ilmu dan pengetahuan. Dari segi istilah, *Ilmii* ialah ilmu pengetahuan yang bersifat eksperimental dan apa yang berkaitan dengannya dari cabang ilmu sains tabii fizik, geologi, biologi, oseanografi dan astronomi.<sup>3</sup>

Walau bagaimanapun, adalah elok untuk melihat definisi bagi istilah *Tafsir Ilmii* di sisi para ulama ilmu tafsir, bagi melengkap dan mengukuhkan kefahaman tentangnya.

Dari bacaan kepustakaan dapat disimpulkan tiga jenis definisi *Tafsir Ilmii* di kalangan ulama,<sup>4</sup> iaitu:

- Definisi yang terawal bagi istilah *Tafsir Ilmii* adalah takrif yang diberikan oleh Al-Muhtasib, iaitu tafsir yang dibuat oleh pengarangnya dengan tujuan untuk memahami ayat-ayat Al-Quran dari lensa teori dan kajian saintifik dan seterusnya mengeluarkan falsafah daripadanya.<sup>5</sup>

Definisi ini menerangkan kaedah tafsir ini, iaitu mengaitkan penjelasan ilmu sains kepada ayat suci Al-Quran, khususnya pada ayat-ayat yang membicarakan berkenaan alam semesta.

- Definisi seterusnya menolak penggunaan istilah *Ilmii* bagi bidang tafsir ini kerana ia merujuk kepada ilmu dalam erti kata yang umum. Sebagai alternatif, ia dinamakan *Tafsir Ilmii Tajribi*.<sup>6</sup> Maka *Tafsir Ilmii Tajribi* ialah *ijtihad* yang dilakukan oleh pentafsir dalam mendedahkan dan menjelaskan hubungan antara ayat kawaniyyah dalam Al-Quran dengan penemuan sains yang berbentuk eksperimental untuk menonjolkan kemukjizatan Al-Quran yang bersumber daripada Allah swt dan kesesuaiannya untuk semua zaman dan tempat.<sup>7</sup>

Definisi ini menzahirkan tujuan sebahagian pentafsir ketika menggunakan kaedah ini, iaitu untuk menzahirkan kemukjizatan Al-Quran apabila membicarakan tentang ciptaan alam semesta, bahawa ia menepati dapatan sains moden sekarang. Perkara ini berkaitan rapat dengan persoalan *I`jaz Al-Quran* dan ini akan dibincangkan selepas ini.

<sup>1</sup> Lihat "Tafsir", Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, di <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tafsir>

<sup>2</sup> Ibn Manzur, Lisan Al-`Arab, Beirut: Dar Sadir, jld. 5, t.t, ms. 54.

<sup>3</sup> Ahmad Bazli, Terjemahan Makna Ayat Kawaniyyat Dalam Terjemahan Al-Quran Bahasa Melayu: Analisis Berdasarkan Tafsir `Ilmi, Malaysia: Universiti Malaya, 2014, ms. 66.

<sup>4</sup> Nor Syamimi Mohd, Haziyah Husin, Wan Nasrudin Wan Abdullah, Pendefinisian Semula Istilah Tafsir `Ilmi, Islamiyyat, vol. 38, no. 2, 2016, ms. 151, di <http://journalarticle.ukm.my/10761/1/16924-53163-1-PB.pdf>

<sup>5</sup> Ibid., ms. 151; Al Muhtasib, `Abd Al-Majid `Abd Al-Salam, Ittijahat Al-Tafsir fi Al-`Asr Al-Hadith, Beirut: Dar al-Fikr, jld. 1, 1973, ms. 246.

<sup>6</sup> Ibid., ms. 151.

<sup>7</sup> Al-Rumi, Fahd `Abd Al-Rahman, Ittijahat Al-Tafsir fi Al-Qarn Al-Rabi`, Beirut: Mu`assasat al-Risalah, 1997, ms. 545-550.

- Sebahagian pengkaji menyebutkan bahawa, tafsir berbentuk *`Ilmii* harus berpandukan paradigma yang Islamik. Ini kerana ilmu sains, khususnya di Barat berpandukan ilmu eskperimental yang tidak berlandaskan kewujudan dan kekuasaan Tuhan di dalam rangka pengetahuan mereka. Dengan sebab itu mereka menghuraikan kaedah ini sebagai, tafsir yang menjelaskan makna ayat-ayat Al-Quran tertentu berpandukan peneemuan sains moden yang sah dan berteraskan tauhid (sains tauhidik).<sup>8</sup>

Namun ketiga-tiga bentuk definisi di atas dapat digabungkan untuk memberi fahaman menyeluruh tentang *Tafsir `Ilmii*, iaitu;

- bidang kajian yang cuba menjelaskan dan menghubungkan ayat-ayat Al-Quran dengan pendapat sains moden.
- membantu untuk membuktikan kemukjizatan Al-Quran dalam menjelaskan tentang ciptaan alam semesta dan manusia yang begitu terperinci, bahawa ia tidak bercanggah dengan dapatan sains pada hari ini.
- bidang kajian yang mempunyai kaedah, proses dan metodeologi tertentu sehingga, ayat-ayat yang bukan bersifat kawniyyah juga boleh memberikan sumbangan dalam kajian *Tafsir `Ilmii* ini.

## **TAFSIR `ILMII DAN I`JAZ `ILMII: SEBUAH PENDEKATAN DAN PENILAIAN**

Sepertimana yang disebutkan di atas, di antara objektif mereka yang menggunakan metode *Tafsir `Ilmii* adalah untuk membuktikan kemukjizatan Al-Quran. Usaha ini merupakan cabang yang tersendiri di dalam *`Ulum Al-Quran*, yang dikenali dengan *I`jaz Al-Quran*. Para ulama menyebutkan banyak aspek kemukjizatan Al-Quran; seperti keindahan bahasa dan strukturnya, beirta-berita masa lampau dan apa yang akan berlaku pada masa hadapan dan cabaran Al-Quran bahawa tidak ada seseorang pun yang mampu untuk mencipta sesuatu yang setanding atau serupa dengan al Quran.<sup>9</sup>

Di antara aspek kemukjizatan Al-Quran yang menjadi perbahasan para ulama kontempori adalah aspek kemukjizatan al Quran dari segi ilmu sains atau yang dinamakan sebagai *I`jaz `Ilmii*.<sup>10</sup> Mereka yang mengkaji ayat-ayat Al-Quran akan mendapati ratusan ayat-ayat yang membicarakan tentang *sunnah* Allah dalam alam semesta ini, sistemnya, dan pelbagai perbicaraan Allah tentang makhluk-Nya. Hakikat utama dalam isu *I`jaz `Ilmii* ini adalah bahawa alam semesta yang diciptakan Allah, sejajar dengan hakikat yang Allah sebutkan Al-Quran mengenainya. Ini adalah prinsip asas dalam masalah ini, kerana yang berbicara tentang hakikat semesta alam ini adalah Tuhan yang menciptanya, maka tidak mungkin berlaku sebarang perselisihan sama sekali.<sup>11</sup> Usaha untuk membuktikan aspek *I`jaz `Ilmii* ini tentu memerlukan kaedah *Tafsir `Ilmii*, kerana pentafsir terlebih dahulu akan menjelaskan maksud utama ayat tersebut berdasarkan lafaz yang digunakan dan makna yang diungkap daripada lafaz tersebut.

<sup>8</sup> Lihat, Nor Syamimi Mohd, Haziyah Husin, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Pendefinisian Semula Istilah Tafsir `Ilmi, ms. 153.

<sup>9</sup> Mustafa Muslim, Mabahith fii I`jaz Al-Quran, Dimasyq: Darul Qalam, 2005, ms. 113.

<sup>10</sup> Ibid., ms. 158.

<sup>11</sup> Al-Thayyar, Musa'id bin Sulaiman, Al-I`jaz Al-`Ilmii ila Aina, Beirut: Dar Ibn Al-Jauzi, 2011, ms. 20.

Kemudian barulah seorang pentafsir memiliki ruang untuk mengaitkan lafaz dan makna tersebut kepada sebuah pendapat sains yang dianggap sebagai bukti untuk menunjukkan kemukjizatan Al-Quran.

Namun, kita harus peka bahawa usaha untuk mengaitkan pendapat sains dengan ayat Al-Quran sebenarnya hanyalah satu ijihad bagi memahami Al-Quran. Oleh itu, pendapat seorang pentafsir bahawa makna yang ditafsirkan itu selari dengan pendapat sains kini satu pendapat yang mungkin betul atau salah, kerana berkemungkinan, lafaz ayat yang disebutkan itu tidak mempunyai sebarang *dilālah* kepada teori sains yang dikemukakan.<sup>12</sup> Ini menjadikan Tafsiran *ʿIlmii*, dari satu sudut, merupakan satu cabang dari *Tafsir Bir Raʿyi*, iaitu tafsir yang berdasarkan akal dan ijihad manusia.

Dengan itu juga, ia tidak boleh digunakan sebagai hujah untuk membuktikan kemukjizatan Al-Quran, jika didapati tafsiran itu salah atau kurang tepat.

## **PRINSIP-PRINSIP BAGI MENGABSahkan TAFSIR ʿILMII**

Selepas mengetahui bahawa *Tafsir ʿIlmii* tergolong dalam kategori *Tafsir Bir Raʿyi*, maka para ulama tafsir telah meletakkan beberap prinsip dan kaidah sebagai pedoman untuk mengesahkan setiap tafsiran yang dibuat kepada ayat Al-Quran dengan menggunakan metode *Tafsir ʿIlmii*. Di antara prinsip-prinsip ini adalah:

- Tafsiran yang diberi haruslah benar dalam konteksnya sendiri. Oleh kerana setiap pendapat yang dinyatakan dalam tafsir boleh mempunyai aspek yang betul dan aspek yang salah, pendapat yang betul boleh dikenal pasti melalui beberapa cara, di antaranya ialah dengan melihat cara penggunaannya dalam bahasa Arab, terutamanya ketika menafsirkan sesuatu perkataan.

Kesalahan yang sering berlaku biasanya disebabkan pentafsir menafsirkan sebuah lafaz atau ungkapan dengan cara yang tidak pernah diketahui oleh orang Arab. Ini kerana perkataan Al-Quran adalah berbahasa Arab, dan penafsirannya harus diambil daripada penggunaan bahasa Arab itu sendiri. Maka *Tafsir ʿIlmii* yang benar adalah ketika sebuah perkataan itu dikaitkan dengan pendapat sains yang sejajar dengan penggunaan makna perkataan di dalam bahasa Arab dan tidak mengeluarkan makna yang baru yang tidak dikenali oleh bangsa Arab.<sup>13</sup>

<sup>12</sup> Lihat *Ibid.*, ms. 19, 24.

<sup>13</sup> *Ibid.*, ms. 27, 131.

- Pentafsir harus melihat kepada munasabah (korelasi); sama ada ayat yang ingin dikaitkan dengan pendapat sains itu dapat menerima makna tersebut atau pun tidak. Kadangkala, pentafsir membawa makna tertentu yang tidak sesuai dengan makna ayat tersebut sehingga ia merosakkan konteks dan makna yang asal.<sup>14</sup>
- Dapatan sains yang ingin dizahirkan dari ayat tersebut, haruslah disahkan terlebih dahulu. Oleh kerana Al-Quran memiliki kebenaran mutlak, ia tidak dapat disejajarkan dengan teori-teori ilmu pengetahuan yang sifat spekulati kebenarannya terlalu lemah atau tidak dapat dipertahankan oleh kaedah kajian saintifik yang diakui.<sup>15</sup>

Dengan ini juga, seorang pentafsir tidak harus memberi penafsiran terhadap teks-teks Al-Quran kecuali dengan fakta-fakta atau pernyataan ilmiah yang telah disahkan dan mencapai tahap yang tidak boleh dipertikaikan. Prinsipnya ialah fakta-fakta Al-Quran harus menjadi dasar dan landasan, bukan menjadi objek yang ditundukkan oleh teori sains kerana yang harus menjadi rujukan adalah fakta-fakta al-Quran, bukan ilmu yang bersifat eksperimental.<sup>16</sup>

## KAITAN TAFSIR `ILMII DAN TAFSIR MAUDU`II

Di antara kaedah yang terkenal dalam ilmu tafsir adalah *Tafsir Maudu`ii* iaitu ilmu yang mengkaji tentang huraian bagi ayat-ayat Al-Quran dari sudut isu atau tajuk tertentu dengan kaedah seperti, 1) mengenal pasti semua ayat-ayat yang berkaitan dengannya dan, 2) mengaitkan setiap satu dari ayat-ayat itu dengan yang lain dengan mengambil kira juga ayat-ayat nasikh dan mansukh dan sebab-sebab turun bagi ayat-ayat yang dikenalpasti.

Melalui perbandingan antara kaedah `ilmii dan metode *Maudu`ii*, kesepadanan di antara kedua-dua kaedah tersebut dapat dilihat, iaitu kaedah *Tafsir Maudu`ii* bersifat lebih umum dari *Tafsir `ilmii*. Ini membolehkan kaedah *Tafsir `ilmii* diletak di bawah genre *Tafsir Maudu`ii*, kerana sebahagian *Tafsir Maudu`ii* yang ditulis merangkumi ilmu sains atau perbincangan dari sudut saintifik sebagai tema pokok pembahasan penulisan tersebut. Dalam hal ini, pentafsir akan mengumpulkan ayat-ayat yang berkaitan secara tematik. Sebagai contoh, jika seorang pentafsir ingin mengkaji ayat-ayat berkenaan penciptaan manusia dan mengaitkannya dengan perkembangan sains, yang dalam terminologi Al-Quran digambarkan sebagai suatu proses evolusi dengan menggunakan beberapa terminologi yang berbeza, pentafsir tersebut seharusnya menghimpun seluruh ayat-ayat Al-Quran yang mempunyai kesamaan tema pembahasan, sehingga dapat sampai kepada makna hakiki dan gambaran yang lebih jelas berkenaan tentang perspektif Al-Quran dalam perkara berkenaan.

<sup>14</sup> Ibid.

<sup>15</sup> Nuha, Muh. Ulin, Penafsiran Zaghulul An-Najjar Tentang Api Di Bawah Laut Dalam QS. Ath-Thūr Ayat 6, Undergraduate (S1) thesis, Semarang: Universitas Islam Negeri Walisongo, 2016, ms. 30.

<sup>16</sup> Pasya, Ahmad Fuad, Dimensi Sains Al-Qur'an Menggali Ilmu Pengetahuan dari Al-Qur'an, Solo: Tiga Serangkai. 2004, ms. 47.



Disebabkan hubungan rapat di antara kedua kaedah ini, penulisan di dalam buku ini akan menggunakan metode *Tafsir 'Ilmii* sebagai dasar analisa kandungan yang berkaitan dengan aspek sains yang terkandung dalam ayat-ayat yang dihimpunkan dan disusun secara tematik yang selari dengan metode *Tafsir Maudu'ii*. Aplikasinya di dalam penulisan ini dapat dilihat pada topik-topik pembahasan yang bukan sahaja fokus kepada aspek saintifik yang terkandung dalam perbincangan ayat-ayat tumbuhan di dalam Al-Quran, namun juga meneroka pelbagai topik yang berkaitan dengan tumbuhan-tumbuhan dan pelajaran yang dapat diraih dari penggunaan tumbuhan dalam Al-Quran seperti metafora, unsur politik, ekonomi dan sebagainya.

## **KESIMPULAN**

*Tafsir 'Ilmii* adalah satu cabang dari *Tafsir Maudu'ii* yang penggunaannya diakui oleh ulama akan dalam bidang tafsir Al-Quran.

Keabsahan *Tafsir 'Ilmii* juga bertolak dari hakikat bahawa ia adalah salah satu bentuk *Tafsir Bir Ra'yi* (tafsir melalui ijtihad dari akal dan usaha ujikaji manusia) yang diakui oleh ulama tafsir sebagai salah satu kaedah mentafsir Al-Quran yang bermanfaat selama mana ia dipandu oleh kaedah-kaedah yang telah dipersetujui oleh ulama dalam bidang ini.

Pendekatan buku ini yang membicarakan Al-Quran pada sudut yang terbatas pada tajuk dan tema tertentu (alam tumbuhan) bukanlah satu pendekatan yang baru dan unik. Ia hanyalah penerusan bagi tradisi yang sedia ada di kalangan para ulama bidang tafsir. Ia mungkin mengandungi beberapa idea-idea baru sesuai dengan semangat yang ada pada apa jua kajian ilmiah. Namun ini tidak bermakna, jalan yang diambil untuk menceriakannya adalah jalan yang berbeza dari yang sebelumnya.

## BAB 2


### AYAT-AYAT AL-QURAN BERKAITAN TUMBUH-TUMBUHAN

Bab kedua ini bertujuan untuk memberi gambaran menyeluruh tentang ayat-ayat Al-Quran yang bicara tentang tumbuh-tumbuhan.

Bagi mencapai tujuan ini, bab ini akan membentangkan ayat-ayat yang bicara atau mempunyai kaitan dengan tumbuhan dan jenis-jenis tumbuhan yang disebut dalam Al-Quran.

Bagi memberi gambaran menyeluruh yang lebih terperinci, bab ini akan menyentuh bicara Al-Quran mengenai tumbuhan di dua dimensi alam, bicara Al-Quran mengenai tumbuhan secara kolektif, bicara Al-Quran mengenai pelbagai jenis pokok dan tumbuhan serta bahagian-bahagiannya, bicara Al-Quran mengenai hasil dari tumbuhan, bicara Al-Quran mengenai proses penumbuhan tumbuhan, tujuan bicara Al-Quran tentang tumbuhan dan cara Al-Quran membicarakan tentang tumbuhan.

Bab ini ditutup dengan kesimpulan bahawa ayat-ayat tentang tumbuhan yang terdapat dalam Al-Quran memberi pesanan akan kepentingan alam tumbuhan dan isu-isu penting yang perlu diambil perhatian dan pelajaran oleh manusia bagi kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.





## AYAT-AYAT AL-QURAN TENTANG TUMBUHAN

Perkataan Arab bagi tumbuhan secara umum di dalam Al-Quran ialah nabāt. Al-Quran menyebut perkataan nabāt dalam tujuh ayat.<sup>17</sup>

فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّا ۖ كُلَّمَا  
 دَخَلَ عَلَيْهَا زَكَرِيَّا الْمِحْرَابَ وَجَدَ عِنْدَهَا رِزْقًا ۖ قَالَ يَمْرَأَةُ أُنَىٰ لَكَ  
 هَذَا ۖ قَالَتْ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ ۖ إِنَّ اللَّهَ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ  
 حِسَابٍ

*"Maka ia (Maryam yang dinazarkan oleh ibunya) diterima oleh Tuhannya dengan penerimaan yang baik, dan dibesarkannya dengan didikan yang baik, serta diserahkan untuk dipelihara oleh Nabi Zakaria. Tiap-tiap kali Nabi Zakaria masuk untuk menemui Maryam di Mihrab, ia dapati rezeki (buah-buahan yang luar biasa) di sisinya. Nabi Zakaria bertanya: "Wahai Maryam dari mana engkau dapati (buah-buahan) ini?" Maryam menjawab; "Ialah dari Allah, sesungguhnya Allah memberikan rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya dengan tidak dikira". (Surah Ali `Imran, 3:37)*

<sup>17</sup> Surah Ali `Imran, 3:37, Surah Al-An`am, 6:99, Surah Yunus, 10:24, Surah Al-Kahf, 18:45, Surah Taha, 20:53, Surah Nuh, 71:17, Surah An-Naba', 78:15.

وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ  
 فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نَخْرُجُ مِنْهُ حَبًّا مَتْرَاكِبًا وَمِنَ النَّخْلِ مِن طَلْعِهَا قِنْوَانٌ  
 دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِّنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَبِهٍ ۚ  
 انظُرُوا إِلَىٰ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكُمْ لَآيَاتٍ  
 لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

“Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.”  
 (Surah Al-An`am, 6:99)

إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ  
 الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ حَتَّىٰ إِذَا أَخَذَتِ الْأَرْضُ زُخْرُفَهَا  
 وَازْيِنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ قَادِرُونَ عَلَيْهَا ۖ أَتَىٰهَا ۖ أَمْرًا لَّيْلًا أَوْ نَهَارًا  
 فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَأَن لَّمْ تَغْنَبِ بِالْأَمْسِ ۚ كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ  
 لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

“Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan suburnya) tanaman-tanaman di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang - bercampur-aduk dan berpaut-pautan (pokok-pokok dan pohonnya) dengan sebab air itu hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bunga yang berwarna-warni), dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya) datanglah perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari lalu Kami jadikan dia hancur-lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum itu. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu berfikir (dan mengambil iktibar daripadanya).” (Surah Yunus, 10:24)

وَأَضْرَبَ لَهُمْ مَثَلَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَا آء أَنزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَآءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذْرُوهُ الرِّيحُ ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقْتَدِرًا

“Dan kemukakanlah kepada mereka misal perbandingan: Kehidupan dunia ini samalah seperti air yang Kami turunkan dari langit, lalu bercampur aduklah tanaman di bumi antara satu sama lain (dan kembang suburlah ia) disebabkan air itu; kemudian menjadilah ia kering hancur ditiup angin; dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.” (Surah Al-Kahf, 18:45)

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ مَهْدًا وَسَلَكَ لَكُمْ فِيهَا سُبُلًا وَأَنزَلَ مِنَ السَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِّن نَّبَاتٍ شَتَّىٰ

“(Dia lah Tuhan) yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan, dan Ia telah mengadakan bagi kamu padanya jalan-jalan lalu-lalang; dan Ia juga telah menurunkan hujan dari langit. Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-jenis tanaman dan buah-buahan yang berlainan keadaannya.” (Surah Taha, 20:53)

وَاللَّهُ أَنۢبَتَكُم مِّنَ الْأَرْضِ نَبَاتًا

“Dan Allah telah menumbuhkan kamu (hidup dari benda-benda yang berasal) dari bumi, dengan pertumbuhan yang sungguh-sungguh sempurna.” (Surah Nuh, 71:17)

لِنُخْرِجَ بِهِ حَبًّا وَنَبَاتًا

“Untuk Kami mengeluarkan dengan air itu, biji-bijian dan tumbuh-tumbuhan.” (Surah An-Naba’, 78:15)

Terdapat pula sekitar 132 ayat-ayat berkaitan tumbuhan yang disebut dalam, tidak kurang dari 52 surah. Sebanyak 81 tumbuhan dari jenis pokok, rumput, buah, bunga dan hasil tumbuhan ditemui dalam Al-Quran.

Senarai ini dapat membantu memberi maklumat ringkas tentang tumbuhan dengan cepat bagi memudahkan rujukan dan kefahaman umum. Maklumat ini dibentangkan dalam bentuk jadual dan diletakkan sebagai lampiran di akhir bab agar tidak mengganggu aliran bacaan pembaca.

## TUMBUHAN DI DUA DIMENSI ALAM



Al-Quran membicarakan tentang tumbuhan sebagai satu kewujudan di dua dimensi alam yang berbeza, iaitu alam dunia yang nyata dan alam ghaib yang tidak nyata.

Di sini akan disebutkan tumbuhan-tumbuhan yang disebut di alam ghaib kerana kebanyakan isi kandungan buku ini akan membicarakan tentang tumbuhan-tumbuhan di dunia.

Alam tumbuhan yang dikaitkan dengan alam ghaib yang termasyhur ialah *jannah*, yang bermaksud syurga. Ia kadangkala disebut dalam Bahasa Arab dengan lafaz *mufrad* (kata tunggal) dan kadangkala pula dengan lafaz *jama`* (kata jamak), iaitu *jannāt*. Terdapat sebanyak 147 ayat yang mengandungi lafaz *jannah* dalam Al-Quran<sup>18</sup> yang meliputi *jannah* di alam dunia dan di alam ghaib.

<sup>18</sup> Lihat Muhammad Fu'ad `Abd Al-Baqi, *Al-Mu`jam Al-Mufahharas Li Alfaz Al-Qur'an Al-Karim*, Cairo: Dar Al-Hadith, 1988, ms. 180-2.

Perkataan *jannah* dalam Bahasa Arab dan dalam konteks alam dunia memberi maksud kebun yang ditumbuhi pokok kurma dan anggur bersama tumbuhan-tumbuhan lain. Jika ia ditumbuhi oleh tumbuhan-tumbuhan selain pokok kurma dan anggur, ia dinamakan *hadīqah*.<sup>19</sup> Namun, ulama tafsir memberi perkataan *jannah* dalam Al-Quran dengan makna taman (*bustān*) sahaja,<sup>20</sup> iaitu sepotong tanah yang dipenuhi dengan banyak pokok-pokok hingga meliputi seluruh kawasan tanah itu.<sup>21</sup>

وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَثْبِيتًا مِنْ أَنْفُسِهِمْ  
 كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَآتَتْ أُكُلَهَا ضِعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا  
 وَابِلٌ فَطَلَّ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

“Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan apa yang kamu lakukan.” (Surah Al-Baqarah, 2:265)

وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا  
 وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ

“Dan kami berfirman: "Wahai Adam! Tinggalah engkau dan isterimu dalam syurga, dan makanlah dari makanannya sepuas-puasnya apa sahaja kamu berdua sukai, dan janganlah kamu hampiri pokok ini; (jika kamu menghampirinya) maka akan menjadilah kamu dari golongan orang-orang yang zalim.” (Surah Al-Baqarah, 2:35)

<sup>19</sup> Ibn Manzur, Lisan Al-`Arab, Beirut: Dar Sadir, jld. 13, tanpa tarikh, ms. 100; Al-Fayruzabadi, Al-Qamus Al-Muhit, Damsiyq: Muassasat Al-Risalah, cetakan kelapan, 2005, ms. 1187.

<sup>20</sup> Al-Zamakhshari, Al-Kashshaf, Al-Baqarah: 265. Semua rujukan kitab tafsir di buku ini bersumber dari halaman sesawang [www.altafsir.com](http://www.altafsir.com), kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

<sup>21</sup> Al-Qurtubi, Tafsir Al-Qurtubi, Al-Baqarah: 35 dan 265.

وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَثْبِيتًا مِنْ أَنْفُسِهِمْ  
 كَمَثَلِ جَنَّةٍ مِمَّنْ رَبُّهُ أُصَابَهَا وَابِلٌ فَآتَتْ أَكْطَافَهَا ضِعْفَيْنِ فَإِنْ لَمْ يُصِبْهَا  
 وَابِلٌ فَطَلَّ ۖ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

“Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan apa yang kamu lakukan.” (Surah Al-Baqarah, 2:265)

Di alam ghaib pula, *jannah* (syurga) mempunyai maksud yang luas, iaitu tempat di mana manusia yang bertakwa menjalani kehidupan bahagia yang abadi sebagai balasan bagi segala amal baik yang dilakukan di dunia.

Syurga (*jannah*) di dalam Al-Quran bukan hanya sebuah tempat yang dipenuhi oleh pohon-pohon menghijau, bunga-bunga yang mewangi dan buah-buahan yang segar dan manis. Syurga adalah suatu tempat atau ruang di mana terdapat di dalamnya pelbagai nikmat-nikmat kehidupan seperti pembantu wanita (bidadari), pembantu lelaki, perkakas pinggan mangkuk, peralatan rumah seperti tilam and sofa, rumah, sungai, makanan-makanan yang enak dan lain-lain lagi.

Ringkasnya, lafaz *jannah* di dunia merujuk pada tempat tumbuh-tumbuhan semata-mata, sementara *jannah* di alam ghaib adalah satu tempat bagi kehidupan lain dan bukan bermaksud tempat tumbuhan semata-mata.

Namun apa yang menarik ialah Allah taala memilih lafaz *jannah* yang mempunyai kaitan rapat dengan tumbuhan sebagai kata nama umum dan simbol bagi syurga dalam Al-Quran, sedangkan syurga dan kehidupan di dalamnya mempunyai pelbagai sifat-sifat dan ciri-ciri yang lain.

Mengapa syurga tidak diberi kata nama umum *Darussalām*, yang bermakna tempat kesejahteraan atau keamanan, sesuai dengan sifat *salām* atau sejahtera dalam kehidupan di syurga sebagaimana yang disebut sendiri oleh Al-Quran,<sup>22</sup> dan dekat pula dengan kata nama Islam, agama yang diredai oleh Allah taala bagi memasuki syurga?

Pilihan kata nama *jannah* sebagai perlambangan bagi syurga pasti mempunyai pesanan dan pelajaran penting bagi manusia.

Jenis tumbuhan lain yang disebut oleh Al-Quran di alam ghaib ialah pokok dan buah.

<sup>22</sup> Surah Al-An`am, 6:127, Surah Yunus, 10:25.



Al-Quran menyebut kewujudan pokok di syurga dan di neraka. Di syurga, terdapat pokok yang menghasilkan buah yang Allah taala larang Nabi Adam dan isterinya Hawa memakan buahnya. Tidak jelas jenis pokok ini dan namanya di dalam Al-Quran. Namun ia masyhur dikenali sebagai “pokok khuldi” – nama yang sebenarnya diberi oleh Iblis untuk menipu Nabi Adam dan Hawa a.s..<sup>23</sup>

فَوَسَّوَسَ إِلَيْهِ الشَّيْطَانُ قَالَ يَا آدَمُ هَلْ أَدُلُّكَ عَلَى شَجَرَةِ الْخُلْدِ  
وَمُلْكٍ لَّا يَبْلَىٰ

“Setelah itu maka Syaitan membisikkan (hasutan) kepadanya, dengan berkata: "Wahai Adam, mahukah, aku tunjukkan kepadamu pohon yang menyebabkan hidup selama-lamanya, dan kekuasaan yang tidak akan hilang lenyap?"” (Surah Taha, 20:120)

Di neraka pula, terdapat pokok yang menghasilkan buah bernama *Zaqqūm*. Ia dicipta oleh Allah taala sebagai makanan yang akan menyiksa penghuni neraka apabila memakannya.

أَذْلِكَ خَيْرٌ نَزْلًا أَمْ شَجَرَةُ الزَّقُّومِ

“Manakah yang lebih baik, limpah kurniaan yang termaklum itu atau pokok zaqqum?”  
(Surah As-Saffat, 37:62)

إِنَّ شَجَرَتَ الزَّقُّومِ. طَعَامُ الْأَثِيمِ. كَالْمُهْلِ يَغْلِي فِي الْبُطُونِ. كَغَلِي  
الْحَمِيمِ. خَذُوهُ فَأَعْتَلُوهُ إِلَىٰ سِوَاءِ الْجَحِيمِ. ثُمَّ صَبَّوْا فَوْقَ رَأْسِهِ مِنْ  
عَذَابِ الْحَمِيمِ. ذُقْ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْكَرِيمُ. إِنَّ هَذَا مَا كُنْتُمْ بِهِ  
تَمْتَرُونَ

<sup>23</sup> Khuldi dalam bahasa Arab bermakna kekal. Iblis menamakan pokok larangan dengan nama khuldi kerana mendakwa memakan buahnya boleh menyebabkan Nabi Adam a.s. dan Hawa hidup kekal di syurga seperti para malaikat. Lihat 20:120.

“(Ingatlah), sesungguhnya pokok Zaqqum, (Buahnya) menjadi makanan bagi orang yang berdosa (dalam neraka). (Makanan ini pula panas) seperti tembaga cair, mendidih dalam perut, Seperti mendidihnya air yang meluap-luap panasnya. (Lalu diperintahkan kepada malaikat penjaga neraka): "Renggutlah orang yang berdosa itu dan seretlah dia ke tengah-tengah neraka. "Kemudian curahkanlah di atas kepalanya - azab seksa - dari air panas yang menggelegak". (Serta dikatakan kepadanya secara mengejek): "Rasalah azab seksa, sebenarnya engkau adalah orang yang berpengaruh dan terhormat (dalam kalangan masyarakatmu)." (Kemudian dikatakan kepada ahli neraka umumnya): "Sesungguhnya inilah dia (azab seksa) yang kamu dahulu ragu-ragu terhadapnya!" (Surah Ad-Dukhan, 44:43-50)

لَا أَكُلُونَ مِنْ شَجَرٍ مِّنْ زُقُومٍ. فَمَالٌ ؕ ؕ وَنَ مِنْهَا الْبَطُونُ

“Tetap akan memakan (pada hari itu) dari sebatang pokok, iaitu pokok zaqqum, Maka kamu akan memenuhi perut kamu dari pokok (yang pahit buahnya) itu.” (Surah Al-Waqi`ah, 56:52-53)

Al-Quran menyebut buah di syurga secara umum dengan perkataan *fawākih*, iaitu kata jamak<sup>24</sup> yang bermaksud buah-buahan. Penggunaan kata jamak memberi maksud kewujudan buah-buahan yang baik dalam jumlah yang banyak dan pelbagai sebagai nikmat bagi penduduk syurga.

Selain itu, Al-Quran juga menyebut secara khusus tiga jenis buah sebagai makanan di syurga, iaitu;

- anggur,

حَدَائِقَ وَأَعْنَابًا

“(Mereka akan beroleh) taman-taman bunga dan kebun-kebun buah-buahan, terutama anggur.” (Surah An-Naba’, 78:32)

<sup>24</sup> Kata tunggal bagi buah dalam Bahasa Arab ialah “fakihah”. Lihat Al-Ma`aniy, di <https://www.almaany.com/>.

- delima

فِيهِمَا فَكَّهُةٌ وَنَخْلٌ وَرُمَّانٌ

“Pada keduanya juga terdapat buah-buahan, serta pohon-pohon kurma dan delima.”  
(Surah Ar-Rahman, 55:68)

- *ṭalḥ mandūd*

وَطَلْحٍ مَّنضُودٍ

“Dan pokok-pokok pisang yang tersusun rapi buahnya.” (Surah Al-Waqi`ah, 56:29)

Para ulama berselisih pendapat tentang makna sebenar perkataan *ṭalḥ mandūd*. Ada yang berkata ia adalah:

- pokok besar yang mempunyai banyak duri<sup>25</sup>
- pokok akasia (*acacia tortilis*)<sup>26</sup>
- buah pisang.

Namun yang masyhur, ia merujuk kepada buah pisang sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Tabari dari ramai ahli tafsir dari kalangan sahabat Nabi s.a.w dan para tabi`in. Al-Tabari menukil pendapat Ibn Zaid bahawa ia berasal dari bahasa kegunaan kaum Arab di Yaman bagi buah pisang.<sup>27</sup> Hal ini tidaklah mustahil kerana hubungan Yaman dan daerah Afrika adalah dekat. Ia hanya dipisahkan oleh Laut Merah. Afrika memang terkenal dengan penghasilan buah pisang. Pasti nya hubungan antara Yaman dan daerah Afrika melibatkan perdagangan impot and eksport yang boleh meliputi buah-buah pisang. Dari hubungan dagangan dengan Yaman pula, membolehkan buah pisang dikenali juga oleh kaum Arab di Mekah walaupun mereka hidup dipersekitaran padang pasir dan bukan tropika.

Al-Quran tidak menyebut secara khusus dan jelas kewujudan buah kurma di syurga. Yang disebut ialah pohon kurma sebagaimana yang terdapat dalam Ar-Rahman, 55:68 yang disebut di atas yang darinya boleh disimpulkan kewujudan buah kurma sebagai hidangan di syurga.

<sup>25</sup> Al-Tabari, Tafsir Al-Tabari, Al-Waqi`ah: 29; Al-Qurtubi, Tafsir Al-Qurtubi, Al-Waqi`ah: 29; Ibn Kathir, Tafsir Ibn Kathir, Al-Waqi`ah: 29.

<sup>26</sup> Al-Zamakhshari, Al-Kashshaf, Al-Waqi`ah: 29.

<sup>27</sup> Al-Tabari, Tafsir Al-Tabari; Ibn Kathir, Tafsir Ibn Kathir, Al-Waqi`ah: 29.

Buah-buahan yang terdapat di dalam syurga serupa dengan buah-buahan di dunia, tetapi para ahli tafsir berpendapat rasa dan saiznya berbeza berdasarkan firman Allah taala,

وَبَشِّرِ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرَى  
 مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ۖ كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا مِنْ ثَمَرَةٍ رُزِقُوا ۖ أَقَالُوا ۗ  
 هَٰذَا الَّذِي رُزِقْنَا مِنْ قَبْلُ ۖ وَأَتُوا بِهِ مِمَّا شَبَّهُهُ ۗ ۗ وَلَهُمْ فِيهَا  
 أَزْوَاجٌ مُطَهَّرَةٌ ۖ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

*“Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya mereka beroleh Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; tiap-tiap kali mereka diberikan satu pemberian dari sejenis buah-buahan Syurga itu, mereka berkata: Inilah yang telah diberikan kepada kami dahulu dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya) dan disediakan untuk mereka dalam Syurga itu pasangan-pasangan, isteri-isteri yang sentiasa bersih suci, sedang mereka pula kekal di dalamnya selama-lamanya.”* (Surah Al-Baqarah, 2:25)

Di neraka pula, Al-Quran menyebut dua buah, iaitu;

- buah *zaqqūm*<sup>28</sup>

أَذِلُّكَ خَيْرٌ نُّزُلًا أَمْ شَجَرَةُ الزَّقُّومِ

*“Manakah yang lebih baik, limpah kurniaan yang termaklum itu atau pokok zaqqum?”*  
 (Surah As-Saffat, 37:62)

- *ḍarī*

لَيْسَ لَهُمْ طَعَامٌ إِلَّا مِنْ ضَرِيعٍ

*“Tiada makanan bagi mereka (di situ) selain dari pokok-pokok yang berduri.”* (Surah Al-Ghashiyah, 88:6)

<sup>28</sup> Surah Ad-Dukhan, 44:43-50, Surah Al-Waqi'ah, 56:52-3.

Tiada deskripsi tepat tentang kededua buah ini dalam Al-Quran dan hadis bagi mengenal pasti jenisnya di dunia ini. Yang ada hanya deskripsi yang lebih bersifat metafora seperti bentuk buah *zaqqūm* seumpama kepala syaitan, dan juga kesan dahsyat akibat memakannya seperti “tidak menggemukkan dan tidak pula dapat menghilangkan sedikit kelaparan pun”

طَلْعُهَا كَأَنَّهُ رُءُوسُ الشَّيَاطِينِ

“Buahnya seolah-olah kepala Syaitan-syaitan.” (Surah As-Saffat, 37:65)

لَا يُسْمِنُ وَلَا يُغْنِي مِنَ الْجُوعِ

“Yang tidak menggemukkan, dan tidak pula dapat menghilangkan sedikit kelaparan pun.” (Surah Al-Ghashiyah, 88:7).

Maka, boleh disimpulkan bahawa kededua buah ini tidak wujud di alam dunia. Ia hanya sesuatu yang Allah taala cipta khas untuk makanan penduduk neraka.

Selain tumbuhan di syurga dan di neraka, Al-Quran juga ada menyebut tentang *Sidrat Al-Muntahá*

عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَى

“Di sisi “Sidratul-Muntaha”” (Surah An-Najm, 53:14)

Ia ditafsirkan oleh ramai ahli tafsir sebagai sesuatu yang berupa pokok yang terletak di langit tertinggi. Ia adalah tempat yang tertinggi yang boleh dicapai oleh makhluk ciptaan Allah taala seperti malaikat. Inilah juga lokasi di mana Nabi Muhammad s.a.w berhenti untuk berkomunikasi dengan Allah taala apabila diangkat ke langit pada malam Isra’ dan Mi’raj dan menerima kewajiban menunaikan solat lima kali sehari.<sup>29</sup> Perlambangan *Sidrat Al-Muntahá* sebagai pokok juga memberi makna dan pelajaran yang sama seperti penggunaan jannah (taman), iaitu kedudukan istimewa tumbuhan dalam Islam yang harus dihayati oleh Muslim juga hingga ia dijadikan sebagai perlambangan bagi sesuatu yang mulia.

<sup>29</sup> Al-Tabari, Tafsir Al-Tabari, Al-Najm: 14; Al-Qurtubi, Tafsir Al-Qurtubi, Al-Najm: 14.

## TUMBUHAN SECARA KOLEKTIF



Tumbuhan di dunia dan perkataan-perkataan yang berkaitan dengannya tidak disebut dalam Al-Quran secara individu sahaja, tetapi disebut juga kewujudannya secara kolektif di tempat dan dengan fungsi tertentu.

Perkataan pertama yang digunapakai ialah *hadā'iq*, kata jamak bagi *hadīqah* yang bermakna tempat berpagar yang terdapat banyak pokok yang berbuah di dalamnya yang dikunjungi orang ramai untuk rekreasi<sup>30</sup> atau dipanggil kebun dalam Bahasa Melayu. Al-Quran hanya menggunakan perkataan kata jamak *hadā'iq* sahaja. Ia disebut dalam tiga ayat.

أَمْ مِنْ خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا  
 بِهِ حَدَائِقَ ثَقِيَّاتٍ مِمَّا كَانَتْ لَكُمْ أَنْ تَنْبِتُوا شَجَرَهَا ۗ أَأَعْلَاهُ  
 مَعَهُ اللَّهُ ۗ بَلْ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ

*“Bahkan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman kebun-kebun (yang menghijau subur) dengan indahnya, yang kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkan pohon-pohonnya. Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan mereka (yang musyrik itu) adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran (tauhid).” (Surah An-Naml, 27:60)*

<sup>30</sup> Lihat Al-Maany, di <https://www.almaany.com/> ; Al-Fayruzabadiy, Al-Qamus Al-Muhit, ms. 873;

## حَدَائِقَ وَأَعْنَابًا

“(Mereka akan beroleh) taman-taman bunga dan kebun-kebun buah-buahan, terutama anggur.” (Surah An-Naba’, 78:32)

## وَحَدَائِقَ غُلْبًا

“Dan taman-taman yang menghijau subur.” (Surah ‘Abasa, 80:30)

Satu darinya merujuk pada kebun dalam syurga, iaitu di surah An-Naba’, 78:32, yang disebut di atas.<sup>31</sup>

Kedua ialah *jannah*, kata tunggal bagi *jannāt* yang bermaksud tempat yang terdapat di dalamnya banyak pokok-pokok kurma dan anggur bersama pokok-pokok lain.<sup>32</sup> Terdapat 12 ayat dalam Al-Quran yang mengandungi perkataan kata tunggal *jannah* dan kata jamak *jannāt* yang merujuk pada taman di dunia.<sup>33</sup> Antaranya:

وَفِي الْأَرْضِ قِطْعٌ مُتَجَاوِرَةٌ وَجَنَّتٌ مِّنْ أَعْنَابٍ وَزَرْعٌ وَنَخِيلٌ  
صِّنَاوَانٌ وَغَيْرُ صِنَاوَانٍ يُسْقَىٰ بِمَاءٍ وَاحِدٍ وَنُفِضَ لِبَعْضِهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِي  
الْأُكُلِ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya) Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya.” (Surah Ar-Ra’d, 13:4)

<sup>31</sup> Surah An-Naba’, 78:32.

<sup>32</sup> Ibn Manzur, Lisan Al-‘Arab, jld. 13, ms. 100; Al-Fayruzabadi, Al-Qamus Al-Muhit, ms. 1187.

<sup>33</sup> Surah Al-Kahf, 18:39-40, Surah Al-Mu’minun, 23:19, Surah Saba’, 34:16, Surah Yasin, 36:34, Surah Ad-Dukhan, 44:25, Surah Qaf, 50:9.

وَأَضْرَبَ لَهُمْ مَثَلًا رَجُلَيْنِ جَعَلْنَا لِأَحَدِهِمَا جَنَّتَيْنِ مِنْ أَعْنَابٍ  
 وَحَفَفْنَاهُمَا بِنَخْلٍ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمَا زُرْعًا. كَلَّتَا الْأَجْنَتَيْنِ ءَاتَتْ أَكْلَهَا وَلَمْ  
 تَظْلَمْ مِنْهُ شَيْئًا ۖ وَفَجَّرْنَا خِلْفَهُمَا نَهْرًا

“Dan berikanlah kepada mereka satu contoh: Dua orang lelaki, Kami adakan bagi salah seorang di antaranya, dua buah kebun anggur; dan Kami kelilingi kebun-kebun itu dengan pohon-pohon tamar, serta Kami jadikan di antara keduanya, jenis-jenis tanaman yang lain. Kedua-dua kebun itu mengeluarkan hasilnya, dan tiada mengurangi sedikit-pun dari hasil itu; dan kami juga mengalirkan di antara keduanya sebatang sungai.”  
 (Surah Al-Kahf, 18:32-33)

وَدَخَلَ جَنَّتَهُ وَهُوَ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ قَالَ مَا أَظُنُّ أَنْ تَبِيدَ هَذِهِ أَبَدًا

“Dan ia pun masuk ke kebunnya (bersama-sama rakannya), sedang ia berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan sebab kufurnya), sambil ia berkata: "Aku tidak fikir, kebun ini akan binasa selama-lamanya.” (Surah Al-Kahf, 18:35)

Ketiga ialah *zar`*, kata tunggal bagi *zuru`*.<sup>34</sup> Terdapat lima ayat dalam Al-Quran yang menyebut kededua kata tunggal dan jamak.

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ  
 وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أَكْلُهُ وَالزَّيْتُونَ وَالرَّمَانَ مِثْلَهَا وَغَيْرَ مِثْلَهَا ۖ  
 كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَءَاتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ ۖ وَلَا تُسْرِفُوا ۚ  
 ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

<sup>34</sup> Ibn Manzur, Lisan Al-`Arab, jld. 8, ms. 141; Al-Maany, di <https://www.almaany.com/>



“Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.” (Surah Al-An`am, 6:141)

وَأَضْرِبْ لَهُمْ مَثَلًا رَّجُلَيْنِ جَعَلْنَا لِأَحَدِهِمَا جَنَّتَيْنِ مِنْ أَعْنَابٍ  
وَحَفَفْنَاهُمَا بِنَخْلٍ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمَا زُرْعًا

“Dan berikanlah kepada mereka satu contoh: Dua orang lelaki, Kami adakan bagi salah seorang di antaranya, dua buah kebun anggur; dan Kami kelilingi kebun-kebun itu dengan pohon-pohon tamar, serta Kami jadikan di antara keduanya, jenis-jenis tanaman yang lain.” (Surah Al-Kahf, 18:32)

وَزُرُوعٍ وَنَخْلٍ طَلَعُهَا هَضِيمٌ

“Dan kebun-kebun tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang buah mayangnya halus lembut?” (Surah Ash-Shu`ara', 26:148)

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَلَكَهُ يَنْبِيعَ فِي الْأَرْضِ ثُمَّ  
يَخْرِجُ بِهِ زُرْعًا مُخْتَلِفًا أَلْوَنُهُ ثُمَّ يَهِيَجُ فَتَرَىٰه مَصْفَرًّا ثُمَّ يَجْعَلُهُ حُطَامًا  
ج إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرًا لِأُولِي الْأَلْبَابِ

“Tidakkah engkau memerhatikan, bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkanNya menjadi matair-matair di bumi; kemudian Ia menumbuhkan dengan air itu tanaman-tanaman yang berbagai jenis dan warnanya; kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar (hingga ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatmu berupa kuning; kemudian Ia menjadikannya hancur bersepai? Sesungguhnya segala yang tersebut itu mengandungi peringatan yang menyedarkan orang-orang yang berakal sempurna.” (Surah Az-Zumar, 39:21)

## وَزُرُوعٍ وَمَقَامٍ كَرِيمٍ

“Dan juga berbagai jenis tanaman serta tempat-tempat kediaman yang indah – mulia.”  
(Surah Ad-Dukhan, 44:26)

Ia diguna bagi merujuk pada tumbuhan secara umum<sup>35</sup> atau ladang yang terdapat aneka tanaman dan pohon berbuah di dalamnya.<sup>36</sup>

Keempat ialah *harth* yang pada asalnya bermaksud tanah untuk bercucuk tanam.<sup>37</sup>

نَسَاؤُكُمْ وَأُنثَىٰ لَكُمْ فَاتُوا حَرْثَكُمْ أَنِي شِئْتُمْ ۖ وَقَدِمُوا ۖ لَأَنفُسِكُمْ  
ج ۖ وَاتَّقُوا ۖ اللَّهَ وَأَعْلَمُوا ۖ أَنكُمْ مَلَقُوهُ ۖ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ

“Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai dan sediakanlah (amal-amal yang baik) untuk diri kamu; dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya kamu akan menemuinya (pada hari akhirat kelak) dan berilah khabar gembira wahai Muhammad kepada orang-orang yang beriman.” (Surah Al-Baqarah, 2:223)

Namun Al-Quran juga menggunakannya untuk merujuk hasil tuaian dari tanah yang pastinya merujuk pada tumbuhan dan hasil dari tumbuhan itu seperti buah dan bijian.

مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الْآخِرَةِ نَزِدْ لَهُ فِي حَرْثِهِ ۖ وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ  
حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ نَصِيبٍ

“Sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat, Kami akan memberinya mendapat tambahan pada faedah yang dikehendakinya; dan sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) kebaikan di dunia semata-mata, Kami beri kepadanya dari kebaikan dunia itu (sekadar yang Kami tentukan), dan ia tidak akan beroleh sesuatu bahagian pun di akhirat kelak.” (Surah Ash-Shuraa, 42:20)

<sup>35</sup> Surah Al-An`am, 6:141, Surah Az-Zumar, 39:21.

<sup>36</sup> Surah Al-Kahf, 18:32, Surah Ash-Shu`ara, 26:148, Surah Ad-Dukhan, 44:26.

<sup>37</sup> Surah Ali`Imran, 3:117.

Kelima ialah *rawdah* yang juga bermaksud taman yang cantik yang terdapat padanya juga air. Orang Arab tidak menamakan kawasan bertumbuh-tumbuhan *rawdah* kecuali jika ada di tengah atau sampingnya sumber air seperti mata air, sungai dan tasik.<sup>38</sup> Hanya satu ayat menyebut perkataan ini dalam lafaz *mufrad* (kata tunggal) dan merujuk pada taman di syurga.

فَأَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَهُمْ فِي رَوْضَةٍ يُحْبَرُونَ

*“Adapun kumpulan orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka akan ditempatkan di taman Syurga dalam keadaan bersuka ria.”* (Surah Ar-Rum, 30:15)

## TUMBUHAN SECARA KOLEKTIF



Kepelbagaian adalah sifat yang paling menonjol tentang tumbuhan dalam Al-Quran. Ertinya, Al-Quran mempunyai tujuan khusus untuk menekankan kepada manusia akan satu hakikat, iaitu tumbuhan dicipta oleh Allah taala dalam keadaan serba pelbagai, rencam dan berbeza-beza, sama seperti ciptaan Allah taala yang lain. Contoh kepelbagaian tumbuhan yang disebut oleh Al-Quran ialah penggunaan kata jamak seperti;

<sup>38</sup> Ibn Manzur, Lisan Al-`Arab, jld. 7, ms. 162-3; Al-Fayruzabadi, Al-Qamus Al-Muhit, ms. 644.

- *thamarāt* (buah-buahan),

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فَرَشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ  
مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَّكُمْ ۖ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ  
تَعْلَمُونَ

“Dia lah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkanNya air hujan dari langit, lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa).”  
(Surah Al-Baqarah, 2:22)

- *fawākih* (buah-buahan yang boleh dimakan),



فَأَنْشَأْنَا لَكُمْ بِهِ جَنَّاتٍ مِّنْ نَّخِيلٍ وَأَعْنَابٍ لَّكُمْ فِيهَا فَوَاكِهُ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا  
تَأْكُلُونَ

“Kemudian, Kami tumbuhkan untuk kamu dengan air itu, kebun-kebun tamar (kurma) dan anggur. Kamu peroleh dalam kebun-kebun itu (berbagai jenis lagi) buah-buahan yang banyak, dan dari kebun-kebun itulah kamu peroleh rezeki penghidupan kamu.”  
(Surah Al-Mu’minun, 23:19)

- *jannāt* (taman-taman),



وَفِي الْأَرْضِ قِطْعٌ مُتَجَاوِرَةٌ وَجَنَّاتٌ مِّنْ أَعْنَابٍ وَزُرْعٌ وَنَخِيلٌ  
صِنَوَانٌ وَغَيْرُ صِنَوَانٍ يُسْقَىٰ بِمَاءٍ وَاحِدٍ وَنُفِضِلُ بِعَضِّهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِي  
الْأَكْلِ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

“Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya) Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya.” (Surah Ar-Ra’d, 13:4)

- *hadā’iq*<sup>39</sup> (kebun-kebun)

أَمَّنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِّنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا  
بِهِ حَدَائِقَ ۚ تَقْدِرُونَ عَلَىٰ أَنْ تَقُولُوا سَحَابٌ مَّرْكُومٌ ۚ أَلَمْ يَخْلُقْ  
مَعَهُ اللَّهُ ۚ بَلْ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ

<sup>39</sup> Surah`Abasa, 80:30.

“Bahkan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman kebun-kebun (yang menghijau subur) dengan indahnya, yang kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkan pohon-pohonnya. Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan mereka (yang musyrik itu) adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran (tauhid).” (Surah An-Naml, 27:60)



- a`nāb<sup>40</sup> (anggur-anggur).

فَأَنْشَأْنَا لَكُمْ بِهِ جَنَّاتٍ مِّنْ نَّخِيلٍ وَأَعْنَابٍ لَّكُمْ فِيهَا فَوَاكِهِ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ

“Kemudian, Kami tumbuhkan untuk kamu dengan air itu, kebun-kebun tamar (kurma) dan anggur. Kamu beroleh dalam kebun-kebun itu (berbagai jenis lagi) buah-buahan yang banyak dan dari kebun-kebun itulah kamu beroleh rezeki penghidupan kamu.” (Surah Al-Mu`minun, 23:19)

Al-Quran juga mensifatkan tumbuhan dengan sifat;

- dhawāt afnān (berbagai-bagai jenis pokok dan buah),

<sup>40</sup> Surah Al-An`am, 6:99.

## ذَوَاتَا أَفْنَانٍ

“(Dua Syurga) yang ada berjenis-jenis pohon dan buah-buahan.” (Surah Ar-Rahman, 55:48)

- mukhtalif alwān (berbagai-bagai warna)

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ ثَمَرَاتٍ مُّخْتَلِفًا أَلْوَانُهَا  
 ۚ وَمِنَ الْجِبَالِ جُدَدٌ بَيضٌ وَحُمْرٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَانُهَا وَغَرَابِيبُ سُودٍ

“Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan air hujan itu buah-buahan yang berlainan jenis dan rupanya; dan di antara gunung-ganang pula ada yang mempunyai jalur-jalur serta lorong-lorong putih dan merah, yang berlainan warnanya (tua dan muda) dan ada juga yang hitam legam” (Surah Fatir, 35:27)

- mukhtalif ukul (berbagai-bagai buah), *ma`rushāt* (jenis menjalar), *ghayr ma`rushāt* (bukan menjalar), *mutashābih/mushtabih* (serupa pada bentuk, warna dan rasa) dan *ghayr mutashābih* (tidak serupa pada bentuk, rupa dan rasa).

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ  
 وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكْلُهُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ ۚ  
 كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَآتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ ۚ وَلَا تُسْرِفُوا ۚ  
 ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

“Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.” (Surah Al-An`am, 6:141)

طَلَعَهَا قَنَوَانَ دَانِيَةَ وَجَنَّتْ مِنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ  
 مُتَشَبِهٍ ۚ أَنْظِرُوا ۗ إِلَى ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكُمْ  
 لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

“Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.”  
 (Surah Al-An`am, 6:99)

Selain dari tumbuhan secara kolektif, Al-Quran juga menyebut tentang pokok dan tumbuhan sebagai satu unit atau secara individu.

Al-Quran menyebut pokok dalam bentuk kata tunggal, *shajar*, *shajarah*, dan jamak, *shajarāt* sebagai salah satu jenis tumbuhan

هُوَ الَّذِي ۖ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً ۖ لَكُمْ مِنْهُ شَرَابٌ وَمِنْهُ شَجَرٌ فِيهِ  
 تُسِيمُونَ

“Dia lah yang menurunkan hujan dari langit; sebahagian daripadanya untuk minuman kamu dan sebahagian lagi menyebabkan tumbuhnya pokok-pokok (tumbuh-tumbuhan) untuk kamu melepaskan binatang-binatang ternak: makan padanya.” (Surah An-Nahl, 16:10)



أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ  
 وَفُرْعَاهَا فِي السَّمَاوَاتِ. تُؤْتِي بِأُكْلِهَا كُلِّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا ۖ وَيَضْرِبُ  
 اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ. وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ  
 اجْتُثَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ

“Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, yaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Dia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran). Dan bandingan Kalimah yang jahat dan buruk samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna yang mudah tercabut akar-akarnya dari muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup.” (Surah Ibrahim, 14:24-26)

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ  
 وَفُرْعَاهَا فِي السَّمَاوَاتِ

“Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, yaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit.”  
 (Surah Ibrahim, 14:24)

Al-Quran juga menyebut bahagian-bahagiannya, iaitu akar, batang, dahan dan daun.

وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ ۖ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبُرِّ وَالْبَحْرِ ۚ  
 وَمَا تَسْقُطُ مِنْ وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٌ فِي ظِلْمَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا رَطْبٌ  
 وَلَا يَابِسٌ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ

“Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dia lah sahaja; dan Ia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan Ia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir bijipun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfuz) yang terang nyata.” (Surah Al-An`am, 6:59)



Yang banyak disebut ialah pokok (*shajar*) dan pokok-pokok (*shajarāt*) secara umum. Jenis pokok disebut secara khusus ialah;

- pokok *an-nakhl*<sup>41</sup>

---

<sup>41</sup> Surah Taha, 20:71.

وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ  
فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُخْرَجُ مِنْهُ حَبًّا مَاتِرَاكِبًا وَمِنَ النَّخْلِ مِنْ طَلْعِهَا قِنْوَانٌ  
دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَبِهٍ ۗ  
انظُرُوا إِلَىٰ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكُمْ لَآيَاتٍ  
لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

“Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.”  
(Surah Al-An`am, 6:99)

- atau *an-nakhīl*.

وَمِنْ ثَمَرَاتِ النَّخِيلِ وَالْأَعْنَابِ تَتَّخِذُونَ مِنْهُ سَكَرًا وَرِزْقًا حَسَنًا ۗ إِنَّ  
فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

“Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang mahu menggunakan akalnyanya.” (Surah An-Nahl 16:67)

Kedua pokok ini biasanya difahami merujuk pada pokok kurma tetapi dari segi penggunaan bahasa ia boleh juga bermaksud pokok jenis palma yang mana pokok kurma hanya satu dari pelbagai jenisnya. Kebiasaan merujuk pada kedua perkataan ini dengan pokok kurma boleh difahami sebagai pengaruh konteks, iaitu pokok palma yang paling dikenali oleh orang Arab ialah pokok kurma. Memahami *an-nakhīl* dan *an-nakhīl* sebagai pokok palma yang lebih umum dari pokok kurma dapat disokong oleh ayat Al-Quran yang menyebut sifat *dhat al-akmām* (yang mempunyai mayang) baginya kerana mayang adalah antara ciri utama pokok jenis palma dan bukan sifat khusus pokok kurma;

## فِيهَا فَكِهَةٌ وَالنَّخْلُ ذَاتُ الْأَكْمَامِ

“Terdapat padanya berbagai jenis buah-buahan dan pohon-pohon kurma yang ada kelopak-kelopak mayang” (Surah Ar-Rahman, 55:11)

Pokok palma/kurma digambarkan berbagai-bagai. Antara kepelbagaiannya ialah;

- jenis yang terdapat beberapa batang tumbuh bercambah dari satu batang utama (*sinwān*),

وَفِي الْأَرْضِ قِطْعٌ مُّتَجَاوِرَاتٌ وَجَنَّاتٌ مِّنْ أَعْنَابٍ وَزُرْعٌ وَنَخِيلٌ  
صِنَوَانٌ وَغَيْرِ صِنَوَانٍ يُسْقَىٰ بِمَاءٍ وَاحِدٍ وَنُفِّصِلُ بَعْضَهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِي  
الْأُكُلِ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

“Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya) Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya.” (Surah Ar-Ra`d, 13:4)



- jenis rendah yang mudah untuk memetik buahnya (*qinwān dāniyah*)

وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ  
فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نَخْرُجُ مِنْهُ حَبًّا مَتْرَاكِبًا وَمِنَ النَّخْلِ مِنْ طَلْعِهَا قِنْوَانٌ  
دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَبِهٍ ۗ  
انظُرُوا إِلَىٰ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكُمْ لَآيَاتٍ  
لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

“Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.”  
(Surah Al-An`am, 6:99)

- dan lawannya, iaitu jenis tinggi (*bāsiqah*).

وَالنَّخْلَ بَاسِقَاتٍ لَهَا طَلْعٌ نَضِيدٌ

“Serta pohon-pohon kurma yang tinggi menjulang, yang mengeluarkan mayang, berlapis-lapis, lagi lebat putiknya” (Surah Qaf, 50:10)

Jenis pokok lain ialah pokok *sidr* (bidara) yang tidak berduri.

فَاعْرَضُوا ۗ فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ سَيْلَ الْعَرِمِ وَبَدَّلْنَاهُمْ بِجَنَّتَيْهِمْ جَنَّتَيْنِ ذَوَاتِي  
أَكُلِ خِمَطٍ وَأَثَلٍ وَشَيْءٍ مِّن سِدْرٍ قَلِيلٍ

“Maka mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang berbuah, serta sedikit pohon-pohon bidara.” (Surah Saba’, 34:16)

فِي سِدْرٍ مَّخْضُودٍ

“Mereka bersenang-lenang di antara pohon-pohon bidara yang tidak berduri.” (Surah Al-Waqi`ah, 56:28)

Jenis tumbuhan lain yang disebut ialah jenis;

- *yaqtīn*, iaitu tumbuhan yang tidak mempunyai batang dan tumbuh merayap di tanah (*creeper*) seperti pokok buah labu dan semangka,<sup>42</sup>

وَأَنْبَتْنَا عَلَيْهِ شَجَرَةً مِّنْ يَقْطِينٍ

“Dan Kami tumbuhkan (untuk melindunginya) sebatang pokok yang berdaun lebar.” (Surah As-Saffat, 37:146)



<sup>42</sup> Ibn Manzur, Lisan Al-`Arab, jld. 13, ms. 345; Al-Fayruzabadiy, Al-Qamus Al-Muhit, ms. 1225.

- jenis rumput (*abb*) seperti paku pakis (*fern*)

وَفَاكِهَةً وَأَبًّا

“Dan berbagai buah-buahan serta bermacam-macam rumput.” (Surah`Abasa, 80:31)

- dan tumbuhan yang menghasilkan bijirin seperti gandum, padi, barli gandum yang dibahasakan sebagai *sunbu*<sup>43</sup> dan *sunbulah* (batang jemari)<sup>44</sup>

قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَأْبًا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلَةٍ إِلَّا  
قَلِيلًا مِّمَّا تَأْكُلُونَ

“Yusuf menjawab: "Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan.” (Surah Yusuf, 12:47)

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْ بَتَّ سَبْعَ سَنَابِلَ  
فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ ۗ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ  
وَاسِعٌ عَلِيمٌ

“Bandingan (*derma*) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.” (Surah Al-Baqarah, 2:261)

dan kata jamaknya *sunbulāt* dan *sanābil*,

<sup>43</sup> Surah Al-Waqi`ah, 56:20, Surah Al-Waqi`ah, 56:32, Surah`Abasa, 80:31.

<sup>44</sup> Surah Al-Mursalat, 77:42.

يُوسُفُ أَيُّهَا الصَّادِقُ أَفْتِنَا فِي سَبْعِ بَقَرَاتٍ سَمَانَ يَأْكُلْنَ سَبْعَ عَجَافٍ  
وَسَبْعِ سُنِّ بَلْتٍ خُضْرٍ وَأُخْرٍ يَابَسَاتٍ لَعَلِّي ۖ أَرْجِعُ إِلَى النَّاسِ لَعَلَّهُمْ  
يَعْلَمُونَ

“(Setelah ia berjumpa dengan Yusuf, berkatalah ia): “Yusuf, Wahai orang yang benar (pada segala-galanya)! tafsirkanlah kepada kami (seorang bermimpi melihat): tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus; dan tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau serta tujuh tangkai lagi yang kering; (tafsirkanlah) supaya aku kembali kepada orang-orang yang mengutusku itu, semoga mereka dapat mengetahui tafsirannya.” (Surah Yusuf, 12:46)

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْ بَتَّتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ  
فِي كُلِّ سَنَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٍ ۖ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ ۖ وَاللَّهُ  
وَاسِعٌ عَلِيمٌ

“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.” (Surah Al-Baqarah, 2:261)

Nama-nama lain baginya dalam Al-Quran ialah *hab mutarākib* (tumbuhan yang menghasilkan bijian yang banyak dalam satu tangkai), *hab al-ḥasīd* (bijian yang dituai), dan *dhu al-`aşf* (tumbuhan berjerami).

وَهُوَ الَّذِي ۖ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ  
فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُخْرًا نَخْرَجُ مِنْهُ حَبًّا مَتْرَاكِبًا وَمِنَ النَّخْلِ مِنْ طَلْعِهَا قِنْوَانٌ  
دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَبِهٍ ۖ  
أَنْظُرُوا ۖ إِلَى ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ ۖ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ  
لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ



“(Setelah ia berjumpa dengan Yusuf, berkatalah ia): "Yusuf, Wahai orang yang benar (pada segala-galanya)! tafsirkanlah kepada kami (seorang bermimpi melihat): tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus; dan tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau serta tujuh tangkai lagi yang kering; (tafsirkanlah) supaya aku kembali kepada orang-orang yang mengutusku itu, semoga mereka dapat mengetahui tafsirannya".” (Surah Yusuf, 12:46)

مِثْلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمِثْلِ حَبَّةٍ أَنْ بُتَّ سَبْعَ سَنَابِلٍ  
فِي كُلِّ سَنَةٍ مِثْلُ حَبَّةٍ ۖ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ ۖ وَاللَّهُ  
وَاسِعٌ عَلِيمٌ

“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.” (Surah Al-Baqarah, 2:261)

Nama-nama lain baginya dalam Al-Quran ialah *hab mutarākib* (tumbuhan yang menghasilkan bijian yang banyak dalam satu tangkai), *hab al-ḥasīd* (bijian yang dituai), dan *dhu al-`aṣf* (tumbuhan berjerami).

وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ  
فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نَخْرُجُ مِنْهُ حَبًّا مَتْرَاكِبًا وَمِنَ النَّخْلِ مِنْ طَلْعِهَا قِنْوَانٌ  
دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَبِهٍ ۚ  
انظُرُوا إِلَى ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ ۚ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ  
لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

“Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.”  
(Surah Al-An`am, 6:99)

وَنَزَّلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً مُّبْرَكًا فَأَنْبَتْنَا بِهِ جَنَّاتٍ وَحَبَّ الْحَصِيدِ

“Dan juga Kami telah menurunkan dari langit air (hujan) yang banyak faedahnya, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu pokok-pokok tanaman (buah-buahan) dan biji-bijian yang dituai” (Surah Qaf, 50:9)

وَالْحَبُّ ذُو الْعَصْفِ وَالرَّيْحَانُ

“Demikian juga terdapat biji-bijian yang ada jerami serta daun, dan terdapat lagi bunga-bunga yang harum.” (Surah Ar-Rahman, 55:12)



- dan tumbuhan menjalar (*ma`rushāt*) dan memanjat (*climber*).<sup>45</sup>

وَهُوَ الَّذِي أَنشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ  
 وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أَكْلُهُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ  
 كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَعَآتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا  
 إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

“Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebum yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.” (Surah Al-An`am, 6:141)

## HASIL DARI TUMBUHAN

Al-Quran juga bicara tentang hasil dari tumbuhan dalam bentuk yang alami seperti buah dan sayur dan hasil yang diproses seperti minyak.



<sup>45</sup> Surah As-Saffat, 37:146.

Buah disebut dengan perkataan;

- *thamar*,<sup>46</sup> dalam kata tunggal dan kata jamak (*thamarāt*),<sup>47</sup>

وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ  
فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نَخْرُجُ مِنْهُ حَبًّا مُتَرَاكِبًا وَمِنَ النَّخْلِ مِنْ طَلْعِهَا قِنْوَانٌ  
دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَبِهٍ  
انظُرُوا إِلَى ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ  
لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

*“Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.”*  
(Surah Al-An`am, 6:99)

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فَرَشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ  
مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ ۗ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أُندَادًا وَأَنْتُمْ  
تَعْلَمُونَ

*“Dia lah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkanNya air hujan dari langit, lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa).”*  
(Surah Al-Baqarah, 2:22)

<sup>46</sup> Surah Al-Kahf, 18:34, Surah Yasin, 36:35.

<sup>47</sup> Surah Al-A`raf, 7:57, Surah Ibrahim, 14:32, Surah An-Nahl, 16:67-9.

- *fākihah* (kata tunggal) dan kata jamaknya, *fawākih*.

لَكُمْ فِيهَا فَكِهَةٌ كَثِيرَةٌ مِنْهَا تَأْكُلُونَ

"Kamu beroleh di dalamnya berbagai jenis buah-buahan, untuk kamu makan daripadanya." (Surah Az-Zukhruf, 43:73)

فَأَنْشَأْنَا لَكُمْ بِهِ جَنَّاتٍ مِّنْ نَّخِيلٍ وَأَعْنَابٍ لَّكُمْ فِيهَا فَوَاكِهُ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ

"Kemudian, Kami tumbuhkan untuk kamu dengan air itu, kebun-kebun tamar (kurma) dan anggur. Kamu beroleh dalam kebun-kebun itu (berbagai jenis lagi) buah-buahan yang banyak, dan dari kebun-kebun itulah kamu beroleh rezeki penghidupan kamu." (Surah Al-Mu'minin, 23:19)

Walaupun kededua perkataan *thamar* dan *fākihah* bermakna buah tetapi kededuanya mempunyai sedikit perbezaan dari segi Bahasa Arab. *Thamar* merujuk kepada apa jua keadaan buah yang dihasilkan pokok tidak kira muda atau telah masak atau buah yang boleh dimakan manusia atau yang beracun. Adapun, *fākihah* ia diguna bagi buah yang telah masak dan elok untuk dimakan manusia.<sup>48</sup> Makna ini terdapat juga dalam ayat-ayat Al-Quran yang mana Allah taala berfirman,<sup>49</sup>

فَأَنْشَأْنَا لَكُمْ بِهِ جَنَّاتٍ مِّنْ نَّخِيلٍ وَأَعْنَابٍ لَّكُمْ فِيهَا فَوَاكِهُ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ

<sup>48</sup> "Hal hunak farq juz'iy bayn al-thamarat wa al-fakihah fi al-jannah", Multaqa Ahl Al-Tafsir, 13 November 2011, di <https://vb.tafsir.net/forum/%D8%A7%D9%84%D9%82%D8%B3%D9%85-%D8%A7%D9%84%D8%B9%D8%A7%D9%85/%D8%A7%D9%84%D9%85%D9%84%D8%AA%D9%82%D9%89-%D8%A7%D9%84%D8%B9%D9%84%D9%85%D9%8A-%D9%84%D9%84%D8%AA%D9%81%D8%B3%D9%8A%D8%B1-%D9%88%D8%B9%D9%84%D9%88%D9%85-%D8%A7%D9%84%D9%82%D8%B1%D8%A2%D9%86/29719-%D9%87%D9%84-%D9%87%D9%86%D8%A7%D9%83-%D9%81%D8%B1%D9%82-%D8%AC%D8%B2%D8%A6%D9%8A-%D8%A8%D9%8A%D9%86-%D8%A7%D9%84%D8%AB%D9%85%D8%B1%D8%A7%D8%AA-%D9%88%D8%A7%D9%84%D9%81%D8%A7%D9%83%D9%87%D8%A9-%D9%81%D9%8A-%D8%A7%D9%84%D8%AC%D9%86%D8%A9-%D8%9F>

<sup>49</sup> Surah Al-Mursalat, 77:42.

“Kamu beroleh dalam kebun-kebun itu (berbagai jenis lagi) fawakih (buah-buahan) yang banyak dan dari kebun-kebun itulah kamu beroleh rezeki untuk dimakan.” (Surah Al-Mu’minun, 23:19)

Kesemua ayat-ayat di atas bicara tentang buah yang dinikmati sebagai makanan di dunia dan di syurga.

Hal ini berbeza dengan perkataan *thamar* dan *thamarat*. Allah menyebut sebagai rezeki atau ciptaan secara umum yang manfaatnya tidak mesti sebagai makanan seperti dalam firmanNya,<sup>50</sup>

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فَرَشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ  
مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ ۖ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا  
وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

“Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya) dan diturunkanNya air hujan dari langit, lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa).” (Surah Al-Baqarah, 2:22)

Manakala ayat Al-Quran di bawah ini pula menyebut *thamar* sebagai makanan,

لِيَأْكُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ ۖ أَفَلَا يَشْكُرُونَ

“Supaya mereka makan dari buah-buahannya dan dari apa yang dikerjakan oleh tangan mereka; maka patutkah mereka tidak bersyukur?” (Surah Yasin, 36:35)

Buah-buahan juga disebut di dalam Al-Quran dengan perkataan;

- *uku*<sup>51</sup>

<sup>50</sup> Surah Al-Fatir, 35:27.

<sup>51</sup> Surah Ar-Ra’d, 13:35, Surah Ibrahim, 14:25, Surah Al-Kahf, 18:33, Surah Saba’, 34:16.

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ  
 وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكْلَهُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ  
 كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَآتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا  
 إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

“Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.” (Surah Al-An`am, 6:141)

- *tal*

وَالنَّخْلَ بَاسِقَاتٍ لَهَا طَلْعٌ نَضِيدٌ

“Serta pohon-pohon kurma yang tinggi menjulang, yang mengeluarkan mayang, berlapis-lapis, lagi lebat putiknya.” (Surah Qaf, 50:10)

Jenis buah-buahan dunia yang disebutkan di dalam Al-Quran ialah;

- anggur (*`inab*)<sup>52</sup>, delima (*rummān*)<sup>53</sup>, kurma<sup>54</sup>, zaitun<sup>55</sup>

<sup>52</sup> Surah Ar-Ra`d, 13:4, Surah An-Nahl, 16:67, Surah Al-Kahf, 18:32, Surah Al-Mu`minun, 23:19, Surah Yasin, 36:34, Surah An-Naba', 78:32, Surah`Abasa, 80:28.

<sup>53</sup> Surah Al-An`am, 6:141, Surah Ar-Rahman, 55:68.

<sup>54</sup> Surah An-Nahl, 16:67, Surah Ar-Rahman, 55:68, Surah`Abasa, 80:29.

<sup>55</sup> Surah Al-An`am, 6:141, Surah An-Nur, 24:35, Surah`Abasa, 80:29, Surah At-Tin, 95:1.

وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ  
فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نَخْرُجُ مِنْهُ حَبًّا مُتَرَاكِبًا وَمِنَ النَّخْلِ مِن طَلْعِهَا قِنْوَانٌ  
دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِّنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرَّمَانَ مِثْبَحًا وَغَيْرَ مِثْبَحٍ  
أَنْظُرُوا إِلَىٰ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكُمْ لَآيَاتٍ  
لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

“Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.”  
(Surah Al-An`am, 6:99)

- kurma *ruṭab* (basah)

وَهَزِي ۗ إِلَيْكَ بِجَذَعِ النَّخْلَةِ تَسْقُطُ عَلَيْكَ رَطْبًا جَنِيًا

“Dan gegarlah ke arahmu batang pohon tamar itu, supaya gugur kepadamu buah tamar yang masak.” (Surah Maryam, 19:25)

- buah palma<sup>56</sup>

فَأَنْشَأْنَا لَكُمْ بِهِ جَنَّاتٍ مِّنْ نَّخِيلٍ وَأَعْنَابٍ لَّكُمْ فِيهَا فَوَٰكِهِ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا  
تَأْكُلُونَ

<sup>56</sup> Surah Ash-Shu`ara', 26:148.



“Kemudian, Kami tumbuhkan untuk kamu dengan air itu, kebun-kebon tamar (kurma) dan anggur. Kamu beroleh dalam kebun-kebon itu (berbagai jenis lagi) buah-buahan yang banyak, dan dari kebun-kebon itulah kamu beroleh rezeki penghidupan kamu.”  
(Surah Al-Mu'minin, 23:19)

- tin.

## وَالَّتَيْنِ وَالزَّيْتُونَ

“Demi buah Tiin dan Zaitun.” (Surah At-Tin, 95:1)

Al-Quran juga menyebut hasil tumbuhan dari jenis sayur dan yang secara khusus disebut pula ialah;

- timun (*qiththa*), bawang putih (*fūm*), bawang (*baṣaḥ*), kacang kuda (*ʿadas*),

وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَىٰ لَنْ نَصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَاحِدٍ فَادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا  
مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا وَبَصَلِهَا ۚ  
قَالَ أَتَسْتَبْدِلُونَ الَّذِي هُوَ أَدْنَىٰ بِالَّذِي هُوَ خَيْرٌ ۚ أَهْبَطُوا ۚ مِصْرًا فَإِنَّ  
لَكُمْ مَا سَأَلْتُمْ ۚ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ وَالْمَسْكِنَةُ وَبَاءَءُ وَبَغَضَ مِنْ  
اللَّهِ ۚ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا ۚ يَكْفُرُونَ ۚ آيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ  
النَّبِيَّ ۚ بَغِيرِ الْحَقِّ ۚ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا ۚ وَكَانُوا يَعْتَدُونَ

“Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata: "Wahai Musa, kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja; maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi; dari sayur-sayurannya, dan mentimunnya, dan bawang putihnya, dan adas (kacang dalnya), serta bawang merahnya". Nabi Musa menjawab: "Adakah kamu mahu menukar sesuatu yang kurang baik dengan meninggalkan yang lebih baik? Turunlah kamu ke bandar kerana di sana kamu boleh dapati apa yang kamu minta itu". Dan mereka ditimpakan dengan kehinaan dan kepapaan, dan sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan dari Allah.

Yang demikian itu ialah disebabkan mereka kufur (mengingkari) ayat-ayat Allah (perintah-perintah dan mukjizat-mukjizat yang membuktikan kebesaranNya); dan mereka pula membunuh Nabi-nabi dengan tidak ada alasan yang benar. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka menderhaka dan mereka pula sentiasa menceroboh.” (Surah Al-Baqarah, 2:61)

- labu (*yaqṭīn*)

وَأَنْبَتْنَا عَلَيْهِ شَجَرَةً مِّنْ يَقْطِينٍ

“Dan Kami tumbuhkan (untuk melindunginya) sebatang pokok yang berdaun lebar.” (Surah As-Saffat, 37:146)

- halia (*zanjabīl*).

وَيُسْقَوْنَ فِيهَا كَأْسًا كَانَ مِزَاجُهَا زَنْجَبِيلًا

“Dan mereka dalam Syurga itu, diberi minum sejenis minuman yang campurannya dari "Zanjabil",” (Surah Al-Insan, 76:17)

Hasil tumbuhan lain yang disebut Al-Quran ialah jenis bijian (*habbah*), yang boleh meliputi benih untuk menanam tumbuhan seperti benih pokok kurma dan bijian untuk dimakan seperti bijian gandum (*sunbul*), kacang dan kekeras.

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَن بُتَّ سَبْعَ سَنَابِلَ  
فِي كُلِّ سَنَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ ۗ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَن يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ  
وَاسِعٌ عَلِيمٌ

“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandung seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuannya.” (Surah Al-Baqarah, 2:261)



Al-Quran ada menyebut bunga dengan perkataan

- rayhān

وَالْحَبُّ ذُو الْعَصْفِ وَالرَّيْحَانُ

“Demikian juga terdapat biji-bijian yang ada jerami serta daun, dan terdapat lagi bunga-bunga yang harum.” (Surah Ar-Rahman, 55:12)

- dan wardah (ros).

فَإِذَا أَنْشَقَّتِ السَّمَاءُ فَكَانَتْ وَرْدَةً كَالدِّهَانِ

“Selain itu (sungguh ngeri) ketika langit pecah-belah lalu menjadilah ia merah mawar, berkilat seperti minyak.” (Surah Ar-Rahman, 55:37)

Namun *wardah* disebut sebagai metafora bagi satu fenomena yang berlaku di langit yang berwarna kemerah-merahan seperti bunga ros berwarna merah. Para ulama berbeza pendapat tentang maksud sebenar dari fenomena ini yang tidak akan diulas di sini kerana ia bukan fokus buku ini.

Di dalam Al-Quran juga, ada disebutkan tentang hasil daripada tumbuh-tumbuhan yang diperolehi melalui proses tertentu, seperti *zayt* (minyak) dari buah zaitun sebagai bahan pembakar pelita.

اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ مِثْلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ ۚ  
 الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ ۚ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ  
 مُبَارَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ  
 نَارٌ ۚ نُورٌ عَلَى نُورٍ ۚ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَنْ يَشَاءُ ۚ وَيَضْرِبُ اللَّهُ  
 الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ ۚ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

“Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayah petunjuk Allah (Kitab Suci Al-Quran) adalah sebagai sebuah "misykaat" yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam geluk kaca (*qandil*), geluk kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang; lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok yang banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu - dengan sendirinya - memancarkan cahaya bersinar (kerana jernihnya) walaupun ia tidak disentuh api; (sinaran nur hidayah yang demikian bandingannya adalah sinaran yang berganda-ganda): cahaya berlapis cahaya. Allah memimpin sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang dan peraturanNya) kepada nur hidayahNya itu; dan Allah mengemukakan berbagai-bagai misal perbandingan untuk umat manusia; dan Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.” (Surah An-Nur, 24:35)

Produk lain yang seumpama yang disebut oleh Al-Quran ialah;

- *duhn* (minyak pejal/lemak), *ṣibgh* (pewarna),

وَشَجَرَةٍ تَخْرُجُ مِنْ طُورِ سَيْنَاءَ ۚ تَنْبُتُ بِالذَّهْنِ وَصَبْغٍ لِلَّذِينَ يَكْلِينُ

“Dan (Kami juga menumbuhkan untuk kamu) pokok yang asal tumbuhnya di kawasan Gunung Tursina, yang mengeluarkan minyak dan lauk bagi orang-orang yang makan.”  
(Surah Al-Mu'minun, 23:20)



- kafūr

إِنَّ الْأَبْرَارَ يَشْرَبُونَ مِنْ كَأْسٍ كَانَ مِزَاجُهَا كَافُورًا

“Sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan taat dan kebajikan), akan meminum dari piala: sejenis minuman yang bercampur dengan "Kafur"” (Surah Al-Insan, 76:5)

- manna.<sup>57</sup>

وَظَلَّلْنَا عَلَيْكُمُ الْغَمَامَ وَأَنْزَلْنَا عَلَيْكُمُ الْمَنَّاءَ وَالسَّلْوَىٰ ۗ كُلُوا مِن  
طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ ۗ وَمَا ظَلَمُونَا وَلَكِن كَانُوا أَنفُسَهُمْ  
يَظْلِمُونَ

<sup>57</sup> Surah Al-A'raf, 7:160.

“Dan Kami telah menaungi kamu dengan awan (dari panas matahari di padang pasir) dan Kami turunkan kepada kamu "Mann" dan "Salwa", (serta Kami berfirman): "Makanlah dari makanan-makanan yang baik yang Kami telah kurniakan kepada kamu". Dan tidaklah mereka menganiaya Kami (sebab mereka kufurkan nikmat itu), tetapi sebenarnya mereka adalah menganiaya diri sendiri.” (Surah Al-Baqarah, 2:57)

*Kafūr* dan *manna* adalah dua hasil tumbuhan yang diproses yang tidak jelas hakikatnya kerana ulama tafsir berbeza pendapat mengenai maksudnya sejak dahulu lagi.<sup>58</sup>

Ramai ahli tafsir cenderung untuk mentafsirkan *kafūr* dengan makna air mata air di syurga yang mempunyai bau harum seperti *kafūr* di dunia.<sup>59</sup> Namun, apakah *kafūr* yang di dunia yang dijadikan rujukan itu dan apakah kaitannya dengan tumbuhan? Dari segi bahasa Arab, perkataan *kafūr* boleh diguna untuk merujuk pokok kayu putih (*eucalyptus tree*) yang darinya dihasilkan minyak kayu putih dan juga pada pokok kamfor (*camphor tree*) yang menghasilkan kapur baros (*camphor*).<sup>60</sup> Kededuanya mempunyai banyak manfaat perubatan, tapi bukan untuk dimakan.

Mengenai *manna* pula, makna-makna yang dapat ditemui di kalangan ahli tafsir ialah:

- madu yang diturunkan dari langit
- sejenis makanan yang diturunkan dari langit seperti salji
- cairan seperti madu yang dicampurkan dengan air untuk diminum
- roti tipis dan lembut
- damar dari pokok
- damar Turanjebin<sup>61</sup>
- sesuatu yang melekat di pokok-pokok atau rumput rampai seperti embun pada malam hari
- sejenis air yang dimasak lalu diminum.<sup>62</sup>

Apa yang tidak dapat disangsikan ialah salah satu makna *manna* mempunyai kaitan dengan tumbuhan hingga kini ia terkenal sebagai damar Arab (*gum Arabic*) yang dihasilkan dari pokok Akasia Senegal (*Acacia Senegal*) dan Akasia Seyal (*Acacia Seyal*).<sup>63</sup>

*Zayt*, *duhn*, *šibgh*, *kafūr* dan *manna* bukan tumbuhan tetapi ia tidak akan wujud tanpa tumbuhan iaitu buah atau pokok. Penyebutan kesemua benda-benda ini bertujuan memberi tahu manusia agar tidak sahaja mengkaji tentang tumbuhan untuk dapatkan manfaat yang terhasil secara semula jadi, tetapi juga yang terhasil melalui proses yang diusahakan oleh manusia bagi mengeluarkan produk seperti minyak zaitun.

<sup>58</sup> Al-Razi, Tafsir Al-Razi, Al-Insan, 76:5; Al-Tabari, Tafsir Al-Tabari, Al-Baqarah, 2:57.

<sup>59</sup> Al-Tabari, Tafsir Al-Tabari, Al-Insan, 76:5; Al-Zamakhshariy, Al-Kashshaf, Al-Insan, 76:5; Al-Qurtubi, Tafsir Al-Qurtubi, Al-Insan, 76:5.

<sup>60</sup> Al-Maany, di <https://www.almaany.com/>

<sup>61</sup> Lihat Azadeh Hamed, Shirin Farjadian, and Mohammad Reza Karami. "Immunomodulatory Properties of Taranjebin (Camel's Thorn) Manna and Its Isolated Carbohydrate Macromolecules." *Journal of Evidence-Based Complementary & Alternative Medicine*, October 2015, 269–74. <https://doi.org/10.1177/2156587215580490> .

<sup>62</sup> Al-Tabari, Tafsir Al-Tabari, Al-Baqarah, 2:57.

<sup>63</sup> ScienceDirect, "Gum Arabic", di <https://www.sciencedirect.com/topics/medicine-and-dentistry/gum-arabic>

## SIFAT-SIFAT TUMBUHAN



Al-Quran juga menyebut tumbuhan dengan sifat-sifat atau deskripsi tertentu. Pasti penyebutan sifat dan deskripsi ini mempunyai tujuan yang perlu direnung dan difikirkan kerana tiada ada sesuatu dalam Al-Quran yang disebut tanpa tujuan kerana yang sedemikian itu satu perkara yang sesia dan sia-sia itu sifat yang mustahil bagi Al-Quran yang merupakan kalam Tuhan.

Satu sifat tumbuhan yang banyak kali disebut oleh Al-Quran ialah ia dicipta dengan mengandungi manfaat yang banyak bagi manusia. Hal ini dapat dilihat melalui pernyataan Al-Quran bahawa tumbuhan itu sebagai rezeki.<sup>64</sup>

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْفُلْكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْأَنْهَارَ

*“Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya).” (Surah Ibrahim, 14:32)*

Dari sudut Bahasa Arab, sesuatu itu dikatakan sebagai rezeki kecuali ia adalah benda dan nikmat yang baik.<sup>65</sup> Selain itu, tumbuhan juga disifatkan sebagai benda yang baik (ṭayyib, ḥasan) dan halal bagi makanan.<sup>66</sup>

<sup>64</sup> Surah An-Nahl, 16:67.

<sup>65</sup> Ibn Manzur, Lisan Al-‘Arab, jld. 10, ms. 115-6; Al-Fayruzabadiy, Al-Qamus Al-Muhit, ms. 886.

<sup>66</sup> Surah Al-A‘raf, 7:160, Surah An-Nahl, 16:67.

وَضَلَّلْنَا عَلَيْكُمُ الْغَمَامَ وَأَنْزَلْنَا عَلَيْكُمُ الْمَنَّاءَ وَالسَّلْوَىٰ ۗ كُلُوا مِن  
طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ ۗ وَمَا ظَلَمُونَا وَلَكِن كَانُوا أَنفُسَهُمْ  
يَظْلِمُونَ

“Dan Kami telah menaungi kamu dengan awan (dari panas matahari di padang pasir) dan Kami turunkan kepada kamu "Mann" dan "Salwa", (serta Kami berfirman): "Makanlah dari makanan-makanan yang baik yang Kami telah kurniakan kepada kamu". Dan tidaklah mereka menganiaya Kami (sebab mereka kufurkan nikmat itu), tetapi sebenarnya mereka adalah menganiaya diri sendiri.” (Surah Al-Baqarah, 2:57)

Sifat-sifat ini tidak mungkin diberikan kepada tumbuhan kecuali ia mempunyai lebih banyak manfaat dari mudarat kerana tidak mungkin Allah taala menghalalkan sesuatu yang memudaratkan manusia.

Al-Quran juga ada mengaitkan sifat penawar (*shifa*) sebagai salah satu manfaat tumbuhan. Sifat ini disebut dalam ayat yang membicarakan tentang madu yang dihasilkan oleh lebah.

وَمِنْ ثَمَرَاتِ النَّخِيلِ وَالْأَعْنَابِ تَتَّخِذُونَ مِنْهُ سَكَرًا وَرِزْقًا حَسَنًا ۗ إِنَّ  
فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

“Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang mahu menggunakan akalnyanya.” (Surah An-Nahl, 16:67)





Walaupun penawar itu dikaitkan langsung dengan madu, tapi boleh diluaskan kepada tumbuhan-tumbuhan juga kerana hakikatnya madu dari lebah itu tidak boleh dihasilkan kecuali dengan wujud tumbuhan. Kaitan ini juga disokong dengan hakikat bahawa ayat mengenai kelebihan tumbuhan disebut adalah sebelum ayat mengenai madu yang dihasilkan oleh lebah.

وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنِ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا  
يَعْرَشُونَ. ثُمَّ كُلِي مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْلُكِي سَبِيلَ رَبِّكَ ذَلِكُمْ يُخْرَجُ  
مِنْ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِلنَّاسِ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ  
لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

*“Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: "Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia. Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu". (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.” (Surah An-Nahl, 16:68-69)*

Ada manfaat tumbuhan yang disebut oleh Al-Quran seperti damar, minyak, buah dan madu. Namun realiti memberitahu bahawa manfaat tumbuhan tidak terhad pada apa yang disebut secara zahir oleh Al-Quran semata-mata. Pengalaman manusia menunjukkan bahawa banyak manfaat yang ditemui dari tumbuhan hasil dari penelitian dan kajian. Sememangnya, Al-Quran sengaja untuk tidak menyebut secara terperinci semua manfaat tumbuhan dan memadai menyebutnya sebagai rezeki yang baik berserta beberapa contoh manfaat kerana mahu manusia berfikir dengan teliti dan mendalam apabila melihat tumbuh-tumbuhan, dan bukan sahaja melihat luaran fisikalnya sahaja seperti daun, buah, akar dan kulit. Ertinya, Al-Quran menganjurkan manusia untuk mengambil faedah dari tumbuh-tumbuhan ini bukan melalui apa yang zahir sahaja tetapi apa yang tidak zahir, samada kerana sifatnya yang tersembunyi atau kerana manfaat itu memerlukan proses tambahan.

Selain dari manfaat dan kebaikan, Al-Quran juga memberi petunjuk tentang wujudnya mudarat dari tumbuhan dengan cara yang jelas atau perlambangan. Petunjuk jelas dapat dilihat ketika Al-Quran membicarakan tentang buah kurma dan anggur yang disifatkan sebagai buah yang mempunyai khasiat yang baik, apabila dimakan baik secara langsung atau setelah diproses seperti menjadi jus atau cuka.

وَمِنْ ثَمَرَاتِ النَّخِيلِ وَالْأَعْنَابِ تَتَّخِذُونَ مِنْهُ سَكَرًا وَرِزْقًا حَسَنًا ۗ إِنَّ  
فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

“Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang mahu menggunakan akalnya.” (Surah An-Nahl, 16:67)

لِيَأْكُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ ۗ أَفَلَا يَشْكُرُونَ


“Supaya mereka makan dari buah-buahannya dan dari apa yang dikerjakan oleh tangan mereka; maka patutkah mereka tidak bersyukur?” (Surah Ya-Sin, 36:35)

Namun, ia juga boleh memabukkan atau merosakkan akal, apabila diminum setelah diproses menjadi *khamr* (arak),<sup>67</sup>

وَمِنْ ثَمَرَاتِ النَّخِيلِ وَالْأَعْنَابِ تَتَّخِذُونَ مِنْهُ سَكَرًا وَرِزْقًا حَسَنًا ۗ إِنَّ  
فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

“Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang mahu menggunakan akalnya.” (Surah An-Nahl, 16:67)

<sup>67</sup> Surah Al-Baqarah, 2:219.



Apa yang disebut oleh ayat ini juga bertepatan dengan penggunaan perkataan *khamr* di dalam Bahasa Arab di waktu penurunan Al-Quran, iaitu minuman keras yang dibuat dari air perahan anggur yang diperam<sup>68</sup> dan disifatkan dalam ayat Al-Quran yang lain sebagai lebih banyak mudarat dari manfaat.

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ ۖ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ  
لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا ۖ أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا ۚ وَيَسْـَٔلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ ۚ قُلِ  
الْعَفْوُ ۚ كَذَلِكَ بَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ

<sup>68</sup> Ibn Manzur, Lisan Al-`Arab, jld. 4, ms. 255; Al-Fayruzabadiy, Al-Qamus Al-Muhit, ms. 387.

“Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: “Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfaatnya dan mereka bertanya pula kepadamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? Katakanlah: “Dermakanlah - apa-apa) yang berlebih dari keperluan (kamu). Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukumNya) supaya kamu berfikir.” (Surah Al-Baqarah, 2:219)


Petunjuk yang bersifat perlambangan pula ialah buah *Darī`* dan *Zaqqūm* di neraka. Ia boleh difahami sebagai lambang bagi buah-buahan buah yang berbahaya di makan oleh manusia kerana beracun atau mudarat-mudarat lain.

Namun, bacaan pada Al-Quran yang menyeluruh memberitahu bahawa manfaat tumbuhan lebih banyak disebut dari kemudaratanya. Hal ini menunjuk luasnya rahmat Allah - Tuhan Yang mencipta tumbuhan penuh dengan manfaat untuk dinikmati manusia.

Tumbuhan disifatkan dalam Al-Quran sebagai makhluk yang berpasangan (*zawjan*).<sup>69</sup>

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ مَهْدًا وَسَلَكَ لَكُمْ فِيهَا سُبُلًا وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ  
مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِّنْ نَّبَاتٍ شَتَّىٰ

“(Dia lah Tuhan) yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan, dan Ia telah mengadakan bagi kamu padanya jalan-jalan lalu-lalang; dan Ia juga telah menurunkan hujan dari langit. Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-jenis tanaman dan buah-buahan yang berlainan keadaannya.” (Surah Taha, 20:53)



<sup>69</sup> Surah Al-Hajj, 22:5, Surah Ash-Shu`ara', 26:7, Surah Luqman, 31:10, Surah Yasin, 36:36, Surah Ar-Rahman, 55:52, Surah Ar-Rahman, 55:58, Surah Al-Waqi'ah, 56:20.

Di sisi ahli tafsir, maksud pasangan ialah:

- berwarna warni<sup>70</sup>
- berbagai jenis, bentuk, warna, bau, rasa dan manfaat<sup>71</sup>
- dua jenis pokok, iaitu pokok yang bermanfaat dan pokok yang memudaratkan<sup>72</sup>
- setiap pokok mempunyai dua pasang sifat, iaitu ada manfaat dan ada mudarat<sup>73</sup>
- dua sifat buah, iaitu diketahui dan yang asing<sup>74</sup>
- dua sifat buah, iaitu basah dan kering.<sup>75</sup>

Oleh kerana ilmu tumbuhan ini merupakan satu bidang sains yang telah dikaji oleh manusia sekian lama, lebih wajar untuk memahami konsep berpasangan dari bidang botani – cabang ilmu sains yang mengkaji tentang biologi tumbuhan.<sup>76</sup> Dalam hal ini, ilmu botani mengakui kewujudan unsur jantan dan betina pada tumbuhan yang mana unsur jantan menghasilkan debunga (*pollen*) dan unsur betina menghasilkan ovul (*ovule*). Cuma di alam tumbuhan, unsur jantan dan betina boleh wujud pada satu tumbuhan, walaupun ada juga tumbuhan yang hanya ada unsur jantan atau betina sahaja. Peranan unsur jantan dan betina pada tumbuhan ialah sama seperti manusia iaitu untuk tujuan reproduksi melalui proses pendebungaan, iaitu debunga dari unsur jantan bertemu dengan ovul dari unsur betina menyebabkan pokok menghasilkan bunga yang kemudian menghasilkan pula buah dan biji benih untuk menumbuhkan pokok lain. Proses pendebungaan ini biasanya dilakukan oleh agen iaitu angin dan binatang seperti lebah, kumbang, kupu-kupu, burung dan kelawar.<sup>77</sup> Peranan angin dan lebah sebagai agen pendebungaan ada disebut dalam Al-Quran.

وَأَرْسَلْنَا الرِّيْحَ لَوَاقِحَ فَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَاسْقَيْنَاكُمُوهُ وَمَا  
أَنْتُمْ لَهُ بِخَازِنِينَ

*“Dan Kami hantarkan angin sebagai pembawa air dan pemindah benih; maka dengan itu Kami menurunkan air (hujan) dari langit, kemudian Kami berikan kamu meminumnya; dan bukanlah kamu yang (berkuasa menurunkannya atau) menyimpannya.”* (Surah Al-Hijr, 15:22)

<sup>70</sup> Al-Tabari, Tafsir Al-Tabari, Taha, 20:53.

<sup>71</sup> Al-Zamakhshariy, Al-Kashshaf, Taha 20:53, Yasin, 36:36, Qaf, 50:7; Al-Qurtubi, Tafsir Al-Qurtubi, Taha, 20:53, Yasin, 36:36, Qaf, 50:7; Ibn Kathir, Tafsir Ibn Kathir, Al-Hajj, 22:5, Qaf, 50:7, Ar-Rahman, 55:53.

<sup>72</sup> Al-Zamakhshariy, Al-Kashshaf, Al-Shu`ara', 26:7.

<sup>73</sup> Ibid.

<sup>74</sup> Ibid, Al-Rahman, 55:53.

<sup>75</sup> Al-Qurtubi, Tafsir Al-Qurtubi, Ar-Rahman, 55:53.

<sup>76</sup> Britannica, “Botany”, di <https://www.britannica.com/science/botany>

<sup>77</sup> Ibid., “Pollination”, di <https://www.britannica.com/science/pollination>

وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنْ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا  
يَعْرِشُونَ. ثُمَّ كُلِي مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْلُكِي سَبِيلَ رَبِّكَ ذَلِكُمْ يُخْرَجُ  
مِنْ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِلنَّاسِ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ  
لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

“Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: "Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia. Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu". (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.” (Surah An-Nahl, 16:68-69)

Al-Quran juga mensifatkan tumbuhan sebagai ciptaan yang indah dan salah satu unsur keindahan yang disebut ialah kepelbagaian warnanya.

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَلَكَهُ يَنَابِيعَ فِي الْأَرْضِ ثُمَّ  
يُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهُ ثُمَّ يَهِيَجُ فَتَرِيهِ مَصْفُرًا ثُمَّ يَجْعَلُهُ حُطَمًا  
ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَذِكْرًا لِأُولِي الْأَلْبَابِ


“Tidakkah engkau memerhatikan, bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkannya menjadi matair-matair di bumi; kemudian Ia menumbuhkan dengan air itu tanaman-tanaman yang berbagai jenis dan warnanya; kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar (hingga ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatmu berupa kuning; kemudian Ia menjadikannya hancur bersepai? Sesungguhnya segala yang tersebut itu mengandungi peringatan yang menyedarkan orang-orang yang berakal sempurna.” (Surah Az-Zumar, 39:21)

Manakala, warna hijau tumbuhan mendapat sebutan khusus.<sup>78</sup>

<sup>78</sup> Surah Yasin, 36:80, Surah Ar-Rahman, 55:64.

وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ  
 فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نَخْرُجُ مِنْهُ حَبًّا مَتْرَاكِبًا وَمِنَ النَّخْلِ مِنْ طَلْعِهَا قِنْوَانٌ  
 دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَبِهٍ ۗ  
 أَنْظِرُوا آلَ إِدْرِيسَ إِذِ انْتَبَهَرَ وَنَبِيَّ قُلُوبِ ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ  
 لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

“Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.”  
 (Surah Al-An`am, 6:99)



Hal ini pasti mempunyai sebab dan hikmah untuk difikirkan oleh manusia - mengapa Allah memilih hijau untuk menerangkan tentang flora dalam Al-Quran?

Dari segi sains, hijau adalah warna yang mempunyai pengaruh yang penting bagi manusia. Ia memberi ketenangan dan juga dapat menyihatkan mata seperti yang dinasihatkan oleh oftalmologi.<sup>79</sup>

Sifat lain bagi yang disebut oleh Al-Quran sebahagian tumbuhan boleh berbuah dan ia digambarkan dalam keadaan berbeza-beza. Ada yang sering berbuah dan ada yang jarang berbuah.

فَأَعْرَضُوا ۚ فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ سَيْلَ الْعَرِمِ وَبَدَّلْنَاهُمْ بِجَنَّتَيْهِمْ جَنَّتَيْنِ ذَوَاتِي  
أَكْلِ خَمَطٍ وَّاتْلٍ وَشَيْءٍ مِّن سِدْرٍ قَلِيلٍ

*“Maka mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang berbuah, serta sedikit pohon-pohon bidara.” (Surah Saba’, 34:16)*

Al-Quran menyifatkan pokok juga sebagai *zukhruf* (perhiasan) yang mengindahkannya alam, suasana, rumah, dan sebagainya.

إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ  
الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ حَتَّىٰ إِذَا أَخَذَتِ الْأَرْضُ زُخْرُفَهَا  
وَأَزْيِنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ قَادِرُونَ عَلَيْهَا ۖ أَتَىٰهَا ۖ أَمْرًا لَّيْلًا أَوْ نَهَارًا  
فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَأَن لَّمْ تَغْنَ بِالْأَمْسِ ۚ كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ  
لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

*“Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan suburnya) tanaman-tanaman di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang - bercampur-aduk dan berpaut-pautan (pokok-pokok dan pohonnya) dengan sebab air itu hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bunga yang berwarna-warni), dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya) datanglah perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari lalu Kami jadikan dia hancur-lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum itu. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu berfikir (dan mengambil iktibar daripadanya).” (Surah Yunus, 10:24)*

<sup>79</sup> Robet Jimison, “Why we all need green in our lives”, CNN Health, 5 Jun 2017, di <https://edition.cnn.com/2017/06/05/health/colorscope-green-environment-calm/index.html>





Maksud yang sama juga terdapat dalam ayat Al-Quran yang menyifatkan kebun-kebun sebagai *dhat bahjah* (yang memilik keindahan).

أَمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا  
 بِهِ حَدَائِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ مَا كَانَ لَكُمْ أَنْ تُنْبِتُوا شَجَرَهَا ۗ أَلَيْسَ  
 مَعَ اللَّهِ جَبَلٌ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ

“Bahkan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman kebun-kebun (yang menghijau subur) dengan indahnya, yang kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkan pohon-pohonnya. Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan mereka (yang musyrik itu) adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran (tauhid).” (Surah An-Naml, 27:60)



Ada ulama tafsir yang mengaitkan perkataan *zukhruf* ini dengan maksud emas, dan ada juga yang menafsirkannya sebagai hiasan umum sahaja.<sup>80</sup>

Makna emas dari perkataan *zukhruf* memberitahu bahawa pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan juga termasuk dalam harta yang memberi kekayaan bagi manusia, bukan hanya setakat mewujudkan keindahan bagi pandangan mata atau kenyamanan bagi jiwa. Makna ini sesuai juga dengan realiti dari sejak dahulu semasa Al-Quran diturunkan hingga ke zaman ini, iaitu tumbuhan adalah sebahagian dari sumber kekayaan bagi manusia. Hasil dari tumbuhan bukan hanya dimakan oleh manusia untuk diri sendiri dan ahli keluarga tapi diperdagangkan untuk kegunaan orang-orang lain. Al-Quran juga mengakui perkara ini melalui cerita Nabi Yusuf yang mengurus hasil tuaian gandum negeri Mesir untuk dijual kepada penduduk dari daerah-daerah lain ketika berlaku kemarau yang meluas.<sup>81</sup>

Selain itu, Al-Quran mensyariatkan zakat ke atas hasil tanaman apabila ia berjumlah yang banyak yang melebihi keperluan asas individu dan keluarga.

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ  
وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكْلُهُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ  
كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَآتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا  
إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

*“Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.”* (Surah Al-An`am, 6:141)

Akhir sekali, Al-Quran mensifatkan alam tumbuhan ini dengan sifat *shai' mawzun*.

<sup>80</sup> Al-Tabari, Tafsir Al-Tabari, Yunus, 10:24, Al-Isra', 17:93, Al-Zukhruf, 43:35; Al-Qurtubi, Tafsir Al-Qurtubi, Yunus, 10:24, Al-Isra', 17:93, Al-Zukhruf, 43:35.

<sup>81</sup> Surah Yusuf, 12:46-9, Surah Yusuf, 12:54-6, Surah Yusuf, 12:58-69.

وَالْأَرْضَ مَدَدْنَاهَا وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوْسِيَ وَأَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ شَيْءٍ  
مُوزُونٍ

“Dan bumi ini Kami bentangkan, dan Kami letakkan padanya gunung-ganang yang kukuh terdiri, serta Kami tumbuhkan padanya tiap-tiap sesuatu yang tertentu timbangan-nya.” (Surah Al-Hijr, 15:19)

Ia difahami oleh ahli tafsir sebagai alam yang diatur dengan aturan dan hukum yang tepat dan jitu (precise) serta harmoni yang menunjukkan tentang adanya reka bentuk yang pintar (intelligent design) yang sepatutnya menjadi bahan renungan manusia – bagaimana kejituan, keharmonian dan reka bentuk pintar ini boleh ada dan siapakah yang mengadakannya?<sup>82</sup>

## PROSES DAN TEKNIK PENUMBUHAN



Al-Quran juga menyebut tentang proses penumbuhan iaitu tentang bagaimana tumbuh-tumbuhan melalui proses penumbuhan.

Al-Quran menyebut elemen-elemen yang diperlukan untuk tumbuhan tumbuh subur. Antara elemen yang disebut ialah;

<sup>82</sup> Al-Tabari, Tafsir Al-Tabari, Al-Hijr, 15:19; Al-Zamakhshariy, Al-Kashshaf, Al-Hijr, 15:19; Al-Qurtubi, Tafsir Al-Qurtubi, Al-Hijr, 15:19; Ibn Kathir, Tafsir Ibn Kathir, Al-Hijr, 15:19.

- air yang terdiri dari mata air yang keluar daripada bumi,<sup>83</sup>

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا نَسُوقُ الْمَاءَ إِلَى الْأَرْضِ الْجُرُزِ فَنُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا تَأْكُلُ  
مِنْهُ أَنْعَامُهُمْ وَأَنْفُسُهُمْ أَفَلَا يَبْصُرُونَ

“Dan tidakkah mereka (yang tidak mahu taat dan bersyukur) itu melihat bahawasanya Kami mengarahkan turunnya hujan ke bumi yang kering kontang, lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman-tanaman, yang daripadanya dimakan oleh binatang-binatang ternak mereka dan mereka sendiri? Maka mengapa mereka tidak mahu memerhati (semuanya itu supaya taat dan bersyukur)?” (Surah As-Sajdah, 32:27)



- hujan yang turun dari langit

خَلَقَ السَّمَوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرْوِنَهَا ۗ وَأَلْقَىٰ فِي الْأَرْضِ رَوْسًا أَنْ تَمِيدَ  
بِكُمْ وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ ۗ وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا  
فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ

<sup>83</sup> Surah Yasin, 36:34, Surah Az-Zumar, 39:21.

“la menciptakan langit dengan tidak bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya; dan la mengadakan di bumi gunung-ganang yang menetapnya supaya bumi itu tidak menghayun-hayunkan kamu; dan la biakkan padanya berbagai jenis binatang. Dan Kami menurunkan hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan di bumi berbagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat.” (Surah Luqman, 31:10)



- sungai<sup>84</sup> yang bersumber dari bumi dan langit.

كَلَّمَا الْجَنَّتَيْنِ ءَاتَتْ أُكُلَهَا وَلَمْ تَظْلِمْ مِنْهُ شَيْئًا ۚ وَفَجَّرْنَا خِلْفَهُمَا  
نَهْرًا

“Kedua-dua kebun itu mengeluarkan hasilnya, dan tiada mengurangi sedikitpun dari hasil itu; dan kami juga mengalirkan di antara keduanya sebatang sungai.” (Surah Al-Kahf, 18:33)



<sup>84</sup> Surah As-Sajdah, 32:27.

Terdapat dua jenis sumber air bagi menumbuhkan tumbuhan di dalam Al-Quran, iaitu sumber tabi'ii yang datang dari langit dan bumi dan sumber hasil usaha manusia atau proses irigasi ciptaan manusia seperti empangan dan saluran-saluran air.<sup>85</sup>

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا نَسُوقُ الْمَاءَ إِلَى الْأَرْضِ الْجُرُزِ فَنُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا تَأْكُلُ  
 مِنْهُ أَنْعَامُهُمْ وَأَنْفُسُهُمْ أَفَلَا يُبْصِرُونَ

*“Dan tidakkah mereka (yang tidak mahu taat dan bersyukur) itu melihat bahawasanya Kami mengarahkan turunnya hujan ke bumi yang kering kontang, lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman-tanaman, yang daripadanya dimakan oleh binatang-binatang ternak mereka dan mereka sendiri? Maka mengapa mereka tidak mahu memerhati (semuanya itu supaya taat dan bersyukur)?” (Surah As-Sajdah, 32:27)*

Elemen lain yang disebut oleh Al-Quran ialah;

- awan,<sup>86</sup>

وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ ۖ حَتَّىٰ إِذَا أَقْلَّتْ  
 سَحَابًا ثِقَالًا سَقَنَاهُ لِبَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَنْزَلْنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنْ كُلِّ  
 الثَّمَرَاتِ ۚ كَذَٰلِكَ نُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

*“Dan Dia lah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan dia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya).” (Surah Al-A'raf, 7:57)*

<sup>85</sup> Surah Saba', 34:16.

<sup>86</sup> Surah An-Naba', 78:14.



- langit,<sup>87</sup>

إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ  
 الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ حَتَّىٰ إِذَا أَخَذَتِ الْأَرْضُ زُخْرُفَهَا  
 وَازْيَنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ قَادِرُونَ عَلَيْهَا أَتَىٰهَا أَمْرُنَا لَيْلًا أَوْ نَهَارًا  
 فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَأَن لَّمْ تَغْنَ بِالْأَمْسِ ۚ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ  
 لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

“*Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan suburnya) tanaman-tanaman di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang - bercampur-aduk dan berpaut-pautan (pokok-pokok dan pohonnya) dengan sebab air itu hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bunga yang berwarna-warni), dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya) datanglah perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari lalu Kami jadikan dia hancur-lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum itu. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu berfikir (dan mengambil iktibar daripadanya).*” (Surah Yunus, 10:24)

<sup>87</sup> Surah Ibrahim, 14:32, Surah An-Nahl, 16:10, Surah Al-Kahf, 18:45, Surah Taha, 20:53, Surah An-Naml, 27:60, Surah Luqman, 31:10, Surah Az-Zumar, 39:21, Surah Qaf, 50:9.

## • angin

وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ بِشَرِّمَآءِ بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ ۖ حَتَّىٰ إِذَا أَقَلَّتْ  
سَحَابًا ثِقَالًا سُقْنَاهُ لِبَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَنْزَلْنَا بِهِ الْمَآءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنْ كُلِّ  
الثَّمَرَاتِ ۚ كَذَٰلِكَ نُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

“Dan Dia lah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (yaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan dia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya).” (Surah Al-A'raf, 7:57)

• tanah.<sup>88</sup>

وَفِي الْأَرْضِ قِطْعٌ مِّنْ مَّتَجَوِّرَاتٍ وَجَنَّاتٍ مِّنْ أَعْنَابٍ وَزُرْعٍ وَنَخِيلٍ  
صِّنَوَانٍ وَغَيْرِ صِنَوَانٍ يُسْقَىٰ بِمَآءٍ وَاحِدٍ وَنُفِضِلُ بِعَضِّهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِي  
الْأُكُلِ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

<sup>88</sup> Surah Yunus, 10:24, Surah Al-Hijr, 15:19, Surah Al-Kahf, 18:45, Surah Al-Hajj, 22:5, Surah Ash-Shu'ara', 26:7, Surah Nuh, 71:17.



“Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya) Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya.” (Surah Ar-Ra`d, 13:4)



Mengenai tanah, Al-Quran menarik pada perhatian akan tanah-tanah yang berlainan jenis menghasilkan tumbuh-tumbuhan yang berlainan. Kepelbagaian tanah ini pula wujud walaupun di satu lokasi yang berdekatan yang disifatkan sebagai tanah-tanah yang berjiranan.

وَفِي الْأَرْضِ قَطْعٌ مُّتَجَاوِرَاتٌ وَجَنَّاتٌ مِّنْ أَعْنَابٍ وَزُرْعٌ وَنَخِيلٌ  
صِنَوَانٌ وَغَيْرِ صِنَوَانٍ يُسْقَىٰ بِمَاءٍ وَاحِدٍ وَنُفِضَ لِبَعْضِهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِي  
الْأُكُلِ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

“Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya) Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya.” (Surah Ar-Ra`d, 13:4)

Al-Quran memberi tahu jangan sangka tanah-tanah yang bersebelahan antara satu dengan yang lain itu sama. Sebaliknya, mereka berbeza-beza dari sudut kualiti dalam menghasilkan buah-buahan dan tanam-tanaman.<sup>89</sup>

وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ  
فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نَخْرُجُ مِنْهُ حَبًّا مَتْرَاكِبًا وَمِنَ النَّخْلِ مِنْ طَلْعِهَا قِنْوَانٌ  
دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَبِهٍ  
انظُرُوا إِلَى ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ  
لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

*“Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.”*  
(Surah Al-An`am, 6:99)

Tidak semua tanah dapat menghasilkan buah-buahan yang sama walaupun ia berada bersebelahan dengan yang lain.

Dalam hal ini, Al-Quran ingin menganjurkan kepada manusia untuk berfikir akan kehebatan Tuhan yang mencipta tanah yang sedemikian kompleks dan belajar serta mengkaji pula untuk mengenal pasti perbezaan antara tanah-tanah yang ada, supaya dapat diketahui tanaman apa yang sesuai untuk sesuatu tanah dan apa yang kurang pada satu jenis tanah boleh diatasi dengan elemen-elemen tambahan seperti menentukan jenis dan cara pembajaan yang sesuai supaya tanah itu dapat disuburkan.<sup>90</sup>

Terdapat beberapa ayat Al-Quran yang membicarakan tentang kitaran penumbuhan dengan tepat, ringkas dan mudah, iaitu firman Allah taala, “Untuk Kami mengeluarkan dengan air itu, biji-bijian dan tumbuh-tumbuhan.” (An-Naba’, 78:15). Ayat ini memberitahu bahawa tumbuhan itu bermula dengan benih atau bijian dahulu. Bijian itu pula perlu disiram dengan air bagi membolehkan ia bercambah dan membesar menjadi pokok dan lain-lain.

<sup>89</sup> Surah Al-An`am, 6:141, Surah Ar-Ra`d, 13:4, Surah Az-Zumar, 39:21.

<sup>90</sup> Surah Ar-Ra`d, 13:4, Surah Ibrahim, 14:25, Surah An-Nahl, 16:67-9, Surah Az-Zumar, 39:21.

Di dalam ayat lain, proses ini disebut sebagai *ihazzat wa rabat* (bergeraklah tanahnya [dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh], dan gembur membusutlah ia) hingga menghasilkan bermacam-macam tumbuhan yang indah.<sup>91</sup>

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِن كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن تُرَابٍ ثُمَّ  
 مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِّن عِلْقَةٍ ثُمَّ مِّن مَّضْغَةٍ مَّخْلُوقَةٍ وَغَيْرِ مَخْلُوقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ  
 وَنُقَرِّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نَخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ  
 لَتَبْلُغُوا أَشَدَّكُمْ ۖ وَمِنْكُمْ مَّن يَتُوفَىٰ وَمِنْكُمْ مَّن يَرُدُّ إِلَىٰ أَرْدَلِ  
 الْعُمُرِ لَكَيْلًا يَعْلَمُ مَن بَعْدَ عِلْمٍ شَيْءٌ ۗ وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً  
 فَإِذَا أَنزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَّتْ وَأَنَّ بَتَّتْ مِّن كُلِّ زَوْجٍ

بِهَيْجِ

“Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatikanlah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancang hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menyimpannya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.” (Surah Al-Hajj, 22:5)

Ayat lain pula menyebut kitaran akhir tumbuhan, iaitu menjadi kering, menguning dan kemudiannya hancur berkecai ditiup angin.<sup>92</sup>

<sup>91</sup> Al-Zamakhshariy, Al-Kashshaf, Al-Haj, 22:5.

<sup>92</sup> Surah Az-Zumar, 39:21.

وَأَضْرَبَ لَهُمْ مَثَلَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَا آء أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذْرُوهُ الرِّيْحُ ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقْتَدِرًا

“Dan kemukakanlah kepada mereka misal perbandingan: Kehidupan dunia ini samalah seperti air yang Kami turunkan dari langit, lalu bercampur aduklah tanaman di bumi antara satu sama lain (dan kembang suburlah ia) disebabkan air itu; kemudian menjadilah ia kering hancur ditiup angin; dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.” (Surah Al-Kahf, 18:45)




Selain daripada proses penumbuhan, Al-Quran juga memberi perhatian pada teknik tanaman bagi memperbanyak hasil tanaman. Teknik-teknik yang disebut secara khusus ialah;

- teknik tanaman campuran (*mixed crop technique*) yang bertujuan untuk memaksimumkan penggunaan ruang bagi penghasilan produk agrikultur

وَأَضْرَبَ لَهُمْ مَثَلًا رَجُلَيْنِ جَعَلْنَا لِأَحَدِهِمَا جَنَّتَيْنِ مِنْ أَعْنَابٍ وَحَفَفْنَاهُمَا بِنَخْلٍ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمَا زَرْعًا

“Dan berikanlah kepada mereka satu contoh: Dua orang lelaki, Kami adakan bagi salah seorang di antaranya, dua buah kebun anggur; dan Kami kelilingi kebun-kebun itu dengan pohon-pohon tamar, serta Kami jadikan di antara keduanya, jenis-jenis tanaman yang lain.” (Surah Al-Kahf, 18:32)




- teknik yang membolehkan beberapa batang pokok tumbuh dari satu batang utama seperti pokok kurma jenis *sinwan* yang disebutkan oleh Al-Quran.

وَفِي الْأَرْضِ قِطْعٌ مُتَجَاوِرَةٌ وَجَنَّاتٌ مِّنْ أَعْنَابٍ وَزُرْعٌ وَنَخِيلٌ  
 صِنَوَانٌ وَغَيْرِ صِنَوَانٍ يُسْقَىٰ بِمَاءٍ وَاحِدٍ وَنَفْضًا بَعْضُهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِي  
 الْأُكُلِ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

“Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya) Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya.” (Surah Ar-Ra`d, 13:4)



## TUJUAN BICARA TENTANG TUMBUHAN



Al-Quran menyebut bukan hanya untuk membangkitkan minat manusia tentang alam tumbuhan tapi untuk tujuan-tujuan tertentu yang penting bagi kehidupan dunia dan akhirat manusia.

Antara tujuan yang disebut ialah untuk manusia berfikir.

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَلَكَهُ يَنْبِيعَ فِي الْأَرْضِ ثُمَّ  
يُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا مُخْتَلِفًا أَلْوَنُهُ ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرَىٰ هُوَ مُصْفَرًا ثُمَّ يَجْعَلُهُ حُطَامًا  
ۚ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرًا لِأُولِي الْأَلْبَابِ

“Tidakkah engkau memerhatikan, bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkanNya menjadi matair-matair di bumi; kemudian Ia menumbuhkan dengan air itu tanaman-tanaman yang berbagai jenis dan warnanya; kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar (hingga ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatmu berupa kuning; kemudian Ia menjadikannya hancur bersepai? Sesungguhnya segala yang tersebut itu mengandungi peringatan yang menyedarkan orang-orang yang berakal sempurna.” (Surah Az-Zumar, 39:21)

Bagi tujuan ini, Al-Quran menganjurkan dua jenis berfikir, iaitu;

- berfikir tentang tumbuhan sebagai tanda kewujudan dan kebesaran Tuhan<sup>93</sup>

وَفِي الْأَرْضِ قِطْعٌ مُّتَجَاوِرَاتٌ وَجَنَّاتٌ مِّنْ أَعْنَابٍ وَزُرْعٌ وَنَخِيلٌ  
صِنَوَانٌ وَغَيْرُ صِنَوَانٍ يُسْقَىٰ بِمَاءٍ وَاحِدٍ وَنُفِضَ لِبَعْضِهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِي  
الْأُكُلِ ۚ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

“Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya) Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya.” (Surah Ar-Ra`d, 13:4)

- berfikir untuk mengkaji tentang hakikat tumbuhan sendiri, dari segi kebaikan yang dapat dimanfaatkan dan keburukan yang perlu dijauhi.<sup>94</sup>

<sup>93</sup> Surah Ibrahim, 14:32, Surah Yasin, 36:36, Surah Al-Waqi`ah, 56:63-5, Surah Nuh, 71:17, Surah An-Naba', 78:15, Surah `Abasa, 80:27-32.

<sup>94</sup> Surah Yasin, 36:33.

وَمِنْ ثَمَرَاتِ النَّخِيلِ وَالْأَعْنَابِ تَتَّخِذُونَ مِنْهُ سَكَرًا وَرِزْقًا حَسَنًا ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ. وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنْ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ. ثُمَّ كُلِي مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْلُكِي سَبِيلَ رَبِّكَ ذَلَّلَّا ۗ يَخْرُجُ مِنْ بَطُونِهَا شَرَابٌ مُخْتَلِفٌ أَلْوَنُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِّلنَّاسِ ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

“Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang mahu menggunakan akalnyanya. Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: "Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia. Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu". (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandung penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.” (Surah An-Nahl, 16:67-69)

Dengan kata lain, Al-Quran mempunyai dua objektif bagi manusia apabila menyebut tentang tumbuhan, iaitu mengkaji tumbuhan itu untuk;

- dimanfaatkan dan dijadikan pelajaran bagi kesejahteraan kehidupan di dunia seperti kepentingan penjagaan alam sekitar dan kebaikan diet dari buah-buahan dan tumbuhan<sup>95</sup>

وَفَاكِهَةٍ مِّمَّا يَتَخَيَّرُونَ. وَلَحْمِ طَيْرٍ مِّمَّا يَشْتَهُونَ

“Dan juga (dibawakan kepada mereka) buah-buahan dari jenis-jenis yang mereka pilih. Serta daging burung dari jenis-jenis yang mereka ingini.” (Surah Al-Waqi`ah, 56:20-21)

- perkara keagamaan seperti iman kepada Allah, bertakwa, mensyukuri nikmat Tuhan, mengamalkan hukum zakat dan sedekah serta adab-adabnya), pengajaran dalam kehidupan

<sup>95</sup> Surah Al-Waqi`ah, 56:32, Surah Al-Mursalat, 77:42, Surah An-Naba', 78:32.



## CARA PEMBICARAAN TENTANG TUMBUHAN

Renungan terhadap ayat-ayat Al-Quran tentang tumbuhan memberi petunjuk wujudnya beberapa pendekatan Al-Quran apabila membicarakan tentang tumbuhan.

Pertama, Al-Quran menyebut tentang tumbuhan sebagai realiti untuk dikaji.<sup>96</sup>

وَفِي الْأَرْضِ قِطْعٌ مُتَجَاوِرَاتٌ وَجَنَّاتٌ مِّنْ أَعْنَابٍ وَزُرْعٌ وَنَخِيلٌ  
صِنَوَانٌ وَغَيْرُ صِنَوَانٍ يُسْقَىٰ بِمَاءٍ وَاحِدٍ وَنَفْضُلٌ بَعْضُهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِي  
الْأُكُلِ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

“Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya) Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya.” (Surah Ar-Ra`d, 13:4)

Kedua, Al-Quran menyebut tumbuhan sebagai perlambangan dalam metafora (*mathal*, *amthal*) untuk difikirkan oleh manusia akan pelajaran penting yang terkandung di dalamnya.

Al-Quran menggunakan tumbuhan sebagai metafora bagi perkara-perkara berikut:

- pendidikan anak

فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّا ۖ كُلَّمَا  
دَخَلَ عَلَيْهَا زَكَرِيَّا الْمِحْرَابَ وَجَدَ عِنْدَهَا رِزْقًا ۖ قَالَ يَمْرَأَةُ أُنَىٰ لَكَ  
هَٰذَا ۖ قَالَتْ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ ۖ إِنَّ اللَّهَ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ  
حِسَابٍ

<sup>96</sup> Surah A-Nahl, 16:67-9, Surah Yasin, 36:33.

“Maka ia (Maryam yang dinazarkan oleh ibunya) diterima oleh Tuhannya dengan penerimaan yang baik, dan dibesarkannya dengan didikan yang baik, serta diserahkan untuk dipelihara oleh Nabi Zakaria. Tiap-tiap kali Nabi Zakaria masuk untuk menemui Maryam di Mihrab, ia dapati rezeki (buah-buahan yang luar biasa) di sisinya. Nabi Zakaria bertanya:” Wahai Maryam dari mana engkau dapati (buah-buahan) ini?” Maryam menjawab; ”lalah dari Allah, sesungguhnya Allah memberikan rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya dengan tidak dikira”. (Surah Ali`Imran, 3:37)

- ganjaran yang baik yang berganda-ganda melalui tumbuhan jerami yang mempunyai puluhan bijiran sedangkan ia berasal dari satu benih sahaja

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْ بَتَّتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سَنَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٍ ۗ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuannya.” (Surah Al-Baqarah, 2:261)



- hidup, mati dan kebangkitan semula manusia melalui kitaran kehidupan pokok yang bermula dari pencambahan pokok dari benih yang membesar lalu mati<sup>97</sup>

إِنَّ اللَّهَ فَالِقُ الْحَبِّ وَالنَّوَى ۖ يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَمُخْرِجُ الْمَيِّتِ  
مِنَ الْحَيِّ ۖ ذَٰلِكُمْ اللَّهُ ۖ فَأَنَّى تُؤْفَكُونَ

“Sesungguhnya Allah jualah yang membelah (menumbuhkan) butir (tumbuh-tumbuhan) dan biji (buah-buahan). Ia mengeluarkan yang hidup dari yang mati, dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. Yang sedemikian itu kekuasaannya ialah Allah. Maka bagaimanakah kamu dipalingkan dari menyembahNya (oleh benda-benda yang kamu jadikan sekutuNya)?” (Surah Al-An`am, 6:95)

- kiamat melalui gambaran tumbuhan yang mati di lahannya lalu ditumbuhi semula dengan pokok-pokok<sup>98</sup>

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِن كُنتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن تَرَابٍ ثُمَّ  
مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِّن عِلْقَةٍ ثُمَّ مِّن مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ ۗ  
وَنُقَرِّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نَخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ  
لِتَبْلُغُوا أَشَدَّكُمْ ۗ وَمِنْكُمْ مَّن يَتُوفَىٰ وَمِنْكُمْ مَّن يَرُدُّ إِلَىٰ ۗ أَرذَلِ  
الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مَن بَعْدَ عِلْمٍ شَيْءٌ ۗ وَتَرَىٰ الْأَرْضَ هَامِدَةً  
فَإِذَا أَنزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَّتْ وَأَنَّ بُتَّتْ مِّن كُلِّ زَوْجٍ  
بِهَيْجٍ

“Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa;

<sup>98</sup> Lihat juga Surah Qaf, 50:11.

dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.” (Surah Al-Hajj, 22:5)

- sifat sementara dunia supaya manusia tidak terlalu terpesona kepadanya hingga lupa kehidupan akhirat yang kekal dan lebih baik melalui gambaran ladang yang mudah musnah disebabkan oleh elemen alam<sup>99</sup>

إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ  
الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ حَتَّىٰ إِذَا أَخَذَتِ الْأَرْضُ زُخْرُفَهَا  
وَأَزْيِنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ قَادِرُونَ عَلَيْهَا أَتَىٰهَا أَمْرُنَا لَيْلًا أَوْ نَهَارًا  
فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَأَن لَّمْ تَغْنَ بِالْأَمْسِ ۚ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ  
لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

“*Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan suburnya) tanaman-tanaman di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang - bercampur-aduk dan berpaut-pautan (pokok-pokok dan pohonnya) dengan sebab air itu hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bunga yang berwarna-warni), dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya) datanglah perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari lalu Kami jadikan dia hancur-lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum itu. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu berfikir (dan mengambil iktibar daripadanya).*” (Surah Yunus, 10:24)

- fenomena di angkasa melalui bunga mawar yang merah

فَإِذَا أَنْشَقَّتِ السَّمَاءُ فَكَانَتْ وَرْدَةً كَالدِّهَانِ

<sup>99</sup> Lihat Surah Al-Kahf, 18:45.

“Selain itu (sungguh ngeri) ketika langit pecah-belah lalu menjadilah ia merah mawar, berkilat seperti minyak.” (Surah Ar-Rahman, 55:37)

- membandingkan iman dan keyakinan yang benar dan kukuh dengan iman yang salah dan lemah dan kalimah buruk melalui pokok yang kuat akarnya hingga menumbuhkan batang, ranting dan buah-buahan yang baik berbanding pokok yang akarnya tidak bagus hingga menyebabkannya lemah dan diruntuhkan oleh angin

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ  
وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ. تُؤْتِي مَا أَكَلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا ۖ وَيَضْرِبُ  
اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ. وَمِثْلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ  
اجْتُثَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ

“Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Dia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran). Dan bandingan Kalimah yang jahat dan buruk samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna yang mudah tercabut akar-akarnya dari muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup.” (Surah Ibrahim, 14:24-26)

- amalan baik yang tidak akan disia-siakan oleh Tuhan

وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَامَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا ۖ وَإِنْ  
كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا ۖ وَكَفَىٰ بِنَا حَاسِبِينَ

“Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) hari kiamat; maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun; dan jika (amalnya) itu seberat biji sawi (sekalipun), nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitung); dan cukuplah Kami sebagai Penghitung.” (Surah Al-Anbiya’, 21:47)

- ganjaran baik di dunia dan di akhirat yang diibaratkan dengan hasil tuaian dari ladang<sup>100</sup>

مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ آلٍ ۖ آخِرَةَ نَزِدْ لَهُ فِي حَرْثِهِ ۖ وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ  
حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَا لَهُ فِي آلٍ ۖ آخِرَةٍ مِنْ نَصِيبٍ

“Sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat, Kami akan memberinya mendapat tambahan pada faedah yang dikehendakinya; dan sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) kebaikan di dunia semata-mata, Kami beri kepadanya dari kebaikan dunia itu (sekadar yang Kami tentukan), dan ia tidak akan beroleh sesuatu bahagian pun di akhirat kelak.” (Surah Ash-Shura, 42:20)

- hubungan seks bersama isteri bagi mendapatkan zuriat yang dibaratkan sebagai ladang untuk bercucuk tanam

نِسَاءَ ۚ وَكُم حَرْثٌ لَكُمْ فَاتُوا ۚ حَرْثَكُمْ أَنَّى شِئْتُمْ ۖ وَقَدِّمُوا ۚ لَأَنفُسِكُمْ  
ۚ وَاتَّقُوا ۚ اللَّهَ وَاعْلَمُوا ۚ أَن كُمْ مَلَقُوهُ ۖ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ

“Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai dan sediakanlah (amal-amal yang baik) untuk diri kamu; dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya kamu akan menemuiNya (pada hari akhirat kelak) dan berilah khabar gembira wahai Muhammad kepada orang-orang yang beriman.” (Surah Al-Baqarah, 2:223)

- manusia yang taat pada aturan Allah taala ibarat tumbuhan yang akur dengan aturan alam yang Allah taala telah tetapkan<sup>101</sup>

وَالنَّجْمِ وَالشَّجَرِ يَسْجُدَانِ

“Dan tumbuh-tumbuhan yang melata serta pohon-pohon kayu-kayan, masing-masing tunduk menurut peraturanNya.” (Surah Ar-Rahman, 55:6)

<sup>100</sup>Al-Shawkaniy, Fath Al-Qadir, Al-Shura, 42:20.

<sup>101</sup>Surah Al-Hajj, 22:18.

- akibat ke atas manusia yang tidak taat<sup>102</sup>

أَذْلِكَ خَيْرٌ نَزْلًا أَمْ شَجَرَةُ الزَّقُّومِ. إِنَّا جَعَلْنَاهَا فِتْنَةً لِلظَّالِمِينَ

“Manakah yang lebih baik, limpah kurniaan yang termaklum itu atau pokok zaqqum? Sesungguhnya Kami jadikan pokok zaqqum itu satu ujian bagi orang-orang yang zalim (di dunia dan azab seksa bagi mereka di akhirat).” (Surah As-Saffat, 37:62)


- iman yang menerangi hidup manusia ibarat lampu yang diterangi oleh api dan bahan bakar yang baik

اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ مِثْلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ ۚ  
 الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ ۚ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ  
 مُبَارَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَّا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ ۖ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ  
 نَارٌ ۖ نُّورٌ عَلَى نُورٍ ۗ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَن يَشَاءُ ۗ وَيَضْرِبُ اللَّهُ  
 الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ ۗ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

“Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayah petunjuk Allah (Kitab Suci Al-Quran) adalah sebagai sebuah "misykaat" yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam geluk kaca (qandil), geluk kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang; lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok yang banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu - dengan sendirinya - memancarkan cahaya bersinar (kerana jernihnya) walaupun ia tidak disentuh api; (sinaran nur hidayah yang demikian bandingannya adalah sinaran yang berganda-ganda): cahaya berlapis cahaya. Allah memimpin sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang dan peraturanNya) kepada nur hidayahNya itu; dan Allah mengemukakan berbagai-bagai misal perbandingan untuk umat manusia; dan Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.” (Surah An-Nur, 24:35)

<sup>102</sup>Surah Ad-Dukhan, 44:43-50, Surah Al-Waqi'ah, 56:52-3.

## KESIMPULAN



Bab ini telah melakarkan gambaran umum tentang perspektif Al-Quran mengenai tumbuhan. Sesuai dengan kaedah yang biasa digunapakai bagi melakukan tafsir yang bersifat tematik, usaha membangun gambaran umum ini bermula dengan mengumpulkan ayat-ayat Al-Quran yang menyebut tentang tumbuhan dalam satu senarai. Ia diikuti pula dengan analisa tentang isu-isu, perkara-perkara dan tema-tema besar yang dibicarakan oleh ayat-ayat yang tersenarai yang dijadikan tajuk-tajuk kecil dalam bab ini dan rumuskan dengan sembilan perkara di bawah ini sebagai penutup.

Pertama, sebanyak 81 jenis tumbuhan dan hasil tumbuhan disebut dalam ayat-ayat Al-Quran yang dikumpul dalam senarai. Kesemua jenis tumbuhan seperti pokok dan rumput dan hasil tumbuhan yang tabi'ii seperti buah dan bunga serta hasil tumbuhan yang diproses seperti minyak dan gambir disenaraikan dalam Jadual 2 di akhir bab ini.

Kedua, Al-Quran bicara tentang tumbuhan dalam dua dimensi alam; alam nyata di dunia dan alam ghaib yang meliputi kehidupan di Akhirat, iaitu di syurga dan di neraka dan selain Akhirat, iaitu di langit tertinggi yang tidak diketahui lokasi sebenarnya.

Tumbuhan di syurga yang disebut dalam Al-Quran ialah pokok, iaitu pokok khuldi dan buahan-buahan. Tiga jenis buah disebut secara khusus sebagai makanan ahli syurga iaitu anggur, delima dan *ṭalḥ mandūd* yang banyak ditafsirkan sebagai pisang.

Tumbuhan di neraka pula ialah pokok yang menghasilkan buah *zaqqūm* dan sejenis buah bernama *ḍarī`*.

Di langit tertinggi, Al-Quran menyebut *Sidrat Al-Muntahá* yang ditafsirkan sebagai sebuah pokok. Ia wujud sepanjang masa dan tidak terikat dengan hari Kiamat seperti syurga dan neraka.



Ketiga, Al-Quran tidak bicara tentang tumbuhan dunia sebagai satu unit sahaja tetapi juga sebagai satu kewujudan yang kolektif, iaitu dalam bentuk kebun (*hadīqah, hadā'iq*), taman (*jannah, jannāt*), ladang (*zar', zurū'*) dan tanah untuk bercucuk tanam tumbuhan (*ḥarth*).

Keempat, Al-Quran menyebut tentang kewujudan pelbagai jenis tumbuhan dunia. Jenis tumbuhan yang disebut secara khusus ialah, pokok (*shajar, shajarāt*), merayap di tanah (*yaqṭīn; creeper*), rumput rampai (*abb, sunbul, sanābil*) yang boleh meliputi juga tumbuhan paku pakis (*fern*) dan jenis menjalar (*ma'rushāt*) yang meliputi tumbuhan yang memanjat (*climber*). Pokok yang disebut secara khusus oleh Al-Quran untuk menunjukkan keistimewaannya ialah pokok bidara (*sidr*) dan pokok kurma (*an-nakhl, an-nakhīl*) yang boleh juga merujuk pada pokok-pokok palma yang lain (*dhāt al-akmām, tal` nadīd*).

Kelima, Al-Quran ada menyebut pelbagai manfaat tumbuhan dunia dalam bentuk hasil tumbuhan yang tabi`ii dan yang diperolehi melalui proses atau usaha tambahan dari manusia.

Hasil tumbuhan yang tabi`ii ialah pelbagai buah yang boleh dimakan (*fākihah, fawākih*) dan yang tidak boleh dimakan manusia (*thamar, thamarāt*). Buah-buahan yang disebut secara khusus ialah anggur (*`inab, a`nāb*), delima (*rummān*), kurma (*ruṭāb*), zaitun dan tin. Hasil tumbuhan lain yang disebut ialah sayur-sayuran, iaitu timun (*qiththā'*), bawang putih (*fūm*), bawang merah (*basal*), kacang kuda (*`adas*), labu (*yaqṭīn*) dan halia (*zan-jabīl*). Al-Quran juga menyebut tentang bijian (*ḥab*) yang meliputi bentuk benih (*seed*) serta bijiran (*grain*) dan bunga (*wardah, rayḥān*).

Hasil tumbuhan yang diproses yang ditemukan dalam Al-Quran ialah minyak cair (*zayt*), minyak pepejal (*duhn*), pewarna (*ṣibgh*), kapur barus (*kāfur; camphor*) dan damar (*manna; gum*).

Keenam, Al-Quran juga menyebut pelbagai sifat tumbuhan ketika berbicara mengenainya yang bertujuan untuk manusia tahu akan nikmat yang Allah taala ciptakan untuk mereka dan juga sebagai bahan renungan bagi sifat yang disebut dan sifat-sifat lain yang tersembunyi.

Al-Quran mensifatkan tumbuhan sebagai ciptaan yang mempunyai banyak manfaat bagi manusia. Manfaat yang disebut khusus ialah sebagai penawar (*shifa'*) dan manfaat yang disebut dengan banyaknya ialah sebagai bahan makanan dalam bentuk buah-buahan dan sayur-sayuran yang berbeza-beza pula kadar kekerapannya. Ada yang kerap dan ada yang jarang-jarang.

Al-Quran juga memberitahu tentang sifat berpasangan (*zawj, azwāj*) dalam alam tumbuhan.

Tumbuhan disifatkan sebagai satu ciptaan yang indah (*dhāt bahjah, bahīj*) ibarat hiasan cantik (*zukhruf*) yang menyenangkan mata dan jiwa dan satu aspek keindahannya yang disebut ialah kepelbagaian warna (*mukhtalif alwān*). Selain nilai estetik dan kosumsi peribadi, tumbuhan juga disifatkan mempunyai nilai ekonomi yang penting bagi tamadun manusia seperti yang digambarkan dalam kisah Nabi Yusuf mengurus hasil pertanian negeri Mesir bagi menghadapi musim kemarau yang mendatang.

Ketujuh, Al-Quran ada bicara tentang proses yang harus dilalui oleh tumbuhan untuk tumbuh dan membesar. Dalam proses ini, disebut elemen awan, langit, angin, air dan tanah.

Bagi elemen air, Al-Quran bukan hanya menunjuk pada sumber-sumber tabi'ii, iaitu mata air yang keluar daripada bumi, hujan yang turun dari langit dan sungai yang bersumber dari bumi dan langit, tapi Al-Quran juga mengajak manusia berfikir tentang irigasi yang membolehkan pertanian besar-besaran bagi kemajuan sesuatu bangsa seperti empangan yang dibina oleh kaum Saba' yang terkenal kehebatannya dalam sejarah yang menyalurkan air-air melalui saluran-saluran air hingga dapat menyuburkan tanah kering di Yaman.

Al-Quran bicara juga tentang elemen tanah untuk manusia kaji perbezaan-perbezaan kualiti pada potongan-potongan tanah dan kesannya pada tumbuhan kerana ilmu mengenai tanah membantu untuk memajukan ekonomi melalui pertanian.

Al-Quran juga memberi perhatian pada tentang teknik tanaman, iaitu;

- teknik tanaman campuran (*mixed crop technique*)

وَأَضْرِبْ لَهُمْ مَثَلًا رَّجُلَيْنِ جَعَلْنَا لِأَحَدِهِمَا جَنَّتَيْنِ مِنْ أَعْنَابٍ  
وَحَفَفْنَاهُمَا بِنَخْلٍ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمَا زُرْعًا

“Dan berikanlah kepada mereka satu contoh: Dua orang lelaki, Kami adakan bagi salah seorang di antaranya, dua buah kebun anggur; dan Kami kelilingi kebun-kebun itu dengan pohon-pohon tamar, serta Kami jadikan di antara keduanya, jenis-jenis tanaman yang lain.” (Surah Al-Kahf, 18:32)

- teknik bagi menghasilkan pokok jenis *sinwān*, iaitu pokok yang bercambah dari batang utamanya beberapa batang pokok.

Kedua teknik ini menjurus pada anjuran untuk berfikir tentang kaedah-kaedah pertanian yang dapat memaksimumkan hasil tanaman bagi memajukan ekonomi melalui industri pertanian.

Kelapan, Al-Quran mempunyai tujuan yang lebih besar bagi manusia apabila bicara tentang tumbuhan. Tujuan yang lebih besar bukan untuk menjadikan Muslim pandai dalam bidang pertanian semata-mata, tapi ialah untuk manusia guna akal dengan berfikir tentang tumbuhan. Objektif utama dari berfikir ini pula ialah untuk beriman bahawa segala tumbuhan ini tidak mungkin wujud dengan sendiri dan yang mewujudkannya pula dihargai dan disyukuri atas manfaat yang terlalu banyak dari nikmat tumbuhan yang diberi.

Kesembilan, terdapat dua cara Al-Quran apabila membicarakan tentang tumbuhan. Cara pertama ialah membicarakan tumbuhan sebagai satu realiti untuk diteliti dan kaji. Cara kedua pula ialah membicarakannya sebagai metafora bagi menyampaikan pesan tertentu. Dalam cara ini, pesanan yang tersirat yang ingin disampaikan itu lebih penting dari tumbuhan yang dibicarakan kerana tumbuhan hanyalah wasilah bagi penyampaian yang berkesan sahaja. Tumbuhan digunapakai oleh dalam tidak kurang dari 11 metafora oleh Al-Quran bagi pelbagai pelajaran tentang agama dan kehidupan dunia manusia.

Langkah lanjut selepas mengenalpasti ayat-ayat mengenai tumbuhan dalam Al-Quran dan gambaran besar yang boleh dijana darinya ialah merenung dan berfikir tentang pelajaran-pelajaran dari ayat-ayat ini yang dapat membantu manusia mencapai kebahagiaan di dunia dan di Akhirat, sesuai dengan anjuran Al-Quran yang telah disebutkan di atas.

Untuk tujuan ini, dua bab selepas ini akan memberi tumpuan pada membahaskan isu-isu yang dapat dicerna dari ayat-ayat yang telah dikumpulkan. Isu-isu ini dapat dibahagikan kepada dua bidang besar, iaitu (a) isu-isu keagamaan, dan (b) isu-isu kehidupan dan keduniaan.

Isu-isu keagamaan yang berbangkit dari ayat-ayat Al-Quran berkaitan tumbuhan akan dibahaskan dalam bab selepas ini. Manakala, isu-isu kehidupan dan keduniaan pula akan dibahaskan pada bab yang selanjutnya.



## JADUAL 1 - SENARAI AYAT-AYAT AL-QURAN YANG MENYEBUT TENTANG TUMBUHAN<sup>103</sup>

Surah dan Ayat Al-Quran	Terjemahan	Perkara tumbuhan
1. Al-Baqarah, 2:22	Dia lah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkanNya air hujan dari langit, lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa).	Thamarāt: Berjenis-jenis Buah-buahan
2. Al-Baqarah, 2:57	Dan Kami telah menaungi kamu dengan awan (dari panas matahari di padang pasir) dan Kami turunkan kepada kamu “Mann” dan “Salwa”, (serta Kami berfirman): “Makanlah dari makanan-makanan yang baik yang Kami telah kurniakan kepada kamu”. Dan tidaklah mereka menganiaya Kami) sebab mereka kufurkan nikmat itu), tetapi sebenarnya mereka adalah menganiaya diri sendiri.	Mann Salwá
3. Al-Baqarah, 2:61	Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata: “Wahai Musa, kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja; maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi; dari sayur-sayurannya, dan mentimunnya, dan bawang putihnya, dan adas (kacang dalnya), serta bawang merahnya”. Nabi Musa menjawab: “Adakah kamu mahu menukar sesuatu yang	Baql: Sayur-sayuran Qiththā': Timun Fūm: Bawang Putih `Adas: Kacang Dal Baṣal: Bawang Merah

<sup>103</sup>Lihat Lajnah Pentashih Al-Qur'an, Badan Litbang dan Diklat Departmen Agama RI, Tafsir Al-Qur'an Tematik, Jakarta: Kementerian Agama Republik Indonesia, 2007-2017, Siri 4, ms, 179-82; Ishrak Khafagi, Amirah Zakaria, Ahmad Dewedar, and Khaled Al-Zahdany, "A Voyage in the World of Plants as Mentioned in the Holy Quran", International Journal of Botany, 2:3, 2006, ms 244-7.

	<p>kurang baik dengan meninggalkan yang lebih baik? Turunlah kamu ke bandar kerana di sana kamu boleh dapati apa yang kamu minta itu". Dan mereka ditimpakan dengan kehinaan dan kepapaan, dan sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan dari Allah. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka kufur (mengingkari) ayat-ayat Allah (perintah-perintah dan mukjizat-mukjizat) yang membuktikan kebesarannya); dan mereka pula membunuh Nabi-nabi dengan tidak ada alasan yang benar. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka menderhaka dan mereka pula sentiasa mencero boh.</p>	
4. Al-Baqarah, 2:71	<p>Nabi Musa menjawab: "Bahawasanya Allah berfirman: Sebenarnya (lembu yang dikehendaki itu) ialah lembu betina yang tidak pernah digunakan untuk membajak tanah (sawah bendang), dan tidak pula (digunakan mengangkut air) untuk menyiram tanaman; ia juga tidak cacat dan tidak ada belang pada warnanya". Mereka berkata: "Sekarang baharulah engkau dapat menerangkan sifat-sifatnya yang sebenar". Maka mereka pun menyembelih lembu yang tersebut, dan hampir-hampir mereka tidak dapat menunaikan (perintah Allah) itu.</p>	Harth: Ladang
5. Al-Baqarah, 2:205	<p>Kemudian apabila ia pergi (dengan mendapat hajatnya), berusaha ia di bumi, untuk melakukan bencana padanya, dan membinasakan tanaman-tanaman dan keturunan (binatang ternak dan manusia; sedang Allah tidak suka kepada bencana kerosakan.</p>	Harth: Ladang
6. Al-Baqarah, 2:219	<p>Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: "Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya dan mereka bertanya pula kepadamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? Katakanlah: "Dermakanlah - apa-apa) yang berlebih dari</p>	Khamr: Arak

	keperluan (kamu). Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukumNya) supaya kamu berfikir:	
7. Al-Baqarah, 2:223	Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai dan sediakanlah (amal-amal yang baik) untuk diri kamu; dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya kamu akan menemuinya (pada hari akhirat kelak) dan berilah khabar gembira wahai Muhammad) kepada orang-orang yang beriman.	Ḥarth: Ladang
8. Al-Baqarah, 2:261	Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnianya, lagi meliputi ilmu pengetahuannya.	Ḥabbah: Sebiji Benih
9. Al-Baqarah, 2:265	Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat akan apa yang kamu lakukan.	Jannah: Kebun
10. Al-Baqarah, 2:266	Adakah seseorang di antara kamu suka mempunyai sebuah kebun dari pokok tamar (kurma) dan anggur, yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, ia juga mempunyai dalam kebun itu segala jenis buah-buahan, sedang ia sudah tua dan mempunyai banyak anak cucu yang masih kecil, lalu kebun itu diserang oleh angin taufan yang	Jannah: Kebun Nakhīl: Pokok Kurma A`nab: Anggur-anggur Thamarāt: Buah-buahan

	membawa api sehingga terbakarlah ia? Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu keterangan-keterangan, supaya kamu berfikir (dan mengambil iktibar).	
11. Ali`Imran, 3:14	Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diinginkan nafsu, yaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (yaitu Syurga).	Harth: Ladang
12. Ali`Imran, 3:117	Bandingan apa yang mereka belanjakan dalam kehidupan dunia ini (sekali-pun untuk amal-amal yang baik), samalah seperti angin yang membawa udara yang amat sejuk, yang menimpa tanaman kaum yang menganiaya diri mereka sendiri, lalu membinasakannya; dan (ingatlah), Allah tidak menganiaya mereka, tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri.	Harth: Ladang
13. An-Nisa', 4:49	Tidakkah engkau perhatikan (dan merasa pelik wahai Muhammad) kepada orang-orang yang membersihkan (memuji) diri sendiri? (Padahal perkara itu bukan hak manusia) bahkan Allah jualah yang berhak membersihkan (memuji) sesiapa yang dikehendak-Nya (menurut aturan SyariatNya); dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasan mereka) sedikit-pun.	Fatīl: Pucuk Yang Baru Keluar Dari Biji Benih
14. An-Nisa', 4:77	Tidakkah engkau (hairan) melihat (wahai Muhammad), akan orang-orang yang (pernah) dikatakan kepada mereka: "Tahanlah tangan kamu (daripada bertindak melancarkan perang yang belum diizinkan), dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah zakat". (Mereka meminta juga hendak berperang), kemudian apabila mereka	Fatīl: Pucuk Yang Baru Keluar Dari Biji Benih

	<p>diperintahkan berperang, tiba-tiba sepuak di antara mereka merasa gerun kepada manusia sama seperti mereka merasa gerun kepada (azab) Allah atau lebih gerun lagi. Lalu mereka (merayu kepada Allah dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami, mengapa Engkau wajibkan kami berperang (pada saat ini)? Mengapa Engkau tidak biarkan kami hingga ke tempoh yang singkat (iaitu akhir hayat kami)?" Katakanlah (wahai Muhammad): "Harba benda yang menjadi kesenangan di dunia ini adalah sedikit sahaja, (dan akhirnya akan lenyap), dan (balasan) hari akhirat itu lebih baik lagi bagi orang-orang yang bertaqwa (kerana ia lebih mewah dan kekal selama-lamanya), dan kamu pula tidak akan dianiaya sedikit pun".</p>	
15. Al-An`am, 6:59	<p>Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dia lah sahaja; dan Ia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan Ia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir bijipun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfuz) yang terang nyata.</p>	Waraqah: Sehelai Daun
16. Al-An`am, 6:95	<p>Sesungguhnya Allah jualah yang membelah (menumbuhkan) butir (tumbuh-tumbuhan) dan biji (buah-buahan). Ia mengeluarkan yang hidup dari yang mati, dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. Yang sedemikian itu kekuasaannya ialah Allah. Maka bagaimanakah kamu dipalingkan dari menyembahNya (oleh benda-benda yang kamu jadikan sekutuNya)?</p>	<p>Ḥabb: Butir (Tumbuh - tumbuhan)</p> <p>Nawá: Biji (Buah - buahan)</p>
17. Al-An`am, 6:99	<p>Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu</p>	<p>Nabāt: Tumbuh-tumbuhan</p> <p>Khadir: Tanaman Yang Menghijau</p>



	<p>butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.</p>	<p>Ḥabb Mutarāqib: Butir-butir (buah yang bergugus-gugus)</p> <p>Nakhl: Pohon-pohon Tamar (Kurma)</p> <p>Qinwān Dāniyah: Tandan-tandan Buah Yang Mudah Dicapai Dan Dipetik</p> <p>Jannāt: Kebun-kebun</p> <p>A'nāb: Anggur</p> <p>Zaytūn: Zaiton</p> <p>Rummān: Delima</p> <p>Mushtabih: Bersamaan (Bentuk, Rupa, Rasa)</p> <p>Ghayr Mutashābih: Tidak Bersamaan (Bentuk, Rupa, Rasa)</p> <p>Thamar: Buah</p>
<p>18. Al-An`am, 6:136</p>	<p>Dan mereka (orang-orang musyrik) memperuntukkan dari hasil tanaman dan binatang-binatang ternak yang diciptakan oleh Allah itu, sebahagian bagi Allah (dan sebahagian lagi untuk berhala-berhala mereka), lalu mereka berkata: Ini untuk Allah - menurut anggapan mereka - dan ini untuk berhala-berhala kami." Kemudian apa yang telah ditentukan untuk berhala-berhala mereka, maka ia tidak sampai kepada Allah (kerana mereka tidak membelanjakannya pada jalan Allah), dan apa yang telah ditentukan untuk Allah, sampai pula kepada berhala-berhala mereka (kerana mereka membelanjakannya pada jalan itu). Amatlah jahatnya apa yang mereka hukumkan itu.</p>	<p>Ḥarth: Ladang</p>

<p>19. Al-An`am, 6:138</p>	<p>Dan mereka berkata lagi: "Ini adalah binatang-binatang ternak dan tanaman-tanaman yang dilarang, yang tidak boleh seorang pun memakannya kecuali sesiapa yang kami kehendaki", - menurut anggapan mereka; dan (sejenis lagi) binatang-binatang ternak yang dilarang menunggangnya; dan (sejenis lagi) bintang-bintang ternak yang tidak mereka sebutkan nama Allah ketika menyembelihnya; (semuanya itu mereka lakukan dengan) berdusta terhadap Allah. Allah akan membalas mereka disebabkan apa yang mereka telah ada-adakan itu.</p>	<p>Ḥarth: Ladang</p>
<p>20. Al-An`am, 6:141</p>	<p>Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa, dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.</p>	<p>Jannāt: Kebun-kebun</p> <p>Ma`rūshāt: Yang Menjalar Tanamannya</p> <p>Ghayr Ma`rūshāt: Yang Tidak Menjalar Tanamannya</p> <p>Nakhl: Pohon-pohon Tamar (Kurma)</p> <p>Zar` : Tanaman-tanaman</p> <p>Mukhtalif Ukuluh: Yang Berlainan (Bentuk, Rupa, Rasa)</p> <p>Zaytūn: Zaiton</p> <p>Rummān: Dilemma</p> <p>Mutashābih: Yang Bersamaan (Warna Atau Daun)</p> <p>Ghayr Mutashābih: Tidak Bersamaan (Rasa)</p> <p>Thamar: Buah</p>

21. Al-A`raf, 7:22	Dan Dia lah (Allah) yang menghantar-kan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan dia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu ber-bagai-bagai jenis buah-buahan. Demiki-anlah pula Kami mengeluarkan (meng-hidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (men-gambil pelajaran daripadanya).	Waraq Al-Jannah: Daun-daun (dari) Syurga
22. Al-A`raf, 7:57	Dan Dia lah (Allah) yang menghantar-kan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan dia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu ber-bagai-bagai jenis buah-buahan. Demiki-anlah pula Kami mengeluarkan (meng-hidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (men-gambil pelajaran daripadanya).	Thamarāt: Berb- agai-bagai Jenis Buah-buahan
23. Al-A`raf, 7:58	Dan negeri yang baik (tanahnya), tana-man-tanamannya tumbuh (subur) dengan izin Allah; dan negeri yang tidak baik (tanahnya) tidak tumbuh tanamann-ya melainkan dengan keadaan bantut. Demikianlah Kami menerangkan tanda-tanda (kemurahan dan kekua-saan) Kami dengan berbagai cara bagi orang-orang yang (mahu) bersyukur.	Nabāt: Tumbuhan
24. Al-A`raf, 7:130	Dan sesungguhnya Kami telah menimp-akan Firaun dan kaumnya dengan musim kemarau dan kekurangan buah-buahan, supaya mereka insaf mengambil pelajaran.	Thamarāt: Buah-buahan

25. Al-A`raf, 7:160	Dan Kami bahagikan mereka (Bani Israil) menjadi dua belas suku, sebagai golongan-golongan besar, dan kami wahyukan kepada Nabi Musa, ketika kaumnya meminta air kepadanya: "Pukullah batu itu dengan tongkatmu." Maka terpancarlah daripadanya dua belas mata air. Tiap-tiap golongan (di antara mereka) mengetahui tempat masing-masing. Dan Kami naungi mereka dengan awan, dan Kami turunkan kepada mereka "Mann" dan "Salwa". (Lalu Kami berfirman): "Makanlah dari baik-baik yang kami telah kurniakan kepada kamu". Dan tidaklah mereka menganiaya Kami (dengan kekufuran mereka), tetapi mereka menganiaya diri mereka sendiri.	Mann  Salwá
26. Yunus, 10:24	Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan suburnya) tanaman-tanaman di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang-bercampur-aduk dan berpaut-pautan (pokok-pokok dan pohonnya) dengan sebab air itu hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bunga yang berwarna-warni), dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya) datanglah perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari lalu Kami jadikan dia hancur-lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum itu. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu berfikir (dan mengambil iktibar daripadanya).	Nabāt: tanaman - tanaman
27. Hud, 11:100	Yang demikian, ialah sebahagian dari khabar berita penduduk negeri-negeri (yang telah dibinasakan), kami ceritakan perihalnya kepadamu (wahai Muhammad). Di antaranya ada yang masih wujud (sisanya yang dapat	Ḥaṣīd: Tuaian

	disaksikan), dan ada pula yang telah hancur lebur (dan hilang lenyap).	
28. Yusuf, 12:46	(Setelah ia berjumpa dengan Yusuf, berkatalah ia): "Yusuf, Wahai orang yang benar (pada segala-galanya)! tafsirkanlah kepada kami (seorang bermimpi melihat): tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus; dan tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau serta tujuh tangkai lagi yang kering; (tafsirkanlah) supaya aku kembali kepada orang-orang yang mengutusku itu, semoga mereka dapat mengetahui tafsirannya".	Sunbulāt: Batang-batang Jemari
29. Ar-Ra'd, 13:3	Dan Dia lah yang menjadikan bumi terbentang luas, dan menjadikan padanya gunung-ganang (terdiri kukuh) serta sungai-sungai (yang mengalir). Dan dari tiap-tiap jenis buah-buahan, Ia jadikan padanya pasangan: dua-dua. Ia juga melindungi siang dengan malam silih berganti. Sesungguhnya semuanya itu mengandung tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang (mahu) berfikir.	Thamarāt: Buah
30. Ar-Ra'd, 13:4	Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya). Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya.	Qīṭa` Mutajāwirāt: Beberapa Potong Tanah Yang Berdekatan (Tetapi Berlainan Keadaannya)  Jannāt: Kebun-kebun  A`nāb: Anggur  Zar` : Jenis-jenis Tanaman  Nakhīl: Pohon-pohon Tamar (Kurma)  Şinwān: Yang Berumpun  Ghayr Şinwān: Yang Tidak Berumpun

31. Ibrahim, 14:24	Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, yaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit.	Shajarah: Sebatang Pohon  Aşl: Pangkal (Akar Tunjang)  Far` : Cabang Pucuk
32. Ibrahim, 14:25	Ia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran).	Ukul: Buah
33. Ibrahim, 14:26	Dan bandingan Kalimah yang jahat dan buruk samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna yang mudah tercabut akar-akarnya dari muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup.	Shajarah: Sebatang Pohon
34. Ibrahim, 14:32	Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (menggambil manfaat darinya).	Thamarāt: Buah-buahan
35. Ibrahim, 14:37	"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Makkah) yang tidak tanam padanya, di sisi rumah-Mu yang diharamkan mencerobohnya. Wahai Tuhan kami, (mereka ditempatkan di situ) supaya mereka mendirikan sembahyang (dan memakmurkannya dengan ibadat). Oleh itu, jadikanlah hati sebahagian dari manusia tertarik gemar kepada mereka, (supaya datang bera-meramai-ramai ke situ), dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur.	Zar` : Ladang  Thamarāt: Buah - buahan

36. An-Nahl, 16:10	Dia lah yang menurunkan hujan dari langit; sebahagian daripadanya untuk minuman kamu dan sebahagian lagi menyebabkan tumbuhnya pokok-pokok (tumbuh-tumbuhan) untuk kamu melepaskan binatang-binatang ternak: makan padanya.	Shajar: Pokok-pokok (Tumbuh-tumbuhan)
37. An-Nahl, 16:11	Ia juga menumbuhkan bagi kamu dengan sebab hujan itu tanaman-tanaman dan pokok-pokok zaitun dan tamar (kurma) serta anggur; dan juga dari segala jenis buah-buahan. Sesungguhnya yang demikian mengandung satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang mahu berfikir.	Zar` : Tanaman-tanaman  Zaytūn: Pokok-pokok Zaitun  Nakhīl: Tamar (Kurma)  A`nāb: Anggur  Thamarāt: Buah-buahan
38. An-Nahl, 16:67	Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang mahu menggunakan akal nya.	Thamarāt: Buah  Nakhīl: Tamar (Kurma)  A`nāb: Anggur  Rizq Ḥasan: Makanan Serta Minuman Yang Halal
39. An-Nahl, 16:68	Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: "Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia".	Shajar: Pokok-pokok Kayu
40. An-Nahl, 16:69	Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu". (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandung penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan	Thamarāt: Bunga-bunga Dan Buah-buahan  Sharāb: Minuman (Madu)  Mukhtalif Alwān: Yang Berlainan Warna

	Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.	
41. Al-Isra', 17:71	(Ingatlah) hari Kami menyeru tiap-tiap kumpulan manusia dengan nama imamanya; kemudian sesiapa diberikan Kitabnya di tangan kanannya, maka mereka itu akan membacanya (dengan sukacita), dan mereka tidak dikurangkan (pahala amal-amalnya yang baik) sedikitpun.	Fatīl: Pucuk Yang Baru Keluar Dari Biji Benih
42. Al-Kahf, 18:32	Dan berikanlah kepada mereka satu contoh: Dua orang lelaki, Kami adakan bagi salah seorang di antaranya, dua buah kebun anggur; dan Kami kelilingi kebun-kebun itu dengan pohon-pohon tamar, serta Kami jadikan di antara keduanya, jenis-jenis tanaman yang lain.	Jannatayn: Dua Kebun  A`nāb: Anggur  Nakhl: Pohon-pohon Tamar  Zar` : Jenis-jenis Tanaman
43. Al-Kahf, 18:33	Kedua-dua kebun itu mengeluarkan hasilnya dan tiada mengurangi sedikitpun dari hasil itu dan kami juga mengalirkan di antara keduanya sebatang sungai.	Jannatayn: Dua Kebun
44. Al-Kahf, 18:34	Tuan kebun itu pula ada mempunyai harta (yang lain); lalu berkatalah dia kepada rakannya, semasa dia berbincang dengannya: Aku lebih banyak harta daripadamu, dan lebih berpengaruh dengan pengikut-pengikutku yang ramai.	Thamar: Buah
45. Al-Kahf, 18:35	Dan dia pun masuk ke kebunnya (bersama-sama rakannya), sedang dia berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan sebab kufurnya), sambil dia berkata: Aku tidak fikir, kebun ini akan binasa selama-lamanya.	Jannah: Kebun
46. Al-Kahf, 18:39	Dan sepatutnya semasa engkau masuk ke kebunmu, berkata: (Semuanya ialah barang yang dikehendaki Allah)! (tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah)? Kalau engkau memandang aku sangat kurang tentang harta dan anak berbanding denganmu.	Jannah: Kebun



47. Al-Kahf, 18:40	Maka mudah-mudahan Tuhanku akan mengurniakan daku lebih baik daripada kebunmu, dan (aku bimbang) dia akan menimpakannya dengan bala, bencana dari langit, sehinggalah menjadilah kebunmu itu tanah yang licin tandus.	Jannah: Kebun
48. Al-Kahf, 18:42	Dan segala tanaman serta hartabendanya itupun dibinasakan, lalu jadilah dia membalik-balikkan kedua tapak tangannya (kerana menyesal) terhadap segala perbelanjaan yang telah dibelanjakannya pada kebun-kebunnya, sedang kebun-kebun itu runtuh junjung-junjung tanamannya; sambil dia berkata: Alangkah baiknya kalau aku tidak sekuatikan sesuatupun dengan Tuhanku!	Thamar: Buah
49. Al-Kahf, 18:45	Dan kemukakanlah kepada mereka misal perbandingan: Kehidupan dunia ini samalah seperti air yang Kami turunkan dari langit, lalu bercampur aduklah tanaman di bumi antara satu sama lain (dan kembang suburlah ia) disebabkan air itu; kemudian menjadilah ia kering hancur ditiup angin; dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.	Nabāt: Tanaman
50. Maryam, 19:25	Dan gegarlah ke arahmu batang pohon tamar itu, supaya gugur kepadamu buah tamar yang masak.	Jidh` An-Nakhlah: Batang Pohon Tamar  Ruṭāb: Buah Tamar
51. Taha, 20:53	(Dia lah Tuhan) yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan, dan Ia telah mengadakan bagi kamu padanya jalan-jalan lalu-lalang; dan Ia juga telah menurunkan hujan dari langit. Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-jenis tanaman dan buah-buahan yang berlainan keadaannya.	Azwāj Min Nabāt: Berjenis-jenis Tanaman Dan Buah-buahan Yang Berlainan Keadaan
52. Taha, 20:80	Wahai Bani Israil! Sesungguhnya Kami telah selamatkan kamu dari musuh kamu, dan Kami telah janjikan kamu (dengan memberi wahyu kepada Nabi Musa) di sebelah kanan Gunung	Mann  Salwá

	Tursina itu, dan kami turunkan kepada kamu "Mann" dan "Salwa".	
53. Taha, 20:120	Setelah itu maka Syaitan membisikkan (hasutan) kepadanya, dengan berkata: "Wahai Adam, mahukah, aku tunjukkan kepadamu pohon yang menyebabkan hidup selama-lamanya, dan kekuasaan yang tidak akan hilang lenyap?"	Shajarah Al-Khuld: Pohon Yang Menyebabkan Hidup Selama-lamanya
54. Taha, 20:121	Kemudian mereka berdua memakan dari pohon itu, lalu terdedahlah kepada mereka aurat masing-masing, dan mereka mulailah menutupnya dengan daun-daun dari Syurga; dan dengan itu derhakah Adam kepada Tuhannya, lalu tersalah jalan (dari mencapai hajatnya).	Waraq Al-Jannah: Daun-daun Dari Syurga
55. Al-Anbiya', 21:47	Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) hari kiamat; maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun; dan jika (amalnya) itu seberat biji sawi (sekali pun), nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitung); dan cukuplah Kami sebagai Penghitung.	Khardal: Biji Sawi
56. Al-Anbiya', 21:78	Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Daud dengan Nabi Sulaiman, ketika mereka berdua menghukum mengenai tanaman-tanaman semasa ia dirosakkan oleh kambing kaumnya pada waktu malam; dan sememangnya Kamilah yang memerhati dan mengesahkan hukuman mereka.	Ḥarth: Ladang
57. Al-Hajj, 22:5	Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan	Zawj Bahīj: Berjenis-jenis Tanaman Yang Indah Permai

	<p>kejadiannya dan yang tidak desempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak men-erangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancang-kan hingga ke suatu masa yang ditentu-kan lahirnya; kemudian Kami mengelu-arkan kamu berupa kanak-kanak; kemu-dian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dima-tikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudi-an apabila Kami menurunkan hujan menyimpannya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang mere-cup tumbuh), dan gembur membusut-lah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.</p>	
58. Al-Hajj, 22:18	<p>Tidakkah engkau mengetahui bahawa segala yang ada di langit dan di bumi tunduk sujud kepada Allah dan (di antaranya termasuklah) matahari dan bulan, dan bintang-bintang, dan gunung-ganang, dan pokok-pokok kayu, dan binatang-binatang, serta sebahagian besar dari manusia? Dan banyak pula (di antara manusia) yang berhak ditimpa azab (disebabkan keku-furannya dan maksiatnya); dan (ingat-lah) sesiapa yang dihinakan oleh Allah maka ia tidak akan beroleh sesiapa-pun yang dapat memuliakannya. Sesung-guhnya Allah tetap melakukan apa yang dirancangNya.</p>	Shajar: Pokok-pokok Kayu
59. Al-Hajj, 22:63	<p>Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah menurunkan hujan dari langit, lalu menjadilah bumi ini hijau subur (dengan sebabnya)? Sesungguhnya Allah Maha Halus serta lemah-lembut (urusan</p>	Mukḥḍarrah: Tumbuhan Yang Menghijau

	tadbirNya), lagi Maha Mendalam pengetahuanNya (akan hal-ehwal sekalian makhlukNya).	
60. Al-Mu'minun, 23:19	Kemudian, Kami tumbuhkan untuk dengan air itu, kebun-kebun tamar (kurma) dan anggur. Kamu beroleh dalam kebun-kebun itu (berbagai jenis lagi) buah-buahan yang banyak, dan dari kebun-kebun itulah kamu beroleh rezeki penghidupan kamu.	Jannāt: Kebun-kebun Nakhīl: Tamar (Kurma) A`nāb: Anggur Fawākih: Buah-buahan
61. Al-Mu'minun, 23:20	Dan (Kami juga menumbuhkan untuk kamu) pokok yang asal tumbuhnya di kawasan Gunung Tursina, yang mengeluarkan minyak dan lauk bagi orang-orang yang makan.	Shajar: Pokok Duhn: Minyak Şibgh: Lauk
62. An-Nur, 24:35	Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayah petunjuk Allah (Kitab Suci Al-Quran) adalah sebagai sebuah "misykaat" yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam geluk kaca (qandil), geluk kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang; lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok yang banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu - dengan sendirinya - memancarkan cahaya bersinar (kerana jernihnya) walaupun ia tidak disentuh api; (sinaran nur hidayah yang demikian bandingnya adalah sinaran yang berganda-ganda): cahaya berlapis cahaya. Allah memimpin sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang dan peraturanNya) kepada nur hidayahNya itu; dan Allah mengemukakan berbagai-bagai misal perbandingan untuk umat manusia; dan Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.	Shajarah: Pokok Zaytūnah: Pokok Zaitun Zayt: Minyak
63. Ash-Shu'ara', 26:7	Masihkah mereka berdegil dan tidak memperhatikan bumi, berapa banyak kami tumbuhkan padanya dari berbagai jenis tanaman yang memberi banyak	Zawj Karīm: Berbagai Jenis Tanaman Yang Memberi Banyak Manfaat

	manfaat?	
64. Ash-Shu`ara', 26:147	Di dalam taman-taman (yang indah permai), dan matair-matair (yang mengalir),	Jannāt: Kebun-kebun
65. Ash-Shu`ara', 26:148	Dan kebun-kebun tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang buah mayangnya halus lembut?	Zurū` : Kebun-kebun Tanaman  Nakhl: Pohon-pohon Tamar (Kurma)  Ṭal` : Buah Mayang
66. An-Naml, 27:60	Bahkan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman kebun-kebun (yang menghijau subur) dengan indahnya, yang kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkan pohon-pohonnya. Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan mereka (yang musyrik itu) adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran (tauhid).	Ḥadāiq: Tanaman Kebun-kebun  Shajar: Pohon-pohon
67. Al-Qasas, 28:30	Maka ketika ia sampai ke tempat api itu, (kedengaran) ia diseru dari tepi lembah yang di sebelah kanan, di tempat yang dilimpahi berkat, dari arah pohon kayu (yang ada di situ): "Wahai Musa, sesungguhnya Akulah Allah Tuhan sekalian alam. (Sesungguhnya api itu adalah sebagai satu isyarat yang didatangkan oleh Allah untuk menarik perhatian Musa ke tempat itu dan bukannya zat Allah, Wallahu A'lam)	Shajarah: Pokok
68. Ar-Rum, 30:15	Adapun kumpulan orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka akan ditempatkan di taman Syurga dalam keadaan bersuka ria.	Rawḍah: Taman
69. Ar-Rum, 30:51	Dan demi sesungguhnya, jika Kami hantarkan angin (menyerang tanaman) lalu mereka melihat tanaman itu menjadi kuning kering, nescaya mereka sesudah itu, terus kembali kufur (tidak mengenangkan nikmat-nikmat Allah serta	Muṣfar: Tumbuhan Yang Berwarna Kuning Kerana Layu

	berputus asa).	
70. Luqman, 31:10	la menciptakan langit dengan tidak bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya; dan la mengadakan di bumi gunung-ganang yang menetapnya supaya bumi itu tidak menghayun-hayunkan kamu; dan la biakkan padanya berbagai jenis binatang. Dan Kami menurunkan hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan di bumi berbagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat.	Zawj Karīm: Berbagai Jenis Tanaman Yang Memberi Banyak Manfaat
71. Luqman, 31:16	(Luqman menasihati anaknya dengan berkata); "Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat bijih sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalasNya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuannya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi.	Khardal: Bijih Sawi
72. Luqman, 31:27	Dan sekiranya segala pohon yang ada di bumi menjadi pena, dan segala lautan (menjadi tinta), dengan dibantu kepadanya tujuh lautan lagi sesudah itu, nescaya tidak akan habis Kalimah-kalimah Allah itu ditulis. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.	Shajarah: Pokok
73. As-Sajdah, 32:27	Dan tidakkah mereka (yang tidak mahu taat dan bersyukur) itu melihat bahawasanya Kami mengarahkan turunnya hujan ke bumi yang kering kontang, lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman-tanaman, yang daripadanya dimakan oleh binatang-binatang ternak mereka dan mereka sendiri? Maka mengapa mereka tidak mahu memerhati (semuanya itu supaya taat dan bersyukur)?	Zar` : Tanaman-tanaman

74. Saba', 34:16	Maka mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang berbuah, serta sedikit pohon-pohon bidara.	Sayl 'Arim: Banjir  Jannatayn: Dua Kumpulan Kebun  Ukul Khamṭ: Pohon-pohon Yang Pahit Buahnya  Athl: Pohon-pohon Yang Jarang Berbuah  Sidr: Pohon-pohon Bidara
75. Al-Fatir, 35:13	Allah jua yang memasukkan malam pada siang dan memasukkan siang pada malam (silih berganti), dan Ia yang memudahkan peredaran matahari dan bulan; tiap-tiap satu dari keduanya beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Yang melakukan semuanya itu ialah Allah Tuhan kamu, bagiNya kuasa pemerintahan; sedang mereka yang kamu sembah - yang lain dari Allah - tidak mempunyai sesuatu pun walau senipis selaput biji kurma.	Qiṭmīr: Pucuk Tipis Pada Biji
76. Al-Fatir, 35:27	Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan air hujan itu buah-buahan yang berlainan jenis dan rupanya; dan di antara gunung-ganang pula ada yang mempunyai jalur-jalur serta lorong-lorong putih dan merah, yang berlainan warnanya (tua dan muda) dan ada juga yang hitam legam;	Thamarāt: Buah-buahan
77. Yasin, 36:33	Dan dalil yang terang untuk mereka (memahami kekuasaan dan kemurahan kami), ialah bumi yang mati; kami hidupkan dia serta kami keluarkan daripadanya biji-bijian, maka daripada biji-bijian itu mereka makan.	Ḥabb: Biji-bijian
78. Yasin, 36:34	Dan Kami jadikan di bumi itu kebun-kebun kurma dan anggur, dan Kami pancarkan padanya beberapa mataair.	Jannāt: Kebun-kebun  Nakhīl: Kurma  A`nāb: Anggur

79. Yasin, 36:35	Supaya mereka makan dari buah-buahnya dan dari apa yang dikerjakan oleh tangan mereka; maka patutkah mereka tidak bersyukur?	Thamar: Buah-buahan
80. Yasin, 36:36	Maha Suci Tuhan yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan; sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi; atau dari diri mereka, ataupun dari apa yang mereka tidak mengetahuinya.	Mā Tunbitu Al-Arḍ: Yang Ditumbuhkan Oleh Bumi
81. Yasin, 36:39	Dan bulan pula Kami takdirkan dia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya - (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering.	`Urjūn: Anggur
82. Yasin, 36:80	Tuhan yang telah menjadikan api (boleh didapati) dari pohon-pohon yang hijau basah untuk kegunaan kamu, maka kamu pun selalu menyalakan api dari pohon-pohon itu.	Al-Shajar Al-Akhḍar: Pokok Hijau
83. As-Saffat, 37:62	Manakah yang lebih baik, limpah kurniaan yang termaklum itu atau pokok zaqqum?	Shajarah Az-Zaqqūm: Pokok Zaqqum
84. As-Saffat, 37:64	Sebenarnya ia sebatang pohon yang tumbuh di dasar neraka yang marak menjulang.	Shajarah: Sebatang Pohon
85. As-Saffat, 37:146	Dan Kami tumbuhkan (untuk melindunginya) sebatang pokok yang berdaun lebar.	Shajar: Sebatang Pokok Yaqṭīn: Yang Berdaun Lebar
86. Az-Zumar, 39:21	Tidakkah engkau memerhatikan, bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkanNya menjadi matair-matair di bumi; kemudian Ia menumbuhkan dengan air itu tanaman-tanaman yang berbagai jenis dan warnanya; kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar (hingga ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatmu berupa kuning; kemudian Ia menjadikannya hancur	Zar` : Tanaman-tanaman Mukhtalif Alwān: Yang Berbagai Jenis Dan Warna Huṭām: Tumbuhan Yang Kering dan Hancur



	bersepai? Sesungguhnya segala yang tersebut itu mengandung peringatan yang menyedarkan orang-orang yang berakal sempurna.	
87. Fussilat, 41:47	Kepada (ilmu pengetahuan) Allah jualah kembalinya soal mengetahui masa datangnya hari kiamat; dan (demikianlah tiap-tiap apa yang akan berlaku, kerana) sebiji buah (umpamanya) tidak akan keluar dari kelopaknyanya, dan seorang ibu tidak akan mengandung dan tidak akan melahirkan anak, melainkan (pada masa dan keadaan yang betul tepat) dengan pengetahuan Allah. Dan pada hari Tuhan menyeru mereka (yang musyrik, dengan bertanya kepada mereka): "Mana dia makhluk-makhluk yang kamu sifatkan menjadi sekutu-sekutuKu?" Mereka menjawab: "Kami mengakui kepadaMu (wahai Tuhan kami), bahawa tidak ada di antara kami seorang pun yang mahu menjadi saksi (kerana anggapan kami dahulu telah nyata salahnya)!"	Thamarāt: Buah-buahan  Akmām: Mayang
88. Ash-Shura, 42:20	Sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) mendapat faedah [ <i>harth</i> , hasil tuaian. Pen.] di akhirat, Kami akan memberinya mendapat tambahan pada faedah yang dikehendakinya dan sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) kebaikan [ <i>harth</i> , hasil tuaian. Pen.] di dunia semata-mata, Kami beri kepadanya dari kebaikan dunia itu (sekadar yang Kami tentukan) dan dia tidak akan beroleh sesuatu bahagian pun di akhirat kelak.	Ḥarḥ: Hasil tuaian, pahala, ganjaran
89. Ad-Dukhan, 44:25	Banyak sungguh kebun-kebun dan matair, mereka tinggalkan.	Jannāt: Kebun-kebun
90. Ad-Dukhan, 44:26	Dan juga berbagai-bagai jenis tanaman serta tempat-tempat kediaman yang indah – mulia	Zurū` : Berbagai-bagai Jenis Tanaman
91. Ad-Dukhan, 44:43	(Ingatlah), sesungguhnya pokok Zaaqum, -	Shajarah Az-Zaqqūm: Pokok Zaaqum

92. Al-Fath, 48:18	Demi sesungguhnya! Allah reda akan orang-orang yang beriman, ketika mereka memberikan pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad) di bawah naungan pohon (yang termaklum di Hudaibiyah); maka (dengan itu) ternyata apa yang sedia diketahuinya tentang (kebenaran iman dan taat setia) yang ada dalam hati mereka, lalu la menurunkan semangat tenang tenteram kepada mereka, dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat masa datangnya;	Shajarah: Pokok
93. Al-Fath, 48:29	Nabi Muhammad (s.a.w) ialah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engkau melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud, dengan mengharapkan limpah kurnia (pahala) dari Tuhan mereka serta mengharapkan keredaannya. Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang yang soleh) terdapat muka mereka - dari kesan sujud (dan ibadat mereka yang ikhlas). Demikianlah sifat mereka yang tersebut di dalam Kitab Taurat; dan sifat mereka di dalam Kitab Injil pula ialah: (bahawa mereka diibaratkan) sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan yang mengkagumkan orang-orang yang menanamnya. (Allah menjadikan sahabat-sahabat Nabi Muhammad, s.a.w dan pengikut-pengikutnya kembang biak serta kuat gagah sedemikian itu) kerana la hendak menjadikan orang-orang kafir merana dengan perasaan marah dan hasad dengki - dengan kembang biaknya umat Islam itu. (Dan selain itu) Allah telah menjanjikan orang-orang yang	Sūq: Batang Pokok Zar` : Tanaman Shaṭ': Putik

	beriman dan beramal soleh dari mereka, keampunan dan pahala yang besar	
94. Qaf, 50:7	Dan juga (keadaan) bumi ini, (bagaimana) Kami bentangkan dia sebagai hamparan, dan Kami letakkan padanya gunung-ganang yang terdiri kukuh, serta Kami tumbuhkan padanya pelbagai jenis tanaman yang indah subur?	Zawj Bahīj: Tanaman Yang Indah Subur
95. Qaf, 50:9	Dan juga Kami telah menurunkan dari langit air (hujan) yang banyak faedahnya, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu pokok-pokok tanaman (buah-buahan) dan biji-bijian yang dituai.	Jannāt: Pokok-pokok Tanaman (Buah-buahan) Ḥabb Al-Ḥaṣīd: Biji-bijian Yang Dituai
96. Qaf, 50:10	Serta pohon-pohon kurma yang tinggi menjulang, yang mengeluarkan mayang, berlapis-lapis, lagi lebat putiknya.	Nakhl: Pohon-pohon Kurma Ṭal' Naḍīd: Mayang Berlapis-lapis, Lagi Lebat Putiknya
97. Al-Qamar, 54:20	Yang menumbangkan manusia gugur bergelimpangan, seolah-olah mereka batang-batang pohon kurma yang terbongkar.	A`jāz: Batang-batang Pokok Nakhl: Pohon-pohon Kurma
98. Ar-Rahman, 55:6	Dan tumbuh-tumbuhan yang melata serta pohon-pohon kayu-kayuan, masing-masing tunduk menurut peraturannya.	Najm: Tumbuh-tumbuhan Yang Melata Shajar: Pohon-pohon Kayu-kayuan
99. Ar-Rahman, 55:11	Terdapat padanya berbagai jenis buah-buahan dan pohon-pohon kurma yang ada kelopak-kelopak mayang.	Fākīhah: Berbagai Jenis Buah-buahan Nakhl: Pohon-pohon Kurma Dhāt Al-Akmām: Yang Ada Kelopak-kelopak Mayang

100. Ar-Rahman, 55:12	Demikian juga terdapat biji-bijian yang ada jerami serta daun, dan terdapat lagi bunga-bunga yang harum.	Ḥabb: Biji-bijian Dhu Al-ʿAṣf: Yang Ada Jerami Serta Daun Rayḥān: Bunga-bunga Yang Harum
101. Ar-Rahman, 55:48	(Dua Syurga) yang ada berjenis-jenis pohon dan buah-buahan; -	Afnān: Ranting Yang Lembut
102. Ar-Rahman, 55:68	Pada keduanya juga terdapat buah-buahan, serta pohon-pohon kurma dan delima.	Fākihah: Buah-buahan Nakhl: Pohon-pohon Kurma Rummān: Delima
103. Al-Waqi`ah, 56:28	Mereka bersenang-lenang di antara pohon-pohon bidara yang tidak berduri.	Sidr Makhḍūd: Pohon-pohon Bidara Yang Tidak Berduri
104. Al-Waqi`ah, 56:29	dan pohon pisang yang bersusun-susun (buahnya).	Ṭalḥ Mandūd: Pohon Pisang Yang Bersusun-susun (Buahnya)
105. Al-Waqi`ah, 56:32	Serta buah-buahan yang banyak.	Fākihah: Buah-buahan
106. Al-Waqi`ah, 56:52	Tetap akan memakan (pada hari itu) dari sebatang pokok, yaitu pokok zaqqum,	Zaqqūm: Buah Zaqqum
107. Al-Waqi`ah, 56:63	Maka (mengapa kamu masih berdegil?) Tidakkah kamu melihat apa yang kamu tanam?	Mā Taḥruthūn: Apa Yang Kamu Tanam
108. Al-Waqi`ah, 56:20	Kalau Kami kehendaki, sudah tentu Kami akan jadikan tanaman itu kering hancur (sebelum ia berbuah), maka dengan itu tinggallah kamu dalam keadaan hairan dan menyesal.	Ḥuṭām: Tumbuhan Yang Kering dan Hancur
109. Al-Waqi`ah, 56:64	Kamukah yang menumbuhkannya atau Kami yang menumbuhkannya?	Tazra`ūnahu: Menumbuhkannya (tumbuhan)
110. Al-Waqi`ah, 56:72	Kamukah yang menumbuhkan pokok kayunya, atau Kami yang menumbuhkannya?	Shajarah: pokok

111. Al-Hadid, 57:20	Ketahuilah bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa semata-mata) permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurangkan), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan, dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak pinak; (semuanya itu terhadap waktunya) samalah seperti hujan yang (menumbuhkan tanaman yang menghi-jau subur) menjadikan penanamnya suka dan tertarik hati kepada kesuburannya, kemudian tanaman itu bergerak segar (ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; akhirnya ia menjadi hancur bersepai; dan (hendaklah diketahui lagi, bahawa) di akhirat ada azab yang berat (di sediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan dunia itu), dan (ada pula) keampunan besar serta keredaan dari Allah (disediakan bagi orang-orang yang mengutamakan akhirat). Dan (ingatlah, bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya.	Nabāt: Tumbuhan  Muşfar: Tumbuhan Yang Menguning Kerana Layu  Huṭām: Tumbuhan Yang Kering dan Hancur
112. Al-Hashr, 59:5	Mana-mana jua pohon kurma (kepunyaan musuh) yang kamu tebang atau kamu biarkan tegak berdiri seperti keadaannya yang asal, maka yang demikian adalah dengan izin Allah (kerana Ia hendak memberi kemenangan kepada orang-orang mukmin), dan kerana Ia hendak menimpakan kehinaan kepada orang-orang yang fasik.	Līnah: Batang Pokok
113. Al-Qalam, 68:17	Sesungguhnya Kami telah timpakan mereka dengan bala bencana, sebagaimana Kami timpakan tuan-tuan punya kebun (dari kaum yang telah lalu), ketika orang-orang itu bersumpah (bahawa) mereka akan memetik buah-buah kebun itu pada esok pagi; -	Jannah: Kebun

114. Al-Qalam, 68:22	(Setengahnya berkata): "Pergilah pada pagi-pagi ke kebun kamu, kalau betul kamu mahu memetik buahnya".	Ḥarth: Ladang
115. Nuh, 71:12	"Dan la akan memberi kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak; dan la akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya).	Jannāt: Kebun-kebun
116. Nuh, 71:17	"Dan Allah telah menumbuhkan kamu (hidup dari benda-benda yang berasal) dari bumi, dengan pertumbuhan yang sungguh-sungguh sempurna.	Nabāt: Pertumbuhan Yang Sungguh-sungguh Sempurna
117. Al-Insan, 76:5	Sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan taat dan kebajikan), akan meminum dari piala: sejenis minuman yang bercampur dengan "Kafur".	Kāfūr
118. Al-Insan, 76:17	Dan mereka dalam Syurga itu, diberi minum sejenis minuman yang campurannya dari "Zanjabil".	Zanjabīl
119. Al-Mursalat, 77:42	Serta menikmati buah-buahan dari segala jenis yang mereka ingini.	Fawākih: Buah-buahan
120. An-Naba', 78:15	Untuk Kami mengeluarkan dengan air itu, biji-bijian dan tumbuh-tumbuhan.	Ḥabb: Biji-bijian Nabāt: Tumbuh-tumbuhan
121. An-Naba', 78:16	Serta kebun-kebun yang subur bertaut-taut pokoknya?	Jannāt: Kebun-kebun
122. An-Naba', 78:32	(Mereka akan beroleh) tanam-tanaman bunga dan kebun-kebun buah-buahan, terutama anggur.	Ḥadā'iq: Tanaman-tanaman Bunga Dan Kebun-kebun Buah-buahan A`nāb: Anggur
123. An-Nazi`at, 79:31	la mengeluarkan dari bumi itu: airnya dan tumbuh-tumbuhannya;	Mar`a: Tumbuhan Untuk Makanan Ternakan Di Tanah Lapang

124. `Abasa, 80:27	Lalu Kami tumbuhkan pada bumi biji-bijian.	Ḥabb: Biji-bijian
125. `Abasa, 80:28	Dan buah anggur serta sayur-sayuran.	`Inab: Buah Anggur Qaḍb: Sayur-sayuran
126. `Abasa, 80:29	Dan Zaitun serta pohon-pohon kurma.	Zaytūn: Zaiton Nakhl: Pohon-pohon Kurma
127. `Abasa, 80:30	Dan taman-taman yang menghijau subur.	Ḥadā'iq: Taman-taman
128. `Abasa, 80:31	Dan berbagai buah-buahan serta bermacam-macam rumput.	Fākihah: Berbagai-bagai Buah-buahan Abb: Bermacam-macam Rumput
129. Al-Mutaffifin, 83:25	Mereka diberi minum dari satu minuman yang termeterai bekasnya,	Raḥīq: Arak Bermutu Tinggi
130. Al-Āla, 87:4	Dan Yang telah mengeluarkan tumbuh-tumbuhan untuk binatang-binatang ternak,	Mar`a: Tumbuhan Untuk Makanan Ternakan Di Tanah Lapang
131. Al-Ghashiyah, 88:6	Tiada makanan bagi mereka (di situ) selain dari pokok-pokok yang berduri.	Ḍarī': Pokok-pokok Yang Berduri
132. At-Tin, 95:1	Demi buah Tin dan Zaitun.	Tīn: Buah Tiin Zaytūn: Zaiton

## JADUAL 2 - SENARAI TUMBUHAN DAN HASIL TUMBUHAN DI DALAM AL-QURAN<sup>104</sup>

Tumbuhan	Transliterasi dan Teks (Bahasa Arab)	Nama Saintifik	Ayat Al-Quran
1. Anggur / Anggur-anggur	(عنب) `Inab / A`nāb (أعناب)	Vitis vinifera	80:28 / 2:266, 6:99, 13:4, 16:11, 16:67, 18:32, 23:19, 36:34, 78:32
2. Anggur	`Urjūn (عرجون)	-	36:39
3. Arak	Khamr (خمر)	-	2:219
4. Arak Bermutu Tinggi	Raḥīq (رحيق)	-	83:25
5. Batang Pokok	Sūq (سوق)	-	48:29
6. Batang-batang Pokok	A`jāz (أعجاز)	-	54:20
7. Batang Pokok	Līnah (لينة)	-	59:5
8. Batang Jemari	Sunbulah (سنبلة)	Cymbopogon schoenanthus	2:261
9. Batang-batang Jemari	Sanabil (سنايل) / Sunbulāt (سنبلات)	Hordeum vulgare	2:261, 12:46
10. Batang Pohon Kurma	Jidh` An-Nakhlah (جذع النخلة)	Phoenix dactylifera	19:25
11. Bawang Putih	Fūm (فوم)	Allium sativum	2:61
12. Bawang Merah	Başal (بصل)	Allium cepa	2:61
13. Benih	Ḥabbah (حبة)	-	2:261
14. Bidara	Sidr (سدر)	Ziziphus mauritiana / Zizyphus spina-christi	34:16, 56:28
15. Biji (Buah-buahan)	Nawá (نوى)	-	6:95, 77:42

<sup>104</sup>Ibid; Ibid.



16. Biji-bijian	Ḥabb (حبّ)	-	36:33, 50:9, 55:12, 78:15, 80:27
17. Bijian Berjerami / Berkulit	Dhu Al-ʿAṣf (ذوالعصف)	Brassica nigra	21:47, 31:16
18. Biji Sawi	Khardal (خردل)	-	55:12
19. Buah / Buah-buahan	Thamar (ثمر) / Thamarāt (ثمرات)	-	6:99, 6:141, 18:34, 18:42, 36:35 / 2:22, 7:57, 14:32, 14:37, 16:69, 35:27, 41:47, 56:72
20. Buah	Fākihah (فاكهة) / Fawākih (فواكه)	Etaerio	43:73, 56:32 / 23:19
21. Buah / Makanan	Ukul (أكل)	-	13:4, 14:25
22. Buah Kurma Basah	Ruṭab (رطب)	Phoenix dactylifera	19:25
23. Buah Yang Sudah Matang Untuk Dipetik	Quṭūf (قطوف)	-	76:14
24. Bunga-bunga	Rayḥān (ريحان)	Ocimum basilicum	55:12
25. Butir (Tumbuh-tumbuhan)	Ḥabb (حبّ)	Dehiscent capsular	7:35
26. Cabang Pucuk	Far` (فرع)	-	14:24
27. Dari` (Buah Neraka)	Darī` (ضريع)	-	88:6
28. Daun	Waraq/Waraqah (ورق/ورقة)	Folium	6:59, 7:22, 20:121
29. Delima	Rummān (رمان)	Panica granatum	6:99, 6:141, 55:68
30. Halia (Zanjabil)	Zanjabīl (زنجبيل)	Zingiber officinale	76:17
31. Kacang Dal	`Adas (عدس)	Cajanus Cajan / Lens esculents / Lens culinaris	2:61

32. Kapur	Kāfūr (كافور)	Dryobalanops Aromatica / Cinnamomum camphora	76:5
33. Kebun-kebun	Jannah (جَنَّة) / Jannāt (جَنَّات)	-	2:265, 2:266, 18:35, 18:39, 18:40, 68:17 / 26:147, 71:12, 44:25
34. Ladang	Ḥarth (حَرْث)	-	2:71, 205, 3:14, 21:78, 6:136, 6:138, 42:20, 68:22
35. Mann	Mann (مَنْ)	Cucumis melo	2:57, 7:160
36. Mayang	Ṭal` (طَلَع)	-	26:148, 50:10
37. Mayang	Akmām (أَكْمَام)	-	55:11
38. Minyak Pepejal Dari Tumbuhan	Duhn (دُهْن)	-	23:20
39. Minyak Cairan Dari Tumbuhan	Zayt (زَيْت)	-	24:35
40. Pangkal (Akar Tunjang)	Aṣl (أَصْل)	Hypocotyl	14:24
41. Pewarna Dari Tumbuhan	Ṣibgh (صَبْغ)	-	23:50
42. Pisang	Ṭalḥ (طَلْح)	Musa sapientum / Musa paradisiaca	56:29
43. Pohon/Pokok / Pokok-pokok	Shajar (شَجَر) / Shajar- ah (شَجَرَة) / Shajarāt (شَجَرَات)	-	14:26, 16:10, 16:68, 22:18, 23:20, 24:35, 27:60, 28:30, 31:27, 36:80, 37:64,
43. Pohon/Pokok / Pokok-pokok	Shajar (شَجَر) / Shajar- ah (شَجَرَة) / Shajarāt (شَجَرَات)	-	14:26, 16:10, 16:68, 22:18, 23:20, 24:35, 27:60, 28:30, 31:27, 36:80, 37:64, 37:146, 48:18, 55:6 / 14:24
44. Pokok Menjulang Tinggi	Ṭal` (طَلَع)	-	50:10


45. Pohon Di Syurga Yang Menyebabkan Hidup Selama - lamanya	Shajarah Al-Khuld (شجرة الخلد)	-	20:120
46. Pokok-pokok Tanaman (Buah-buahan)	Jannāt (جَنّات)	Plantae	50:9, 78:16
47. Pokok Kurma (Tamar)	Nakhl (نخل) / Nakhīl (نخيل)	Phoenix dactylifera	2:266, 6:99, 6:141, 18:32, 26:148, 50:10, 55:11, 55:68, 80:29 / 13:4, 16:11, 16:67, 23:19, 36:34
48. Pokok berbuah pahit / Bauh pokok berduri	Khamṭ (خمط)	Salvadora persica	34:16
49. Pokok Yang Menjalar Ke Atas	Ma`rūshāt (معروشات)	-	6:141
50. Pokok Yang Menjalar Di Atas Tanah / Labu	Yaqṭīn (يقطين)	Cucurbita pepo / Lagenaria siceraria	37:146
51. Pokok Menjalar	Najm (نجم)	Stolons	55:6
52. Pokok-pokok Yang Berduri	Ḍarī' (ضريع)	-	88:6
53. Pokok Zaitun	Zaytūnah (زيتونة)	Olea europaea	24:35
54. Pokok Zaqqum	Shajarah Az-Zaqqūm (شجرة الزقوم)	Euphorbia abyssinica / Balanites aegyptiaca / Nerium oleander	37:62, 44:43
55. Pokok Yang Pada Batangnya Bercambah Beberapa Pokok	Qinwān (قنوان)	-	6:99
56. Pokok Berbuah Tersusun	Naḍīd (نضيد) / Mandūd (منضود)	-	50:10 / 56:29

57. Putik	Shat' (شطاء)	Epicotyl	48:29
58. Pucuk Tipis Pada Biji	Qiṭmīr (قطمير)	Plumule	35:13
59. Pucuk Yang Baru Keluar Dari Biji Benih Yang Belum Berpucuk	Fatīl (فتيل)	Radicle	4:49, 4:77, 17:71
60. Ranting lembut	Afnān (أفنان)	-	55:48
61. Rumput	Abb (أب)	Poaceae / Trifolium	80:31
62. Salwa	Salwá (سلوى)	-	2:57, 7:160, 20:80
63. Sayur / Pokok Yang Menjalar	Qaḍb (قضب)	Cucurbitaceae	80:28
64. Sayuran	Baql (بقل)	Legumes / Portulacaceae	2:61
65. Taman	Rawḍah (روضة)	-	30:15
66. Tanaman / Hasil tuaian	Ḥarṡh (حرث)	-	2:223, 3:117, 56:63
67. Tanaman / Tanam-tanaman	Zar` (زرع) / Zurū` (زروع)	-	6:141, 13:4, 14:37, 16:11, 18:32, 32:27, 39:21/ 26:148, 44:26, 56:64
68. Tanaman / Kebun-kebun	Ḥadā'iq (حدائق)	-	27:60, 78:32, 80:30
69. Tanaman Yang Kering	Hashīm (هشيم)	-	54:31
70. Tanaman-tanaman Yang Bermanfaat	Zawj Karīm (زوج كريم)	-	26:7, 31:10
71. Tanaman Yang Indah Subur	Zawj Bahīj (زوج بهيج)	-	22:5, 50:7
72. Tin	Tīn (تين)	Vrticales moraceae / Ficus carica	95:1
73. Timun / Mentimun	Qithhā' (قثاء)	Cucumis sativus	2:61

74. Tuaian	Ḥaṣīd (حصيد)	-	11:100, 50:9
75. Tumbuhan	Nabāt (نبات)	-	7:58, 10:24, 18:45, 20:53, 57:20, 71:17
76. Tumbuhan Menguning	Muṣfar (مصفر)	Chlorosis / Etiolation	30:51, 57:20
77. Tumbuhan Yang Menghijau	Mukḥḍarraḥ (مخضرة)	-	22:63
78. Tumbuhan Makanan Ternakan Di Tanah Lapang	Mar`a (مرعى)	-	79:31, 87:4
79. Tumbuhan Yang Kering dan Hancur	Huṭām (حطام)	-	39:21, 56:65, 57:20
80. Zaitun	Zaytūn (زيتون)	Olea europaea	6:99, 6:141, 16:11, 80:29, 95:1
81. Zaqqum (Buah Di Neraka)	Zaqqūm (زقوم)	-	37:62, 44:43, 56:52

## BAB 3

### ISU-ISU KEAGAMAAN DALAM AYAT-AYAT TUMBUHAN



<https://www.istockphoto.com/photo/mountain-gm535373431-57127560?phrase=nature+wallpaper>

#### PENDAHULUAN

Bab kedua yang baru berlalu telah mengumpulkan ayat-ayat Al-Quran yang membicarakan tentang tumbuhan dan melakarkan pula gambaran besar dari ayat-ayat ini. Ia diakhiri dengan kesimpulan akan kepentingan membahas secara terperinci akan isu-isu yang dapat dikenalpasti dari ayat-ayat untuk menjana pelajaran-pelajaran penting bagi dijadikan panduan hidup Muslim. Isu-isu ini pula dapat dibahagikan kepada dua bidang besar, iaitu (a) isu-isu dalam bidang keagamaan, dan (b) isu-isu dalam bidang kehidupan dan keduniaan.

Bab ini pula bertujuan untuk membahaskan bidang besar yang pertama yang meliputi isu-isu keagamaan yang dapat dijana dari ayat-ayat tumbuhan dalam Al-Quran. Lima isu dikenalpasti yang meliputi dua isu akidah, iaitu (1) beriman dengan kewujudan Tuhan, dan (2) beriman dengan kewujudan hari akhirat. Tiga isu yang lain ialah isu hukum atau fikih, iaitu soal (3) kewajipan bersyukur dan beribudiyah kepada Allah taala atas nikmat tumbuhan, (4) hukum halal memanfaatkan dan menikmati tumbuhan, dan (5) kewajipan berzakat dan anjuran berkongsi nikmat yang diperolehi dari tumbuhan.

Bab ketiga ini dibahagikan kepada lima tajuk kecil. Setiap tajuk kecil akan membahas setiap satu dari kelima-lima isu yang dinyatakan di atas. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan yang akan merumuskan pelajaran-pelajaran penting dari perbahasan dalam bab ini.



فَأَصْبَحَ يُقَلِّبُ كَفَّيْهِ عَلَى مَا أَنْفَقَ فِيهَا وَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَى عُرُوشِهَا وَيَقُولُ يَا لَيْتَنِي لَمْ أُشْرِكْ بِرَبِّي أَحَدًا. وَلَمْ تَكُنْ لَهُ،  
فِعَّةٌ يَنْصُرُونَهُ، مِنْ دُونِ اللَّهِ وَمَا كَانَ مُنتَصِرًا. هُنَالِكَ الْوَلَايَةُ لِلَّهِ الْحَقِّ هُوَ خَيْرٌ ثَوَابًا وَخَيْرٌ عُقْبًا

*“Dan berikanlah kepada mereka satu contoh: Dua orang lelaki, Kami adakan bagi salah seorang di antaranya, dua buah kebun anggur; dan Kami kelilingi kebun-kebun itu dengan pohon-pohon tamar, serta Kami jadikan di antara keduanya, jenis-jenis tanaman yang lain. Kedua-dua kebun itu mengeluarkan hasilnya, dan tiada mengurangi sedikitpun dari hasil itu; dan kami juga mengalirkan di antara keduanya sebatang sungai. Tuan kebun itu pula ada mempunyai harta (yang lain); lalu berkatalah ia kepada rakannya, semasa ia berbincang dengannya: "Aku lebih banyak harta daripadamu, dan lebih berpengaruh dengan pengikut-pengikutku yang ramai". Dan ia pun masuk ke kebunnya (bersama-sama rakannya), sedang ia berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan sebab kufurnya), sambil ia berkata: "Aku tidak fikir, kebun ini akan binasa selama-lamanya. Dan aku tidak fikir, hari kiamat kan berlaku; dan kalaulah aku dikembalikan kepada Tuhanku (sebagaimana kepercayaanmu), tentulah aku akan mendapat tempat kembali yang lebih baik daripada ini. Berkatalah rakannya kepadanya, semasa ia berbincang dengannya: "Patutkah engkau kufur ingkar kepada Allah yang menciptakan engkau dari tanah, kemudian dari air benih, kemudian Ia membentukmu dengan sempurna sebagai seorang lelaki? Tetapi aku sendiri percaya dan yakin dengan sepenuhnya bahawa Dia lah Allah, Tuhanku, dan aku tidak sekutukan sesuatu pun dengan Tuhanku. Dan sepatutnya semasa engkau masuk ke kebunmu, berkata: (Semuanya ialah barang yang dikehendaki Allah)! (tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah)? Kalau engkau memandangkanku sangat kurang tentang harta dan anak, berbanding denganmu, Maka mudah-mudahan Tuhanku akan mengurniakan daku lebih baik daripada kebunmu, dan (aku bimbang) dia akan menimpakannya dengan bala, bencana dari langit, sehinggalah menjadilah kebunmu itu tanah yang licin tandus. Ataupun air kebun itu akan menjadi kering ditelan bumi, maka dengan yang demikian, engkau tidak akan dapat mencarinya lagi". Dan segala tanaman serta harta bendanya itupun dibinasakan, lalu jadilah ia membalik-balikkan kedua tapak tangannya (kerana menyesal) terhadap segala perbelanjaan yang telah dibelanjakannya pada kebun-kebunnya, sedang kebun-kebun itu runtuh junjung-junjung tanamannya; sambil dia berkata: "Alangkah baiknya kalau aku tidak sekutukan sesuatupun dengan Tuhanku!" Dan ia tidak mendapat sebarang golongan yang boleh menolongnya, selain dari Allah; dan ia pula tidak dapat membela dirinya sendiri. Pada saat yang sedemikian itu kekuasaan memberi pertolongan hanya tertentu bagi Allah, Tuhan yang sebenar-benarnya; Dia lah sebaik-baik pemberi pahala, dan sebaik-baik pemberi kesudahan yang berbahagia (kepada hamba-hambanya yang taat).”*

(Surah Al-Kahf, 18:32-44)

Terdapat banyak ayat-ayat Al-Quran yang mengatakan dengan jelas bahawa segala tumbuhan di muka bumi wujud adalah kerana dicipta oleh satu Kuasa Yang Maha Agung, atau Tuhan, yang dikenali sebagai Allah.

<sup>107</sup> Surah Luqman, 31:10, Surah Al-Waqi'ah, 56:63-5, Surah Nuh, 71:17, Surah Naba', 78:15, Surah Abasa, 80:27-32.



يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ. الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فُرُشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

*“Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa. Dia lah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkanNya air hujan dari langit, lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa).”*

(Surah Al-Baqarah, 2:21-22)

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْفُلْكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْأَنْهَارَ

*“Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan la yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya).”*

(Surah Ibrahim, 14:32)

Ayat-ayat Al-Quran juga menyatakan dengan jelas bahawa tujuan utama dari penciptaan tumbuhan adalah untuk menjadi tanda atau bukti bagi manusia bahawa Tuhan itu wujud kerana tidak mungkin tumbuhan yang pelbagai, kompleks dan banyak manfaatnya bagi manusia boleh wujud tanpa ada yang mewujudkannya.<sup>108</sup>

إِنَّ اللَّهَ فَالِقُ الْحَبِّ وَالنَّوَى ۚ يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَمُخْرِجُ الْمَيِّتِ مِنَ الْحَيِّ ۚ ذَٰلِكُمْ اللَّهُ فَتَأْتِي تَوْفَكُونَ

*“Sesungguhnya Allah jualah yang membelah (menumbuhkan) butir (tumbuh-tumbuhan) dan biji (buah-buahan). Ia mengeluarkan yang hidup dari yang mati, dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. Yang sedemikian itu kekuasaannya ialah Allah. Maka bagaimanakah kamu dipalingkan dari menyembahNya (oleh benda-benda yang kamu jadikan sekutuNya)?”*

(Surah Al-An`am, 6:95)

Tujuan utama pemberitahuan perkara ini kepada manusia ialah supaya manusia yang telah meraih banyak manfaat dari tumbuhan sebagai makanan, ubat, pakaian dan tempat berteduh sewajarnya bersyukur kepada Tuhan kerana menciptakan tumbuhan-tumbuhan sebagai nikmat kepada mereka.<sup>109</sup>

<sup>108</sup> Surah Yunus, 10:24-5, Surah Ar-Ra`d, 13:3-4, Surah Taha, 20:53-5, Surah Al-Anbiya', 21:5, Surah Al-Mu'minin, 23:19-20, Surah An-Nur, 24:35, Surah Ash-Shu`ara', 26:7, Surah An-Naml, 27:60, Surah Yasin, 36:33-6, Surah Az-Zumar, 39:21, Surah Nuh, 71:17, Surah An-Naba', 78:15, Surah `Abasa, 80:27-31. Lihat juga Surah Al-A`raf, 7:57 dan kaitannya dengan Surah Al-A`raf, 7:54; Surah Qaf, 50:7 dan kaitannya dengan Surah Qaf, 50:5.

ثُمَّ بَعَثْنَاكُمْ مِنْ بَعْدِ مَوْتِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ. وَظَلَّلْنَا عَلَيْكُمُ الْغَمَامَ وَأَنْزَلْنَا عَلَيْكُمُ الْمَنَّاءَ وَالسَّلْوَىٰ كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَمَا ظَلَمُونَا وَلَكِنْ كَانُوا أَنْفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ

*“Kemudian kami bangkitkan kamu sesudah kamu mati (atau penganan dari sambaran petir itu), supaya kamu bersyukur. Dan Kami telah menaungi kamu dengan awan (dari panas matahari di padang pasir) dan Kami turunkan kepada kamu "Mann" dan "Salwa", (serta Kami berfirman): "Makanlah dari makanan-makanan yang baik yang Kami telah kurniakan kepada kamu". Dan tidaklah mereka menganiaya Kami (sebab mereka kufurkan nikmat itu), tetapi sebenarnya mereka adalah menganiaya diri sendiri.”*

(Surah Al-Baqarah, 2:56-57)

Bagi membantu manusia menunjukkan sifat syukur supaya manusia tidak jatuh dalam kebingungan, Al-Quran memperkenalkan kepada manusia bahawa Tuhan Maha Pencipta ini adalah Allah Taala.<sup>110</sup>

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

*“Dia lah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Ia menuju dengan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna; dan Ia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”*

(Surah Al-Baqarah, 2:29)

Kemudian Al-Quran mengajar manusia agar percaya atau beriman dengan kewujudan Allah taala sebagai langkah pertama untuk mensyukuri nikmat yang telah dikurniakan.<sup>111</sup>

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَأَشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

*“Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya.”*

(Surah Al-Baqarah, 2:172)

<sup>109</sup> Surah Yasin, 36:35 dan Surah Nuh, 71:3. Lihat juga Surah An-Nahl, 16:10, dan kaitannya dengan Surah An-Nahl, 16:14.

<sup>110</sup> Surah Al-An`am, 6:1, Surah Al-An`am, 6:73, Surah Al-A`raf, 7:54, Surah Yunus, 10:3, Surah Hud, 11:7, Surah Ibrahim, 14:19, Surah Ibrahim, 14:32, Surah An-Nahl, 16:3, Surah Al-Isra', 17:99, Surah Al-Furqan, 25:59, Surah Ar-Rum, 30:22, Surah Luqman, 31:10, Surah As-Sajdah, 32:4.

<sup>111</sup> Surah Al-Anfal, 8:26, Surah An-Nahl, 16:114, Surah Al-Furqan, 25:62, Surah Al-Qasas, 28:73, Surah Ar-Rum, 30:46, Surah Luqman, 31:31, Surah As-Sajdah, 32:9, Surah Saba', 34:15, Surah Al-Jathiyah, 45:12.

Keinginan untuk mengetahui bagaimana dan mengapa diri manusia dan alam ini wujud adalah sesuatu yang naluri bagi manusia. Al-Quran mensifatkan ini sebagai fitrah dan şibghah, atau keadaan semula jadi pada diri manusia.

صِبْغَةَ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ صِبْغَةً وَنَحْنُ لَهُ عَابِدُونَ

*“(Katakanlah wahai orang-orang yang beriman: "Agama Islam, yang kami telah sehati dengannya ialah): celupan Allah yang mencorakkan seluruh kehidupan kami dengan corak Islam); dan siapakah yang lebih baik celupannya daripada Allah? (Kami tetap percayakan Allah) dan kepadaNya kami beribadat".”*

(Surah Al-Baqarah, 2:138)

Ia dikenali sebagai soalan-soalan eksistensial. Soal kewujudan soalan-soalan ini dalam naluri manusia adalah sesuatu yang diakui dalam lapangan sains kemanusiaan dan masyarakat.

Bagi memudahkan kefahaman tentang naluri ini, satu senario boleh dibayangkan, iaitu tentang seorang individu yang hidup susah, tapi setiap pagi dia mendapati ada makanan dan wang di pintu rumahnya. Naluri dalam dirinya pasti akan mendorong dia untuk bertanya, bagaimana makanan dan wang itu boleh ada di situ dan siapakah insan yang sudi memberi dan menghantar kepadanya kerana tidak mungkin ia boleh ada di situ dengan sendiri? Naluri manusia yang murni juga pasti akan berkeinginan untuk mengetahui siapa insan pemurah yang telah banyak membantunya ini supaya, paling kurang, dia dapat sampaikan ucapan terima kasih sebagai tanda bersyukur atau, lebih dari itu, membalas budi baiknya. Bila mampu, dia akan berusaha juga untuk cari insan ini, bukan hanya mengelamun dan berfikir tentangnya sahaja.

Demikianlah juga perspektif Al-Quran tentang dan perintahnya kepada manusia. Tidak hanya mahu menikmati segala manfaat dari alam tumbuhan tanpa berfikir - bagaimana ia boleh wujud kerana tidak mungkin kewujudan yang begitu indah dan kompleks boleh ada dengan sendiri dan siapa pula yang mewujudkannya untuk diucapkan kesyukuran atas segala pemberiannya.

إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ حَتَّى إِذَا أَخَذَتِ الْأَرْضُ زُخْرُفَهَا وَازَّيَّنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ قَالِرُونَ عَلَيْهِمْ أُنزِلْنَا لِينَالًا أَوْ نَهَارًا فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَأَن لَّمْ نُغْنِ بِهَا عَنْهُمْ كَذَلِكَ نَفُصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

<sup>112</sup> Surah Ar-Rum, 30:30. Lihat Yasien Muhammad, “The Interpretations of Fitrah”, Islamic Studies, 34 (2), 1995, ms. 129–151 dan Justin Parrot, The Case for Allah’s Existence in the Quran and Sunnah, T.tpt: Yaqeen Institute for Islamic Research, 2017.

<sup>113</sup> Lihat bab kedua dalam Buku Viktor E. Frankl, Man’s Search for Meaning, New York: Pocket Books, 1985; Lihat juga bahagian kedua dalam buku Irvin D. Yalom, The Yalom Reader: Selection of the Work of a Master Therapist and Storyteller, New York: Perseus Books, 1998.

<sup>114</sup> Surah Ar-Ra’d, 13:4, Surah An-Nahl, 16:10-3, Surah An-Nahl, 16:67-9, Surah Yasin, 36:33.

*“Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan suburnya) tanaman-tanaman di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang - bercampur-aduk dan berpaut-pautan (pokok-pokok dan pohonnya) dengan sebab air itu hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bunga yang berwarna-warni), dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya) datanglah perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari lalu Kami jadikan dia hancur-lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum itu. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu berfikir (dan mengambil iktibar daripadanya).”*

*(Surah Yunus, 10:24)*

Dari segi moral, insan yang tidak kisah tentang orang yang telah berbuat baik kepadanya dan tidak terdorong untuk menunjukkan rasa terima kasih atau membalas kebaikan orang itu dinilai tercela. Hal ini bersifat universal. Bagi Al-Quran melalui ayat-ayat tumbuhan dan banyak ayat-ayat lain pula, manusia yang tidak ambil peduli untuk mengetahui siapakah yang telah mencipta alam yang telah dinikmatinya selama ini, tidak mengakui kewujudannya dan tidak pula mahu berterima kasih kepadanya juga tercela kerana yang seperti itu adalah sikap yang sombong dan malas menggunakan akalinya untuk berfikir.<sup>115</sup>

أَلَمْ تَرَ أَنَّ الْفُلُكَ تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِنِعْمَتِ اللَّهِ لِيُرِيَكُمْ مِنْ آيَاتِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ

*“Tidakkah engkau memerhatikan bahawasanya kapal-kapal belayar di laut dengan nikmat Kurnia Allah, untuk diperlihatkan kepada kamu sebahagian dari tanda-tanda kemurahanNya? Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan dan bukti (untuk berfikir) bagi tiap-tiap (mukmin) yang tetap teguh pendiriannya, lagi sentiasa bersyukur.”*

*(Surah Luqman, 31:31)*

Namun Al-Quran juga mengingatkan manusia bahawa alam dan tumbuhan bukan sahaja bukti bahawa Tuhan, iaitu Allah, itu wujud, tetapi ia juga membuktikan bahawa Allah Yang Wujud, Maha Pencipta bagi alam ini dan Pemberi rezeki dan nikmat melalui ciptaannya itu, Satu, Tunggal atau Yang Maha Esa. Tiada Tuhan selain Allah taala, baik tuhan yang sedarjat atau tuhan-tuhan pengantara kecil yang lain. Maka tidak boleh bagi manusia untuk “menduakan” Tuhan dalam beriman dan menunjukkan kesyukuran. Al-Quran menamakan ini sebagai syirik.<sup>116</sup> Ia dianggap satu dosa sangat besar kerana Al-Quran memberitahu bahawa Allah Ta’ala mungkin sahaja tidak memberi keampunan kepada seorang manusia yang mati dalam keadaan sedemikian setelah ditunjukkan bukti yang nyata tentang Dia.<sup>117</sup>

<sup>115</sup> Lihat celaan Al-Quran kepada mereka yang beriman kerana tidak guna akal di Surah Yunus, 10:100 dan kaitannya dengan berfikir tentang alam dan ciptaan Tuhan di Surah Yunus, 10:101. Lihat juga Surah Al-A’raf, 7:178 yang menceritakan tentang ahli neraka kerana tidak mahu mengguna akal dan indera yang ada dan kaitannya dengan tidak beriman dengan Allah taala dalam Surah Al-A’raf, 7:172-7.

<sup>116</sup> Surah Al-Kahf, 18:110, Surah As-Saffat, 37:4, Surah Fussilat, 41:6. Lihat dialog antara seorang lelaki dan seorang tuan kebun yang kaya disebabkan hasil tanamannya tetapi tidak mentauhidkan Allah taala di Surah Al-Kahf, 18:32-44.

<sup>117</sup> Surah Al-Ma’idah, 5:72.

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا

*“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar.”*

(Surah An-Nisa', 4:48)

Keesaan Allah taala, di sisi Al-Quran, adalah kebenaran mutlak, sebagaimana juga kewujudanNya.

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ. اللَّهُ الصَّمَدُ. لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ.

*“Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; "Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; "la tiada beranak, dan la pula tidak diperanakkan; "Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa denganNya".”*

(Surah Al-Ikhlâs, 112:1-4)

Tuhan yang sebenar mesti bersifat Yang Unggul secara mutlak kerana apa jua yang wujud tapi tidak unggul secara mutlak pasti perlu bekerjasama atau berkongsi kuasa dan kedudukan dengan yang lain untuk mengurus seluruh alam atau hanya dapat menguasai urusan sebahagian dari alam ini. Yang seperti ini tidak layak menjadi Tuhan kerana ia tanda ketidaksempurnaan atau lemah yang tidak sesuai bagi sifat Tuhan.<sup>118</sup>

Al-Quran menyebut bahawa tumbuhan dan alam lain sebagai suatu ciptaan wujud dalam keadaan tersusun indah, bukan rambang.

إِنَّ اللَّهَ فَالِقُ الْحَبِّ وَالنَّوَىٰ يُعْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَمُخْرِجُ الْمَيِّتِ مِنَ الْحَيِّ ذَٰلِكُمْ اللَّهُ فَالِقُ الْإِصْبَاحِ وَجَعَلَ اللَّيْلَ سَكَنًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ حُسْبَانًا ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ. وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ النُّجُومَ لِتَهْتَدُوا بِهَا فِي ظُلُمَاتِ اللَّيْلِ وَالْبَحْرِ قَدْ فَضَّلْنَا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ. وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ فَمُسْتَقَرٌّ وَمُسْتَوْدَعٌ قَدْ فَضَّلْنَا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَفْقَهُونَ. وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ نَبَاتٍ كُلِّ شَيْءٍ فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُحْرِجُ مِنْهُ حَبًّا مُتَرَاكِبًا وَمِنْ النَّخْلِ مِنْ طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَسَابِهٍ أَنْظِرُوا إِلَىٰ تَمْرِهِ إِذَا أثمرَ وَيَنْعِمَ بِهِ إِنَّ فِي ذَٰلِكُمْ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

<sup>118</sup> Hamka, Tafsir Al-Azhar, jld. 6, Singapura: Pustaka Nasional, 2001, ms. 4555-61; Ibn `Ashur, Al-Tahrir Wa Al-Tanwir, Al-Abiya', ms. 22; Al-Sa' diy, Taisir Al-Karim Al-Rahman Fi Tafsir Kalam Al-Mannan, Al-Anbiya', ms. 22.

*“Sesungguhnya Allah jualah yang membelah (menumbuhkan) butir (tumbuh-tumbuhan) dan biji (buah-buahan). Ia mengeluarkan yang hidup dari yang mati, dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. Yang sedemikian itu kekuasaannya ialah Allah. Maka bagaimanakah kamu dipalingkan dari menyembahNya (oleh benda-benda yang kamu jadikan sekutuNya)? Allah jualah Yang membelah cahaya subuh (yang menyingsingkan fajar), dan yang menjadikan malam untuk tinggal berehat, dan menjadikan matahari dan bulan untuk mengira waktu (menurut peredarannya). Yang demikian itu adalah kuasa penentuan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui. Dan Dia lah yang menjadikan bintang-bintang bagi kamu supaya kamu berpedoman kepadanya dalam kegelapan (malam) di darat dan di laut. Sesungguhnya kami telah jelaskan tanda-tanda kebesaran (Kami) satu persatu bagi orang-orang yang mengetahui. Dan Dia lah yang mencipta kamu dari diri yang satu (Adam), maka (bagi kamu) disediakan tempat tetap (dalam tulang sulbi bapa kamu atau di bumi), dan tempat simpanan (dalam rahim ibu atau dalam kubur). Sesungguhnya Kami telah jelaskan tanda-tanda kebesaran (Kami) satu persatu bagi orang-orang yang mengerti (secara mendalam). Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.”*

*(Surah Al-An`am, 6:95-99)*

Hakikat ini mewajibkan kesimpulan bahawa tumbuhan dan alam lain mesti disusun oleh satu kuasa yang bijak, bukan melalui evolusi secara rambang kerana logik akan menetapkan bahawa wujud tidak boleh ada dari tiada dan susunan yang indah hanya boleh dilakukan oleh tukang reka bentuk yang berilmu dan bijaksana. Hal ini dibicarakan secara panjang lebar oleh para pemuka Teori Reka Bentuk Pintar (Intelligent Design Theory) bagi alam, sebagai sanggahan bagi Teori Evolusi yang dibangunkan oleh Darwin dan kebanyakan saintis moden masa kini.<sup>119</sup> Para penyokong dan pemuka Teori Evolusi menolak Teori Reka Bentuk Pintar kerana sifatnya yang tidak saintifik sepenuhnya dengan dakwaan bukti empirikal yang tidak memadai untuk menyokongnya dan terdapat kelompongan pada penghujahannya.<sup>120</sup> Namun, hakikatnya, dakwaan yang sama juga sebenarnya wujud pada Teori Evolusi yang ada hari ini juga sebagai contoh ketiadaan bukti empirikal langsung bagi membuktikan berlaku evolusi dari satu spesies ke satu spesies yang lain, dari amfibia ke mamal.<sup>121</sup> Selain itu, prinsip pada logik akal menetapkan bahawa “nothing cannot produce something”. Namun prinsip ini tidak pula dilakukan pada Teori Evolusi yang menafikan wujudnya kuasa di luar alam yang menciptanya.

<sup>119</sup> Ibid.; Sayid Sabiq, Al`Aqa'id Al-Islamiyah, Cairo: Dar Al-Fath Al-l`lam Al-`Arabiyy, 2000, ms. 52-7.

<sup>120</sup> Ibid.; Ibid.

<sup>121</sup> Henry M. Morris, The Scientific Case Against Evolution, Institute for Creation Research, t.t, di [https://www.icr.org/home/resources/resources\\_tracts\\_scientificcaseagainstevolution/](https://www.icr.org/home/resources/resources_tracts_scientificcaseagainstevolution/) ; Lihat Ayala, Francisco. J. Ayala, “Beyond Darwinism? The Challenge of Macroevolution to the Synthetic Theory of Evolution”, PSA: Proceedings of the Biennial Meeting of the Philosophy of Science Association, 1982, ms. 275–291.

Al-Quran memberitahu kerapian susunan alam ini tidak membolehkan kewujudan banyak tuhan kerana tuhan yang banyak hanya akan mengakibatkan kemusnahan dan kerosakan yang meluas, bukan kerapian disebabkan percanggahan antara tuhan-tuhan yang banyak.

لَوْ كَانَ فِيهِمَا آلِهَةٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا فَسُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ

*“Kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan yang lain dari Allah, nescaya rosaklah peradibiran kedua-duanya. Maka (bertauhidlah kamu kepada Allah dengan menegaskan): Maha Suci Allah, Tuhan yang mempunyai Arasy, dari apa yang mereka sifatkan.”*

*(Surah Al-Anbiyaa', 21:22)*

Tuhan yang banyak menatijahkan pergaduhan dan kemusnahan adalah sesuatu yang universal dalam fahaman manusia sebagaimana yang dapat dilihat dalam mitologi Yunani purba dan kitab Mahabharata.<sup>122</sup> Kalau mereka tidak bergaduh, bermakna mereka akan berdamai atau bekerjasama sedangkan ini adalah sifat yang lemah dan tidak sesuai bagi Tuhan yang sepatutnya Unggul dalam segala hal.

Pendirian Al-Quran bahawa tumbuhan adalah tanda untuk manusia berfikir tentang hakikat kewujudan Tuhan pasti menyalahi keyakinan golongan ateis yang tidak menafikan kewujudan Tuhan atas dakwaan ia tidak dapat dibuktikan oleh bukti-bukti saintifik dan empirikal.

Dunia hari ini berhadapan dengan gelombang kuat dari ateisme yang turut memberi kesan kepada masyarakat Muslim, khususnya di kalangan anak-anak muda, baik di negara yang berpenduduk majoriti Muslim atau di negara bukan Muslim sebagai masyarakat minoriti.<sup>123</sup>

Oleh itu, konsep tumbuhan sebagai bukti kewujudan Tuhan harus disampaikan juga sebagai respon terhadap kritikan-kritikan dari kalangan ateis terhadap ketuhanan. Namun, ini sebenarnya memerlukan respon dari hasil kajian dari pelbagai disiplin seperti bidang falsafah, sains tulen, sains kemanusiaan dan kemasyarakatan dan pengajian Islam. Ini pula memerlukan satu buku tersendiri bagi menghasilkan respon yang baik yang mana ia bukan skop bagi buku ini. Keterbatasan ruang tidak membolehkan buku ini memainkan peranan sedemikian. Namun, buku ini boleh menyumbang sedikit untuk dimanfaatkan bagi usaha dari pihak lain, iaitu dengan memberi masukan dari sudut kajian tentang Al-Quran yang amat relevan dengan bidang tafsir – skop dan bidang kajian buku ini.

Dalam pengajian Al-Quran, keabsahan dan keistimewaan Al-Quran sebagai kitab suci boleh dikaji secara saintifik. Bahkan sudah ada banyak kajian oleh kalangan akademik yang membuktikan keistimewaan kandungan Al-Quran sebagai bukti ia bukan hasil

<sup>122</sup> Francis W. Kelsey, *An Outline of Greek and Roman Mythology*, Boston: Allyn and Bacon, 1889, ms. 14-18; Krishnamacharya, N.V.R, *The Mahabharata*, Tirupati: Tirumala Tirupati Devasthanams, 1983.

<sup>123</sup> Lihat Richard Dawkins, *The God's Delusion*, New York: A Mariner Book, 2006; Time, *Is God Dead?*, jld. 87, no. 14, 8 April, 1966.

karangan manusia dan keterpeliharaan keasliannya dari sejak zaman Nabi s.a.w hingga ke masa kini.<sup>124</sup> Keabsahan dan kewibawaan Al-Quran sebagai wahyu boleh menjadi bukti proksi akan kewujudan Tuhan kerana, jika Al-Quran itu benar sebagai wahyu dan terpelihara keasliannya hingga kini, sudah tentunya kandungan yang ada di dalamnya adalah benar, bukan dongeng karangan manusia. Maka benarlah apa yang terkandung di dalamnya bahawa Tuhan itu ada dan tumbuhan serta alam adalah ciptaanNya dan tanda bagi kewujudan Tuhan. Penggunaan bukti proksi bagi menerima kebenaran adalah sesuatu yang rasional, lumrah dalam kehidupan manusia dalam menerima pengkhabaran dan sebahagian kaedah pembuktian yang diakui dalam metodologi kajian saintifik.<sup>125</sup> Sebagai contoh ramai sarjana yang belajar dan menerima sesuatu rumusan dan teori sains tanpa mengulang eksperimen yang dibuat oleh profesor yang mengajarnya kerana percaya akan kewibawaannya berdasarkan rekod akademik yang ada. Ramai kalangan akademik yang membaca buku kajian saintifik kemudian menjadikannya rujukan bagi kajiannya tanpa memeriksa sendiri dan mengulangi kajian itu bagi memastikan ia benar. Mereka memadai dengan percaya pada kredibiliti pengkaji yang disimpulkan dari rekod dan pencapaian akademiknya.<sup>126</sup>

Dalam hal ini, beberapa kajian akademik yang dapat dikongsikan bagi membuktikan keistimewaan dan keaslian Al-Quran sebagai bukti proksi akan kewujudan Tuhan sebagai pencipta tumbuhan dan alam.

Pertama, ialah buku *The History of the Qur'anic Text from Revelation to Compilation: A Comparative Study with the Old and New Testaments*,<sup>127</sup> karangan Muhammad Mustafa Al-`Azami, seorang pakar dalam ilmu hadis yang mendapat ijazah doktor falsafah dari Univesiti Cambridge.<sup>128</sup> *Bukunya Studies in Hadith Methodology and Literature*<sup>129</sup> dan *On Schacht's Origins of Muhammadan Jurisprudence*<sup>130</sup> dianggap sebagai karya yang hebat dalam menolak kritikan tokoh-tokoh orientalis seperti Joseph Schacht, yang mempersoalkan hadis sebagai sumber asli dari Nabi s.a.w dan sekaligus mempertikaikan kewibawaan hadis sebagai sumber hukum bagi Islam.

<sup>124</sup> Harold Motzki, "The Collection of the Qur'an: A Reconsideration of Western Views in Light of Recent Methodological Development", *Der Islam*, 2001, ms. 1-34.; Muhammad Mustafa Al-`Azami, *The History of the Qur'anic Text from Revelation to Compilation: A Comparative Study with the Old and New Testaments*, London: Turath Publishing, 2010; Halim Sayoud, *Investigation on the Author's Style and the Authenticity of the Holy Quran*, 2021, T.tpt: EDT-Scholarpage, di [http://sayoud.net/Book\\_Quran\\_Authenticity\\_New.pdf](http://sayoud.net/Book_Quran_Authenticity_New.pdf).

<sup>125</sup> F. Garret Boudinot and Joseph Wilson, "Does a proxy measure up? A framework to assess and convey proxy reliability", *Climate of the Past*, 16, 2020, ms. 1807-1820.

<sup>126</sup> Alvin I. Goldman, "Experts: Which Ones Should You Trust?", *Philosophy and Phenomenological Research*, 63:1, 2001, ms. 85-110; Asheley R. Landrum, Baxter S. Eaves Jr, and Patrick Shafto, "Learning to trust and trusting to learn: A theoretical framework", *Trends in Cognitive Sciences*, March, 19:3, 2015, ms. 109-11.

<sup>127</sup> Lihat Muhammad Mustafa Al-`Azami, *The History of the Qur'anic Text from Revelation to Compilation: A Comparative Study with the Old and New Testaments*, 2010, London: Turath Publishing.

<sup>128</sup> Lihat Mohammad Najeeb Qasmi, "Muhammad Mustafa Al-`Azami & His Contributions to Hadith", *IlmGate*, 2015, 1 Oktober, di <https://www.ilmgate.org/mawlana-muhammad-mustafa-azami/>

<sup>129</sup> Lihat Muhammad Mustafa Al-`Azami, *Studies in Hadith Methodology and Literature*, Oak Brook: American Trust Publications, 1978.

<sup>130</sup> Lihat Muhammad Mustafa Al-`Azami, *On Schacht's Origins of Muhammadan Jurisprudence*, Riyadh: King Saud University, 1985.



Dalam buku *The History of the Qur'anic Text*, penulis berusaha membuktikan bahawa Al-Quran yang ada di tangan umat Islam hari ini adalah asli sebagaimana ia diwahyukan kepada Nabi s.a.w sesuai dengan janji Allah taala untuk memeliharanya dari segala perubahan, baik dalam bentuk penambahan atau pengurangan. Penulis membuktikan perkara ini melalui kajian sejarah Al-Quran dari sejak penurunannya hingga pengumpulannya dalam versi mushaf Uthman dan penyalinan serta penyebarannya kemudian dari masa silam hingga ke masa kini. Dengan menggunakan kepakaran dalam bidang hadis, penulis menunjukkan bahawa Al-Quran yang ada dapat dipelihara keasliannya melalui sistem sanad yang ada dibangun oleh para ulama hadis. Selain itu, penulis juga membandingkan mushaf yang ada dengan salinan mushaf yang terdapat dalam simpanan pelbagai muzium dan universiti di dunia.

Kedua, ialah buku *Structure and Qur'anic Interpretation: A Study of Symmetry and Coherence in Islam's Holy Text*,<sup>131</sup> oleh Raymond Farrin. Dalam buku ini, penulis berusaha menolak pendapat sebahagian sarjana bahawa Al-Quran yang ada bukan asli dari Nabi s.a.w, tapi ia adalah koleksi penulisan sekumpulan manusia semasa zaman pengumpulannya. Hal ini berdasarkan pada dakwaan bahawa Al-Quran yang ada bersifat rambang dan tidak tersusun. Penulis menunjukkan dalam buku ini bahawa Al-Quran sebenarnya amat tersusun dan berstruktur, walaupun ia tidak begitu jelas kecuali bagi sesiapa yang benar-benar memerhati dan mendalaminya. Berdasarkan struktur yang direkonstruksi oleh penulis, rumusan dibuat bahawa Al-Quran ini tidak mungkin dihasilkan dari koleksi simpanan atau penulisan sekumpulan manusia. Sifat strukturnya yang unik, sangat koheren dan konsisten hanya mungkin berlaku jika ia ditulis atau berasal dari satu sumber sahaja yang bersifat amat bijaksana. Namun, penulis tidak merumuskan kalau sumber yang satu dan bijaksana ini ialah Nabi s.a.w atau Tuhan dan menyerahkannya kepada sarjana Muslim.

Berkaitan dengan kededua kajian di atas ialah kajian Harold Motzki yang bertajuk *The Collection of the Qur'an: A Reconsideration of Western Views in Light of Recent Methodological Development*. Kajian ini menolak dakwaan sarjana orientalis bahawa keaslian Al-Quran tidak boleh dipercayai kerana ia hanya dapat dikumpulkan lama setelah Nabi s.a.w wafat dan laporan-laporan hadith dan sejarah tentang pengumpulannya juga tidak dapat dipastikan kesinambungannya. Mereka merumuskan bahawa jejak sejarah kewujudan Al-Quran hanya wujud pada puluhan tahun lebih lewat dari tarikh yang didakwa oleh ulama silam, iaitu tarikh pengumpulan dalam mashaf Uthmani sebagai naskhah induk bagi segala naskhah lain hingga ke zaman ini. Oleh itu, Al-Quran hanya satu kitab rekaan oleh pihak-pihak tertentu seperti penguasa dan agamawan di era kemudian untuk kepentingan tertentu. Motzki pula menyimpulkan bahawa asas bagi teori-teori pegangan sarjana orientalis yang dinyatakan itu sendiri bermasalah. Motzki menunjukkan bukti dalam kajiannya bahawa sejarah kewujudan Al-Quran boleh dijejak di zaman awal Islam lagi sebagaimana yang dikemukakan oleh ulama Islam, dan bukan sebagaimana yang didakwa oleh orientalis.<sup>132</sup>

<sup>131</sup> Lihat Raymond Farrin, *Structure and Qur'anic Interpretation: A Study of Symmetry and Coherence in Islam's Holy Text*, Oregon: White Cloud Press, 2014.

<sup>132</sup> Harold Motzki, "The Collection of the Qur'an: A Reconsideration of Western Views in Light of Recent Methodological Development", *Der Islam*, 2001, ms. 1-34.

Yang sama juga boleh ditemui dalam artikel bertajuk *Forgotten Witness: Evidence for the Early Codification of the Qur'an*, oleh Estelle Whelan. Whelan menyimpulkan bahawa pelbagai jenis bukti yang terkumpul dalam kajiannya itu membawa pada satu rumusan, iaitu kebolehpercayaan bagi dakwaan sarjana Muslim yang ada dalam tradisi ilmu mereka tentang pengumpulan Al-Quran ke satu naskah oleh panel yang dilantik saidina Uthman. Naskah ini kemudiannya diwarisi oleh khalifah-khalifah sesudahnya sebagai alat bagi menyatukan pelbagai kaum di bawah satu empayar Islam yang pesat berkembang.<sup>133</sup>

Ramai sarjana yang telah mengkaji perbandingan antara pelbagai qiraat dan manuskrip Al-Quran lama berpendapat bahawa ketekalan (*consistency*) yang tinggi antara keduanya adalah bukti bahawa Al-Quran sejak zaman awalnya lagi telah dipelihara melalui tradisi lisan dan penulisan. Adrian Brockett berhujah jika Al-Quran hanya disebarkan pada abad pertama secara lisan sahaja, sudah pasti terdapat banyak variasi pada teks-teks yang ada sebagaimana yang boleh dilihat pada koleksi bertulis hadis-hadis dan syair-syair Arab pra-Islam. Jika ia hanya disebarkan secara bertulis sahaja, pelbagai variasi juga akan dijumpa sebagaimana yang dapat dilihat dalam penyebaran dokumen yang merakam Perlembagaan Madinah. Hal ini, walau bagaimanapun, tidak didapati pada Al-Quran. Hal ini memberi petunjuk akan wujudnya kaedah penyebaran lisan dan tulisan secara selari. Versi tulisan membataskan variasi pada versi lisan sesuai dengan bentuk tulisan yang ada dan versi lisan pula membantu memelihara versi tulisan dari pengubahsuaian.<sup>134</sup>

Ketiga, ialah buku *Investigation on the Author's Style and the Authenticity of the Holy Quran*,<sup>135</sup> oleh Halim Sayoud. Penulis berusaha membuktikan bahawa Al-Quran adalah wahyu dari Tuhan dan bukan karangan Nabi s.a.w sebagaimana yang diyakini oleh umat Islam. Pembuktian dilakukan dengan membuat analisa perbandingan antara ayat-ayat Al-Quran dan sampel dari matan hadis-hadis yang terkumpul dalam kitab-kitab hadis yang muktabar jika terdapat persamaan pada gaya dan bahasa. Untuk mencapai tujuan ini, penulis melakukan beberapa eksperimen dengan menggunakan kaedah stylometry<sup>136</sup> dengan bantuan teknologi komputer dan kepintaran tiruan. Hasil dari semua eksperimen dibuat penulis merumuskan bahawa gaya dan bahasa pada ayat-ayat Al-Quran dan hadis berbeza dan mustahil ia datang dari sumber yang sama. Bagi membuktikan pula bahawa Al-Quran adalah wahyu Tuhan, dan bukan bersumber dari manusia di zaman silam, penulis mengemukakan analisa pada kandungan beberapa ayat Al-Quran sebagai sampel yang mengandungi fakta-fakta sains yang menunjukkan bahawa mustahil fakta itu boleh diketahui oleh manusia di zaman silam kerana teknologi bagi mengetahuinya belum wujud, seperti ayat Al-Quran mengenai perkembangan janin di dalam rahim seorang wanita dan sifat alam yang berkembang.

<sup>133</sup> Estelle Whelan, "Forgotten Witness: Evidence for the Early Codification of the Qur'an", *Journal of the American Oriental Society*, Jan-Mar, 118/1, 1998, ms. 13.

<sup>134</sup> Adrian Brockett, "The Value of the Hafs and Warsh Transmissions for the Textual History of the Qur'an", *Approaches to the History of the Interpretation of the Qur'an*, edited by Andrew Rippin, Oxford: Clarendon Press, 1988, ms. 44.

<sup>135</sup> Lihat Halim Sayoud, *Investigation on the Author's Style and the Authenticity of the Holy Quran*, T.tpt: EDT-Scholarpage, 2021, di [http://sayoud.net/Book\\_Quran\\_Authenticity\\_New.pdf](http://sayoud.net/Book_Quran_Authenticity_New.pdf)

<sup>136</sup> Kaedah kajian kuantitatif dalam menganalisa gaya penulisan seseorang atau sesuatu genre yang boleh digunakan untuk mengenal pasti penulis sesuatu karya penulisan. Lihat "Stylometry", *dictionary.com*, di <https://www.dictionary.com/browse/stylometry>


Kewujudan fakta keserasian ayat-ayat Al-Quran dengan penemuan sains moden disokong juga oleh karya yang lebih awal oleh Maurice Bucaille dalam bukunya *The Bible, The Qur'an and Science* dan Gary Miller dalam *The Amazing Quran*, yang menyenaraikan lebih banyak lagi contoh.<sup>137</sup>

Kesimpulan yang dapat dibuat dari segala kajian-kajian yang dinyatakan di atas ialah,

- Al-Quran yang ada sememangnya wahyu Tuhan dan bukan karangan manusia
- Keaslian naskhah Al-Quran sekarang ini dapat dijejak hingga ke zaman awal Islam, iaitu mushaf Uthmani yang menjadi naskhah induk Al-Quran
- Al-Quran bukan kitab yang ditulis Nabi Muhammad s.a.w semasa hidupnya atau mana-mana manusia atau sekumpulan manusia setelah kewafatan Nabi s.a.w
- Al-Quran mempunyai struktur yang kompleks dan kandungan yang melampaui manusia di zaman silam.

Atas dasar ini, pernyataan Al-Quran bahawa Kiamat pasti akan berlaku dan kewujudan hisab, syurga dan neraka adalah benar kerana ia adalah perkhabaran dari Tuhan Yang Maha Mengetahui dan Berkuasa, walaupun tiada bukti empirikal dapat dikemukakan bagi kesemua itu.

## **KEWUJUDAN AKHIRAT DAN BERIMAN DENGANNYA**



<https://www.istockphoto.com/photo/mountain-gm535373431-57127560?phrase=nature+wallpaper>

Al-Quran secara konsisten menyebut bahawa tumbuhan, seperti alam ciptaan yang lain, bersifat tidak kekal dan akan pasti musnah (*fana*). Hakikat ini dikaitkan pula dengan kehidupan di dunia.<sup>138</sup>

<sup>137</sup> Lihat Maurice Bucaille, *The Bible, the Quran and Science*, Kuala Lumpur: Dar al Wahi, 2021.; Gary Miller, *The Amazing Quran*, Jeddah: Abul-Qasim Publishing House, 1994.

<sup>138</sup> 18:45.

إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ حَتَّىٰ إِذَا أَخَذَتِ الْأَرْضُ زُخْرُفَهَا وَازَّيَّنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ قَادِرُونَ عَلَيْهَا أَتَيْنَاهَا أُمْرًا لَيْلًا وَأَوْنَاهَا أَفْجَعًا لَعَلَّهَا حَصِيدًا كَأَن لَّمْ تَغْنَبْ بِالْأَمْسِ كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

*“Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan suburnya) tanaman-tanaman di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang - bercampur-aduk dan berpaut-pautan (pokok-pokok dan pohonnya) dengan sebab air itu hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bunga yang berwarna-warni), dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya) datanglah perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari lalu Kami jadikan dia hancur-lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum itu. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu berfikir (dan mengambil iktibar daripadanya).”*

(Surah Yunus, 10:24)

Kitaran hidup manusia sama seperti ladang dan tumbuhan. Pada asalnya, tumbuhan tidak wujud di ladang (begitu juga manusia), lalu Allah taala tumbuhkan tumbuhan di situ (manusia lahir) hingga membesar dan kemudian layu dan musnah (manusia mati). Keadaan tumbuhan “tumbuh semula” di ladang yang kontang dikaitkan dengan kuasa Allah taala untuk membangkitkan semula manusia setelah mati bagi menjalani hisab di hadapanNya dan menerima balasan syurga atau neraka setelah Kiamat nanti.<sup>139</sup>

إِنَّ اللَّهَ فَالِقُ الْحَبِّ وَالنَّوَىٰ ۗ يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَمُخْرِجُ الْمَيِّتِ مِنَ الْحَيِّ ۗ ذَٰلِكُمْ اللَّهُ فَالِقُ ثُوْفُكُونَ

*“Sesungguhnya Allah jualah yang membelah (menumbuhkan) butir (tumbuh-tumbuhan) dan biji (buah-buahan). Ia mengeluarkan yang hidup dari yang mati, dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. Yang sedemikian itu kekuasaannya ialah Allah. Maka bagaimanakah kamu dipalingkan dari menyembahNya (oleh benda-benda yang kamu jadikan sekutuNya)?”*

(Surah Al-An`am, 6:95)

Dari perumpamaan tentang kitaran ini, Al-Quran mahu mengingatkan manusia apabila melihat tumbuhan supaya berfikir akan dua perkara penting.

Pertama, ialah manusia hendaklah tidak kemaruk dengan segala nikmat di dunia ini disebabkan sifatnya yang cantik dan memberi kemewahan pada hidup seperti tumbuhan kerana ia bersifat sementara dan pasti akan musnah.

Manusia diingatkan, walaupun tidak salah untuk menikmati dunia yang termasuk di dalamnya alam tumbuhan, tapi jangan sampai terlupa bahawa nikmat itu hanya sementara hingga mengabaikan pula nikmat yang lebih kekal, iaitu satu kehidupan lain di akhirat nanti yang mana manusia akan menjalani perhitungan tentang bagaimana mereka menjalani kehidupan di dunia.

<sup>139</sup> 7:57, 22:5, 50:11. Lihat juga ayat tentang sifat fana' segala benda kecuali Allah taala di 28:88 dan 55:26-7.

Mereka yang hidupnya soleh, iaitu sesuai dengan kehendak Allah taala, akan dapat memasuki syurga untuk menjalani kehidupan abadi yang baik. Manakala mereka yang hidupnya jauh dari kehendak Allah taala pula akan memasuki neraka untuk menjalani hukuman dan hidup yang sengsara.

Kedua, ialah manusia wajib beriman bahawa Allah taala berkuasa untuk melakukan Kiamat, iaitu kemusnahan total kehidupan manusia di bumi ini yang diikuti pula dengan kebangkitan semula sebagai permulaan bagi kehidupan akhirat sebagaimana Dia mampu untuk memusnahkan tumbuhan lalu menghidupkannya semula dan menjadikan bumi yang subur menjadi tandus kemudian menyuburkannya semula.

Hal ini disebut dalam kisah dua orang bersaudara tentang kebun yang dimiliki dalam surah Al-Kahf.

وَأَضْرَبَ لَهُم مِّثْلًا رَّحْلَيْنِ جَعَلْنَا لِأَحَدِهِمَا جَنَّتَيْنِ مِنْ أَعْنَابٍ وَخَفَفْنَاهُمَا بِنَخْلٍ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمَا زَرْعًا. كَلْنَا الْجَنَّتَيْنِ نَافِثَةً مِمَّا كَلَّهِنَّ  
وَلَمْ تَظْلِمْ مِنْهُ شَيْئًا وَفَجَّرْنَا خِلْفَهُمَا نَهْرًا. وَكَانَ لَهُ ثَمَرٌ فَقَالَ لِصَاحِبِهِ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ: أَنَا أَكْثَرُ مِنْكَ مَالًا وَأَعَزُّ نَفَرًا. وَدَخَلَ  
جَنَّتَهُ، وَهُوَ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ قَالَ مَا أَظُنُّ أَنْ تَبِيدَ هَذِهِ أَبَدًا وَمَا أَظُنُّ السَّاعَةَ قَائِمَةً وَلَئِنْ رُدِدْتُ إِلَىٰ رَبِّي لَأَجِدَنَّ خَيْرًا مِمَّا مُنْقَلَبًا.  
قَالَ لَهُ صَاحِبُهُ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ: أَكَفَرْتَ بِالَّذِي خَلَقَكَ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ سَوَّاهُ رَجُلًا. لَكِنَّا هُوَ اللَّهُ رَبِّي وَلَا أُشْرِكُ  
بِرَبِّي أَحَدًا. وَإِنِّي إِذْ دَخَلْتُ جَنَّتِكَ قُلْتُ مَا شَاءَ اللَّهُ لَأَفُورَةً إِلَّا بِاللَّهِ إِنْ تَرَىٰ أَنَا أَقَلَّ مِنْكَ مَالًا وَوَلَدًا. فَعَسَىٰ رَبِّي أَنْ يُؤْتِيَنِي خَيْرًا  
مِّنْ جَنَّتِكَ وَيُرْسِلَ عَلَيْهَا حُسْبَانًا مِّنَ السَّمَاءِ فَيُضْبِحَ صَعِيدًا زَلَقًا. أَوْ يُضْبِحَ مَاءً وَهِيَ غَوْرًا فَلَنْ تَسْتَطِيعَ لَهُ طَلَبًا. وَأَحِيطَ بِثَمَرِهِ  
فَأَصْبَحَ يُغْلِبُ كَفَّيْهِ عَلَىٰ مَا أَنْفَقَ فِيهَا وَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا وَيَقُولُ يَا لَيْتَنِي لَمْ أُشْرِكْ بِرَبِّي أَحَدًا. وَلَمْ تَكُنْ لَهُ  
فِتْنَةٌ يَنْصُرُونَهُ، مِنْ دُونِ اللَّهِ وَمَا كَانَ مُنتَصِرًا. هُنَالِكَ الْوَلَايَةُ لِلَّهِ الْحَقِّ هُوَ خَيْرٌ ثَوَابًا وَخَيْرٌ عُقْبًا

*"Dan berikanlah kepada mereka satu contoh: Dua orang lelaki, Kami adakan bagi salah seorang di antaranya, dua buah kebun anggur; dan Kami kelilingi kebun-kebun itu dengan pohon-pohon tamar, serta Kami jadikan di antara keduanya, jenis-jenis tanaman yang lain. Kedua-dua kebun itu mengeluarkan hasilnya, dan tiada mengurangi sedikit-pun dari hasil itu; dan kami juga mengalirkan di antara keduanya sebatang sungai. Tuan kebun itu pula ada mempunyai harta (yang lain); lalu berkatalah ia kepada rakannya, semasa ia berbincang dengannya: "Aku lebih banyak harta daripadamu, dan lebih berpengaruh dengan pengikut-pengikutku yang ramai". Dan ia pun masuk ke kebunnya (bersama-sama rakannya), sedang ia berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan sebab kufurnya), sambil ia berkata: "Aku tidak fikir, kebun ini akan binasa selama-lamanya. Dan aku tidak fikir, hari kiamat kan berlaku; dan kalaulah aku dikembalikan kepada Tuhanku (sebagaimana kepercayaanmu), tentulah aku akan mendapat tempat kembali yang lebih baik daripada ini. Berkatalah rakannya kepadanya, semasa ia berbincang dengannya: "Patutkah engkau kufur ingkar kepada Allah yang menciptakan engkau dari tanah, kemudian dari air benih, kemudian Ia membentukmu dengan sempurna sebagai seorang lelaki? Tetapi aku sendiri percaya dan yakin dengan sepenuhnya bahawa Dialah Allah, Tuhanku, dan aku tidak sekutukan sesuatu pun dengan Tuhanku.*

Dan sepatutnya semasa engkau masuk ke kebunmu, berkata: (Semuanya ialah barang yang dikehendaki Allah)! (tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah)?

Kalau engkau memandangkanmu sangat kurang tentang harta dan anak, berbanding denganmu, Maka mudah-mudahan Tuhanku akan mengurniakan daku lebih baik daripada kebunmu, dan (aku bimbang) dia akan menimpakannya dengan bala, bencana dari langit, sehinggalah menjadilah kebunmu itu tanah yang licin tandus. Ataupun air kebun itu akan menjadi kering ditelan bumi, maka dengan yang demikian, engkau tidak akan dapat mencarinya lagi". Dan segala tanaman serta hartabendanya itupun dibinasakan, lalu jadilah ia membalik-balikkan kedua tapak tangannya (kerana menyesal) terhadap segala perbelanjaan yang telah dibelanjakannya pada kebun-kebunnya, sedang kebun-kebun itu runtuh junjung-junjung tanamannya; sambil dia berkata: "Alangkah baiknya kalau aku tidak sekutukan sesuatupun dengan Tuhanku!" Dan ia tidak mendapat sebarang golongan yang boleh menolongnya, selain dari Allah; dan ia pula tidak dapat membela dirinya sendiri. Pada saat yang sedemikian itu kekuasaan memberi pertolongan hanya tertentu bagi Allah, Tuhan yang sebenar-benarnya; Dia lah sebaik-baik pemberi pahala, dan sebaik-baik pemberi kesudahan yang berbahagia (kepada hamba-hambanya yang taat)."

(Surah Al-Kahf, 18:32-44)

Begitu juga kisah satu kaum di negeri Saba' yang hidup mewah kerana memiliki kebun-kebun yang subur yang dibantu oleh teknologi irigasi yang maju melalui empangan `Arim yang dikenali juga dengan empangan Marib dalam surah Saba'.

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكَنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ.  
فَأَعْرَضُوا فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ سَيْلَ الْعَرِمِ وَبَدَّلْنَاهُمْ بِجَنَّتَيْهِمْ جَنَّتَيْنِ ذَوَاتِ أُكُلٍ خَمْطٍ وَأَثَلٍ وَشَيْءٍ مِّن سِدْرٍ قَلِيلٍ. ذَلِكَ جَزَيْنَاهُمْ بِمَا  
كَفَرُوا وَهَلْ نُجَازِي إِلَّا الْكَافِرِينَ. وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ الْقُرَى الَّتِي بَلَرَكْنَا فِيهَا قُرَى ظَلْهَرَةَ وَقَدَرْنَا فِيهَا السَّيْرَ سِيرُوا فِيهَا  
لِيَالِي وَأَيَّامًا آمِنِينَ. فَقَالُوا رَبَّنَا بَلِّغْ بَيْنَ أَشْقَانَا وَظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ فَجَعَلْنَاهُمْ أَحَادِيثَ وَمَرَّقْنَاهُمْ كُلَّ مُمَرِّقٍ إِنَّ فِي ذَلِكَ  
لَآيَاتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ. وَلَقَدْ صَدَّقَ عَلَيْهِمْ إِبْلِيسُ ظَنَّهُ فَاتَّبَعُوهُ إِلَّا فَرِيقًا مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ

"Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun! Maka mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang berbuah, serta sedikit pohon-pohon bidara. Demikianlah Kami membalas mereka disebabkan kekufuran mereka; dan sebenarnya Kami tidak menimpakan balasan yang demikian melainkan kepada orang-orang yang amat kufur. Dan - di antara tempat tinggal mereka (di negeri Yaman) dengan bandar-bandar (di daerah negeri Syam) yang Kami limpahkan berkat kepadanya (dengan kemakmuran), - Kami adakan beberapa buah bandar yang jelas kelihatan (kepada orang-orang yang melalui jalan itu), dan Kami tentukan jarak perjalanan di antaranya (sekadar yang dapat dijadikan tempat-tempat persinggahan), (serta dikatakan kepada mereka):

*Berjalanlah kamu di bandar-bandar itu pada bila-bila masa yang kamu suka, malam dan siang, dalam keadaan yang aman". (Maka kamakmuran dan kemudahan itu menjadikan mereka sombong dan kufur) lalu berkata: "Wahai Tuhan kami, jauhkanlah jarak perjalanan kami (di antara sebuah bandar dengan yang lain)", dan mereka berlaku zalim kepada diri mereka sendiri; lalu Kami jadikan (kisah perbuatan derhaka) mereka: buah mulut orang ramai, serta kami pecah belahkan mereka berkecai-kecai. Sesungguhnya kisah mereka yang tersebut mengandungi tanda-tanda (yang besar pengajarannya bagi tiap-tiap seorang (mukmin) yang sentiasa bersikap sabar, lagi sentiasa bersyukur. Dan sesungguhnya Iblis telah dapati sangkaannya tepat terhadap mereka, iaitu mereka menurutnya, kecuali sebahagian dari orang-orang yang beriman (yang tidak terpedaya kepada hasutannya)."*

(Surah Saba', 34:15-20)

Kedua perkara di atas menjadi peringatan bagi manusia agar kemewahan hidup yang diperolehi dari kebun dan tanaman tidak menyebabkan mereka lupa bahawa hidup ini hanya sementara dan hanya persiapan bagi kehidupan sebenar di akhirat nanti. Allah taala yang mematikan mereka mampu untuk menghidupkan semula, seperti tumbuhan, untuk pertanggungjawapan di hadapan Allah taala kelak. Oleh itu, jangan sekali meremehkan perkara ini dengan menolak untuk beriman kepada Allah taala dan hidup sesuai dengan kehendakNya.

Bagi mengukuhkan peringatan ini, Al-Quran secara berterusan dari mula hingga akhir mengaitkan tumbuhan dengan kehidupan di syurga dan neraka. Sebagai contoh, Al-Quran menggunakan perkataan *jannah* sebagai nama atau kosakata utama dalam bahasa Arab bagi syurga sedangkan *jannah* pada asalnya bermaksud kebun yang dipenuhi dengan tumbuhan berbuah.<sup>140</sup>

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

*"Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh, merekalah ahli syurga, mereka kekal di dalamnya."*

(Surah Al-Baqarah, 2:82)

Manakala syurga pula adalah satu alam tersendiri dan bukan hanya satu kebun. Al-Quran juga kaitkan banyak tumbuhan dengan makanan atau nikmat di syurga.<sup>141</sup>

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ. فِيهِمَا عَيْنَانِ تَجْرِيَانِ. فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ. فِيهِمَا مِنْ كُلِّ فَاكِهَةٍ زَوْجَانِ. فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ. مُتَّكِعِينَ عَلَى فُرُشٍ بَطَائِنُهَا مِنْ إِسْتَبْرَقٍ وَجَنَى الْجَنَّتَيْنِ دَانٍ. فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ. فِيهِنَّ قُلُوبٌ لَظْفَرٌ لَمْ يَطْمِئَتْهُنَّ إِنْسٌ قَبْلَهُمْ وَلَا جَآنٌ. فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ. كَأَنَّهُنَّ الْيَاقُوتُ وَالْمَرْجَانُ. فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ. هَلْ جَزَاءُ الْإِحْسَانِ إِلَّا الْإِحْسَانُ. فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ. وَمِنْ دُونِهِمَا جَنَّتَانِ. فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ. مُدْهَمَمَتَانِ. فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ. فِيهِمَا عَيْنَانِ نَضَّاخَتَانِ. فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ. فِيهِمَا فَاكِهَةٌ وَنَخْلٌ وَرُمَّانٌ

<sup>140</sup> Lihat Surah An-Nisa', 4:124, Surah An-Nahl, 16:32, Surah Maryam, 19:63, Surah Az-Zumar, 39:73, Surah Al-Ghashiyah, 88:10.

<sup>141</sup> Lihat Surah Waqi'ah, 56:20, Surah Waqi'ah, 56:32, Surah Al-Insan, 76:5, Surah Al-Insan, 76:17, Surah An-Naba', 78:32.

"Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Pada kedua-dua Syurga itu terdapat dua matair yang mengalir; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan. Pada kedua Syurga itu terdapat dua macam dari tiap-tiap jenis buah-buahan (yang biasa dan yang luar biasa). Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Mereka (bersenang-senang di tempat masing-masing dalam Syurga itu dengan) berbaring di atas hamparan-hamparan, yang lapisan-lapisan sebelah dalamnya - dari sutera tebal yang bersulam; dan buah-buahan kedua-dua Syurga itu dekat (kepada mereka) untuk dipetik. Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Di dalam Syurga-syurga itu terdapat bidadari-bidadari yang pandangannya tertumpu (kepada mereka semata-mata), yang tidak pernah disentuh sebelum mereka oleh manusia dan jin; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Bidadari-bidadari itu (cantik berseri) seperti permata delima dan marjan. Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Bukankah tidak ada balasan bagi amal yang baik - melainkan balasan yang baik juga? Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Dan selain dari dua Syurga itu, dua Syurga lagi (untuk menjadi balasan bagi golongan peringkat yang kedua); Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Kedua-duanya menghijau subur tanamannya; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Dalam kedua-dua Syurga itu terdapat dua matair yang terus menerus memancutkan airnya: Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Pada keduanya juga terdapat buah-buahan, serta pohon-pohon kurma dan delima."

(Surah Ar-Rahman, 55:49-68)

Sebagaimana, ia juga mengaitkannya sebagai wasilah bagi azab di neraka.<sup>142</sup>

وَلَقَدْ أَضَلَّ مِنْكُمْ جِبَلًا كَثِيرًا أَفَلَمْ تَكُونُوا تَعْقِلُونَ. هَلْ يَدْرِي جَهَنَّمَ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ. أَضَلُّوْهَا الْيَوْمَ بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ. الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَى أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ. وَلَوْ نَشَاءُ لَطَمَسْنَا عَلَى أَعْيُنِهِمْ فَاسْتَبَقُوا الصِّرَاطَ فَأَنَّى يُبْصِرُونَ

"Dan sesungguhnya Syaitan itu telah menyesatkan golongan yang ramai di antara kamu; (setelah kamu mengetahui akibat mereka) maka tidakkah sepatutnya kamu berfikir dan insaf? "Yang kamu saksikan sekarang ialah neraka Jahannam, yang kamu selalu diancam memasukinya (kalau kamu tidak taatkan perintah Allah). "Rasalah kamu bakarannya pada hari ini, disebabkan perbuatan kufur yang kamu telah lakukan!" Pada waktu itu Kami meteraikan mulut mereka (sejurus); dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan. (Matahati orang-orang yang menderhaka itu rosak) dan kalau Kami kehendaki, Kami berkuasa menghapuskan bentuk dan biji mata kepala mereka menjadi rata, sehingga masing-masing menerpa mencari-cari jalan (yang biasa mereka lalui). (Kiranya dijadikan demikian) maka bagaimanakah mereka dapat melihatnya?

(Surah Yasin, 36:62-66)

<sup>142</sup> Lihat Surah Ad-Dukhan, 44:43-50, Surah Al-Waqi'ah, 56:52-3, Surah Al-Ghashiyah, 88:6-7.



## HALAL MEMANFAATKAN DAN MENIKMATI TUMBUHAN



<https://www.istockphoto.com/photo/assortment-of-fruits-and-vegetables-background-gm139496979-19323130?phrase=colorful+fruits+and+vegetables>

Al-Quran menyebut bahawa tumbuhan diciptakan untuk tujuan yang positif bagi manusia, khususnya, dan makhluk-makhluk lain, umumnya. Hal ini dapat dilihat dari tiga pernyataan Al-Quran.

Pertama, Al-Quran menyifatkan tumbuhan sebagai rezeki dari Allah Ta'ala.<sup>143</sup>

وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَامِ لَعِبْرَةً لِّتُنذِرُوا مِمَّا فِي بُطُونِهِمْ مِنْ بَيْنِ فَرْثٍ وَدَمٍ لَبَنًا خَالِصًا سَائِغًا لِلشَّارِبِينَ. وَمِنْ ثَمَرَاتِ النَّخِيلِ  
وَالْأَعْنَابِ تَتَّخِذُونَ مِنْهُ سَكَرًا وَرِزْقًا حَسَنًا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ. وَأَوْحَى رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنْ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ  
بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ

*“Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang terbit dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah; (iaitu) susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang-orang yang meminumnya. Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang mahu menggunakan akalnyanya. Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: "Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia.”*

(Surah An-Nahl, 16:66-68)

Perkataan rezeki dalam bahasa Arab sentiasa mempunyai makna positif atau baik. Sebab itulah manusia dianjurkan untuk sentiasa berdoa meminta rezeki dari Allah.

<sup>143</sup> Surah Qaf, 50:11.

Kedua, Al-Quran memberitahu bahawa tumbuhan yang dicipta mempunyai banyak manfaat. Adakala pemberitahuan ini dinyatakan secara umum dan adalah disebut manfaat tumbuhan secara khusus seperti memenuhi keperluan asasi manusia, iaitu makanan, perlindungan dan tempat berteduh, pakaian, peralatan hidup, ubat dan makanan untuk ternakan.<sup>144</sup>

وَمِن ثَمَرَاتِ النَّخِيلِ وَالْأَعْنَابِ تَتَّخِذُونَ مِنْهُ سَكَرًا وَرِزْقًا حَسَنًا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ. وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنِ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ. ثُمَّ كُلِي مِن كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْلُكِي سُبُلَ رَبِّكِ ذُلُلًا يَخْرُجُ مِنْ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِلنَّاسِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

*“Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang mahu menggunakan akalnyanya. Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: "Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia. Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu". (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.”*

(Surah An-Nahl, 16:67-69)

Manfaat tumbuhan yang disebut pula bersifat langsung dan tidak langsung untuk manusia. Manfaat langsung wujud seperti makanan atau ubat yang boleh diguna langsung oleh manusia. Manfaat tidak langsung pula ialah seperti tumbuhan yang boleh memudaratkan dan tidak boleh dimakan oleh manusia, tapi ia boleh dimakan binatang ternakan hingga dengan itu, binatang boleh hidup dengan banyak kerana mempunyai makanannya tersendiri sehingga dapat menjadi makanan manusia pula.<sup>145</sup>

إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ حَتَّىٰ إِذَا أَخَذَتِ الْأَرْضُ زُخْرُفَهَا وَازَّيَّنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ قَالِدُونَ عَلَيْهَا أَمْزَنًا لَّيْلًا أَوْ نَهَارًا فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَأَن لَّمْ تَغْنَبِ بِالْأَمْسِ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

<sup>144</sup> Surah An-Nur, 24:35, Surah Yasin, 36:33, Surah Yasin, 36:80, Surah Ar-Rahman, 55:12, Surah Al-Waqi`ah, 56:72, Surah Al-Insan, 76:5, Surah Al-Insan, 76:17.

<sup>145</sup> Surah An-Nahl, 16:10, Surah Abasa, 80:32.

“*Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan suburnya) tanaman-tanaman di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang - bercampur-aduk dan berpaut-pautan (pokok-pokok dan pohonnya) dengan sebab air itu hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bunga yang berwarna-warni), dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya) datanglah perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari lalu Kami jadikan dia hancur-lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum itu. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu berfikir (dan mengambil iktibar daripadanya).”*

(Surah Yunus, 10:24)

Ketiga, Al-Quran memberitahu bahawa Allah taala mencipta alam, yang termasuk di dalamnya tumbuhan, sebagai *taskhir* untuk manusia bagi menjadi tanda rahmatNya kepada mereka dan makhluk yang lain.<sup>146</sup>

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْفُلْكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ وَسَخَّرَ لَكُمْ الْأَنْهَارَ

“*Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan la yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya).”*

(Surah Ibrahim, 14:32)

*Taskhir* bermaksud mewujudkan sesuatu dengan tujuan untuk dieksploitasi bagi menghasilkan manfaat yang dapat dinikmati oleh manusia.<sup>147</sup> Jika tumbuhan tiada manfaat bagi manusia atau tidak boleh dimanfaatkan oleh mereka, pastilah ayat-ayat Al-Quran tidak mengguna lafaz *taskhir* bagi manusia.

Antara dalil yang menunjukkan bahawa flora boleh dimakan ialah Allah menyifatkan flora sebagai *sakaran* (memabukkan) dan *rizqan hasanan* (rezeki yang baik) dalam Surah An-Nahl, ayat 67.

<sup>146</sup> Surah An-Nahl, 16:14, Surah Al-Hajj, 22:65, Surah Luqman, 31:20, Surah Az-Zukhruf, 43:13, Surah Al-Jathiyah, 45:12.

<sup>147</sup> Adi Setia, “Taskhir, fine-tuning, intelligent design and the scientific appreciation of nature”, *Islam & Science*, jld. 2, no. 1, 2004, di <https://go.gale.com/remotexs.ntu.edu.sg/ps/i.do?p=iTOF&u=nantecun&id=GALEIA119627477&v=2.1&it=r> ; Salim Al-Hassani, “1000 Years Amnesia: Environment Tradition in Muslim Heritage”, *muslimheritage.com*, 10 September, 2009, di <https://muslimheritage.com/1000-years-amnesia-environment-tradition-in-muslim-heritage/>

Menurut Ibn 'Abbas yang dinukilkan dalam Tafsir Ibn Kathir, *sakaran* merujuk kepada bahan-bahan flora yang terlarang (*tahrīm*) manakala *hasanan* pula bahan-bahan flora yang dibenarkan (*ibāhah*).<sup>148</sup> *Sakaran* dan *hasanan* juga boleh dirungkaikan sebagai sifat produk yang berasaskan flora itu sendiri. Sebagai contoh, anggur boleh menghasilkan pelbagai produk makanan bergantung kepada cara penyediaan yang berbeza. Jika dikeringkan, ia menghasilkan kismis dan jika diperap untuk jangka masa yang tertentu, ia menghasilkan cuka dan *khamr*. Namun, secara jelas, walaupun berasaskan sumber yang sama, kismis dan cuka boleh dimakan manakala *khamr* pula haram disebabkan sifatnya yang memabukkan.

Dari sudut yang lain, ayat-ayat *taskhīr* ini menjadi dalil yang mendasari kaedah fikih dan juga menimbulkan perbincangan para ulama' tentang hukum asal flora bagi manusia bahkan ia telah menimbulkan 2 mazhab berkaitan hukum tersebut iaitu: *al-aṣl fī al-ashyā' al-ibāhah* (hukum asal bagi segala perkara [yang bukan ibadah] adalah harus [hingga ada dalil yang membuktikan sebaliknya]), yang menjadi pegangan majoriti ulama fikih, selain dari mazhab Hanafi yang berpendapat sebaliknya iaitu *al-aṣl fī al-ashyā' at-tahrīm*.<sup>149</sup>

Namun, hukum halal memakan tumbuhan dari ayat-ayat tumbuhan dalam Al-Quran sebagai salah satu nikmat utama dari Tuhan untuk manusia amat jelas sekali dan ia adalah pegangan semua mazhab utama fikih. Beberapa ulama' telah membincangkan hukum bagi tumbuhan aneh yang tidak diketahui namanya dan samada ia halal untuk dimakan. Sebahagian daripadanya seperti Al-Mutawalli berpendapat tidak boleh dimakan, namun pendapat yang lebih adalah pendapat Al-Rafi'ie, Al-Nawawi dan satu keterangan dari Al-Shafi'ie yang cenderung untuk membolehkan pemakanan tumbuhan tersebut.<sup>150</sup>

Dapat diteliti dari pembahasan ini, beberapa contoh ayat Al-Qur'an yang memberi imbasan hukum yang berbeza bagi flora. Sebagai contoh dalam beberapa ayat dalam Surah Al-Baqarah, Allah menjelaskan bahawa semua yang baik (*ṭayyibāt*) asalnya halal.

وَوَلَلْنَا عَلَيْهِمُ الْعَمَامَ وَأَنْزَلْنَا عَلَيْكُمُ الْمَنَّاءَ وَالسَّلْوىَ كُلُّوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَمَا ظَلَمْنَا وَلَكِنْ كَانُوا أَنْفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ

*“Dan Kami telah menaungi kamu dengan awan (dari panas matahari di padang pasir) dan Kami turunkan kepada kamu "Mann" dan "Salwa", (serta Kami berfirman): "Makanlah dari makanan-makanan yang baik yang Kami telah kurniakan kepada kamu". Dan tidaklah mereka menganiaya Kami (sebab mereka kufurkan nikmat itu), tetapi sebenarnya mereka adalah menganiaya diri sendiri.”*

(Surah Al-Baqarah, 2:57)

<sup>148</sup> Abdullah bin Muhammad bin Abdurahman bin Ishaq Al-Sheikh, Tafsir Ibnu Katsir, Indonesia: Pustaka Imam asy-Syafi'i, jld. 5, 2003, ms. 77.

<sup>149</sup> Az-Zuhaili, Wahbah, Al-Qawaid al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatiha fi al-Mazahib al-Arba'ah, Dimasyq: Dar al-Fikr, jld. 1, 2006, ms 190; Al-Suyuti, Al-Ashbah Wa Al-Naza'ir, Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyah, 1983, ms. 60.

<sup>150</sup> Az-Zuhaili, Wahbah, Al-Qawaid al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatiha fi al-Mazahib al-Arba'ah, jld. 1, ms. 191.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

*“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.”*

*(Surah Al-Baqarah, 2:168)*

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَأَشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

*“Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya.”*

*(Surah Al-Baqarah, 2:172)*

Sebaliknya pula, diharamkan segala yang kotor.

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ  
الْعَفْوُ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ

*“Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: "Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya dan mereka bertanya pula kepadamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? Katakanlah: "Dermakanlah - apa-apa) yang berlebih dari keperluan (kamu). Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukumNya) supaya kamu berfikir.”*

*(Surah Al-Baqarah, 2:219)*

Ini termasuk flora. Dalam isu pengharaman dalam ayat 219 dari Surah Al-Baqarah, Allah tidak menafikan kebaikan dan manfaat yang boleh diraih dari khamr tetapi menekankan bahawa dosanya lebih besar dari manfaatnya. Di sini, datanglah anjuran bagi manusia berfikir dan menimbangkan baik buruk sesuatu perkara.

Hukum halal memakan tumbuhan boleh ditemui dalam ayat-ayat Al-Quran yang mengatakannya dengan jelas bahawa tujuan ciptaan tumbuhan ialah untuk dimakan dan pernyataan yang menyifatkan tumbuhan sebagai rezeki yang baik, sebagaimana yang telah dinyatakan di atas. Namun, Al-Quran juga meletakkan syarat pada hukum halal memakan tumbuhan. Syarat pertama, ialah sifatnya yang baik dan bermanfaat.<sup>151</sup>

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

<sup>151</sup> Surah Al-Anfal, 8:69, Surah An-Nahl, 16:114.

*“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.”*

(Surah Al-Baqarah, 2:168)

Dalam hal ini, Al-Quran memberitahu bahawa kebanyakannya memang Allah taala cipta untuk kebaikan sebagaimana yang terkandung dalam lafaz *taskhīr* yang diguna dalam ayat-ayat Al-Quran yang telah disebut di atas. Hanya sebahagian kecil darinya sahaja yang boleh memudaratkan. Satu kemudatan yang disebut dalam Al-Quran sebagai contoh ialah sifat memabukkan (*sakr*) yang menjadi sebab bagi pengharaman arak.<sup>152</sup>

وَمِن ثَمَرَاتِ النَّخِيلِ وَالْأَعْنَابِ تَتَّخِذُونَ مِنْهُ سَكَرًا وَرِزْقًا حَسَنًا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ.

*“Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang mahu menggunakan akalnya.”*

(Surah An-Nahl 16:67)

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَّفْعِهِمَا وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ  
الْعَفْوُ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ

*“Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: "Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya dan mereka bertanya pula kepadamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? Katakanlah: "Dermakanlah - apa-apa) yang berlebih dari keperluan (kamu). Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukumNya) supaya kamu berfikir.”*

(Surah Al-Baqarah, 2:219)

Syarat kedua, ialah jangan melampau dalam pemakanan sebagaimana yang disebut dalam ayat Al-Quran,

يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

*“Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan solat), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampau batas.”*

(Surah Al-A`raf, 7:31)

Pelampauan boleh bermaksud berlebih-lebihan dalam, (a) pemakanan hingga menjejaskan kesihatan diri seperti mengalami kegemukan yang teruk dan berpenyakit kencing manis, darah tinggi atau jantung, dan (b) aktiviti agrikultur baik di darat atau di laut yang boleh menyebabkan fasād (kerusakan) pada alam sekitar dan kepupusan spesies hidupan.

<sup>152</sup> Surah Al-Ma'idah, 5:90.

Syarat ketiga, ialah jangan cetus kerosakan. Walaupun hukum asal memanfaatkan tumbuhan itu adalah halal seperti menebang pokok balak untuk dijadikan kayu bagi membina rumah atau perkakas hidup, ia boleh bertukar menjadi haram jika cara melakukannya mengakibatkan kemusnahan pada alam sekitar. Satu contoh yang boleh menjadi renungan ialah aktiviti pembalakan dan penebangan hutan yang mengakibatkan kematian hidupan liar, kemusnahan ekosistem serta pencemaran jangka masa panjang. Perlakuan *fasad* sebegini bagi menghasilkan minyak kelapa sawit contohnya sewajarnya tidak dibenarkan.

Hal ini diperingatkan dalam ayat Al-Quran,

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

*“Telah timbul berbagai-bagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”*

(Surah Ar-Rum, 30:41)

Syarat kedua dan ketiga di atas adalah satu cara Allah meletakkan asas bagi kepentingan kelestarian (*sustainability*) alam dalam kehidupan manusia - sentiasa tidak melampau dalam menggunakan dan memanfaatkan alam tumbuhan ini, walaupun jika melibatkan benda yang pada asalnya halal sekalipun seperti memburu ikan paus hingga menyebabkan kepupusan hidupan itu dan menjejaskan ekosistem di laut, walaupun paus termasuk dalam haiwan ikan yang halal dimakan secara sepakat oleh para ulama fikih berdasarkan hadis dari Jabir bin Abdullah,

*“Rasulullah s.a.w mengutuskan kami sebagai pasukan dan menjadikan Abu Ubaidah r.a sebagai pimpinan kami untuk menghadapi orang-orang Quraisy. Kami dibekalkan dengan bungkusan yang berisi kurma sebab itu yang ada. Abu Ubaidah membahagikan kurma itu satu persatu kepada kami. Lantas saya bertanya kepadanya: Bagaimana kamu membahagi kurma-kurma itu? Abu Ubaidah menjawab: Kami menyedutnya seperti bayi sedang menyusu. Kemudian kami minum air lebihan rendaman kurma itu. Satu buah cukup sebagai makanan kami dari siang hingga malam. Kami memukulkan tongkat kami untuk menjatuhkan dedaunan dari pohonnya, lalu kami basahi dan memakannya. Kemudian kami bertolak ke pantai. Tiba-tiba kami melihat sesuatu yang besar sebesar bukit pasir yang besar. Kami pun menghampirinya. Ternyata ia adalah seekor binatang laut yang disebut anbar (ikan paus). Abu Ubaidah berkata: Ia adalah bangkai. Kemudian Abu Ubaidah berkata lagi: Tidak mengapa. Kita adalah utusan baginda Rasul yang berada di jalan Allah dan sedang dalam keadaan terpaksa. Makanlah. Kami tinggal di tempat itu selama sebulan dan jumlah kami ketika itu adalah tiga ratus orang. Kerana sering makan daging, kami pun gemuk. Kami mengambil minyak dari rongga matanya dengan menggunakan tempayan besar. Kemudian kami memotong daging sebesar lembu jantan. Lantas Abu Ubaidah memanggil tiga belas orang daripada kami untuk didudukkan di dalam rongga mata ikan paus itu. Kemudian dia mengambil salah satu rusuknya dan dia tegakkan. Abu Ubaidah pun mengambil unta yang paling besar dan melihat kepada orang yang paling tinggi antara kami, lalu disuruhnya orang itu menaiki unta itu, dan ternyata unta itu boleh berjalan di bawah tulang rusuk yang ditegakkan itu. Kami juga membuat dendeng (daging salai) daripadanya sebagai bekalan kami.*

Apabila kami sampai di Madinah, kami langsung menemui baginda Rasul dan berkata dan menceritakan apa yang berlaku. Baginda pun bersabda: Ini adalah rezeki yang Allah keluarkan untuk kamu. Adakah kamu membawa dagingnya sedikit supaya kami dapat merasa? Lantas kami kirimkan daging itu kepada Baginda dan baginda pun memakannya.”<sup>153</sup> (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Namun, Al-Quran juga mengingatkan manusia bahawa konsep manfaat dan mudarat pada tumbuhan bersifat dinamik kerana tumbuhan itu tidak mesti sepenuhnya bermanfaat atau bermudarat kerana kebanyakannya mempunyai kededua unsur. Hal ini disebut, sebagai contoh, dalam ayat mengenai anggur yang disifatkan sebagai boleh memabukkan dan sebagai rezeki yang baik,

وَمِن ثَمَرَاتِ النَّخِيلِ وَالْأَعْنَابِ تَتَّخِذُونَ مِنْهُ سَكَرًا وَرِزْقًا حَسَنًا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ.

“Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang mahu menggunakan akalnya.”

(Surah An-Nahl, 16:67)

Dalam hal ini, Al-Quran meletakkan prinsip bagi menentukan bila sesuatu yang mempunyai manfaat dan mudarat menjadi halal atau haram bagi manusia dalam ayat,

Ayat ini menjadi dalil di sisi ulama akan haramnya sesuatu perkara itu apabila mudaratnya lebih banyak dari manfaat.

Kedinamikan sifat mudarat dan manfaat bagi penentuan hukum halal dan haram juga berlaku di peringkat individu, iaitu sesuatu yang baik bagi orang ramai, tetapi boleh memudaratkan individu tertentu kerana keadaan yang ada padanya seperti memberi madu kepada bayi dengan tujuan tahnik kerana kajian sains mendapati bakteria Clostridium botulinum yang terdapat dalam madu boleh memudaratkan anak-anak berusia bawah satu tahun. Ia boleh mengakibatkan botulisme kerana daya tahan bayi pada usia itu belum kuat untuk melawan bakteria yang dinyatakan.<sup>154</sup>

Dengan ini, boleh dirumuskan, pertama, hukum asal bagi manusia ialah harus untuk menikmati dan memanfaatkan tumbuhan baik dalam bentuk makanan, pakaian dan lain-lain kecuali ada dalil yang jelas mengharamkannya atau bukti yang jelas akan kemudaratannya.

Kedua, manusia mesti tetap menggunakan akal, membuat pertimbangan yang baik, bersifat hemah (*prudence*), berfikiran kritikal, mengamalkan *wasatiyyah* (seimbang dan saksama) dan menjauhi pelampauan, sebelum menikmati tumbuhan yang Allah taala ciptakan dan halalkan untuk mereka nikmati.

Ketiga, manusia juga dianjurkan untuk mengkaji dan menyelidik tumbuhan-tumbuhan bagi mencari manfaat yang tersembunyi di dalamnya.

<sup>153</sup> Muslim, Sahih Muslim, Hadith No. 1935b.

<sup>154</sup> Nicole Harris, “Why Can’t Babies Have Honey?”, Parents, 15 April, 2020, di <https://www.parents.com/baby/feeding/when-can-my-baby-eat-honey/>



Rumusan kedua dan ketiga di atas bersesuaian dengan anjuran Al-Quran ke atas manusia untuk merenung dan berfikir tentang alam dan tumbuhan.<sup>155</sup>

إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ ۚ نَبَاتُ الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ حَتَّىٰ إِذَا أَخَذَتِ الْأَرْضُ زُخْرُفَهَا وَازَّيَّنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ قَادِرُونَ عَلَيْهَا أَتَاهَا أَمْرُنَا لَيْلًا أَوْ نَهَارًا فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَأَن لَّمْ تَغْنَبِ بِالْأَمْسِ كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

*“Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan suburnya) tanaman-tanaman di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang - bercampur-aduk dan berpaut-pautan (pokok-pokok dan pohonnya) dengan sebab air itu hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bunga yang berwarna-warni), dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya) datanglah perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari lalu Kami jadikan dia hancur-lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum itu. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu berfikir (dan mengambil iktibar daripadanya).”*

(Surah Yunus, 10:24)

## **KEWAJIPAN BERSYUKUR DAN BERUBUDIYAH**

Al-Quran memberitahu bahawa mengenali dan beriman pada kewujudan Maha Pencipta bukan tujuan terakhir dari penciptaan tumbuhan. Al-Quran juga menegaskan bahawa segala manfaat yang ada pada tumbuhan untuk dinikmati manusia bukan tanpa harga yang perlu dibayar.

Al-Quran menjelaskan bahawa manusia wajib, setelah mengenali dan beriman dengan kewujudan Tuhan, untuk taat pada perintahNya yang terkandung dalam Al-Quran. Imbalan yang perlu dibayar oleh manusia bagi nikmat tumbuhan yang dikecapi pula ialah bersyukur kepada Tuhan Pencipta tumbuhan dan Pemberi rezeki dan nikmat.

Kewajipan taat dan bersyukur pada Allah taala saling berkaitan, iaitu mentaati perintahNya dalam kehidupan adalah manifestasi syukur. Dengan kata lain, bagaimanakah manusia perlu tunjukkan kesyukuran kepada Allah taala atas nikmat yang diberi? Jawapannya, ialah dengan mentaati segala aturanNya ke atas manusia sebagaimana yang terdapat dalam Al-Quran.

Atau kenapa manusia perlu jalani hidupnya sesuai dengan perintah Tuhan dalam Al-Quran? Jawapannya, ialah kerana bersyukur atas segala nikmat yang dikecapi sepanjang hidup yang meliputi alam tumbuhan.

Al-Quran mencontohkan kewajipan taat dan bersyukur bagi manusia dengan sifat tumbuhan, iaitu sujud dan bertasbih kepada Allah taala sentiasa dan akur dengan aturan alam yang ditetapkan oleh Allah taala ke atas setiap jenis tumbuhan.

<sup>155</sup> Surah Ar-Ra'd, 13:4, Surah An-Nahl, 16:10, Surah An-Nahl, 16:67-9.

Sains mendapati bahawa setiap tumbuhan mempunyai aturan masing-masing yang dinamakan hukum tabi`ii. Di sisi Al-Quran, hukum tabi`ii ini tidak wujud dengan sendiri melalui evolusi tetapi ia adalah hukum alam yang ditetapkan oleh Allah taala bagi segala ciptaannya dan mereka tidak pernah terpesong darinya.<sup>156</sup>

Namun, Al-Quran bukan hanya ingin memberitahu manusia bahawa alam itu bertasbih, bersujud dan taat pada hukum yang ditetapkan kepada mereka, tapi juga memberitahu manusia untuk melakukan perkara yang diperintah dan menjauhi apa yang dilarang. Walaupun Al-Quran tidak menyebut seperti itu secara jelas, tapi Al-Quran ada menyebut bahawa manusia juga perlu bertasbih seperti alam. Logiknya ialah, jika alam itu bertasbih, bersujud dan taat kepada Allah taala, manusia selaku makhluk Allah taala yang lebih tinggi darjatnya lebih patut melakukan perkara yang sama.

Alam harmoni kerana segala apa yang dia buat akur dengan ketentuan Allah taala, iaitu hukum tabi`ii dan sebab musabab baginya. Alam juga menjadi musnah apabila hukum ini diganggu dan dicemari seperti yang berlaku pada perubahan iklim hari ini. Demikianlah seharusnya juga kehidupan manusia.

Pada anjuran bertasbih dan bersujud bersama alam tumbuhan juga mengandungi pesanan tentang bagaimana manusia dan alam boleh wujud secara harmoni bagi kehidupan yang sejahtera di dunia. Hal ini membezakan konsep manusia-alam wujud berharmoni antara Islam dan gerakan alam sekitar (*environmentalist*) masa kini. Di sisi Islam, keharmonian hubungan manusia dan alam bukan hanya pada sudut kelestarian sekitaran (*environmental sustainability*), tapi juga pada kebersamaan manusia dalam bertasbih dan sujud pada Allah taala Pencipta segala sesuatu.<sup>157</sup>

Ertinya, salah satu sebab kemusnahan pada alam sekitar ialah apabila manusia mula tidak harmoni dengan alam, dalam bertasbih, bersujud dan taat kepada Allah taala yang mencipta dan meletak aturan bagi segala-galanya.

## **KEWAJIPAN BERZAKAT DAN ANJURAN BERKONGSI NIKMAT**

Salah satu ayat Al-Quran tentang tumbuhan memberitahu manusia bahawa pada nikmat tumbuhan yang diperolehi terdapat hak untuk ditunaikan, iaitu firman Allah Ta'ala,

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوسَاتٍ وَعَيْبَرٍ مَّعْرُوسَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أَكْثَرَهُ، وَالرَّيثُونَ وَالرُّمَانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ  
مُتَشَابِهٍ كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَعَاتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

<sup>156</sup> Hamka, Tafsir Al-Azhar, jld. 8, 2001, ms. 6428-34.

<sup>157</sup> Lihat Mohd Abbas Abdul Razak, "Man and Nature: An Islamic Perspective", Peshawar Islamicus, 5:2, Julai-Dis., 2014, ms. 1-13; Seyyed Hossein Nasr, "Can We Live in Harmony With Nature?", Renovatio: The Journal of Zaytuna College, 17 Jun, 2019.

*“Dan Dialah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebon yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya [penekanan adalah tambahan dari penulis] dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.”*

*Surah Al-An`am, 6:141)*

Ayat ini menganjurkan manusia untuk mengeluarkan “hak” dari hasil tuaian dari tanaman-tanaman mereka samada dalam bentuk buah seperti kurma atau bijian seperti gandum.

Para ulama berbeza pendapat tentang maksud “hak” yang perlu ditunaikan dalam ayat di atas. Majoriti dari ulama berpendapat ia merujuk kepada zakat tanaman dan ayat di atas adalah dalil bagi kewajipan membayar zakat dari hasil pertanian. Sebahagian ulama pula berpendapat bahawa ayat di atas bukan dalil bagi zakat pertanian. Golongan ini berhujah bahawa ayat itu tidak mungkin menjadi dalil bagi zakat pertanian kerana ia diturunkan di Mekah, sedangkan zakat hanya diwajibkan setelah Nabi dan para sahabatnya berhijrah ke Madinah. Hujah ini dijawab pula oleh golongan pertama bahawa hakikat ayat itu diturunkan di Mekah tidak bermakna ia bukan dalil bagi zakat pertanian kerana pensyariatannya boleh bermula oleh sebab ayat yang diturunkan di era Mekah, tapi pelaksanaan dan amalannya mula diberlakukan atau diwajibkan di era Madinah. Perkara seperti ini berlaku juga pada banyak hukum-hukum yang lain.<sup>158</sup>

Perbezaan pendapat ini bukan satu isu yang fundamental kerana, walaupun kedua pihak berbeza pendapat samada ayat yang dinyatakan itu adalah dalil bagi pensyariatannya zakat pertanian, mereka bersetuju bahawa zakat pertanian wujud dan wajib ke atas para petani jika memenuhi syarat-syaratnya dan dalil pensyariatannya ialah hadis-hadis berkenaan zakat tanaman.<sup>159</sup>

Pihak yang berpendapat ayat itu bukan dalil bagi pertanian memahami perintah menunaikan “hak” bagi tanaman sebagai anjuran berkongsi hasil tuaian kepada orang lain yang memerlukan melalui sedekah dan yang seumpamanya.<sup>160</sup>

Dari sini pula, boleh dibuat kesimpulan, sesuai dengan semangat yang terkandung dari ayat ini dan kewajipan berzakat, bahawa dianjurkan ke atas mereka yang tanamannya tidak memenuhi kewajipan berzakat kerana kurang nisab atau tanamannya bukan dari jenis yang diwajibkan berzakat untuk bersedekah sebahagian dari hasil tuaiannya sebagai tanda syukur atas nikmat yang diperolehi, walaupun sedikit. Hal ini juga berseesuaian dengan ayat Al-Quran yang menganjurkan manusia untuk bersedekah setelah menikmati nikmat dari tanaman dalam firman Allah Ta’ala,

<sup>158</sup> Yusuf Al-Qaradawi, *Fiqh Al-Zakah*, Beirut: Mu’assat Al-Risalah, jld. 1, 1973, ms. 342-8.

<sup>159</sup> *Ibid.*, ms. 348.

<sup>160</sup> *Ibid.*

يَأْتِيهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنفِقُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ  
بِآخِذِيهِ إِلَّا أَن تُغْمِضُوا فِيهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ

*“Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu nafkahkan daripadanya, padahal kamu sendiri tidak mau mengambilnya melainkan dengan memicingkan mata terhadapnya. Dan ketahuilah, bahwa Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji.”*

(Surah Al-Baqarah, 2:267)

Walaupun ramai ulama memaknakan perintah bersedekah ini dengan kewajipan zakat tapi Allah taala menggunakan lafaz *infāq* (memberi sumbangan harta), bukan lafaz zakat, dalam ayat ini. Ia memberi ruang untuk memahami anjuran di sini menjangkau dari kewajipan zakat, atau dengan kata lain, ia juga boleh difahami sebagai anjuran bersedekah semampu yang mungkin, sesuai dengan pendapat sebahagian ahli tafsir bahawa ayat ini juga bermaksud sedekah yang sunat.<sup>161</sup>

Sebagaimana zakat-zakat lain, zakat tanaman juga mempunyai nisab yang perlu dipenuhi untuk menjadi wajib dikeluarkan, iaitu apabila tuaian tanaman yang dibuat mencapai 5 *awsuq* yang dianggarkan sama berat dengan 660 kilogram. Manakala kadar yang wajib dikeluarkan zakat pula ialah, (a) 5% dari hasil tuaian yang telah memenuhi nisab, jika tanaman itu diairi oleh irigasi yang diusahakan oleh manusia, bukan sumber semulajadi seperti hujan dan sungai, atau setelah menolak kos pengeluaran seperti kos membaja, membajak, menuai, meracun dan sebagainya, atau (b) 10% dari hasil tuaian yang telah memenuhi hisab, jika tanaman diairi oleh sumber alam semulajadi atau sebelum menolak kos-kos pengeluaran.<sup>162</sup>

Para ulama berbeza pendapat tentang jenis tanaman yang perlu diwajibkan zakat. Ada yang membataskan pada empat jenis sahaja. Dua dari jenis buah, iaitu kurma dan anggur. Dua lagi dari jenis bijian, iaitu gandum dan jagung. Ada pula yang mewajibkan ke atas tanaman-tanaman bagi makanan utama dan yang boleh disimpan lama seperti kurma, gandum, jagung dan padi. Ada yang mensyaratkan tanaman yang boleh ditimbang. Ada juga yang lain menetapkan zakat ke atas apa jua tanaman yang sengaja ditanam manusia (bukan yang tumbuh secara semulajadi tanpa usaha manusia) dan bernilai.<sup>163</sup> Oleh itu, zakat pertanian ini patut dihidupkan sentiasa dan di mana jua, termasuk di Singapura, kerana ia adalah fardu kifayah. Tanaman-tanaman adalah keperluan asasi manusia. Perkara-perkara yang asalnya disyariatkan zakat ke atasnya merupakan makanan ruji bagi manusia dan yang boleh disimpan buat lama tanpa rosak, seperti tamar, makanan ruji bagi orang Arab. Bagi orang Asia yang mana makanan asasi mereka adalah nasi, zakat pertanian yang sesuai diaplikasikan adalah zakat padi. Namun, makanan asasi dalam keadaan susah seperti musim tengkujuh dan kemarau tidak diwajibkan zakat.

<sup>161</sup> Al-Qurtubiy, Tafsir Al-Qurtubiy, surah Al-Baqarah, 2:267; M. Quraish Shihab, Tafsir Al-Mishbah, jld. 4, Jakarta: Lentera Hati, 2006, ms. 315-6.

<sup>162</sup> Al-Qaradawi, jld. 1, 1973, ms. 361-2, 371-3.

<sup>163</sup> Ibid, ms. 349-55

Ramai ulama kontemporari hari ini lebih cenderung untuk berpegang dengan pendapat yang terakhir kerana sifatnya yang lebih anjal untuk meliputi banyak jenis tanaman yang wujud masa kini tetapi tidak disebut oleh para ulama silam dalam kitab-kitab fikih kerana tanaman itu tidak wujud di daerah mereka, atau belum wujud, atau tidak mempunyai nilai ekonomi yang tinggi di zaman dahulu seperti durian *Musang King*, buah kelapa sawit, sayur-sayuran yang kesemuanya ini boleh bernilai bilion dolar dan menjadi sumber hasil pendapatan penting dalam industri pertanian.<sup>164</sup>

Sebahagian ulama kontemporari yang lain pula berpendapat hasil tanaman yang tidak dikenakan zakat pertanian, seperti sayur-sayuran dan bunga, hendaklah dikenakan zakat perniagaan jika hasil tanaman itu diperniagakan, dan bukan untuk konsumsi peribadi.<sup>165</sup> Quraish Shihab mengatakan tentang keperluan untuk menggabungkan banyak perkara-perkara baru hari ini yang sangat bernilai dari sudut ekonomi tetapi secara tradisi ia tidak wajib dizakatkan. Jika sesuatu perkara itu mempunyai nilai yang sangat tinggi dari segi ekonomi, maka ia boleh difatwakan sebagai sesuatu yang wajib dizakatkan. Sebagai contoh, durian dan juga sayur sayuran yang nilainya lebih tinggi daripada nilai sayur asyuran dan tanaman yang lain.

Menurut pendapat ini, sebahagian daripada hasil pertanian juga wajib ditaksirkan zakatnya sebagai zakat perniagaan. Maka, walaupun jika dilihat tanaman yang bernilai tinggi seperti durian contohnya tidak tertakluk kepada zakat pertanian, ia selayaknya dikenakan zakat perniagaan yang mana secara zat dan perkhidmatannya adalah bersumberkan perniagaan yang halal. Tambahan pula, tanaman yang nilainya mampu berkembang atau mempunyai potensi untuk berkembang serta berupaya untuk menghasilkan pendapatan dan keuntungan, ia patut dizakat.

Ia berasaskan definisi perniagaan itu sendiri yang bergantung kepada niat untuk memperolehi keuntungan. Oleh itu, tumbuhan atau flora yang mempunyai sifat produktif (*namā'*) dan memenuhi sifat berkembang dan diniagakan sesuai ditaksirkan zakatnya. Hikmah zakat pertanian ini mengajar kita bahawa syariat Islam ini bersifat komprehensif (*shumūl*) dan menitikberatkan kebajikan setiap individu dalam masyarakat. Maka, fardu kifayah atas umat Islam untuk sentiasa menghidupkan institusi zakat, termasuk zakat pertanian dan zakat perniagaan.

Berdasarkan pendapat yang mengaitkan hasil tuaian dari tanaman yang merupakan keperluan asasi manusia dengan kewajipan zakat yang merupakan pula salah satu dari rukun Islam, boleh dirumuskan satu pelajaran, iaitu satu fardu kifayah bagi umat Islam untuk menceburi bidang pertanian bagi membekalkan makanan asasi supaya dengannya kewajipan zakat pertanian dapat terus diamalkan. Hal ini adalah kerana setiap rukun Islam dan cabang-cabangnya disyariatkan untuk ditegakkan secara kekal. Namun, zakat pertanian tidak akan ditegakkan secara amali tanpa aktiviti pertanian, baik secara individu atau kolektif. Sememangnya, tidak semua individu boleh bertani bagi menghidupkan zakat pertanian.

<sup>164</sup> Ibid, ms. 355-60; M. Quraish Shihab, Tafsir Al-Mishbah, jld. 4, ms. 316-7.

<sup>165</sup> Majlis Agama Islam Negeri Johor, Zakat Pertanian, t.t., di <https://www.majlis.gov.my/zakat-pengenal/zakat-pertanian> ; Pusat Pungutan Zakat MAIWP, Zakat Pertanian, t.t., di <https://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-pertanian/>

Namun, jika tiada dikalangan umat Islam yang membayar zakat kerana tiada aktiviti pertanian, ia patut dilihat sebagai satu kegagalan secara kolektif.

Begitu juga institusi zakat secara keseluruhannya sesuatu yang perlu kita pelihara, jaga dan pastikan ia sentiasa wujud. Meskipun seseorang individu itu mungkin tidak mampu mengeluarkan zakat, namun umat Islam keseluruhannya perlu pastikan keberlangsungan zakat. Jika zakat tidak dikeluarkan langsung, ia bermaksud keseluruhan umat Islam dalam keadaan yang sangat miskin dan papa sehingga tidak mampu mengeluarkan zakat. Dalam sesebuah masyarakat, kita hanya akan dapati zakat tidak dikeluarkan jika tiada yang mampu mengeluarkannya. Apabila perkara itu berlaku, ia bermakna umat Islam telah gagal dalam mempertahankan dan memelihara rukun Islam, iaitu zakat dalam masyarakat mereka.

Perkara ini seharusnya dilihat relevan bagi masyarakat Muslim di Singapura juga, walaupun realiti Singapura bersifat negara bandar dan mempunyai keterbatasan tanah bagi tujuan pertanian kerana beberapa sebab.

Pertama, makanan adalah salah satu sumber asasi bagi penakatan penduduk satu negara. Ketiadaan bekalan makanan yang cukup pasti akan menjejaskan kesihatan mereka dan ini akan menjejaskan pula ekonomi negara.

Kedua, prinsip yang serupa boleh dilihat dalam konsep keselamatan makanan (*food security*), iaitu menjamin bekalan makanan yang cukup bagi memastikan rakyat dapat hidup dengan sihat dan selesa hingga dapat memastikan semua fungsi-fungsi utama negara seperti ekonomi, sosial dan pertahanan terpelihara. Konsep keselamatan negara masa kini bukan hanya terhad pada kekuatan ketenteraan dan pertahanan, tetapi juga melibatkan aspek keselamatan makanan (*food security*) yang meliputi kemandirian Singapura dalam memastikan bekalan makanan untuk rakyatnya.<sup>166</sup> Hal ini akan dibicarakan dengan lebih panjang di bab lima nanti.

Ketiga, kaedah pertanian moden telah maju hingga membolehkan aktiviti pertanian dilakukan tanpa memerlukan bidang tanah yang luas seperti masa lalu. Sebagai contoh tanaman seperti padi dan sayuran boleh dilakukan dalam bentuk vertikal.<sup>167</sup> Kaedah hidroponik membolehkan juga tanaman dihasilkan tanpa penggunaan tanah yang luas. Terdapat juga kaedah-kaedah yang membolehkan tanaman dihasilkan lebih banyak dan berkala berbanding cara tradisi.<sup>168</sup>

<sup>166</sup> Paul Teng, "Food Security: What It Means for a Food-Importing Country", RSIS Commentary, 4 Disember, 2013, <https://www.rsis.edu.sg/rsis-publication/nts/2110-food-security-what-it-means-f/#.YzVZaHZByHs>; Food and Agriculture Organization, "An Introduction to the Basic Concepts of Food Security", EC-FAO Food Security Programme, 2008, di <https://www.fao.org/3/al936e/al936e00.pdf>; Food and Agriculture Organization, Trade Reforms and Food Security: Conceptualizing the Linkages, Chapter 2, 2013, di <https://www.fao.org/3/y4671e/y4671e00.htm#Contents>

<sup>167</sup> Kalinga Seneviratne, "Farming in the Sky in Singapore", Our World, 12 Disember, 2012, di <https://our-world.unu.edu/en/farming-in-the-sky-in-singapore>

<sup>168</sup> Stephen R. Gliessmann, "Agriculture, Modern", encyclopedia.com, t.t., di <https://www.encyclopedia.com/science/news-wires-white-papers-and-books/agriculture-modern>; AgriFarming (t.t), Modern farming Methods, Techniques, di [https://www.agrifarming.in/modern-farming-methods-techniques#-Modern\\_Farming\\_Methods](https://www.agrifarming.in/modern-farming-methods-techniques#-Modern_Farming_Methods)

Atas sebab ini, negara bandar seperti Singapura tetap perlu memberi perhatian dan membangun industri pertanian dalam negeri. Hal ini telah disedari oleh pemerintah Singapura yang telah pun melakar pelan yang dinamakan Pelan Utama Lim Chu Kang (*Lim Chu Kang Master Plan*) di bawah Agensi Makanan Singapura (*Singapore Food Agency*), sebagai agensi utama bagi memastikan keselamatan makanan Singapura terjamin.<sup>169</sup>

Masyarakat Muslim Singapura, dan masyarakat Muslim di negara bandar seperti Singapura, mempunyai peranan dalam hal ini, iaitu melibatkan diri dalam industri pertanian dalam negeri bagi mencapai dua tujuan yang dihuraikan di atas sekali gus.

Pertama, agar dapat menghidupkan syariat zakat pertanian sebagai tanda kesyukuran kepada Tuhan atas nikmat makanan dan nikmat-nikmat lain yang diperolehi. Pertama, masyarakat Muslim. Atas niat untuk sentiasa memperbaiki amal sepanjang tahun, usaha ini harus dimajukan pula setiap tahun agar zakat pertanian ini dapat bertambah tahun demi tahun dan kemudiannya menambah pula dana zakat yang terkumpul untuk dimanfaatkan bagi masyarakat pula.

Kedua, agar dapat menyumbang pada ekonomi dan kesejahteraan negara bagi mencapai kemandirian Singapura dalam soal keselamatan makanan. Dengan ini, masyarakat Muslim membuktikan bahawa ajaran Islam bukan hanya bermanfaat bagi umat Islam tapi juga boleh diselaraskan dengan agenda nasional.

Secara keseluruhan, orang Islam yang menghayati konsep agama Islam dan bersyukur kepada Allah akan sentiasa berusaha untuk mencukupkan nisabnya setiap tahun supaya dia dapat mengeluarkan zakat, sepertimana Islam menggalakkan umatnya untuk berlumba-lumba dalam membuat kebaikan. Orang Islam patut bersikap proaktif dalam memelihara dan mengeluarkan zakat dengan membuat pelaburan atau mengumpul harta mereka secukupnya untuk membolehkan mereka melaksanakan rukun Islam tersebut.

## **KESIMPULAN**

Bab ini telah dapat membentangkan banyak isu-isu keagamaan yang dapat dikenalpasti dari ayat-ayat tentang tumbuhan yang ada dalam Al-Quran untuk dijadikan pelajaran hidup bagi Muslim yang mahu berfikir dan menjalani hidup sesuai dengan panduan Tuhan. Di bawah ini disimpulkan beberapa pelajaran yang boleh didapati dari pembentangan di atas.

Pertama, Al-Quran seru manusia agar tidak hanya menikmati tumbuhan untuk hidup dengan selesa dan mewah, tapi juga berfikir akan kewujudannya; kenapa dan bagaimana tumbuhan boleh wujud?

Kedua, satu perkara yang Al-Quran mahu manusia berfikir ialah soal hakikat kewujudan tumbuhan yang ada di dunia sebagai makhluk yang dicipta, bukan wujud dengan sendiri, baik melalui proses evolusi atau proses-proses lain.

<sup>166</sup> Singapore Food Agency, Master Planning LCK, t.t., di <https://www.ourfoodfuture.gov.sg/master-planning-lck/ourvision>

Ketiga, manusia wajib berfikir tentang perkara ini kerana ia telah mendapat banyak manfaat dari tumbuhan yang ada di muka bumi ini. Dari manfaat yang dinikmati, manusia wajib berterima kasih kepada yang mencipta segala tumbuhan dan alam dan tidak biarkan diri mereka dalam kejahilan dalam perkara ini sepanjang hidup dan ini dicapai dengan berusaha untuk mencari dan mengenali Yang Maha Pencipta dahulu.

Keempat, Al-Quran ingin membantu manusia dalam perkara ini dengan pemberitahuan bahawa pencipta tumbuhan dan alam ini sebagai rezeki bagi mereka ialah Allah taala, Tuhan yang bersifat Esa dan Tunggal. Hal ini wajib diimani oleh manusia dan seharusnya juga menjadi rumusan logik kerana keindahan dan ketertiban ciptaan alam ini mustahil berlaku dengan kewujudan banyak Tuhan sebagaimana yang diakui oleh fikiran manusia dalam mitologi mereka sepanjang zaman.

Kelima, Al-Quran adalah bukti proksi yang wibawa bagi membenarkan kewujudan Tuhan dan kemestian Tuhan bersifat Esa. Kewibawaan Al-Quran dalam hal ini dapat ditunjukkan melalui kajian pelbagai sarjana Muslim dan bukan Muslim.

Keenam, harus dan halal bagi manusia untuk menikmati tumbuhan bagi keperluan hidup yang meliputi juga menjadikan tumbuhan sebagai bahan makanan. Ini adalah hukum asal bagi tumbuhan kerana Al-Quran memberitahu tujuan penciptaan tumbuhan dan alam memanglah sebagai rezeki yang baik bagi manusia. Hukum berubah menjadi haram jika ada dalil jelas yang mengharamkannya atau jika ia terbukti memudaratkan manusia.

Ketujuh, walaupun manusia dihalalkan untuk menikmati tumbuhan, tapi mereka juga dianjurkan agar sentiasa berfikir dan meneliti dahulu sebelum melakukannya kerana Al-Quran memberitahu tumbuhan yang ada mempunyai manfaat dan mudarat. Manusia hendaklah kenal pasti dahulu tumbuhan yang ingin dinikmati tidak memudaratkan diri.

Kelapan, Al-Quran melarang manusia menikmati tumbuhan secara melampau dan berlebih-lebihan hingga menyebabkan kerosakan pada diri dan alam sekitar kerana ayat-ayat Al-Quran tentang tumbuhan juga menegaskan kepentingan tumbuhan bagi alam sekitar dan kepentingan memelihara kelestarian alam sekitar bagi kehidupan yang baik di dunia ini.

Kesembilan, Al-Quran mengingatkan manusia agar tidak kemaruk dengan kemewahan yang didapati dari tumbuhan hingga lupa bahawa tumbuhan dan segala nikmat darinya bersifat fana' – pasti akan musnah. Oleh itu, manusia janganlah menikmati dunia yang sementara hingga mengabaikan nikmat yang abadi, iaitu nikmat di akhirat.

Kesepuluh, ayat-ayat tumbuhan mengandungi dalil akan kewujudan akhirat – satu kehidupan yang abadi yang bermula dengan Kiamat dan diikuti pula dengan pengadilan manusia di hadapan Allah taala, samada hidup sesuai dengan aturan Allah taala, sebelum ditentukan syurga atau neraka bagi mereka.

Kesebelas, Allah taala mampu membangkitkan semula manusia sebagaimana ia mampu mewujudkan tumbuhan dari tiada kepada ada, kemudian tumbuh membesar hingga layu dan musnah, lalu tumbuh semula tumbuhan di tanah yang sama. Kitaran ini seharusnya menanam iman dalam diri manusia bahawa akhirat yang kekal itu pasti dan jangan digadaikan dengan nikmat dunia yang sementara.



Keduabelas, jalan bagi manusia untuk capai kebahagiaan yang abadi di akhirat ialah dengan bersyukur kepada Tuhan atas nikmat tumbuhan yang dikurniakan. Al-Quran untuk mencontohkan kepada manusia tumbuhan dalam soal bersyukur kepada Tuhan, iaitu dengan bertasbih dan bersujud kepadaNya selalu dan akur akan aturan yang telah Allah taala tetapkan bagi setiap makhluknya. Tumbuhan tunduk pada Allah taala dengan mengikut aturan yang telah ditetapkan dalam alam tabi`ii. Begitulah juga manusia, wajib tunduk pada aturan yang Allah taala telah tetapkan untuk mereka dalam Al-Quran.

Ketigabelas, keharmonian manusia dan alam bukan hanya dicapai melalui pelestarian hukum tabi`ii yang ada, tapi juga pada keharmonian dalam bertasbih dan sujud pada Tuhan yang sama.

Keempatbelas, manusia diwajibkan untuk berzakat sebagai tanda syukur atas nikmat yang diperolehi dari tumbuhan. Bagi yang tidak wajib membayar zakat kerana tidak mencukupi syarat, dianjurkan untuk tetap berkongsi sedikit dari nikmat yang diperolehi melalui bersedekah kepada mereka yang kurang rezekinya.

Kelimabelas, Muslim dianjurkan untuk terlibat dalam bidang pertanian supaya dengan itu kewajipan zakat pertanian dapat terus dihidupkan, menjadi contoh dalam pelestarian alam dan menyumbang pada kepentingan negara, iaitu memenuhi keselamatan makanan dengan memastikan bekalan makanan dalam negeri terpelihara.

Setelah berakhir perbincangan tentang isu-isu keagamaan untuk dijadikan pelajaran dari ayat-ayat tumbuhan dalam Al-Quran, bab seterusnya pula akan melanjutkan perbincangan tentang pelajaran-pelajaran yang membabitkan bidang keduniaan dan kehidupan.

## BAB 4

### ISU-ISU KEHIDUPAN DALAM AYAT-AYAT TUMBUHAN



<https://www.istockphoto.com/photo/small-tree-grows-from-dying-wood-gm547539742-98988783?phrase=life+in+nature>


#### **PENDAHULUAN**

Di bab kedua, kajian ini telah merumuskan dua bidang besar bagi pelajaran-pelajaran yang dapat diambil dari ayat-ayat Al-Quran yang membicarakan tentang tumbuhan, iaitu (a) isu-isu keagamaan, dan (b) isu-isu kehidupan dan keduniaan.

Bab ketiga yang baru berlalu telah membahaskan isu-isu keagamaan. Kini bab keempat ini akan membahaskan pula bidang besar kedua, iaitu isu-isu kehidupan dan keduniaan.

Tiga isu-isu kehidupan dan keduniaan dapat dikenal pasti dari ayat-ayat tumbuhan dalam Al-Quran, iaitu (1) kehidupan syurgawi di dunia, (2) kelebihan diet buah-buahan, dan (3) kepelbagaian adalah tabi`ii.

## KEHIDUPAN SYURGAWI DI DUNIA



<https://www.istockphoto.com/photo/green-ripening-soybean-field-agricultural-landscape-gm974660256-265146053?phrase=crop+field>

Telah dinyatakan di dalam bab satu dari kajian ini bahawa jannah adalah salah satu perkataan dalam Al-Quran yang berkait dengan alam tumbuhan.<sup>170</sup>

وَفِي الْأَرْضِ قَطْعٌ مُّتَجَلِّدَاتٌ وَجَنَّاتٌ مِّنْ أَعْنَابٍ وَزُرُوعٌ وَنَخِيلٌ صِنْوَانٌ وَغَيْرُ صِنْوَانٍ يُسْقَىٰ بِمَاءٍ وَاحِدٍ وَنُفِصِلُ بَعْضَهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِي الْأَرْضِ كُلِّ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

*Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya) Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya.”*

(Surah Ar-Ra'd, 13:4)

Al-Quran menggunakan perkataan jannah untuk merujuk kepada dua perkara yang berbeza. Pertama ialah taman atau kawasan yang dipenuhi dengan tumbuh-tumbuhan di muka bumi ini.<sup>171</sup> Kedua pula ialah tempat di mana semua manusia yang beriman dan soleh di dunia ini menjalani kehidupan bahagia yang kekal abadi di Akhirat nanti, yang dikenali sebagai syurga dalam bahasa Melayu.<sup>172</sup>

<sup>170</sup> Lihat Surah Al-Kahf, 18:32-33, Surah Al-Kahf, 18:35, Surah Al-Kahf, 18:39-40, Surah Al-Mu'minin, 23:19, Surah Saba', 34:16, Surah Yasin, 36:34, Surah Ad-Dukhan, 44:25, Surah Qaf, 50:9.

<sup>171</sup> Ibid.

<sup>172</sup> Lihat Surah Az-Zumar, 39:73, Surah Ghafir, 40:40, Surah Al-Ahqaf, 46:14, Surah Muhammad, 47:15.

وَأُزْلِفَتِ الْحَنَّةُ لِلْمُتَّقِينَ

“Dan (pada hari itu) didekatkan Syurga bagi orang-orang yang bertaqwa.”

Surah Ash-Shu'ara', 26:90)

Al-Quran memberitahu terdapat banyak perkara di dalam syurga, bukan hanya taman-taman yang indah.<sup>173</sup>

وَلِمَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ جَنَّاتٍ . فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ . فِيهِمَا عَيْنَانِ تَجْرِيَانِ . فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ . فِيهِمَا مِنْ كُلِّ فَاكِهَةٍ زَوْجَانِ . فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ . مُتَّكِبِينَ عَلَى فُرُشٍ بَطَّانَتْهَا مِنْ إِسْتَبْرَقٍ وَجَنَى الْجَنَّتَيْنِ دَانٍ . فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ . فِيهِمَا قَصِيرَاتُ الْظُرْفِ لَمْ يَطْمِئِنَّهُنَّ أَنْسَ قَبْلَهُمْ وَلَا جَانٌّ . فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ . كَأَنَّهِنَّ أَلْيَاقُوتٌ وَالْمَرْجَانُ . فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ . هَلْ جَزَاءُ الْإِحْسَانِ إِلَّا الْإِحْسَانُ . فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ . وَمِنْ دُونِهِمَا جَنَّاتٍ . فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ . مُدْهَمَّتَانِ . فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ . فِيهِمَا عَيْنَانِ نَضَّاخَتَانِ . فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ . فِيهِمَا فَاكِهَةٌ وَنَخْلٌ وَرُمانٌ . فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ . فِيهِمَا خَيْرَاتُ حِسَانٍ . فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ . حُورٌ مَقْصُورَاتٌ فِي الْحِيَامِ . فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ . لَمْ يَطْمِئِنَّهُنَّ أَنْسَ قَبْلَهُمْ وَلَا جَانٌّ . فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ . مُتَّكِبِينَ عَلَى رُفْرِفٍ خَضِرٍ وَعَبَقَرِيٍّ حِسَانٍ . فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ .

تَبَارَكَ اسْمُ رَبِّكَ ذِي الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

“Dan orang yang takut akan keadaan dirinya di mahkamah Tuhannya (untuk dihitung amalnya), disediakan baginya dua Syurga, -Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? (Dua Syurga) yang ada berjenis-jenis pohon dan buah-buahan; -Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Pada kedua-dua Syurga itu terdapat dua matair yang mengalir; -Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan. Pada kedua Syurga itu terdapat dua macam dari tiap-tiap jenis buah-buahan (yang biasa dan yang luar biasa). Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Mereka (bersenang-senang di tempat masing-masing dalam Syurga itu dengan) berbaring di atas hamparan-hamparan, yang lapisan-lapisan sebelah dalamnya - dari sutera tebal yang bersulam; dan buah-buahan kedua-dua Syurga itu dekat (kepada mereka) untuk dipetik. Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Di dalam Syurga-syurga itu terdapat bidadari-bidadari yang pandangannya tertumpu (kepada mereka semata-mata), yang tidak pernah disentuh sebelum mereka oleh manusia dan jin; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Bidadari-bidadari itu (cantik berseri) seperti permata delima dan marjan. Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Bukankah tidak ada balasan bagi amal yang baik - melainkan balasan yang baik juga? Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Dan selain dari dua Syurga itu, dua Syurga lagi (untuk menjadi balasan bagi golongan peringkat yang kedua); Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?

<sup>173</sup> Lihat Surah Ad-Dukhan, 44:51-6, Surah Al-Waqi'ah, 56:11-40.

*Kedua-duanya menghidupkan subur tanamannya; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Dalam kedua-dua Syurga itu terdapat dua mata air yang terus menerus memancarkan airnya: Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Pada keduanya juga terdapat buah-buahan, serta pohon-pohon kurma dan delima, Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Dalam kedua-dua Syurga itu juga terdapat (teman-teman) yang baik akhlakunya, lagi cantik parasnya; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Ia itu bidadari-bidadari, yang hanya tinggal tetap di tempat tinggal masing-masing; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? (Bidadari-bidadari itu) tidak pernah disentuh sebelum mereka oleh manusia dan tidak juga oleh jin; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Penduduk Syurga itu (bersenang-senang di dalamnya dengan) berbaring di atas (bantal-bantal dan) cadar-cadar yang hijau warnanya serta permaidani-permaidani yang sangat indah. Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Maha Sucilah nama Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan.”*

*(Surah Ar-Rahman, 55:46-78)*

Namun, Allah taala memilih jannah (taman) sebagai kosakata bahasa Arab yang utama bagi syurga dari sekalian perkataan-perkataan lain.

Perkara kedua mempunyai dua signifikan penting pula bagi kajian ini. Pertama, ia mengandungi anjuran ke atas Muslim untuk berfikir akan sebab Allah taala memilih tumbuhan dan alam hijau sebagai simbol utama bagi syurga. Kedua, ia menjadikan semua ayat-ayat Al-Quran berkaitan syurga juga relevan bagi kajian ini.

Pastinya banyak pelajaran yang dapat dirumuskan apabila Muslim berfikir tentang kaitan antara syurga dengan taman, alam hijau dan tumbuh-tumbuhan. Bahagian pertama dari bab tiga ini akan berusaha untuk mengulas satu isu atau pelajaran, iaitu bagaimana menjadikan ayat-ayat berkaitan syurga dalam Al-Quran mempunyai kaitan langsung dengan kehidupan Muslim di dunia ini.

Untuk ayat-ayat berkaitan syurga mempunyai perkaitan serta memberi kesan langsung ke atas kehidupan seharian, Muslim tidak harus menanggapi ayat-ayat itu hanya untuk memberitahu tentang kebaikan hidup di syurga untuk diimani, atau sesuatu yang hanya didambakan oleh Muslim di dunia ini sahaja, atau dijadikan motivasi untuk melakukan amal soleh.

Fahaman yang tepat ialah untuk menjadikan segala sifat-sifat kehidupan syurga yang indah sebagai pelajaran tentang bagaimana mewujudkan kehidupan yang baik di dunia sama seperti di syurga nanti. Hal ini dicapai dengan menanggapi sifat-sifat syurga sebagai piawaian (*standard*) bagi mewujudkan kehidupan syurgawi sebelum kehidupan di syurga yang sebenar, bukan sesuatu yang wujud dalam imaginasi semata-mata, kerana kebahagiaan di syurga bermula dengan berusaha untuk cara hidup yang sama di dunia ini, bukan sahaja dari segi kerohanian, tapi yang meliputi sifat-sifat kebendaan ada dalamnya. Dengan ini, gambaran syurga di dalam Al-Quran bukan hanya satu idealisme, tetapi sesuatu yang mampu dicapai dalam kehidupan realiti.

Ayat-ayat yang menyifatkan syurga di bawah ini boleh dijadikan contoh bagi memahami idea ini dan menjelaskan cara menanggapi ayat-ayat lain yang seumpamanya dengan lebih baik.

Allah Ta'ala Berfirman,

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي مَقَامٍ أَمِينٍ . فِي جَنَّاتٍ وَعُيُونٍ . يَلْبَسُونَ مِنْ سُنْدُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ مُتَقَابِلِينَ . كَذَلِكَ وَزَوَّجْنَاهُمْ بِحُورٍ  
عِينٍ . يَدْعُونَ فِيهَا بِكُلِّ فَاكِهَةٍ آمِنِينَ . لَا يُذَوِّقُونَ فِيهَا الْمَوْتَ إِلَّا الْمَوْتَةَ الْأُولَىٰ وَوَقَلْنَاهُمْ عَذَابَ الْجَحِيمِ

*“Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa (akan ditempatkan) di tempat tinggal yang aman sentosa. Dia itu di dalam beberapa taman Syurga, dengan mata air-mata air terpancar padanya. Mereka memakai pakaian dari kain sutera yang halus dan kain sutera tebal yang bersulam; (mereka duduk di tempat perhimpunan) sentiasa berhadap-hadapan (di atas pelamin masing-masing). Demikianlah keadaannya dan Kami jadikan kawan teman mereka bidadari-bidadari yang putih melepak, lagi luas cantik matanya. Mereka meminta di dalam Syurga itu tiap-tiap jenis buah-buahan (yang mereka ingini), dalam keadaan aman sentosa. Mereka tidak merasai kematian dalam Syurga itu selain daripada mati yang mereka rasai (di dunia) dahulu dan Allah selamatkan mereka dari azab Neraka.”*

(Surah Ad-Dukhan, 44:51-56)

Ayat-ayat di atas memberitahu bahawa syurga dan segala nikmat di dalamnya diperolehi dengan menjadi insan bertakwa dahulu, iaitu melaksanakan segala perintah Allah taala dan menjauhi segala laranganNya semampu mungkin dan sifat-sifat kehidupan syurga sebagai nikmat besar bagi manusia pula ialah;

- Keamanan dan kedamaian yang kekal <sup>174</sup>
- Kehijauan alam dan kesegaran air sebagai simbol bagi kebersihan dan kesegaran alam sekitar <sup>175</sup>
- Pakaian yang baik <sup>176</sup>
- Rumah dan tempat tinggal yang baik <sup>177</sup>
- Pasangan dan teman-teman <sup>178</sup>
- Pembantu yang memudahkan urusan kehidupan seharian <sup>179</sup>
- Makanan menyihatkan yang disimbolkan oleh buah-buahan sebagai diet utama ahli syurga <sup>180</sup>
- Tiada kesusahan dan penderitaan sebagai simbol bagi kehidupan sihat yang menyeluruh. <sup>181</sup>

<sup>174</sup> Surah Ad-Dukhan, 44:51.

<sup>175</sup> Surah Ad-Dukhan, 44:52.

<sup>176</sup> Surah Ad-Dukhan, 44:53.

<sup>177</sup> Difahami dari, “...(mereka duduk di tempat perhimpunan) sentiasa berhadap-hadapan (di atas pelamin masing-masing).” (Surah Ad-Dukhan, 44:53).

<sup>178</sup> Kewujudan “hūr” di syurga bukan semestinya bermaksud isteri yang dikahwini oleh lelaki-lelaki di syurga tetapi juga bermaksud teman-teman yang menghibur sekalian ahli syurga lelaki dan perempuan. Lihat Surah Ad-Dukhan, 44:54.

<sup>179</sup> Surah Ad-Dukhan, 44:54-5.

<sup>180</sup> Surah Ad-Dukhan, 44:55.

<sup>181</sup> Surah Ad-Dukhan, 44:56.

Maka piawaian kehidupan yang baik di dunia ini bagi suami atau ayah bagi isteri dan anak-anak, pemerintah bagi rakyat, ketua bagi masyarakatnya, ialah mewujudkan;

- Hidup berasaskan nilai takwa – taat dan patuh kepada Tuhan
- Keamanan dan kedamaian dalam keluarga, masyarakat dan negara
- Alam sekitar yang bersih dan segar
- Bekalan pakaian yang cukup dan baik
- Rumah dan tempat tinggal yang baik
- Pasangan, teman-temana dan kehidupan sosial yang baik
- Pembantu-pembantu yang memudahkan urusan hidup seharian
- Bekalan makanan yang baik dan cukup
- Sifar (atau kadar minimum) penderitaan / tekanan mental dan psikologi dalam hidup
- Kesihatan yang menyeluruh.

Adalah lumrah bagi manusia untuk mahukan kehidupan yang terbaik di dunia ini. Ia adalah asas bagi terbangunnya tamadun bagi sesuatu masyarakat. Persoalannya ialah, apakah gagasan konkrit yang dapat ditawarkan oleh Muslim kepada manusia bagi mencapai keinginan ini. Jawapannya ialah pada ayat-ayat yang menceritakan tentang syurga seperti yang dicontohkan di atas kerana syurga adalah kehidupan yang ideal. Maka model yang baik bagi sesiapa yang ingin mencari satu kehidupan yang sempurna ialah kehidupan di syurga. Oleh itu, apa jua yang difahami dari kehidupan di syurga dari Al-Quran, seberapa boleh, haruslah menjadi sesuatu yang patut diterjemahkan dalam kehidupan di dunia ini. Dengan ini, Al-Quran menjadi satu kitab yang bersifat praktikal bagi kehidupan manusia sehingga dalam ayat-ayat tentang syurga sekalipun.

Dalam hal ini, *jannah* (taman) sebagai sifat utama syurga dan relevan bagi kajian ini sepatutnya memberi pelajaran tentang sifat kehidupan syurgawi bagi manusia di dunia ini – kehidupan yang disekitari oleh tumbuhan-tumbuhan yang hijau atau taman. Ini juga bermakna memelihara alam sekitar kekal “hijau” adalah terjemahan praktikal bagi iman dengan syurga oleh Muslim.

Apa erti syurga, tanpa taman (*jannah*) yang sentiasa mengalir di bawahnya sungai-sungai yang segar? Demikian juga kehidupan yang ideal dan baik (syurgawi) di dunia ini, ia tidak akan tercapai tanpa alam hijau dan sungai yang bersih. Maka syurga di dalam Al-Quran menuntut Muslim untuk aktif dalam pemeliharaan alam sekitar agar kekal indah dipandang mata, menyumbang pada ketenangan jiwa dan menyihatkan tubuh segala yang hidup dan bernyawa.

Atas dasar ini juga, gagasan seperti “garden / forest city” atau bandar bertaman/perhutanan adalah selari dengan ajaran Islam dan sesuatu yang seharusnya wujud dalam realiti masyarakat dan negara orang Islam masa kini. Semua ini sejajar juga dengan dapatan sains yang mengakui akan peranan penting tumbuhan dan alam hijau bagi kesejahteraan bumi dan penduduknya.

Fakta-fakta saintifik dalam hal ini ialah bumi terdiri dari air dan tanah; air membentuk 71 peratus dan tanah pula sebanyak 21 peratus.<sup>182</sup> Pada kedua-dua bahagian bumi ini, tumbuhan membentuk hidupan yang dominan berdasarkan kajian baru yang telah mengumpulkan pelbagai data dari ratusan kajian untuk mengenal pasti isi kandungan bumi. Kajian ini merumuskan bahawa tumbuhan membentuk 80 peratus dari *biomass* bumi.<sup>183</sup> *Biomass* adalah ukuran bagi berat atau jumlah kuantiti bagi organisme hidup dari binatang atau tumbuhan di bumi.<sup>184</sup>

Data di atas menunjukkan dua unsur utama bumi iaitu tumbuhan dan air dan ini sejajar dengan dua sifat utama bagi syurga dalam Al-Quran, iaitu taman yang mengalir air di bawahnya sentiasa. Al-Quran mendahulukan sebutan taman dari air seolah-oleh memberitahu juga tentang sifatnya yang dominan sebagaimana keadaan kehidupan dunia di bumi ini.<sup>185</sup>

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّاتٍ وَعُيُونٍ

*“Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa adalah ditempatkan di dalam beberapa taman Syurga, dengan matair-matair terpancar padanya.”*

(Surah Al-Hijr, 15:45)

مَثَلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وَعَدَ الْمُتَّقُونَ فِيهَا أَنْهَارٌ مِنْ مَّاءٍ غَيْرِ آسِنٍ وَأَنْهَارٌ مِنْ لَبَنٍ لَمْ يَتَغَيَّرَ طَعْمُهُ وَأَنْهَارٌ مِنْ خَمْرٍ لَذَّةٍ لِلشَّارِبِينَ وَأَنْهَارٌ مِنْ عَسَلٍ مُصَفًّى وَلَهُمْ فِيهَا مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ وَمَعْفَرَةٌ مِنْ رَبِّهِمْ كَمَنْ هُوَ خَالِدٌ فِي النَّارِ وَسُقُوا مَاءً حَمِيمًا فَقَطَّعَ أَمْعَاءَهُمْ

*“Sifat Syurga yang telah dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa (ialah seperti berikut): ada padanya beberapa sungai dari air yang tidak berubah (rasa dan baunya), dan beberapa sungai dari susu yang tidak berubah rasanya, serta beberapa sungai dari arak yang lazat bagi orang-orang yang meminumnya, dan juga beberapa sungai dari madu yang suci bersih. Dan ada pula untuk mereka di sana segala jenis buah-buahan, serta keredaan dari Tuhan mereka.*

<sup>182</sup> Water Science School, “How Much Water is There on Earth?”, US Geological Survey (USGS), 13 November 2019, di <https://www.usgs.gov/special-topics/water-science-school/science/how-much-water-there-earth>

<sup>183</sup> Yinon M. Bar-On, Rob Phillips and Ron Milo, “The biomass distribution on Earth”, PNAS, vol. 115, no. 25, 19 Jun 2018, ms. 6507, di <https://www.pnas.org/doi/10.1073/pnas.1711842115> ; Andrea Thompson, “Plants Are the World's Dominant Life-Form”, Scientific American, 1 Ogos 2018, di <https://www.scientificamerican.com/article/plants-are-the-worlds-dominant-life-form/> .

<sup>184</sup> The Editors, “Biomass”, Encyclopedia Britannica, 28 September 2022, di <https://www.britannica.com/science/biomass>

<sup>185</sup> Ayat-ayat yang menyebut tentang taman yang mengalir di bawahnya air, lihat 15; Surah An-Nisa’, 4:13; Surah An-Nisa’, 4:57; Surah An-Nisa’, 4:122; Surah Al-Ma’idah, 5:12; Surah Al-Ma’idah, 5:84-5; Surah Al-Ma’idah, 5:119; Surah At-Taubah, 9:88-89; Surah At-Taubah, 9:100; Surah At-Taubah, 9:72; Surah Ali’Imran, 3:15; Surah Ali’Imran, 3:198; Surah Ali’Imran, 3:136; Surah Ali’Imran, 3:195; Surah An-Nahl, 16:30-1; Surah Ar-Ra’d, 13:35; Surah Az-Zumar, 39:20; Surah A-Dukhan, 44:51; Surah Al-Fath, 48:17; Surah Al-Qamar, 54:54; Surah Adh-Dhariyat, 51:15; Surah Al-Mursalat, 77:41; Surah At-Tahrim, 66:8; Surah Al-Hadid, 57:12; Al-A’raf, 7:42-3; Surah Ibrahim, 14:23; Surah Al-Kahf, 18:30; Surah Taha, 20:75-6; Surah Yunus, 10:9; Surah Al-Hajj, 22:14; Surah Al-Hajj, 22:23; Surah At-Taghabun, 64:9; Surah At-Talaq, 65:11; Surah Al-Fath, 48:5; Surah As-Saf, 61:11-2; Surah Al-Ankabut, 29:58; Surah Al-Mujadilah, 58:22; Surah Al-Buruj, 85:11; 98:7; Surah Al-Ma’idah, 5:12.



*(Adakah orang-orang yang tinggal kekal di dalam Syurga yang sedemikian itu keadaannya) sama seperti orang-orang yang tinggal kekal di dalam neraka dan diberi minum dari air yang menggelegak sehingga menjadikan isi perut mereka hancur? (Sudah tentu tidak sama)!”*

*(Surah Muhammad, 47:15)*

Namun kepentingan tumbuhan bukan hanya pada kuantitinya dari segi *biomass*, tapi juga dari segi peranan yang dimainkan olehnya bagi kesejahteraan alam sekitar dan bumi keseluruhannya.

Tumbuhan adalah sumber utama makanan manusia. Ia membentuk 80 peratus dari makanan manusia.<sup>186</sup> Selain dari makanan, tumbuhan juga menjadi pembekal sumber ubatan manusia.<sup>187</sup>

Satu lagi sumbangan penting tumbuhan pada manusia ialah ia membekal oksigen bagi membolehkan manusia bernafas. 98 peratus oksigen di bumi ini dihasilkan oleh tumbuhan yang ada.<sup>188</sup>

Bagi kesejahteraan alam sekitar pula, tumbuhan memainkan peranan fotosintesis, iaitu proses menyerap cahaya matahari untuk mengubah air, karbon dioksida dan mineral kepada oksigen dan bahan-bahan organik kaya-tenaga seperti bahan api fosil (arang batu, minyak mentah dan gas) yang sangat diperlukan bagi kemajuan hidup manusia hari ini. Proses fotosintesis juga menjadikan tumbuhan sebagai penyaring alami bagi karbon dioksida di udara yang dihasilkan oleh aktiviti manusia seperti asap dari kenderaan pengangkutan, kilang-kilang industri dan pembakaran ladang.<sup>189</sup>

<sup>186</sup> UN News, Plants, the ‘core basis for life on Earth’, under increasing threat, warns UN food agency, 2 Disember 2019, di <https://news.un.org/en/story/2019/12/1052591>

<sup>187</sup> Belinda Hawkins, Plants for life: Medicinal plant conservation and botanic gardens, UK:Botanic Gardens Conservation International, 2018, ms. 6-9, di <https://www.bgci.org/files/Worldwide/Publications/PDFs/medicinal.pdf> ; Da-Cheng Hao and Pei-Gen Xiao, “Genomics and Evolution in Traditional Medicinal Plants: Road to a Healthier Life”, *Evolutionary Bioinformatics*, vol. 11, Januari-Disember 2015, ms. 197.

<sup>188</sup> Food and Agricultural Organization of the United Nations, International Plant Day, 12 May, t.t., di <https://www.fao.org/plant-health-day/en>

<sup>189</sup> James Alan Bassham, “Photosynthesis”, *Encyclopedia Britannica*, 4 Disember 2022, di <https://www.britannica.com/science/photosynthesis>

Kandungan karbon dioksida yang tinggi memudaratkan kesihatan manusia dan alam. Ia merupakan sebab langsung bagi peningkatan suhu dan perubahan iklim bumi yang dianggap sebagai masalah utama alam sekitar pada masa kini.<sup>190</sup> Sebahagian besar (71%) dari tanah yang boleh didiami di bumi dipenuhi oleh tumbuhan dan kebanyakannya pula berkonsentrasi di hutan-hutan di merata dunia. Kini hutan membentuk 38 peratus dari tanah yang boleh didiami, berbanding 57 peratus pada 10 ribu tahun dulu.<sup>191</sup> Kewujudan hutan ini berperanan dalam menyimpan karbon dioksida di udara. Dianggarkan, hutan menyerap dan menyimpan sepertiga dari karbon dioksida yang terlepas disebabkan aktiviti manusia. Maka kehilangan tumbuhan dan hutan memberi kesan buruk pada kebersihan udara yang menatijahkan pula kesan negatif pada kesihatan segala makhluk yang hidup.<sup>192</sup>

Tumbuhan juga berperanan dalam memberi kestabilan pada tanah. Daerah yang berlaku penebangan pokok berskala besar akan berhadapan dengan masalah serius dari tanah runtuh akibat dari hujan kerana tiada akar-akar pokok yang dapat menahan tanah hakisan hujan. Tanah yang terhakis oleh hujan juga akan mencemari air bersih di sungai-sungai dan tasik hingga menjejaskan sumber bekalan air bersih bagi manusia.<sup>193</sup>

Kesemua yang di atas memberitahu pula tentang bentuk kehidupan syurgawi di dunia. Seperti di syurga, tumbuhan dan air bersih adalah elemen utamanya dan itu juga sifat alami bumi ini sejak ribuan tahun lalu sebagaimana jangkauan sains masa kini.<sup>194</sup> Maka usaha penting bagi mewujudkan kehidupan syurgawi di dunia harus, antaranya, mengambil kira hakikat ini.

Syurga juga disifatkan dalam tradisi Islam sebagai tempat yang dipenuhi dengan pelbagai nikmat dan kemudahan hidup, seperti buah-buahan yang segar, makanan yang baik, minuman yang enak, tempat penghunian yang selesa, peralatan rumah yang mewah, pembantu-pembantu yang menyenangkan hati dan pelbagai kemudahan lain. Penghuni syurga hanya perlu berniat untuk mahukan sesuatu, benda itu akan segera tiba kepadanya.

<sup>190</sup> The Editors, "Carbon Dioxide", Encyclopedia Britannica, 21 November 2022, di <https://www.britannica.com/science/carbon-dioxide>

<sup>191</sup> Hannah Ritchie and Max Roser, "Forests and Deforestation", OurWorldInData.org, 2021, di <https://ourworldindata.org/forest-area>

<sup>192</sup> Christina Nunez, "Climate 101: Deforestation", National Geographic, t.t., di <https://www.nationalgeographic.com/environment/article/deforestation>

<sup>193</sup> Keith Forbes dan Jeremy Broadhead, *Forest and Landslides: The Role of Trees and Forests in the Prevention of Landslides and Rehabilitation of Landslide-Affected Areas In Asia*, Bangkok: FAO, 2013, di <https://www.fao.org/3/i3245e/i3245e.pdf> ; FAO, *Forests and Water: International Momentum and Action*, 2013, Rome: FAO, ms. 1-11.

<sup>194</sup> David Ellison et al., "Trees, forests and water: Cool insights for a hot world", *Global Environmental Change*, vol. 43, 2017, UK: Grantham Research Institute, m.s 51-61, di <https://reader.elsevier.com/reader/sd/pii/S0959378017300134?token=6166D7338963973AFCE88AE9D427B817159293AF9885381A058F2A4DCC23CF6B2B619FAEA349E3D0B826E67B5B6F5D63&originRegion=eu-west-1&originCreation=20221214034336>

نَحْنُ أَوْلِيَاؤُكُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ وَلَكُمْ فِيهَا مَا تَشْتَهُى أَنْفُسُكُمْ وَلَكُمْ فِيهَا مَا تَدْعُونَ

“Kamilah penolong-penolong kamu dalam kehidupan dunia dan pada hari akhirat; dan kamu akan beroleh - pada hari akhirat - apa yang diinginkan oleh nafsu kamu, serta kamu akan beroleh - pada hari itu - apa yang kamu cita-citakan mendapatnya.”

(Surah Fussilat, 41:31)

Semua ini menggambarkan gaya hidup berteknologi tinggi seperti kehidupan yang dipacu oleh teknologi bijak masa kini. Bahkan apa yang ada di syurga pastinya jauh lebih baik dan maju teknologinya dari apa yang dialami oleh manusia hari ini. Dikaitkan perkara ini dengan sifat syurga yang dipenuhi dengan taman-taman yang mengalir sungai-sungai dan mata air yang bersih dan segar, syurga memberi pelajaran bahawa kehidupan yang berpaksi pada teknologi tinggi dan bijak perlu seiring dengan pelestarian (*sustainability*) alam hijau untuk memberi kebaikan yang menyeluruh pada kehidupan. Ini harus menjadi agenda Muslim bagi mewujudkan kehidupan syurgawi di muka bumi ini sebagai contoh hidup akan keindahan agama Islam kepada sekalian manusia.

Keterkaitan syurga dengan taman-taman bertumbuhan hijau (*jannah*) dalam Al-Quran akan kekal sebagaimana kekalnya Al-Quran hingga ke akhir zaman. Ini bermakna komitmen Muslim untuk mewujudkan kehidupan syurgawi yang menggabungkan kemajuan teknologi dan pelestarian alam sebagaimana yang dinyatakan di atas adalah komitmen sepanjang hayat. Ia adalah agenda utama dakwah yang berterusan dan sepanjang masa. Muslim yang tidak peka dan tidak menyumbang kepada usaha melestari alam, bahkan lebih buruk menyebabkan kerosakan pada alam dalam mengejar kemajuan hidup sebenarnya tidak memahami erti syurga yang didambakan olehnya di akhirat kelak.

## KELEBIHAN DIET BUAH-BUAHAN



Terdapat banyak ayat-ayat Al-Quran tentang buah-buahan, baik di dunia atau di syurga nanti. Ayat-ayat ini telah disenaraikan dalam bab satu dari kajian ini. Gambaran umum tentang buahan-buahan juga telah diberikan di dalam bab satu, maka tidak perlu untuk diulangi lagi di sini.

Satu pelajaran dari ayat-ayat ini bagi kehidupan di dunia ini ialah kelebihan buah-buahan sebagai sumber makanan manusia, berbanding daging.

Hal ini dapat dilihat melalui tiga pemerhatian terhadap ayat-ayat Al-Quran berkaitan buah-buahan dan juga tumbuhan.

Pertama, kewujudan buah-buahan dan makanan berasas tumbuhan seperti gandum dan sayuran menunjukkan Al-Quran memberi perhatian besar terhadapnya.<sup>195</sup>

وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَىٰ لَنْ نُصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَاحِدٍ فَادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا  
وَبَصْلِهَا قَالِ اتَّسَبَّبَلُونَ الَّذِي هُوَ أَدْنَىٰ بِالَّذِي هُوَ خَيْرٌ أَهْبَطُوا مِصْرًا فَإِنَّ لَكُمْ مَّا سَأَلْتُمْ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ وَالْمَسْكَنَةُ  
وَبَاءَ وَبِعَصَبٍ مِّنَ اللَّهِ ذَالِكُمْ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيِّينَ بِغَيْرِ الْحَقِّ ذَالِكُمْ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ

*"Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata: "Wahai Musa, kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja; maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi; dari sayur-sayurannya, dan mentimunnya, dan bawang putihnya, dan adas (kacang dalnya), serta bawang merahnya". Nabi Musa menjawab: "Adakah kamu mahu menukar sesuatu yang kurang baik dengan meninggalkan yang lebih baik? Turunlah kamu ke bandar kerana di sana kamu boleh dapati apa yang kamu minta itu". Dan mereka ditimpakan dengan kehinaan dan kepapaan, dan sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan dari Allah. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka kufur (mengingkari) ayat-ayat Allah (perintah-perintah dan mukjizat-mukjizat yang membuktikan kebesarannya); dan mereka pula membunuh Nabi-nabi dengan tidak ada alasan yang benar. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka menderhaka dan mereka pula sentiasa menceroboh."*

(Surah Al-Baqarah, 2:61)

Perhatian besar ini pastinya bertujuan, iaitu menarik perhatian Muslim terhadap buah-buahan dan makanan dari tumbuhan dan meletakkan kepentingan padanya sebagai sumber makanan.

Kedua, banyak ayat-ayat Al-Quran mendahulukan buah-buahan dari daging apabila menyebut nikmat makanan yang Allah Ta'ala kurniakan kepada manusia, seperti makanan;

- di dunia<sup>196</sup>

فَأَنشَأْنَا لَكُمْ بِهِ جَنَّاتٍ مِّنْ نَّحِيلٍ وَأَعْنَابٍ لَّكُمْ فِيهَا فَاوَكَةٌ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ. وَسَجْرَةٌ تَخْرُجُ مِنْ طُورِ سَيْنَاءَ تَنْبُتُ بِالذَّهْنِ  
وَصِبْغٍ لِلْأَكْلِينَ. وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَامِ لَعِبْرَةً لِّتُسْقِيَهُمْ مِّمَّا فِي بَطُونِهَا وَلَكُمْ فِيهَا مَنَافِعُ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ

<sup>195</sup> Lihat Surah Al-An'am, 6:99, Surah Maryam, 19:25, Surah Al-Mu'minun, 23:19, Surah Qaf, 50:11, Surah Abasa, 80:28-31.

<sup>196</sup> Lihat sebagai contoh Surah Yasin, 36:22-5, Surah Yasin, 36:71-2.

“Kemudian, Kami tumbuhkan untuk kamu dengan air itu, kebun-kebun tamar (kurma) dan anggur. Kamu beroleh dalam kebun-kebun itu (berbagai jenis lagi) buah-buahan yang banyak, dan dari kebun-kebun itulah kamu beroleh rezeki penghidupan kamu. Dan (Kami juga menumbuhkan untuk kamu) pokok yang asal tumbuhnya di kawasan Gunung Tursina, yang mengeluarkan minyak dan lauk bagi orang-orang yang makan. Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu kamu beroleh punca-punca yang menyedarkan (tentang kemurahan dan kebijaksanaan Allah penciptanya); Kami beri kamu minum dari susu yang ada dalam perutnya, dan kamu beroleh banyak faedah lagi padanya; dan daripadanya juga kamu beroleh rezeki penghidupan kamu.”

(Surah Al-Mu'minun, 23:19-21)

- di syurga

وَأَمْدَدْنَا لَهُمْ بِفَاكِهَةٍ وَلَحْمٍ مِّمَّا يَشْتَهُونَ

“Dan (penduduk Syurga itu) Kami tambahi mereka (dari semasa ke semasa), dengan buah-buahan dan daging dari berbagai jenis yang mereka ingini.”

(Surah At-Tur, 52:22)

وَفَاكِهَةٍ مِّمَّا يَتَخَيَّرُونَ. وَلَحْمٍ طَيْرٍ مِّمَّا يَشْتَهُونَ

“Dan juga (dibawakan kepada mereka) buah-buahan dari jenis-jenis yang mereka pilih. Serta daging burung dari jenis-jenis yang mereka ingini.”

(Surah Al-Waqi'ah, 56:20-21)

Ini pasti mempunyai hikmah dan tujuan yang perlu direnungi kerana tiada perkara di dalam Al-Quran yang bersifat rambang. Adalah logik untuk merumuskan bahawa ini adalah petunjuk dari Al-Quran akan keutamaan buahan-buahan dan tumbuhan dari daging bagi pemakanan manusia.

Ketiga, terdapat juga banyak ayat-ayat Al-Quran yang menyebut buah-buahan sahaja sebagai kurniaan makanan dari Allah taala untuk manusia dan hal ini disebut dalam kehidupan di dunia dan di syurga.<sup>197</sup>

وَفَاكِهَةٍ كَثِيرَةٍ

“Serta buah-buahan yang banyak.”

(Surah Al-Waqi'ah, 56:32)

وَفَوَاكِهَةٍ مِّمَّا يَشْتَهُونَ

“Serta menikmati buah-buahan dari segala jenis yang mereka ingini.”

(Surah Al-Mursalat, 77:42)

<sup>197</sup> Lihat Surah Yasin, 36:55-7.

حَدَاتِقْ وَأَعْنَابًا

“(Mereka akan beroleh) taman-taman bunga dan kebun-kebun buah-buahan, terutama anggur.”

(Surah An-Naba', 78:32)

Hal ini juga boleh dianggap sebagai petunjuk akan kelebihan buah-buahan bagi pemakanan manusia berbanding daging dari haiwan.

Namun, keutamaan diet berasaskan buah-buahan dan tumbuhan bukan satu andaian dan logik akal semata-mata. Ia adalah sesuatu yang disokong oleh kajian sains dalam pemakanan.

Dalam sains pemakanan, buah-buahan adalah sumber pemakanan penting kerana ia membekalkan manusia dengan vitamin, mineral, serat dan kimia tumbuhan utama bagi manusia untuk hidup dengan sihat dan jauh dari penyakit.<sup>198</sup>

Diet yang kaya dengan buah dan sayuran boleh merendahkan tekanan darah, mengurangkan risiko sakit jantung dan strok, mencegah sesetengah penyakit barah dan mengurangkan risiko masalah pada mata dan sistem penghadaman. Buah dan sayuran juga mengurangkan kadar gula dalam darah juga menjauhi dari kegemukan kerana kandungan gulanya yang rendah mencegah seseorang dari rasa lapar yang mendorongnya untuk makan berlebihan pula.<sup>199</sup>

Sains juga akui keutamaan buah-buahan dan tumbuhan sebagai sumber makanan berbanding daging dari haiwan kerana kajian sains memberitahu bahawa daging merah seperti lembu dan kambing dan daging yang diproses seperti sosej, burger, ham dan dendeng (bacon) yang dimakan dimetabolismekan menjadi toksin dalam tubuh yang merosakkan saluran darah dan organ dalaman. Proses ini pula mempunyai kaitan kuat dengan sakit jantung dan kencing manis.<sup>200</sup>

Pendapat dalam arus utama sains pemakanan juga bersetuju kelebihan pada diet buah dan tumbuhan tidak memestikan seorang untuk meninggalkan diet daging secara total kerana seorang yang hanya mengamalkan diet buah, sayuran dan tumbuhan secara total masih boleh mengamalkan diet yang tidak sihat hingga menjejaskan kesihatannya.<sup>201</sup>

<sup>198</sup> Better Health Channel, Fruit and Vegetables, t.t., di <https://www.betterhealth.vic.gov.au/health/healthy-living/fruit-and-vegetables#bhc-content>

<sup>199</sup> Harvard T. H. Chan School of Public Health, The Nutrition Source - Vegetables and Fruits, t.t., di <https://www.hsph.harvard.edu/nutritionsource/what-should-you-eat/vegetables-and-fruits/>

<sup>200</sup> Monique Tello, “Eat more plants, fewer animals”, Harvard Health, 29 November 2018, di <https://www.health.harvard.edu/blog/eat-more-plants-fewer-animals-2018112915198#:~:text=Science%20has%20shown%20us%20over,lower%20our%20body%20mass%20index>

<sup>201</sup> Ibid.

Apa yang dianjurkan ialah diet yang seimbang yang boleh mengandungi elemen buah-buahan dan tumbuhan dan daging tapi dalam bentuk pinggan di bawah yang mana unsur daging membentuk sekitar 25 peratus sahaja, lebih rendah berbanding buah dan sayuran sebagaimana yang ditunjukkan oleh carta di bawah.<sup>202</sup>



<https://www.hsph.harvard.edu/nutritionsource/healthy-eating-plate/translations/malay/>

Sokongan bagi pelajaran mengutamakan dan membanyakkan diet buah-buahan dan tumbuhan dari penelitian terhadap ayat-ayat Al-Quran juga dapat disokong dari kajian mengenai Diet Okinawa. Ia adalah diet tradisional yang dikaitkan sebagai salah satu sebab penyumbang kepada jangka hayat yang lama dan kesihatan yang baik bagi penduduk asli pulau Okinawa di Jepun.

Penduduk Okinawa dalam pemakanan tradisi mereka banyak memakan buah-buahan dan sayuran, dari daging. Kadar daging yang dimakan oleh penduduk Okinawa sehari adalah rendah, iaitu sekitar 90 gram. Kajian juga menunjukkan jangka hayat penduduk Okinawa menurun apabila kadar pengambilan daging per hari meningkat melebihi 100 gram dan kadar pengambilan sayur pula menurun disebabkan pengaruh diet Barat seperti burger dan stik terhadap generasi muda mereka.<sup>203</sup>

Tradisi Islam merekodkan perbezaan pendapat di sisi ulama tentang kelebihan memakan daging, sama ada ia sesuatu yang digalakkan agama atau tidak.

<sup>202</sup> Lihat juga Harvard Health Publishing Staff, "Harvard to USDA: Check out the Healthy Eating Plate", Harvard Health, 28 Februari 2020, di <https://www.health.harvard.edu/staying-healthy/comparison-of-healthy-eating-plate-and-usda-myplate>

<sup>203</sup> S. Miyagi, N. Iwama, T. Kawabata, and K. Hasegawa, "Longevity and Diet in Okinawa, Japan: The Past, Present and Future", Asia Pacific Journal of Public Health, vol. 15, no. 1, Supplement March 2003, ms. 51-9.

Pendapat yang memberi kelebihan pada memakan daging berhujah dengan ayat-ayat Al-Quran yang menyebutkan daging sebagai makanan ahli syurga seperti;

وَلَحْمِ طَيْرٍ مِّمَّا يَشْتَهُونَ

*“Serta daging burung dari jenis-jenis yang mereka ingini.”*

*(Surah Al-Waqi'ah, 56:21)*

Demikian juga, ayat-ayat yang menganjurkan ibadah korban dengan binatang-binatang ternakan seperti unta, kambing dan lembu.<sup>204</sup>

Selain itu, mereka merujuk pada hadis yang melaporkan Nabi s.a.w memakan daging apabila berpeluang untuk melakukannya. Antara hadis-hadis itu ialah,

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكَلَ كَتِفَ شَاةٍ ثُمَّ صَلَّى وَلَمْ يَتَوَضَّأْ

*“Rasulullah s.a.w. memakan daging dari bahu biri-biri, kemudian setelah itu beliau bangkit dan solat tanpa berwuduk lagi.”*<sup>205</sup>

*(Riwayat Muslim dan Malik)*

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِلَحْمٍ فَرَفَعَ إِلَيْهِ الذَّرَاعُ وَكَانَتْ تُعْجِبُهُ فَتَهَسَ مِنْهَا

*“Rasulullah s.a.w. dihidangkan sepotong kaki [kambing]. Dia menyukainya, lalu makan dengan menggigitnya.”*

*(Riwayat At-Tirmidhi)*

عَنْ أَبِي مُوسَى - يَعْنِي الْأَشْعَرِيَّ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْكُلُ دَجَاجًا

*“Abu Musa berkata: Aku pernah melihat Rasulullah s.a.w memakan daging ayam.”*<sup>206</sup>

*(Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)*

أَنَّهُ سَمِعَ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ جَعْفَرٍ يُحَدِّثُ ابْنَ الرُّبَيْرِ وَقَدْ نَحَرَ لَهُمْ جَزُورًا أَوْ بَعِيرًا أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -  
"قَالَ وَالْقَوْمُ يُلقُونَ لِرَسُولِ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - اللَّحْمَ - يَقُولُ " أَطْيَبُ اللَّحْمِ لَحْمُ الظَّهْرِ "

<sup>204</sup> Daud Abdul-Fattah Batchelor, "Islamic Perspective on Reducing Meat Consumption to Promote Earth's Sustainability", Islamic Civilisational Renewal, vol. 10, no. 2, 2019, ms. 164-7. Lihat juga Aroosa Mahmood, Shahzad Ahmad, dan Amtul Razzaq Carmichael, "Is Meat Consumption Essential for Healthy Diet? An Islamic Perspective", The Review of Religions, 29 Julai 2020 di <https://www.reviewofreligions.org/23928/veganism-vegetarianism-meat-consumption-islamic-perspective/>

<sup>205</sup> Muslim, Sahih Muslim, Hadith No. 354a.; Malik, Muwatta', Kitab al-Taharah, buku 2, Hadith No. 49.

<sup>206</sup> Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Hadith No. 5517.



*“Abdullah bin Ja`far berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Daging yang terbaik ialah ada bahagian belakang [binatang].”*<sup>207</sup>

*(Riwayat Ibn Majah)*

سَيِّدُ طَعَامِ أَهْلِ الدُّنْيَا وَأَهْلِ الْجَنَّةِ اللَّحْمُ

*“Makanan paling utama bagi penghuni dunia dan syurga ialah daging.”*<sup>208</sup>

*(Riwayat Ibn Majah)*

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَضَّلَ عَائِشَةُ عَلَى النَّسَاءِ كَفَضَّلَ الثَّرِيدَ عَلَى سَائِرِ الطَّعَامِ

*“Kelebihan Aishah di kalangan kaum wanita seumpama kelebihan tharid ke atas makanan lain.”*<sup>209</sup>

*(Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)*

*Tharid* adalah makanan tradisi orang Arab yang merupakan campuran dari daging, buah, sayuran dan minyak yang dimakan dengan roti dan hadis di atas menggambarkan nilai tinggi yang diberikan oleh Nabi s.a.w. kepada makanan berdaging.

Tidak syak akan kewujudan banyak dalil yang jelas akan keharusan memakan haiwan yang turut mempengaruhi ulama silam tentang kelebihan memakan daging seperti yang dinyatakan di atas. Namun kesemua itu tidak menghalang sebahagian yang lain mengambil sikap yang berbeza, iaitu mengutamakan makanan dari sumber tumbuhan dan menjauhi daging, khususnya dari kalangan pengamal tasawuf.<sup>210</sup> Sandaran paling jelas bagi golongan ini ialah kata-kata Saidina Umar yang diriwayatkan oleh Imam Malik dalam kitab *Muwatta'*,

إِيَّاكُمْ وَاللَّحْمَ فَإِنَّ لَهُ ضَرَاوَةً كَضَرَاوَةِ الْخَمْرِ

*“Berhati-hatilah kamu akan memakan daging. Ia memiliki ketagihan seperti ketagihan pada khamr (arak).”*<sup>211</sup>

Imam An-Nawawi menjelaskan bahawa hadis ini bermaksud seseorang yang selalu makan daging akan sukar meninggalkan tabiat ini dalam pemakanannya.<sup>212</sup>

Disebabkan ini, Saidina Umar memberi nasihat agar tidak melazimi dan berbilang dalam memakan daging kerana ia menyebabkan seseorang kemudiannya menambah pada kuantiti dan kekerapannya dan ini pula akan menyebabkan kegemukan dan masalah kesihatan.

<sup>207</sup> Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Hadith 3308.

<sup>208</sup> Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Hadith 3305.

<sup>209</sup> Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Hadith No. 5419.

<sup>210</sup> Daud Abdul-Fattah Batchelor, “Islamic Perspective on Reducing Meat Consumption to Promote Earth’s Sustainability”, ms. 167-8; Ibn `Atiyah Al-Makki, *Qut Al-Qulub Fi Mu`alamat Al-Mahbub Wa Tariq Al-Murid Ila Maqam Al-Tauhid*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyah, 2005, jld. 2, ms. 290, 315; Ibn Al-Jawzi, *Talbis Iblis*, Beirut: Dar Al-Fikr, 2001, ms. 136, 178, 187; Kecia Ali, “Muslims and Meat-eating: Vegetarianism, Gender and Identity”, *Religious Ethics*, vol. 43, no. 2, June 2015, pp. 271-5; Arin Salamah Al-Qudsi, “The Spiritual Culture of Food: Eating Customs in Early Sufism”, *Acta Orientalia Academiae Scientiarum Hungarica*, vol. 72, no. 4, 2019, ms. 420-1, 423, 431.

<sup>211</sup> *Ibid.*, ms. 167-8.

<sup>212</sup> Abū Zakariyyā Al-Nawawī, *Sharḥ Sahīḥ Muslim*, Beirut: Dar Iḥyā' Al-Turāth Al-`Arabi, jld. 10, 1392H, ms. 238.

Disebabkan itu, ia juga menyebabkan bekalan daging di pasar dibolot oleh mereka yang berkemampuan sahaja, disebabkan harganya yang mahal. Dengan membataskan kekerapan memakan daging, ia memastikan pasar mempunyai bekalan daging yang lebih banyak dengan harga yang lebih dimampui oleh lebih ramai orang.<sup>213</sup> Hal ini dapat disokong dari riwayat lain bahawa Saidina Umar melarang orang ramai memakan daging dua hari berturut-turut semasa menjadi khalifah. Dia juga pernah memarahi seorang kerana memakan daging setiap hari.<sup>214</sup>

Pendapat ini juga disokong melalui pemerhatian terhadap gaya hidup Nabi s.a.w. yang dikatakan sebagai 'separa-nabati' (*semi-vegetarian*). Ertinya, diet beliau s.a.w didominasi oleh makanan-makanan yang bersumberkan tumbuhan dan beliau kurang memakan daging, walaupun terdapat hadis yang melaporkan mengenainya dan sikap beliau terhadap daging sebagai makanan. Gaya hidup 'separa-nabati' dikatakan bersebab dari realiti di zaman itu bahawa daging adalah sumber makanan yang mewah dan bukan sesuatu yang didapati oleh kebanyakan orang biasa dan kezuhudan Nabi s.a.w yang menyebabkan dia hidup dengan amat sederhana dan menjauhi segala benda-benda mewah menjadikan daging bukan makanan kebiasaannya. Status daging sebagai barang mewah juga bermakna masyarakat orang Islam awal di zaman itu merupakan masyarakat yang juga 'separa-nabati', walaupun dari perspektif syarak ada anjuran memakan daging.<sup>215</sup>

Antara nukilan-nukilan yang boleh ditemui untuk menyokong kecenderungan menjauhi makanan daging dari tokoh-tokoh Islam, ialah;

- Abu Sulayman Al-Darani berkata, "*Seorang itu dikatakan telah berlebihan apabila dia memakan segala yang menyelerakannya dan buat apa sahaja yang diingini. Hendaklah dia juga tidak melazimi makan daging.*"<sup>216</sup>
- Saidina 'Ali r.a. berkata, "*Siapa meninggalkan makan daging selama 40 hari, tubuhnya akan menjadi buruk (tidak sihat) dan siapa yang memakannya 40 hari berturut, hatinya akan menjadi keras.*"<sup>217</sup>
- Saidina 'Umar r.a. berkata kepada anaknya, "*Makanlah roti dan daging sehari, roti dan susu sehari, roti dan mentega sehari, roti dan minyak sehari, roti dan garam sehari dan roti kosong sehari. Inilah keseimbangan. Adapun melazimi memakan daging dan mengikut selera adalah pelampauan. Manakala, meninggalkan sama sekali makan daging pula adalah perbuatan menyempitkan diri.*"<sup>218</sup>

<sup>213</sup> Hamza Yusuf, Fair Trade Commerce for a Better World, RIS Talk Canada, 25 Disember 2011, min. 38:19-43:23, di <https://www.youtube.com/watch?v=Mf10XwsMK1g>

<sup>214</sup> Ibid.

<sup>215</sup> Ibid.

<sup>216</sup> Abū Muḥammad Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm Al-Dīn*, Kitab Kasr Al-Shahwatayn, Jeddah: Dār Al-Minhāj, jld. 5, ms. 341.

<sup>217</sup> Ibid.

<sup>218</sup> Ibid., ms. 353.

Perbandingan antara kededua perspektif yang berbeza di atas boleh membina persepsi bahawa perspektif pertama, iaitu yang memberi kelebihan pada memakan daging, mempunyai kelebihan dari segi hujah keagamaan kerana ia mempunyai dalil-dalil sokongan dari Al-Quran dan hadis. Ini pula boleh dinilai sebagai sanggahan pada pelajaran dari ayat-ayat Al-Quran tentang tumbuhan yang dirumuskan di sini, bahawa Al-Quran mengutamakan diet berteraskan buah-buahan dan tumbuhan. Oleh itu, orang Islam harus membanyakkan memakan makanan berteraskan buah-buahan dan tumbuhan dan mengurangkan pemakanan berteraskan daging atau haiwan. Namun, persepsi ini boleh ditanggapi dengan beberapa penjelasan.

Pertama, tiada dalil syarak yang *qat'iy* dan jelas yang memberitahu akan keutamaan memakan daging berbanding tumbuhan. Yang ada hanya tafsiran para ulama, sebagaimana pendapat yang mengutamakan pemakanan bersumber tumbuhan bersifat tafsiran juga.

Kedua, pelajaran yang dirumuskan dari ayat-ayat tumbuhan tidak menolak sama sekali pemakanan daging kerana ia adalah sesuatu yang jelas dihalalkan di sisi syarak. Oleh itu, pelajaran yang dirumuskan tidak boleh ditolak atas hujah ia mengharamkan apa yang halal atau menggalakkan Muslim itu berfahaman sedemikian.

Ketiga, hadis "Makanan paling utama bagi penghuni dunia dan syurga ialah daging" yang disebut di atas dinilai oleh ramai ulama hadis sebagai lemah dan tidak sesuai untuk dijadikan hujah bagi kelebihan memakan daging.

Keempat, dalil-dalil yang menyebutkan fadilat memakan daging bukan dalam bentuk perbandingan dengan diet berteraskan buah-buahan dan tumbuhan. Ia hanya memberitahu pada daging ada khasiat dan kelebihan, tapi tidak bermakna lebih utama dan baik dari buah-buahan dan tumbuhan. Ada pun hadis tentang *tharid*, ia tidak semesti difahami sebagai keutamaan daging ke atas buah-buahan dan tumbuhan kerana *tharid* itu sendiri adalah makanan yang boleh mengandungi bahan tumbuhan sahaja atau campuran daging dan tumbuhan. Jenis campuran daging dan tumbuhan pula tidak semestinya mengandungi daging yang melebihi dari sayuran.

Dalil-dalil ini juga tidak menyebut tentang kuantiti daging yang perlu dimakan dalam keseluruhan hidangan seseorang serta kekerapan memakannya pula. Sedangkan nilai sebenar sesuatu makanan bagi kebaikan manusia bukan hanya terletak pada khasiat yang ada padanya, tapi juga pada porsi dan kuantiti yang betul kerana apa jua perkara yang harus di sisi agama perlu diamalkan dengan bersederhana. Dalam soal pemakanan, ia dicapai melalui penentuan kadar dan porsi yang betul. Jika tidak, khasiat yang hendak dicapai boleh berubah menjadi mudarat pada kesihatan dan dianggap sebagai pelampauan pula.

Kelima, apabila tiada dalil syarak pemutus untuk memberatkan keutamaan memakan daging atau buah-buahan dan tumbuhan di sisi agama, bukanlah satu kesalahan untuk merujuk pada sumber-sumber ilmu yang lain kerana apa jua ilmu yang berwibawa dan bermanfaat adalah hikmah yang Islam anjurkan ke atas Muslim untuk jadikan rujukan dan panduan kerana Al-Quran memberitahu bahawa ilmu dan hikmah itu disebarkan oleh Allah taala kepada sesiapa sahaja yang Dia kehendaki dan dalam pelbagai bidang ilmu, bukan hanya kepada para ulama dan dalam ilmu agama sahaja. Hal ini juga sesuai dengan hadis Nabi s.a.w,

الْكَلِمَةُ الْحِكْمَةُ صَالَةٌ الْمُؤْمِنِ فَحَيْثُ وَجَدَهَا فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا

*“Hikmah (ilmu yang bermanfaat) adalah benda yang hilang dari seorang mukmin. Di mana dia menemuinya, ambillah ia.”*

*(Riwayat At-Tirmidhi)*

Dalam hal ini, ilmu sains pemakanan boleh dirujuk untuk menjadi pentarjih atau pemberat bagi kelebihan diet buah-buahan dan tumbuhan berbanding daging dalam mengurus pemakanan Muslim.

Pelajaran dari penelitian terhadap ayat-ayat tumbuhan dalam Al-Quran yang dinyatakan di atas dan kesejajarannya dengan kajian sains ialah anjuran ke atas orang Islam untuk mengutamakan diet yang berasaskan buah-buahan dan tumbuhan sebagai sebahagian dari usaha menjaga kesihatan diri. Namun, perlu dipertegas bahawa ini bukan bermakna menghukumkan diet dari daging haiwan adalah sesuatu yang makruh, apatah lagi haram kerana memberi keutamaan bukan bermakna memberi nilai negatif kepada yang kurang utama. Hal ini kerana Al-Quran jelas menghalalkan hukum memakan daging haiwan dan apa jua produk darinya. Paling kurang hukumnya adalah harus, iaitu sesuatu yang tidak diberi pahala atau dosa atau tidak disukai oleh Tuhan kerana melakukannya. Antara ayat-ayat Al-Quran yang boleh dijadikan dalil dalam hal ini ialah,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ءَأَمِنُوا بِالْعُقُودِ ؕ أُحِلَّتْ لَكُمْ بَهِيمَةُ ٱلْأَنْعَامِ ؕ إِلَّا مَا يُنْتَلَىٰ عَلَيْكُمْ غَيْرِ مُحِلِّي ٱلصَّيْدِ ؕ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ ؕ إِنَّ ٱللَّهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيدُ

*“Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. **Dihalalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Halalnya binatang-binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula bererti kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu dalam keadaan berihram. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum apa yang Dia kehendaki.**”*

*(Surah Al-Ma'idah, 5:1)*

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ ؕ قُلْ أُحِلَّ لَكُمْ ٱلطَّيِّبَاتُ ؕ وَمَا عَلَّمْتُم مِّنَ ٱلْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ تُعَلِّمُونَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَكُم ٱللَّهُ ؕ فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ وَاذْكُرُوا ٱسْمَ ٱللَّهِ عَلَيْهِ ؕ وَٱتَّقُوا ٱللَّهَ ؕ إِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ

*“Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): Apakah (makanan) yang dihalalkan bagi mereka? Bagi menjawabnya katakanlah: **Dihalalkan bagi kamu (memakan) yang lazat-lazat serta baik dan (buruan yang ditangkap oleh) binatang-binatang pemburu yang telah kamu ajar (untuk berburu) mengikut cara pelatih-pelatih binatang pemburu. Kamu mengajar serta melatihnya (adab peraturan berburu) sebagaimana yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Oleh itu makanlah dari apa yang mereka tangkap untuk kamu dan sebutlah nama Allah atasnya (ketika kamu melepaskannya berburu) dan bertakwalah kepada Allah (dengan memelihara diri dari memakan yang diharamkan Allah); Sesungguhnya Allah Maha Cepat hitungan hisabNya.**”*

*(Surah Al-Ma'idah, 5:4)*

Terdapat banyak juga hadis yang melaporkan kata-kata dan perbuatan Nabi s.a.w yang menunjukkan pada hukum harus bagi Muslim untuk memakan daging seperti,

عَنْ أَبِي مُوسَى - يَغْنِي الْأَشْعَرِيَّ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْكُلُ دَجَاجًا

*“Abu Musa berkata: Aku pernah melihat Rasulullah s.a.w memakan daging ayam.”* <sup>219</sup>

*(Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)*

أَنَّهُ سَمِعَ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ جَعْفَرٍ يُحَدِّثُ ابْنَ الزُّبَيْرِ وَقَدْ نَحَرَ لَهُمْ جَزُورًا أَوْ بَعِيرًا أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ وَالْقَوْمُ يُلْقُونَ لِرَسُولِ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - اللَّحْمَ - يَقُولُ " أَطْيَبُ اللَّحْمِ لَحْمُ الظُّهْرِ "

*“Abdullah bin Ja`far berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Daging yang terbaik ialah ada bahagian belakang [binatang].”* <sup>220</sup>

*(Riwayat Ibn Majah)*

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ، قَالَ مَا دُعِيَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى لَحْمٍ قَطُّ إِلَّا أَجَابَ وَلَا أُهْدِيَ لَهُ لَحْمٌ قَطُّ إِلَّا قَبِلَهُ

*“Abu Al-Darda’ berkata: Tidak diundang Rasulullah s.a.w ke jamuan daging kecuali beliau pasti akan menghadirinya dan tidak dihadaiahkan dengan daging kecuali beliau pasti akan menerimanya.”* <sup>221</sup>

*(Riwayat Ibn Majah)*

Namun keharusan memakan daging dalam Islam bersyarat. Syarat-syaratnya boleh dirujuk dalam kitab-kitab fikih kerana huraiannya di sini tidak menepati isu utama yang hendak dibincangkan, iaitu keutamaan diet buahan dan tumbuhan di sisi Al-Quran.

Telah sabit di sisi ulama bahawa hukum di atas berlaku juga pada haiwan ikan berdasarkan firman Allah Ta’ala,

أَحْلَلْ لَكُمْ صَيْدَ الْبَحْرِ وَطَعَامَهُ، مِمَّا لَكُمْ وَلِلسَّيَّارَةِ وَحُرِّمَ عَلَيْكُمْ صَيْدَ الْبَرِّ مَا دُمْتُمْ حُرُمًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ

*“Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut dan makanan yang didapati dari laut, sebagai bekalan bagi kamu (untuk dinikmati kelazatannya) dan juga bagi orang-orang yang dalam pelayaran....”*

*(Surah Al-Ma'idah, 5:96)*

وَهُوَ الَّذِي سَخَّرَ الْبَحْرَ لِتَأْكُلُوا مِنْهُ لَحْمًا طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُوا مِنْهُ حِلْيَةً تَلْبَسُونَهَا وَتَرَى الْفَلَكَ مَوَاجِرَ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلِعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

<sup>219</sup> Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Hadith No. 5517.

<sup>220</sup> Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Hadith 3308.

<sup>221</sup> Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Hadith 3306.

**“Dan Dialah yang memudahkan laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup...”**

(Surah An-Nahl, 16:14)

Perbezaannya ialah ikan tidak wajib disembelih untuk menjadi harus dimakan disebabkan hadis Nabi s.a.w,

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فِي الْبَحْرِ "هُوَ الطَّهْرُ مَاؤُهُ الْحِلُّ مَيْتَتُهُ"

*“Ia (laut) itu, airnya suci dan bangkainya halal (untuk dimakan).”*<sup>222</sup>

(Riwayat Abu Dawud, Al-Tirmidhi, Ibn Majah, Al-Nasa’ii, Malik, Al-Darimi dan Ahmad)

Galakan memakan diet buahan dan tumbuhan ke atas Muslim dari ayat-ayat Al-Quran tentang tumbuhan mewujudkan ruang persamaan antara Islam dan fahaman vegetarianisme dan veganisme.

Hari ini, kededua fahaman ini telah menarik perhatian banyak anak muda yang melihatkan sebagai gaya hidup alternatif bagi tujuan kesihatan dan juga sebagai reaksi terhadap industri ternakan haiwan secara komersial yang dituduh mengamalkan penderaan ke atas haiwan berskala besar dan menyebabkan pencemaran alam demi mencapai keuntungan perniagaan semata-mata. Peningkatan perhatian dan minat orang ramai yang meliputi juga anak-anak muda di kalangan orang Islam terhadap vegetarianisme dan veganisme menjadikannya isu dunia kontemporari yang perlu ditangani oleh ulama masa kini agar anak-anak muda ini mendapat bimbingan tentang sikap yang saksama sebagai orang Islam dan menjauhi pelampauan baik dalam bentuk *tafrit* (terlalu memberatkan) atau *ifrat* (terlalu memudahkan).<sup>223</sup> Disamping itu, kededuanya diamalkan oleh sebahagian manusia juga sebagai ajaran agama seperti Hindu dan Buddha atau falsafah hidup gerakan Era Baru (*New Age*).

Ini pastinya menjadikan vegetarianisme and veganisme mempunyai perkaitan dengan pelajaran yang dibincangkan di isi dan ini mewajarkan isu ini dikupas untuk memberi sedikit pencerahan bagi mereka yang memerlukan.

Namun sebelum dilanjutkan, perlu difahami apa itu vegetarianisme dan veganisme dahulu. Vegetarianisme adalah satu amalan atau gaya hidup yang memakan makanan

<sup>222</sup> Al-Nasa’ii, Sunan al-Nasa’ii, Hadith No. 4350.; Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Hadith No. 3246.; Al-Tarmidhi, Jami’ al-Tarmidhi, Hadith No. 69.; Abi Dawud, Sunan Abi Dawud, Hadith No. 83.

<sup>223</sup> Richard C. Foltz, *Animals in Islamic Tradition and Muslim Cultures*, Oxford: OneWorld, 2006, ms. 110-14; Magfirah Dahlan, “Veganism in Islam”, *Routledge Handbook of Vegan Studies*, edited by Laura Wright, New York; Routledge, 2021, ms. 226-33; Mohd Zaki, Muhammad Nasrullah and Jamaludin, Mohammad Aizat and Mohd Nor, Nur Suriya and Azlan, Aishah, “Veganism sentiments and preferences among Muslims”, *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 29 (2), 2021, ms. 1431-47; Jacqueline Adam, *Meat and Islam: How Vegetarian in Egypt Navigate Faith and Contemporary Food Ethics*, Master’s thesis, Harvard Extension School, 2018.

nabati sahaja dan menjauhi segala makanan yang bersumber dari haiwan.<sup>224</sup> Veganisme, pada prinsipnya, sama seperti vegetarianisme dalam pemilihan sumber makanan. Namun, vegetarianisme berbeza sedikit dari veganisme. Pengamal vegetarianisme memberi pengecualian bagi susu dan telur dan produk yang mengandungi kededuanya. Manakala pengamal veganisme bersifat lebih ketat dan tegar kerana menjauhi bukan hanya daging haiwan tetapi juga apa yang terhasil darinya seperti susu, telur dan madu.<sup>225</sup>

Memakan makanan bersumber haiwan di sisi pengamal vegetarinisme dan veganisme dianggap “haram” atau tercela dari sudut moral. Di sini terletak perbezaan antara Al-Quran dengan vegetarianisme dan veganisme. Al-Quran menggalakkan orang Islam untuk mengamalkan diet buah dan tumbuhan, tapi melarang orang Islam dari mengharamkan memakan daging kerana halalnya daging adalah jelas dari dalil-dalil syarak sebagaimana yang telah disebut di atas. Ia juga satu kesepakatan di sisi para ulama.

Larangan mengharamkan apa yang telah dihalaikan oleh Allah Ta’ala dinyatakan secara jelas dalam banyak ayat-ayat Al-Quran seperti firman Allah Ta’ala,

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكَ تَبْتَغِي مَرْضَاتَ أَرْوَاجِكَ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

**“Wahai Nabi! Mengapa engkau haramkan (dengan bersumpah menyekat dirimu daripada menikmati) apa yang dihalaikan oleh Allah bagimu, (kerana) engkau hendak mencari keredaan isteri-isterimu? (Dalam pada itu, Allah ampunkan kesilapanmu itu) dan Allah sememangnya Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”**

(Surah At-Tahrim, 66:1)

Ayat ini memberitahu bahawa Nabi s.a.w pun tidak boleh mengharamkan apa yang telah Allah halalkan.

Allah Ta’ala berfirman juga,

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ قُلْ هِيَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَذَٰلِكَ نَفُصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

**“Katakanlah (wahai Muhammad): Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakanNya? Katakanlah: Semuanya itu ialah (nikmat-nikmat) untuk orang-orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (nikmat-nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang-orang yang beriman sahaja) pada hari kiamat. Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang-orang yang (mahu) mengetahui.”**

(Surah Al-A`raf, 7:32)

<sup>224</sup> Laura Wright, “Framing vegan studies: Vegetarianism, veganism, animal studies, eco-feminism”, Routledge Handbook of Vegan Studies, ms. 3-5; The Editors, “Vegetarianism”, Britannica Encyclopedia, 23 November 2022, di <https://www.britannica.com/topic/vegetarianism> ; Zinnirah Shaikh, “Towards and Islamic Basis for Veganism”, Astrolabe, vol. 2020, no. 2, ms. 129.

<sup>225</sup> Ibid.

Dalam ayat ini pula, Allah Ta'ala memerintahkan Nabi s.a.w untuk menyampaikan amaran kepada umatnya agar jangan sampai berani untuk mengharamkan apa yang telah dihalalkan olehNya. Menyampaikan perkara ini satu pesanan langsung kepada Nabi s.a.w menunjukkan keseriusannya di sisi Allah Ta'ala, maka ia harus dipandang serius juga oleh Muslim.

Allah Ta'ala juga ada berfirman secara umum,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُحَرِّمُوا طَيِّبَاتِ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ

**“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik-baik yang telah dihalalkan oleh Allah bagi kamu dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang telah ditetapkan halalnya itu); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.”**

(Surah Al-Ma'idah, 5:87)

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ لِّتُفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ ۗ إِنَّ  
الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ

**“Janganlah kamu mengatakan terhadap apa yang disebut-sebut oleh lidahmu secara dusta, ‘ini halal dan ini haram’, untuk mengada-adakan kebohongan terhadap Allah. Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan kebohongan terhadap Allah tiadalah beruntung.”**

(Surah An-Nahl, 16:116)

قُلْ أَرَأَيْتُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ لَكُمْ مِّن رِّزْقٍ فَجَعَلْتُم مِّنْهُ حَرَامًا وَحَلَالًا ۗ قُلْ ءَأَللَّهُ أَذِنَ لَكُمْ أَمْ عَلَى اللَّهِ تَفْتَرُونَ

**“Katakanlah: Terangkanlah kepadaku tentang rezeki yang diturunkan Allah kepadamu, lalu kamu jadikan sebagiannya haram dan (sebagiannya) halal. Katakanlah: Apakah Allah telah memberikan izin kepadamu (tentang ini) atau kamu mengada-adakan saja terhadap Allah?”**

(Surah Yunus, 10:59)

Ayat-ayat ini memberitahu bahawa kuasa untuk menghalal dan mengharamkan sesuatu perkara, pada dasarnya, terletak di tangan Tuhan dan manusia tidak boleh menghukumkan sesuatu yang bercanggah dengan apa yang telah ditetapkan halal atau haram oleh Allah Ta'ala.

Ada pun seorang Muslim yang memilih untuk meninggalkan memakan daging sama sekali dalam kehidupan seharian sebagai pilihan peribadi, tanpa mengiktikadkannya sebagai haram di sisi agama ke atas dirinya atau orang lain, ia bukan satu kesalahan dalam Islam kerana memakan daging hanya sesuatu yang diharuskan, bukan wajib, dan



meninggalkan yang harus, tanpa mengharamkannya, tidak menyebabkan dosa dan bukan sesuatu yang tercela dalam agama.<sup>226</sup>

Memang benar bahawa ayat-ayat Al-Quran berkaitan tumbuhan hanya menggalakkan diet buah-buahan. Galakan ini boleh difahami sebagai anjuran untuk lebihkan memakan buah dan tumbuhan dari daging atau mengutamakan diet buah dan tumbuhan, tanpa meninggalkan memakan daging sama sekali. Namun ini tidak bermakna, apabila seorang Muslim itu pilih untuk mengambil langkah yang lebih dari itu, iaitu meninggalkan memakan daging atau apa jua makanan yang mengandungi bahan-bahan dari haiwan sama sekali perlu dihukum sebagai berdosa. Hal ini sama seperti pilihan seseorang untuk tidak mahu makan ikan yang telah disepakati halal dalam Islam di sisi ulama, atau apa jua makanan yang mempunyai bahan dari ikan atas sebab-sebab peribadi seperti selera tekaknya tidak dapat menerimanya. Dia tidak boleh dihukumkan berdosa selama mana dia tidak mengiktikadkan ikan haram ke atas dirinya dan orang lain.

Selain dari di atas, Muslim yang memilih untuk mengamalkan gaya hidup nabati yang meliputi vegetarianisme dan veganisme hendaklah juga menjauhi dari merasa dirinya lebih baik dan mulia di sisi agama atau di mata Allah taala (*self-righteous*) berbanding mereka yang memakan daging kerana sikap seperti ini dikeji oleh Al-Quran dalam ayat,

فَلَا تُزَكُّوْا اَنْفُسَكُمْ هُوَ اَعْلَمُ بِمَنْ اَتَقَىٰ

*“...maka janganlah kamu memuji-muji diri kamu (bahawa kamu suci bersih dari dosa). Dialah sahaja yang lebih mengetahui akan orang-orang yang bertakwa.”*

(Surah An-Najm, 53:32).

Rumusannya, tiada kesalahan bagi Muslim yang memilih untuk menjadi pengamal gaya hidup nabati sebagai pilihan peribadi dengan syarat dia tidak beriktikad bahawa memakan daging adalah haram di sisi Islam ke atasnya dan Muslim yang lain dan tidak memandang rendah kesolehan orang Islam di mata Allah taala kerana tidak mengamalkan gaya hidup yang sama sepertinya.

<sup>226</sup> Islam Question and Answer, Ruling on not eating meat or dairy products (veganism), 15 September 1998, di <https://islamqa.info/en/answers/2521/ruling-on-not-eating-meat-or-dairy-products-veganism> ; Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (Office of Mufti of Federal Territory), “The Ruling of Becoming Vegetarian”, Al-Kafi Fi Al-Fatawi #552, 23 Februari 2017, di <https://www.muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/988-al-kafi-552-the-ruling-of-becoming-a-vegetarian> ; Al-Islām Su’āl Wa Jawāb, Hukm Tark Akl Al-Mushtaqqāt Al-Hayawaniyah Wa Al-Iqtisār `Ala Al-Nabātāt, 4 Jun 2002, di <https://islamqa.info/ar/answers/2521/%D8%AD%D9%83%D9%85-%D8%AA%D8%B1%D9%83-%D8%A7%D9%83%D9%84-%D8%A7%D9%84%D9%85%D8%B4%D8%AA%D9%82%D8%A7%D8%AA-%D8%A7%D9%84%D8%AD%D9%8A%D9%88%D8%A7%D9%86%D9%8A%D8%A9-%D9%88%D8%A7%D9%84%D8%A7%D9%82%D8%AA%D8%B5%D8%A7%D8%B1-%D8%B9%D9%84%D9%89-%D8%A7%D9%84%D9%86%D8%A8%D8%A7%D8%AA%D8%A7%D8%AA> ; Richard C. Foltz, Animals in Islamic Tradition and Muslim Cultures, ms. 108; Jacqueline Adam, Meat and Islam: How Vegetarian in Egypt Navigate Faith and Contemporary Food Ethics, ms. 49-52; Zinnirah Shaikh, “Towards and Islamic Basis for Veganism”, ms. 129.

Sikap ini bukan sesuatu yang baru dalam tradisi Islam. Ia bukan muncul di zaman moden kini. Di zaman Nabi s.a.w terdapat seorang sahabat yang bergelar Abi Al-Lahm Al-Ghifari. Abi Al-Lahm bermakna “Si Penolak Daging”, bukan “Bapa Daging” seperti yang masyhur bagi *kunyah* (gelaran) dalam bahasa Arab seperti Abu Al-Qasim (Bapa si Al-Qasim) dan Abu Musa (Bapa si Musa). Terdapat perbezaan pendapat tentang sebab bagi gelarannya itu. Ada yang mengatakan gelaran itu diberi kerana dia seorang yang sangat suka makan daging. Ada pula yang berkata yang sebaliknya, iaitu beliau meninggalkan memakan daging. Ada pula berpendapat ia adalah kerana beliau tidak memakan daging yang disembelih dan dipersembahkan kepada berhala. Pendapat kedua ialah yang paling popular dan diterima. Pendapat ketiga dinilai lemah kerana memakan daging yang disembelih bukan dengan nama Allah dan dipersembahkan kepada berhala-berhala diharamkan dalam Al-Quran yang wajib ditinggalkan oleh semua orang Islam. Oleh itu, tidak munasabah untuk perkara itu dijadikan gelaran khusus bagi sahabat berkenaan.<sup>227</sup> Abi Al-Lahm juga tersenarai sebagai periwayat hadis, seperti hadis;

قَالَ حَدَّثَنِي عُمَيْرٌ، مَوْلَى أَبِي اللَّحْمِ قَالَ شَهِدْتُ خَيْبَرَ مَعَ سَادَتِي فَكَلَّمُونِي فِي رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَمَرَ بِي فَقُلْتُ سَيْفًا فَإِذَا أَنَا أَجْرُهُ فَأُخْبِرُ أَنِّي مَمْلُوكٌ فَأَمَرَ لِي بِشَيْءٍ مِنْ خَزَائِنِ الْمَتَاعِ قَالَ أَبُو دَاوُدَ مَعْنَاهُ أَنَّهُ لَمْ يُسْهِمْ لَهُ قَالَ أَبُو دَاوُدَ وَقَالَ أَبُو عُبَيْدٍ كَانَ حَرَّمَ اللَّحْمَ عَلَى نَفْسِهِ فَسَمَّى أَبِي اللَّحْمِ

*“Umayr, hamba Abi Al-Lahm, berkata: Aku menyertai perang Khaybar bersama tuan-tuanmu yang menyebut tentangku kepada Rasulullah s.a.w. Dia memanggil aku dan menggantung pedang padaku. Aku pun membawanya bersamaku. Rasulullah s.a.w kemudian diberitahu bahawa aku adalah hamba. Dia pun menyuruh agar aku diberi barang dari saki baki rampasan perang. Abu Dawud berkata: Maksudnya, Rasulullah s.a.w tidak memberinya bahagian dari harta rampasan perang [kerana dia adalah hamba]. Abu Dawud dan Abu ‘Ubayd berkata: Dia meninggalkan memakan daging bagi dirinya, lalu digelar Abi Al-Lahm.”*

(Riwayat Abu Dawud)

عَنْ عُمَيْرٍ، مَوْلَى أَبِي اللَّحْمِ عَنْ أَبِي اللَّحْمِ، أَنَّهُ رَأَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ أَحْجَارِ الرَّيْتِ يَسْتَسْقِي وَهُوَ مُقْنِعٌ بِكَفِّهِ يَدْعُو قَالَ أَبُو عَيْسَى كَذَا قَالَ قُتَيْبَةُ فِي هَذَا الْحَدِيثِ عَنْ أَبِي اللَّحْمِ وَلَا نَعْرِفُ لَهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا هَذَا الْحَدِيثَ الْوَاحِدَ وَعُمَيْرٌ مَوْلَى أَبِي اللَّحْمِ قَدْ رَوَى عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحَادِيثَ وَلَهُ صُحْبَةٌ

*“Umayr, hamba Abi Al-Lahm, meriwayatkan dari Abi Al-Lahm, bahawa dia (Abi Al-Lahm) melihat Rasulullah s.a.w berada di Ahjar Al-Zayt, dalam keadaan memakai kain penutup kepala mengangkat kedua tangannya berdoa meminta hujan. Abu ‘Isa berkata: Abu Qutaybah berkata tentang hadis ini dari Abi Al-Lahm: kami tidak tahu hadis dari Abi Al-Lahm kecuali hadis yang satu ini sahaja. Adapun, ‘Umayr, hamba Abi Al-Lahm, ada meriwayatkan banyak hadis dari Nabi s.a.w dan dia adalah seorang sahabat.”*

(Riwayat At-Tirmidhi)

<sup>227</sup> Ibn Al-Athīr, Usud Al-Ghābah Fī Ma`rifāt Al-ṣahābah, Beirut: Dār Ibn Hazm, jld. 1, ms. 7; Ibn `Abd Al-Barr, Al-Istī`āb Fī Ma`rifāt Al-Aṣhāb, Beirut: Dār Al-Jayl, jld. 1, ms. 135-6.

<sup>228</sup> Abi Dawud, Sunan Abi Dawud, Hadith No. 2730.

Dalam catatan biografi Abi Al-Lahm dalam kitab-kitab mengenai para sahabat Nabi s.a.w, tidak dijumpa apa-apa celaan ke atas peribadinya kerana tabiat yang membawa pada gelaran itu dari kalangan para sahabat dan generasi awal. Ulama hadis yang mengkaji latarbelakang para perawi hadis juga tidak membuat catatan negatif ke atas keperibadiannya yang menyebabkan hadisnya ditolak atau menjadi lemah.<sup>230</sup>

Terdapat juga hadis yang meriwayatkan tentang individu di zaman awal Islam yang memilih untuk tidak makan daging ayam,

عَنْ زَهْدِمِ الْجَرْمِيِّ، قَالَ: كُنَّا عِنْدَ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ، قَالَ: فَفَقَدِمَ طَعَامُهُ وَقَدَّمَ فِي طَعَامِهِ لَحْمَ دَجَاجٍ وَفِي الْقَوْمِ رَجُلٌ مِنْ بَنِي تَيْمِ اللَّهِ أَحْمَرٌ كَانَتْهُ مَوْلَى، قَالَ: فَلَمْ يَذُنْ فَقَالَ لَهُ أَبُو مُوسَى: اذْنُ، فَإِنِّي قَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكَلَ مِنْهُ، فَقَالَ: إِنِّي رَأَيْتُهُ يَأْكُلُ شَيْئًا، فَفَقَذَرْتُهُ فَحَلَفْتُ أَنْ لَا أُطْعِمَهُ أَبَدًا.

*“Zahdam Al-Jarmi berkata: Kami bersama Abu Musa Al-Ash`ari. Lalu, dihidangkan makanan yang terdapat daging ayam. Seorang individu dari Bani Taymillah Ahmar, yang rupanya seperti seorang hamba tidak mahu sertai jamuan itu. Abu Musa pun berkata kepadanya: Sertailah. Sesungguhnya aku pernah melihat Rasulullah s.a.w makan sesuatu darinya (daging ayam). Dia berkata: Aku melihat ayam memakan sesuatu yang kotor bagiku. Aku pun bersumpah untuk tidak akan memakannya.”<sup>231</sup>*

(Riwayat Al-Bukhari)

Tiada laporan bahawa lelaki berkenaan dicela atas pilihan peribadinya untuk tidak mahu makan daging ayam sama sekali atas sebab peribadi walaupun setelah diberitahu bahawa ia adalah halal kerana Nabi s.a.w pernah memakannya.

Oleh itu, berlapang dada dalam perkara ini bukan sesuatu yang dicela oleh Islam.

## **KEPELBAGAIAN ADALAH TABI`II**

Dari keseluruhan ayat-ayat Al-Quran dapat dirumuskan bahawa satu sifat yang terserlah dari alam tumbuhan ialah pelbagai dan rencam. Tiga petanda yang menunjukkan pada kesimpulan ini.

Pertama, Al-Quran banyak menggunakan kata jamak bagi memberitahu tentang tumbuhan seperti

- *jannāt* (kebun-kebun)

<sup>229</sup> Al-Tarmidhi, Jami' al-Tarmidhi, Hadith No. 557.

<sup>230</sup> Ibid.

<sup>231</sup> Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Hadith No. 3133.

وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُخْرِجُ مِنْهُ حَبًّا مُتَرَاكِبًا وَمِنَ النَّخْلِ مِنَ طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِّنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ انظُرُوا إِلَى ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ إِنَّ فِي ذَٰلِكُمْ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

*“Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.”*

(Surah Al-An'am, 6:99)

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكْلُهُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَعَاتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

*“Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.”*

(Surah Al-An'am, 6:141)

- *hadā'iq (ladang-ladang)*

أَمَّنْ خَلَقَ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ وَاَنْزَلَ لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَاَنْبَتْنَا مِنْهُ حَدٰٓئِقَ ذٰتَ بَهْجَةٍ مَّا كَانَ لَكُمْ اَنْ تُنْبِتُوْا شَجَرَهَا اَءِٕلٰهَةٌ مَّعَ اللّٰهِ بَلْ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُوْنَ

*“Bahkan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman kebun-kebun (yang menghijau subur) dengan indahnya, yang kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkan pohon-pohonnya. Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan mereka (yang musyrik itu) adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran (tauhid).”*

(Surah An-Naml, 27:60)

- *fawākih (buah-buah)*

فَاَنْشَاْنَا لَكُمْ بِهِ جَنَّاتٍ مِّنْ نَّجِيلٍ وَّاَعْنَابٍ لَّكُمْ فِيْهَا فَوَاكِهُ كَثِيْرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُوْنَ

“Kemudian, Kami tumbuhkan untuk kamu dengan air itu, kebun-kebun tamar (kurma) dan anggur. Kamu beroleh dalam kebun-kebun itu (berbagai jenis lagi) buah-buahan yang banyak, dan dari kebun-kebun itulah kamu beroleh rezeki penghidupan kamu.”

(Surah Al-Mu'minin, 23:19)

وَفَوَاكِهَ مِمَّا يَشْتَهُونَ

“Serta menikmati buah-buahan dari segala jenis yang mereka ingini.”

(Surah Al-Mursalat, 77:42)

- *thamarāt* (buah-buah)<sup>232</sup>

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

“Dia lah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkanNya air hujan dari langit, lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa).”

(Surah Al-Baqarah, 2:22)

وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ حَتَّىٰ إِذَا أَقْلَّتْ سَحَابًا ثِقَالًا سُقْنَاهُ لِبَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَنْزَلْنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ كَذَٰلِكَ نُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

“Dan Dia lah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan dia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (menggambil pelajaran daripadanya).”

(Surah Al-A`raf, 7:57)

- *a`nāb* (pelbagai anggur).

وَمِنْ ثَمَرَاتِ النَّخِيلِ وَالْأَعْنَابِ تَتَّخِذُونَ مِنْهُ سَكَرًا وَرِزْقًا حَسَنًا إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ.

“Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang mahu menggunakan akalnyanya.”

(Surah An-Nahl 16:67)

Kedua, Al-Quran sendiri mensifatkan tumbuhan dengan sifat pelbagai dan rencam seperti menyebutkan tumbuhan dengan sifat *mukhtalif ukulu* (berlainan bentuk, rupa dan rasa), *ma'rushāt* (menjalar) dan *ghayr ma'rushāt* (tidak menjalar), *mutashābih / mushtabih* (bersamaan bentuk, rupa dan rasa) dan *ghayr mutashābih* (tidak bersamaan).

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أَكْلُهُ، وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَابِهًا  
وغيرَ مُتَشَابِهٍ كُلُّوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَآتُوا حَقَّهُ، وَلَا تَسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

“Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebum yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.”

(Surah Al-An`am, 6:141)

وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ نَبَاتٍ كُلِّ شَيْءٍ فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُخْرَجُ مِنْهُ حَبًّا مُتَرَاكِبًا وَمِنْ  
النَّخْلِ مِنْ طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ أَنْظُرُوا إِلَى ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ  
إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

“Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebum dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.”

(Surah Al-An`am, 6:99)

- *mukhtalif alwānuh* (berbeza-beza warna)

ثُمَّ كُلِي مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْلُكِي سُبُلَ رَبِّكِ ذُلَالًا يَخْرُجُ مِنْ بَطُونِهَا شَرَابٌ  
مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ، فِيهِ شِفَاءٌ لِلنَّاسِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

“Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu". (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit).

Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.”

(Surah An-Nahl, 16:69)

- nabāt shattá (tumbuhan yang pelbagai).

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ مَهْدًا وَسَلَكَ لَكُمْ فِيهَا سُبُلًا وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِّنْ نَّبَاتٍ شَتَّىٰ

“(Dia lah Tuhan) yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan, dan Ia telah mengadakan bagi kamu padanya jalan-jalan lalu-lalang; dan Ia juga telah menurunkan hujan dari langit. Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-jenis tanaman dan buah-buahan yang berlainan keadaannya.”

(Surah Taha, 20:53)

Al-Quran juga mensifatkan tumbuhan sebagai makhluk yang berpasangan. Berpasangan bermakna wujudnya unit-unit yang berbeza tetapi boleh bergabung bersama.<sup>233</sup>

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ مَهْدًا وَسَلَكَ لَكُمْ فِيهَا سُبُلًا وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِّنْ نَّبَاتٍ شَتَّىٰ

“(Dia lah Tuhan) yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan, dan Ia telah mengadakan bagi kamu padanya jalan-jalan lalu-lalang; dan Ia juga telah menurunkan hujan dari langit. Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-jenis tanaman dan buah-buahan yang berlainan keadaannya.”

(Surah Taha, 20:53)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِن كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُّخَلَّقَةٍ لِّبَيِّنٍ لَّكُمْ وَنُقَرُّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ وَمِنْكُمْ مَّنْ يُتَوَقَّىٰ وَمِنْكُمْ مَّنْ يَرُدُّ إِلَىٰ أَرْدَلِ الْأَعْمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِنْ بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَأَنْبَتَتْ مِنْ كُلِّ رَوْحٍ بِهِيجٍ

“Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada

<sup>233</sup> Surah Ash-Shu'ara', 26:7, Surah Luqman, 31:10, Surah Yasin, 36:36, Surah Qaf, 50:7, Surah Ar-Rahman, 55:3, Surah Al-Waqi'ah, 56:20.

di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atausemasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menyimpannya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.”

(Surah Al-Hajj, 22:5)

Ketiga, Al-Quran menyebut pelbagai jenis tumbuhan seperti,

- buah

فَأَنْشَأْنَا لَكُمْ بِهِ جَنَّاتٍ مِّنْ نَّجِيلٍ وَأَعْنَابٍ لَّكُمْ فِيهَا فَاكِهَةٌ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ.

“Kemudian, Kami tumbuhkan untuk kamu dengan air itu, kebun-kebun tamar (kurma) dan anggur. Kamu beroleh dalam kebun-kebun itu (berbagai jenis lagi) buah-buahan yang banyak, dan dari kebun-kebun itulah kamu beroleh rezeki penghidupan kamu.”

(Surah Al-Mu'minin, 23:19)

- pokok

وَأَضْرَبَ لَهُمْ مَثَلًا رَّجُلَيْنِ جَعَلْنَا لِأَحَدِهِمَا جَنَّتَيْنِ مِنْ أَعْنَابٍ وَخَفَفْنَا لَهَا لَيْلِهَا أَثْقَالًا وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمَا زُرْعًا. كَلْتَا الْجَنَّتَيْنِ آتَتْ أُكُلَهَا وَلَمْ تَظْلِم مِّنْهُ شَيْئًا وَفَجَّرْنَا خِلَالَهُمَا نَهْرًا. وَكَانَ لَهُ ثَمَرٌ فَقَالَ لِصَاحِبِهِ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ: أَنَا أَكْثَرُ مِنْكَ مَالًا وَأَعَزُّ نَفْرًا. وَدَخَلَ جَنَّتَهُ وَهُوَ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ قَالَ مَا أَظُنُّ أَنْ تَبِيدَ هَذِهِ أَبَدًا

“Dan berikanlah kepada mereka satu contoh: Dua orang lelaki, Kami adakan bagi salah seorang di antaranya, dua buah kebun anggur; dan Kami kelilingi kebun-kebun itu dengan pohon-pohon tamar, serta Kami jadikan di antara keduanya, jenis-jenis tanaman yang lain. Kedua-dua kebun itu mengeluarkan hasilnya, dan tiada mengurangi sedikitpun dari hasil itu; dan kami juga mengalirkan di antara keduanya sebatang sungai. Tuan kebun itu pula ada mempunyai harta (yang lain); lalu berkatalah ia kepada rakannya, semasa ia berbincang dengannya: "Aku lebih banyak harta daripadamu, dan lebih berpengaruh dengan pengikut-pengikutku yang ramai". Dan ia pun masuk ke kebunnya (bersama-sama rakannya), sedang ia berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan sebab kufurnya), sambil ia berkata: "Aku tidak fikir, kebun ini akan binasa selama-lamanya.”

(Surah Al-Kahf, 18:32-35)

- sayur

وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَى لَنْ نُصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَاجِدٍ فَادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا وَبَصَلِهَا قَالَ أَتَسْتَبْدِلُونَ الَّذِي هُوَ أَدْنَىٰ بِالَّذِي هُوَ خَيْرٌ أَحْبَبُوا مَضْرًا فَإِنَّ لَكُمْ مَا سَأَلْتُمْ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ وَالْمَسْكَنَةُ وَبَاءَ وَعَبَّصَ مِنَ اللَّهِ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيِّينَ بِغَيْرِ الْحَقِّ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ



“Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata: "Wahai Musa, kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja; maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi; dari sayur-sayurannya, dan mentimunnya, dan bawang putihnya, dan adas (kacang dalnya), serta bawang merahnya". Nabi Musa menjawab: "Adakah kamu mahu menukar sesuatu yang kurang baik dengan meninggalkan yang lebih baik? Turunlah kamu ke bandar kerana di sana kamu boleh dapati apa yang kamu minta itu". Dan mereka ditimpakan dengan kehinaan dan kepapaan, dan sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan dari Allah. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka kufur (mengingkari) ayat-ayat Allah (perintah-perintah dan mukjizat-mukjizat yang membuktikan kebesarannya); dan mereka pula membunuh Nabi-nabi dengan tidak ada alasan yang benar. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka menderhaka dan mereka pula sentiasa menceroboh.”

(Surah Al-Baqarah, 2:61)

- bunga

وَالْحَبُّ ذُو الْعُصْفِ وَالرَّيْحَانُ

“Demikian juga terdapat biji-bijian yang ada jerami serta daun, dan terdapat lagi bunga-bunga yang harum.”

(Surah Ar-Rahman, 55:12)

- rumput

وَفَاكِهَةً وَأَبًّا

“Dan berbagai buah-buahan serta bermacam-macam rumput.”

(Surah ‘Abasa, 80:31)

Buah juga disebabkan bermacam jenis seperti kurma, zaitun, tin dan delima.<sup>234</sup>

يُنْبِتُ لَكُمْ بِهِ الزَّرْعَ وَالزَّيْتُونَ وَالنَّخِيلَ وَالْأَعْنَابَ وَمِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

“Ia juga menumbuhkan bagi kamu dengan sebab hujan itu tanaman-tanaman dan pokok-pokok zaitun dan tamar (kurma) serta anggur; dan juga dari segala jenis buah-buahan. Sesungguhnya yang demikian mengandungi satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang mahu berfikir.”

(Surah An-Nahl, 16:11)

Begitu juga dengan pokok-pokok seperti

- pokok palma

وَالنَّخْلَ بَاسِقَاتٍ لَهَا طَلْعٌ نَضِيدٌ. رِزْقًا لِلْعِبَادِ وَأَخْيَيْنَاهُ بِلَدَةٍ مِّمَّا كَذَلِكَ الْخُرُوجِ

“Serta pohon-pohon kurma yang tinggi menjulang, yang mengeluarkan mayang, berlapis-lapis, lagi lebat putiknya. (Semuanya itu) sebagai rezeki bagi hamba-hamba Kami. Dan lagi Kami telah hidupan dengan air itu bumi yang mati; demikianlah pula keadaan

<sup>234</sup> Surah Al-An'am, 6:99, Surah Al-An'am, 6:141, Surah Ar-Rahman, 55:68.

keluarnya (orang-orang yang mati dari kubur setelah dibangkitkan hidup semula).”

(Surah Qaf, 50:10-11)

وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُخْرَجُ مِنْهُ حَبًّا مَاتَرَ كَبًّا وَمِنْ  
النَّخْلِ مِنَ طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ أَنْظِرُوا إِلَىٰ تَمْرِهِ إِذَا أَمَرَ وَيُنَعِّجُهُ  
إِنَّ فِي ذَٰلِكُمْ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

“Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.”

(Surah Al-An`am, 6:99)

- zaitun

وَزَيْتُونًا وَنَخْلًا

“Dan Zaitun serta pohon-pohon kurma.” (Surah ‘Abasa, 80:29)

وَالَّتِينِ وَالزَّيْتُونِ

“Demi buah Tiin dan Zaitun.” (Surah At-Tin, 95:1)

- sidr (bidara)

فَأَغْرَضُوا فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ سَيْلَ الْعَرِمِ وَبَدَّلْنَاهُمْ بِحَبَّتِهِمْ حَبَّتَيْنِ ذَوَاتِنِ أَكُلِ خَمْطٍ وَأَثَلٍ وَشَيْءٍ مِّنْ سِدْرٍ قَلِيلٍ

“Maka mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang berbuah, serta sedikit pohon-pohon bidara.”

(Surah Saba’, 34:16)

فِي سِدْرٍ مَّخْضُودٍ

“Mereka bersenang-lenang di antara pohon-pohon bidara yang tidak berdurian.”

(Surah Al-Waqi`ah, 56:28)

- labu

وَأَنْبُتْنَا عَلَيْهِ شَجَرَةً مِّنْ يَّفْطِينٍ

“Dan Kami tumbuhkan (untuk melindunginya) sebatang pokok yang berdaun lebar.”

(Surah As-Saffat, 37:146)

Perincian ini boleh dilihat dalam Jadual 2 di bab satu dari buku ini.

Hakikat ini sesuai dengan realiti alam sebenar yang dapat dilihat contoh data di bawah;

- 350 ribu spesies tumbuhan<sup>235</sup>
- 325 ribu dari 350 ribu spesies tumbuhan menghasilkan bunga yang berbeza-beza<sup>236</sup>
- 1097 spesies sayur-sayuran yang dapat dikenalpasti terbahagi pada lapan jenis dengan kemungkinan terdapat lebih banyak lagi yang belum dikenalpasti<sup>237</sup>
- jumlah buah-buahan juga banyak hingga sukar untuk menetapkan jumlah sebenar jenis dan spesies dengan tepat.<sup>238</sup>

Namun apabila diteliti Al-Quran keseluruhannya, akan dapat dirumuskan bahawa kepelbagaian juga sifat ciptaan Allah taala yang lain. Al-Quran memberitahu kewujudan kepelbagaian pada alam haiwan. Planet dan bintang di langit juga banyak, bukan hanya bumi sahaja. Bahkan, manusia juga disifatkan pelbagai dalam dua ayat Al-Quran,

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافَ أَلْسِنَتِكُمْ وَالْوَالِدَاتِ إِذَا فِي ذَلِكَ لآيَاتٍ لِلْعَالَمِينَ

*“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi **dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu.** Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan.”*

(Surah Ar-Rum, 30:22)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا  
إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

*“Wahai umat manusia! **Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain).** Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).”*

(Surah Al-Hujurat, 49:13)

<sup>235</sup> Alexander Antonelli et. al, State of the Wold's Plants and Fungi 2020, Royal Botanic Garden, Kew, 2020, ms. 8.

<sup>236</sup> Ibid.

<sup>237</sup> Alliance Bioversity & CIAT, More than a thousand vegetables, many of them forgotten, 19 September 2018, di <https://alliancebioversityciat.org/stories/more-thousand-vegetables-many-them-forgotten>

<sup>238</sup> The Editors, “Fruit”, Britannica Encyclopedia, 21 Oktober 2022, di <https://www.britannica.com/science/fruit-plant-reproductive-body> ; Staff Writer, How Many Types of Fruits are There in the World?, Reference, 30 Mac 2020, di <https://www.reference.com/science-technology/many-types-fruits-world-ef78fe775fd75a9b>

Kedua ayat di atas memberitahu bahawa Allah Ta'ala sengaja mencipta manusia berbeza dari segi bahasa, warna kulit, jantina dan etnik dengan tujuan yang positif, iaitu "saling kenal mengenali" yang bukan difahami sebagai saling bertukar maklumat sahaja, tapi saling mengetahui kelebihan dan kekurangan masing-masing pihak sehingga dengan itu setiap pihak dapat bekerjasama untuk menyempurna dan melengkap yang lain hingga mencetus kemajuan dan pembangunan bagi kehidupan di dunia.

Bahkan, Al-Quran juga mengakui perbezaan agama dalam kehidupan manusia sebagai sesuatu ketentuan Allah Ta'ala juga sebagaimana disebut dalam firman Allah Ta'ala,

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَأَمَنَّ مِنَ فِي الْأَرْضِ كُلَّهُمْ جَمِيعًا أَفَأَنْتَ تُكْرِهُ النَّاسَ حَتَّىٰ يَكُونُوا مُؤْمِنِينَ

***“Dan (bukanlah tanggungjawabmu wahai Muhammad menjadikan seluruh umat manusia beriman), jika Tuhanmu menghendaki nescaya berimanlah sekalian manusia yang ada di bumi. (Janganlah engkau bersedih hati tentang kedegilan orang-orang yang ingkar itu; kalau Tuhan tidak menghendaki) maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman?”***

(Surah Yunus, 10:99)

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ. إِلَّا مَن رَّحِمَ رَبُّكَ وَلِذَلِكَ خَلَقَهُمْ وَتَمَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

***“Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah Dia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (Tetapi Dia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan. Tetapi orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu, (mereka bersatu di dalam agama Allah) dan untuk (perselisihan dan rahmat) itulah Allah menjadikan manusia dan dengan yang demikian sempurnalah janji Tuhanmu: Sesungguhnya Aku akan memenuhi Neraka Jahannam dengan sekalian jin dan manusia (yang berdosa).”***

(Surah Hud, 11:118-119)

Ayat ini memberitahu bahawa tidak semua manusia akan menjadi Muslim. Sebahagian mereka akan pasti memilih agama lain. Ini bermakna kepelbagaian beragama akan pasti wujud dalam kehidupan manusia sepanjang zaman. Dalam hal ini, Allah taala bahkan melarang Nabi s.a.w dari berusaha memaksa manusia agar semuanya beriman dengan Allah taala dan cuba melawan sifat ini.<sup>239</sup>

Kepelbagaian juga wujud di kalangan Muslim dari segi kualiti dan kuantiti iman, ilmu, amal dan lain-lain seperti yang dinyatakan dalam firman Allah taala yang memberitahu tentang kewujudan tentang tiga golongan Muslim,

<sup>239</sup> Surah Yunus, 10:99.



“Ahli-ahli Kitab itu tidaklah sama. Di antaranya ada golongan yang (telah memeluk Islam dan) tetap (berpegang kepada agama Allah yang benar) mereka membaca ayat-ayat Allah (Al-Quran) pada waktu malam, semasa mereka sujud (mengerjakan sembahyang). Mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka pula segera segera pada mengerjakan berbagai-bagai kebajikan. Mereka (yang demikian sifatnya), adalah dari orang-orang yang soleh. Dan apa sahaja kebajikan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (atau disekat dari mendapat pahalanya) dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan keadaan orang-orang yang bertakwa.”

(Surah Ali`Imran, 3:113-115)

Ayat ini menegaskan bahawa bukan semua orang bukan Muslim itu sama dan tidak menyamakan mereka sama. Ada di antara mereka yang soleh dan bersedia menerima kebenaran.

لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ النَّاسِ عَدَاوَةً لِلَّذِينَ ءَامَنُوا الْيَهُودَ وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا وَلَتَجِدَنَّ أَقْرَبَهُمْ مَوَدَّةً لِلَّذِينَ ءَامَنُوا الَّذِينَ قَالُوا إِنَّا نَصْرِيكَ ذَلِكَ يَأْتِيهِمْ فَيَسْئَلُونَكَ عَنْهُمْ وَيَقُولُونَ لَوْلَا أَمَرَ رَبِّي بِالْحَقِّ يُقُولُونَ رَبَّنَا ءَامَنَّا فَأَكْتُمْنَا مَعَ الشَّاهِدِينَ. وَإِذَا سَمِعُوا مَا أُنزِلَ إِلَى الرَّسُولِ تَرَىٰ أَعْيُنُهُمْ تَفِيضُ مِنَ الدَّمْعِ مِمَّا عَرَفُوا مِنَ الْحَقِّ يَقُولُونَ رَبَّنَا ءَامَنَّا فَاكْتُمْنَا مَعَ الشَّاهِدِينَ. وَمَا لَنَا لَا نُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَمَا جَاءَنَا مِنَ الْحَقِّ وَنَطْمَعُ أَنْ يُدْخِلَنَا رَبُّنَا مَعَ الْقَوْمِ الصَّالِحِينَ. فَأَنْبِئْهُمْ اللَّهُ بِمَا قَالُوا جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا ذَلِكَ جَزَاءُ الْمُحْسِنِينَ. وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ الْجَحِيمِ

“Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati manusia yang keras sekali permusuhannya kepada orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang musyrik. Dan demi sesungguhnya engkau akan dapati orang-orang yang dekat sekali kasih mesranya kepada orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang berkata: "Bahawa kami ini ialah orang-orang Nasrani" yang demikian itu, disebabkan ada di antara mereka pendita-pendita dan ahli-ahli ibadat, dan kerana mereka pula tidak berlaku sombong. Dan apabila mereka mendengar Al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah (Muhammad, s.a.w), engkau melihat mata mereka mencucurkan air mata disebabkan apa yang mereka ketahui (melalui Kitab mereka) dari kebenaran (Al-Quran), sambil mereka berkata: "Wahai Tuhan kami, kami beriman (kepada Nabi Muhammad dan Kitab Suci Al-Quran), oleh itu tetapkanlah kami bersama-sama orang-orang yang menjadi saksi (yang mengakui kebenaran Nabi Muhammad s.a.w). "Dan tidak ada sebab bagi kami tidak beriman kepada Allah dan kepada kebenaran (Al-Quran) yang sampai kepada kami, padahal kami ingin (dengan sepenuh-penuh harapan), supaya Tuhan kami memasukkan kami (ke dalam Syurga) bersama-sama orang-orang yang soleh" Lalu Allah memberikan pahala kepada mereka disebabkan (pengakuan iman yang ikhlas) yang telah mereka ucapkan, (iaitu mereka dibalas dengan) Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka pula tetap kekal di dalamnya. Dan yang demikian itu, adalah balasan orang-orang yang berusaha berbuat kebaikan. Dan (sebaliknya) orang-orang yang kafir serta mendustakan ayat-ayat keterangan Kami, mereka itulah ahli neraka.”

(Surah Al-Ma'idah, 5:82-6)

Di ayat lain, Al-Quran menyatakan bahawa ada di kalangan orang bukan Muslim yang tidak memusuhi Islam dan Islam membenarkan Muslim untuk melayan mereka dengan baik,

لَا يَنْهَى اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُواكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُواكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ  
 إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ. إِنَّمَا يَنْهَى اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُواكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُواكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ  
 وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَنْ تَوَلَّوْهُمْ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

*“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu) dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu) dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”*

(Surah Al-Mumtahanah, 60:8-9)

Dengan erti kata lain, Muslim diperintah untuk membezakan orang bukan Muslim sama ada antara yang memusuhi dan tidak memusuhi mereka dan melayan mereka sesuai dengan keadaan mereka, bukan bersikap keras terhadap semua orang bukan Muslim dengan hanya berdasarkan keumuman ayat seperti di dalam surah Al-Fath, ayat 29<sup>242</sup> dan Al-Ma'idah, ayat 54.<sup>234</sup>

Hakikat ini dapat disokong pula dengan kewujudan pelbagai figura bukan Muslim dalam sejarah Nabi s.a.w yang mana mereka dikenali sebagai penyokong perjuangan Nabi s.a.w atau diberi kepercayaan oleh Nabi s.a.w untuk membantu perjuangannya seperti,

<sup>242</sup> “Nabi Muhammad (s.a.w) ialah Rasul Allah dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam) dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engkau melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud, dengan mengharapkan limpah kurnia (pahala) dari Tuhan mereka serta mengharapkan keredaanNya. Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang yang soleh) terdapat pada muka mereka dari kesan sujud (dan ibadat mereka yang ikhlas). Demikianlah sifat mereka yang tersebut di dalam Kitab Taurat dan sifat mereka di dalam Kitab Injil pula ialah: (Bahawa mereka diibaratkan) sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan yang mengkagumkan orang-orang yang menanamnya. (Allah menjadikan sahabat-sahabat Nabi Muhammad s.a.w dan pengikut-pengikutnya kembang biak serta kuat gagah sedemikian itu) kerana Dia hendak menjadikan orang-orang kafir merana dengan perasaan marah dan hasad dengki dengan kembang biaknya umat Islam itu. (Dan selain itu) Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari mereka, keampunan dan pahala yang besar.”

<sup>243</sup> “Wahai orang-orang yang beriman! Sesiapa di antara kamu berpaling tadah dari agamanya (jadi murtad), maka Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Dia kasihkan mereka dan mereka juga kasihkan Dia; mereka pula bersifat lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman dan berlaku tegas gagah terhadap orang-orang kafir, mereka berjuang dengan bersungguh-sungguh pada jalan Allah dan mereka tidak takut kepada celaan orang yang mencela. Yang demikian itu adalah limpah kurnia Allah yang diberikanNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya; kerana Allah Maha Luas limpah kurniaNya, lagi Meliputi Pengetahuannya.”

- Abu Talib, paksik Nabi s.a.w yang membela Nabi s.a.w dari gangguan kaum Quraysh di Mekah
- Najashi, Raja Habshah yang beragama Kristian yang melindungi sahabat Nabi s.a.w apabila mereka berhijrah ke sana
- Al-Mut`im bin Adiy, seorang pembesar Quraysh yang meletakkan Nabi s.a.w di bawah perlindungannya sehingga beliau dapat masuk semula ke Mekah setelah keluar berdakwah di Ta'if
- Abdullah bin Urayqit, yang diberi kepercayaan oleh Nabi s.a.w untuk menjadi penunjuk jalannya ketika berhijrah ke Madinah.<sup>244</sup>

Segala huraian di atas memberitahu bahawa kepelbagaian adalah sifat tabi`ii alam (sunnatullah) yang sengaja dicipta oleh Allah taala sedemikian bagi tujuan yang positif. Oleh itu, menjadi Muslim yang baik memerlukan seseorang itu menerima kepelbagaian dalam segala aspek kehidupan kerana ia juga satu bentuk ketaatan Allah taala.

Kewajiban Muslim mentaati Allah taala tidak harus difahami dalam bentuk kepatuhan pada hukum-hukum berkaitan akidah, ibadah, akhlak dan muamalah, tapi juga akur pada hukum alam yang Allah taala juga penyusunnya. Akur dengan kepelbagaian dalam hidup dan kesediaan untuk berharmoni dengannya menjadikan orang Islam juga insan yang harmoni dengan alam kerana dia telah menjadikan cara hidupnya selaras dengan hukum alam yang pengaturnya adalah Allah taala yang turut mengatur hukum-hukum kehidupannya yang lain.

Oleh itu, pengamalan Islam oleh seorang Muslim harus akur pada keberagaman, bukan menjurus pada keseragaman. Demikian juga dakwah yang diusahakan oleh Muslim. Ia harus menjurus kepada penerimaan kepada keberagaman, bukan satu usaha untuk menyeragamkan masyarakat Muslim atas nama kesatuan. Ia juga bukan usaha untuk menjadikan manusia semua seragam di bawah akidah dan kuasa politik Islam. Yang sedemikian ini adalah satu salah faham terhadap Islam kerana, hakikatnya, Nabi s.a.w pun tidak diperintahkan sedemikian dan tidak juga mencapainya sewaktu hidupnya, sedangkan dia adalah sebaik-baik pendakwah bagi agama Allah taala.

Sepanjang sejarah setelah kewafatan Nabi s.a.w pun, kesatuan manusia di bawah satu agama dan kuasa politik Islam juga tidak pernah tercapai. Keberagaman agama dan kuasa politik terus wujud. Ada masa ia diterajui oleh umat Islam dan ada masa oleh umat-umat lain.

Untuk ini juga, Muslim seharusnya memperkasakan dirinya dengan falsafah hidup, ilmu, kemahiran dan kebolehan (aptitude) yang membolehkan dirinya menjalani hidup sesuai dengan sifat keberagaman alam. Hal ini diharapkan dapat membentuk peribadi Muslim yang bersikap positif dengan kepelbagaian dan perbezaan dalam kehidupan; satu unsur yang mengindahkan kehidupan sebagaimana kepelbagaian warna, bentuk, jenis dan rasa tumbuh-tumbuhan sebagai indah dipandang mata dan kemudahan bagi menyelesaikan masalah kehidupan. Hal ini melahirkan pula sifat bertoleransi, berlapang dada dan menghormati perbezaan yang ada akibat dari keberagaman agama, budaya, idea dan lain-lain.

<sup>244</sup> Muhammad Haniff Hassan, "Interpreting Islam and Plural Society", ms. 106.



Sikap-sikap ini pula haruslah meliputi aspek hubungan sesama Muslim (*intra-faith relation*) dan hubungan dengan orang bukan Muslim (*inter-faith relation*), bukan salah satunya. Tidak wajar bagi Muslim untuk selesa dengan kalangan bukan orang Muslim, tapi tegar dan keras dengan sesama Muslim disebabkan perbezaan mazhab dan pandangan. Tiada patut juga bagi Muslim untuk selesa dengan keberagaman sesama Muslim, tapi bersikap anti pada apa sahaja yang datang dari sumber luar dari Islam mahupun orang bukan Muslim kerana menganggapnya sebagai kebatilan.

## KESIMPULAN

Bab ini telah membahaskan tiga isu kehidupan dan keduniaan yang dikenalpasti dari ayat-ayat tentang tumbuhan yang ada dalam Al-Quran untuk dijadikan pelajaran hidup bagi Muslim yang mahu berfikir dan menjalani hidup sesuai dengan panduan Tuhan. Di bawah ini disimpulkan beberapa pelajaran yang boleh didapati dari perbahasan di atas.

Pertama, syurga bukan hanya satu kehidupan yang abstrak dan didambakan oleh Muslim di akhirat kelak, tapi ia adalah gambaran bagi satu kehidupan yang ideal bagi manusia di dunia ini. Gambaran dan sifat syurga dalam Al-Quran patut difahami sebagai piawaian kehidupan yang ideal itu untuk diterjemahkan oleh Muslim bagi mewujudkan kehidupan syurgawi di dunia sebelum kehidupan di syurga di akhirat kelak.

Kedua, Al-Quran membuat kaitan yang rapat antara syurga dengan alam tumbuhan dengan menjadikan *jannah* (taman) sebagai nama yang dominan bagi syurga. Lafaz *jannah* dalam Al-Quran juga sering dikaitkan pula dengan sungai-sungai yang mengalir, iaitu kewujudan bekalan air bersih dan segar. Hal ini memberitahu bahawa kehidupan syurgawi di dunia memerlukan alam sekitar yang menghijau dan bersih airnya.

Ketiga, Muslim hendaklah peka dengan keadaan alam sekitar dan berusaha untuk melestarikannya kerana ia adalah sifat utama syurga dan sifat utama kehidupan syurgawi juga. Tanpa pelestarian alam sekitar kehidupan syurgawi di dunia tidak tercapai. Kehidupan dalam keadaan alam sekitar yang rosak tidak sejajar dengan cita-cita seorang Muslim untuk menikmati kehidupan syurga di akhirat. Muslim yang ingin masuk syurga haruslah hidup dengan alam sekitar yang terpelihara sifat alaminya.

Keempat, Al-Quran menggalakkan Muslim mengutamakan buah-buahan dan tumbuhan dalam dietnya. Hal ini dilakukan dengan membanyakkan buah, sayur dan bahan dari tumbuhan dalam setiap hidangan makanan atau menjarangkan memakan daging dan bahan-bahan darinya, sesuai dengan anjuran pakar kesihatan dan sains pemakanan.

Kelima, bagi Muslim yang ingin mengamalkan gaya hidup vegetarianisme dan veganisme dalam pemakanan, hukumnya adalah harus dengan syarat, a) ia adalah pilihan peribadi sahaja, b) tidak mengiktikadkan memakan daging sebagai haram bagi dirinya dan orang Islam yang lain kerana ia menyalahi secara jelas dalil-dalil dari Al-Quran dan hadis, dan c) tidak bertanggapan Muslim yang memakan daging sebagai golongan yang rendah statusnya berbanding dirinya kerana ia adalah sifat "*self-righteous*" yang dilarang Al-Quran.

Keenam, salah satu sifat utama alam tumbuhan ialah pelbagai. Ia juga adalah sifat ciptaan Allah taala yang lain yang disebut dalam Al-Quran. Hal ini memberitahu bahawa pelbagai adalah sifat alam yang sengaja diciptakan Allah Ta'ala sedemikian.

Ketujuh, Muslim yang baik ialah yang mesra dengan keberagaman, bukan yang cenderung kepada penyeragaman. Hidup harmoni dengan keberagaman adalah cara hidup yang mengharmonikan orang Islam dengan alam ciptaan Allah taala yang lain. Oleh itu, Muslim hendaklah memperkasakan dirinya dengan apa yang diperlukan untuk hidup dengan keberagaman. Muslim juga hendaklah mencorak dakwah yang akur dengan keberagaman alam, bukan berusaha untuk menyeragamkan Muslim atau manusia dalam satu bentuk acuan. Beragam dijadikan prinsip. Manakala, penyeragaman adalah pengecualian, iaitu pada perkara-perkara yang memberi maslahat yang lebih besar, seperti menyeragamkan tarikh bermula dan berakhir puasa kerana ia lebih baik daripada satu keadaan yang mana terdapat kelompok Muslim yang memulakan puasa dan berhari raya pada tarikh yang berbeza-beza di satu daerah yang berdekatan.

Moga setiap pelajaran di atas menjadi perkara yang direnungi oleh Muslim setiap kali dia memandang alam tumbuhan di dalam ayat-ayat Al-Quran dan dunia realiti.

## BAB 5

### ISU-ISU PILIHAN BERKAITAN ALAM TUMBUHAN DARI SUDUT ILMU LAIN



#### PENDAHULUAN

Sebelum ini, lapan isu yang dikenalpasti dari ayat-ayat Al-Quran yang berkaitan dengan tumbuhan telah dikupas dalam dua bab yang lalu. Lima isu dikategorikan sebagai isu-isu keagamaan dan tiga isu pula sebagai isu-isu kehidupan. Kesemua isu-isu ini dibahas menggunakan tradisi ilmu tafsir sebagai pendekatan utama bagi menjana pelajaran dan panduan hidup bagi Muslim.

Sudah pasti ayat-ayat tumbuhan Al-Quran mengandungi banyak lagi isu-isu untuk dibahasakan dan membahaskannya juga boleh pelbagai, iaitu tidak terhad pada pendekatan ilmu tafsir. Untuk mengenal pasti kesemua isu-isu ini dan membahaskannya secara komprehensif dari sudut pelbagai disiplin ilmu adalah diluar kemampuan.

Bab kelima ini akan memilih tiga isu yang dapat dikenalpasti sebagai relevan dengan tema kajian ini, iaitu alam tumbuhan dalam Al-Quran, kepentingannya dalam konteks isu semasa dan nilai tarikannya kepada para pembaca dan pengkaji. Isu-isu ini pula akan cuba dibahasakan dari sudut disiplin ilmu lain seperti bidang sains tulen dan sains kemanusiaan dan kemasyarakatan dengan tujuan agar kefahaman terhadap ayat-ayat Al-Quran itu dapat diluaskan dengan memanfaatkan hasil kajian dari disiplin ilmu selain pengajian Islam. Selain itu, ia juga dapat dijadikan sandaran akan kehebatan, keajaiban dan kebenaran Al-Quran apabila kandungan dalam ayat-ayat Al-Quran dapat diabsahkan oleh penemuan sains moden, walaupun penemuan ini masih bersifat spekulatif

sebagaimana kebanyakan teori-teori sains yang ada.

Hal ini bukanlah sesuatu yang baru dalam tradisi ilmu tafsir. Di zaman klasik, Imam Al-Razi menghasilkan karya tafsir 30 juz yang bertajuk *Mafātīh Al-Ghayb*. Namun, ia lebih masyhur dikenali sebagai *Al-Tafsīr Al-Kabīr* (Tafsir Mega) kerana Imam Al-Razi membahaskan ayat-ayat Al-Quran dari sudut pelbagai bidang ilmu seperti falsafah, bahasa, sains, fikih, ilmu kalam dan logik, hingga dikatakan oleh para ulama bahawa kitab ini mengandungi segala perkara kecuali tafsir Al-Quran.<sup>245</sup> Disamping itu, ilmu tafsir masa kini juga telah biasa dengan pendekatan *tafsīr ʿIlmī* (tafsir dari sudut ilmu sains) atau *tafsīr Iʿjāzī* (tafsir dari sudut sains bagi menonjolkan mukjizat Al-Quran) yang pernah popular satu ketika dulu di tahun 1980-90an. Pendekatan ini bukan hanya bermanfaat dari sudut kefahaman terhadap Al-Quran tetapi ia juga bermanfaat bagi ilmu lain kerana dengan kaitan sesuatu idea dari ilmu lain dengan maksud dari ayat Al-Quran dapat juga memberi keabsahan pada idea itu di sisi agama. Maka bab ini adalah bab utama bagi penggunaan *Tafsīr ʿIlmī* bagi menghuraikan isu-isu tumbuhan yang ditemui dalam Al-Quran, sebagaimana yang disebutkan dalam bab pengenalan bagi jilid ini.

Tiga isu yang dipilih untuk dibahaskan dalam bab ini ialah, 1) Keselamatan makanan dan kelestarian alam, yang berkaitan dengan pengajian strategik dan keselamatan (*strategic and security studies*), 2) Kesan terapeutik tumbuhan yang berkaitan dengan bidang sains tulen dan psikologi, dan 3) Makna *Kafur* dari sudut pandangan Pak Hamka yang berkaitan dengan bidang sejarah dan linguistik.

## ISU 1 - KESELAMATAN MAKANAN (FOOD SECURITY) DAN KELESTARIAN SUMBER TANAMAN



Bahagian ini akan membicarakan isu keselamatan makanan dan kaitan kelestarian sumber tanaman dengannya. Isu keselamatan makanan dipilih kerana ia adalah isu kontemporari yang penting. Kepentingannya terletak pada kaitannya dengan keselamatan negara dan kemaslahatan umum. Ia bukan hanya satu bidang kajian dianggap baru berkembang di kalangan ahli akademik, pembahasan mengenainya dari sudut agama

juga adalah langka dan amat terbatas. Memilih isu ini di dalam kajian ini diharap dapat memberi sedikit sumbangan mengenainya dari perspektif Al-Quran, menggalak kajian-kajian menganainya dari ilmuwan Muslim yang lain dan membina kesedaran mengenai kepentingannya di kalangan Muslim.

Keselamatan makanan di sini bermaksud satu keadaan apabila semua orang mempunyai jaminan akses fizikal dan ekonomi kepada makanan yang berkhasiat dan selamat

<sup>245</sup>IslamWeb, Al-Razi Wa Manhajuh Fi Al-Tafsir, 16 September, 2016, di <https://www.islamweb.net/ar/article/38861/%D8%A7%D9%84%D8%B1%D8%A7%D8%B2%D9%8A-%D9%88%D9%85%D9%86%D9%87%D8%AC%D9%87-%D9%81%D9%8A-%D8%A7%D9%84%D8%AA%D9%81%D8%B3%D9%8A%D8%B1>

yang memenuhi keperluan dan pilihan pemakanan untuk menjalani kehidupan yang aktif dan sihat.<sup>246</sup> Kaitan isu keselamatan makanan dan keselamatan negara pada hari ini kerana konsep keselamatan negara bukan hanya terhad pada kekuatan ketenteraan dan pertahanan, tetapi juga melibatkan aspek jaminan bekalan makanan yang cukup bagi memastikan rakyat dapat hidup dengan sihat dan selesa hingga dapat memastikan semua fungsi-fungsi utama negara seperti ekonomi, sosial dan pertahanan terpelihara. Juga, termasuk dalam konsep keselamatan makanan ialah memastikan kemandirian Singapura dalam memastikan bekalan makanan untuk rakyatnya.<sup>247</sup> Hal ini kerana kebergantungan pada sumber impot bagi bekalan makanan rakyat mempunyai risiko seperti terputusnya bekalan disebabkan bencana alam, konflik, masalah kesihatan, halangan ekonomi, boikot dan lain-lain, sebagaimana yang dapat dialami oleh Singapura apabila berlaku pandemik COVID-19 dan larangan eksport ayam oleh kerajaan Malaysia.<sup>248</sup> Negara yang bergantung tinggi dengan negara asing bagi bekalan makanan pasti meletakkan dirinya dalam keadaan lemah apabila perlu melakukan negosiasi bagi ekonomi atau politik.

## PERANAN KHALIFAH DAN KESELAMATAN MAKANAN

Antara hikmah yang disebut dalam Al-Quran bagi penciptaan alam ini ialah supaya ia menjadi sumber bagi manfaat kehidupan manusia sesuai dengan kehendak Allah taala yang menciptanya.<sup>249</sup> Ini pula dijelaskan oleh para ulama sebagai sebahagian dari peranan manusia sebagai khalifah di muka bumi ini.<sup>250</sup>

Walaupun nikmat Allah taala dari sumber-sumber alam adalah banyak dan tidak terhitung, namun dalam kehidupan sebenar, tiada masyarakat yang mempunyai sumber yang tidak terbatas untuk dimanfaatkan bagi kehidupan mereka kerana Allah taala berkehendak agar sumber-sumber ini tersebar di merata bumi pada kadar yang berbeza. Ada daerah yang kaya dengan sumber tumbuhan, tapi tiada sumber bahan tenaga seperti minyak, gas dan arang batu. Ada daerah pula yang kaya dengan sumber bagi bahan tenaga, tapi kering dari air bersih untuk minuman dan bahan tumbuhan untuk makanan. Tujuan disebalik ciptaan sebegini ialah untuk manusia saling bekerjasama bagi memenuhi keperluan masing-masing yang mana daerah yang kaya dengan sumber tumbuhan dan makanan bertukar-tukar atau berjual beli dengan daerah yang kaya dengan bahan tenaga<sup>251</sup> dan, dengan ini pula, manusia dapat bersama-sama memakmurkan bumi ini yang merupakan juga peranan sebagai khalifah Allah taala.<sup>252</sup>

<sup>246</sup>World Food Summit, The World Bank, 1996, di <https://www.worldbank.org/en/topic/agriculture/brief/food-security-update/what-is-food-security#:~:text=Based%20on%20the%201996%20World,an%20active%20and%20healthy%20life>.

<sup>247</sup>Paul Teng, "Food Security: What It Means for a Food-Importing Country", RSIS Commentary, 4 Disember, 2013, <https://www.rsis.edu.sg/rsis-publication/nts/2110-food-security-what-it-means-f/#.YzVZaHZByHs> ; Food and Agriculture Organization, "An Introduction to the Basic Concepts of Food Security", EC-FAO Food Security Programme, 2008, di <https://www.fao.org/3/al936e/al936e00.pdf> ; Food and Agriculture Organization (2003), Trade Reforms and Food Security: Conceptualizing the Linkages, Chapter 2, 2003, di <https://www.fao.org/3/y4671e/y4671e00.htm#Contents>

<sup>248</sup>Associated Press, Distress in Singapore as Malaysia bans chicken export, 31 Mei, 2022, di <https://ap-news.com/article/russia-ukraine-politics-global-trade-malaysia-4188e124f886aeea8549f3bb363b3d3b>

<sup>249</sup>Lihat 2:29, 14:32, 16:14, 22:65 dan 31:20-21 sebagai contoh bagi ayat-ayat tentang alam untuk manfaat manusia.

<sup>250</sup>Lihat Sahih Muslim, Hadith no. 1955a, Hadith no. 1957a; Sunan Abi Dawud 4941.

<sup>251</sup>Surah Al-Hujurat, 49:13 dan Surah Al-Ma'idah, 5:2.

<sup>252</sup>Surah Al-Baqarah, 2:30.

Selari dengan itu pula ialah usaha memastikan kelestarian sumber alam kerana tanpa kelestarian alam bekalan makanan akan pasti terjejas. Kepentingan kededua isu berkaitan ini dapat dilihat pada hakikat wujudnya usaha giat di peringkat antarabangsa oleh ketua-ketua negara melalui pelbagai kovensyen yang di adakan bagi membasmi kemiskinan di dunia ini yang antara punca utamanya ialah kekurangan makanan disebabkan kerosakan alam sekitar yang menjejaskan tanaman-tanaman.<sup>253</sup>

## AL-QURAN DAN KESELAMATAN MAKANAN

Apa yang ingin dibangkitkan di sini ialah konsep keselamatan makanan dan kaitannya dengan kelestarian alam sekitar mempunyai akar yang kuat di dalam Al-Quran.

Al-Quran mengandungi ayat-ayat yang membicarakan kepentingan usaha mengambil langkah-langkah proaktif seperti pengurusan sumber dan pentadbiran negara yang baik bagi mencegah kemiskinan disebabkan oleh tumbuhan-tumbuhan yang rosak kerana perubahan keadaan alam. Ayat-ayat ini boleh didapati dalam surah Yusuf yang mengisahkan kisah Nabi Yusuf a.s. menafsirkan mimpi raja Mesir dan kemudiannya berkhidmat sebagai pengurus perbendaharaannya firman Allah taala,

وَقَالَ الَّذِي نَجَا مِنْهُمَا وَادَّكَرَ بَعْدَ أُمَّةٍ أَنَا أُنَبِّئُكُمْ بِتَأْوِيلِهِ فَأَرْسِلُونِ .  
يُوسُفُ أَيُّهَا الصِّدِّيقُ أَفْتِنَا فِي سَبْعِ بَقَرَاتٍ سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعُ  
عَجَافٍ وَسَبْعِ سِنٍ بَلَّتْ خُضْرًا وَأُخْرًا يُبَسِّتُ لَعْلَى ۖ أَرْجِعْ  
إِلَى النَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَعْلَمُونَ . قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَأْبًا ۖ فَمَا حَصَدْتُمْ  
فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلِهِ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا تَأْكُلُونَ

*“Yusuf menjawab: Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih). Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)” (Surah Yusuf, 12:45-47)*

Kelompok ayat-ayat ini mengandungi beberapa pelajaran buat bagi Muslim tentang kepentingan pengendalian sumber makanan baik dan lakaran strategi bagi menghadapi krisis makanan yang boleh berlaku tanpa dijangka. Dalam mencapai kededua perkara ini, ayat-ayat ini menunjukkan bahawa pemerintah adalah pihak yang harus memikul tanggungjawab utama sebagai pihak yang memikul amanah menjaga kebajikan umum. Untuk melakukannya pula, pemerintah (figura raja Mesir) perlu bersifat terbuka untuk

<sup>253</sup>United Nation, “UN Milestones”, Food Security and Nutrition – A Global Issue, <https://research.un.org/en/foodsecurity/un-milestones>

mendapatkan khidmat mereka yang pakar (figura Nabi Yusuf a.s.) yang dapat mewujudkan institusi dan proses yang berkesan<sup>254</sup> dalam mengendalikan sistem makanan yang baik,<sup>255</sup> iaitu yang menghadapi kejutan akibat perubahan iklim, dapat menyesuaikan keadaan negara tersebut dengan apa-apa perubahan pada persekitaran dan bertindak balas bagi memulihkan keadaan dengan cepat ketika berlaku musibah.<sup>256</sup>

Hal ini sejajar dengan apa yang ditemui dalam kajian masa kini, iaitu kepentingan mempelajari daripada krisis dan membangun strategi menghadapinya, membangun pelbagai institusi untuk bertindak balas terhadap perubahan, membina kapasiti untuk memantau persekitaran, keupayaan untuk mengurus penyertaan pelbagai pihak untuk menyumbang dan mewujudkan tadbir urus yang baik pelbagai peringkat.<sup>257</sup>

## **KESELAMATAN MAKANAN DAN KELESTARIAN ALAM**

Mengamati maksud pada konsep keselamatan makanan yang dinyatakan di atas, dapat disimpulkan bahawa kewujudan bekalan makanan berkhasiat yang berterusan bagi orang ramai adalah tujuan utamanya kerana tanpa jaminan bekalan yang berterusan, tiada jaminan keselamatan pada makanan. Rantainya bagi bekalan makanan pula tidak boleh elak dari sumber aslinya, iaitu alam sekitar kerana sejumlah besar bekalan makanan utama manusia pula ialah dari alam tumbuhan seperti beras, gandum, minyak masak, kacang soya, sayur-sayuran dan buah-buahan. Oleh itu, usaha mencapai objektif keselamatan makanan mempunyai kaitan kuat dengan menjaga kelestarian alam sekitar kerana kerosakan pada alam sekitar baik disebabkan oleh faktor alami seperti ketiadaan hujan yang menyebabkan kemarau dan serangan belalang yang memusnahkan tanaman, atau perbuatan manusia seperti pencemaran air dan tanah disebabkan aktiviti perkilangan yang merosakkan tanaman, akan pasti menjejaskan sumber utama bekalan makanan manusia.<sup>258</sup>

Namun perlu juga dipertegas bahawa kelestarian alam sekitar dan khususnya tumbuhan bukan hanya bertujuan untuk tujuan keselamatan makanan kerana tumbuhan dicipta oleh Allah taala juga sebagai tempat perteduhan dan habitat semula jadi bagi kebanyakan haiwan di planet ini.<sup>259</sup> Allah taala berfirman:

<sup>254</sup>International Institute for Sustainable Development (IISD), *Climate Resilience and Food Security A framework for planning and monitoring*, Jun 2013, ms 1.

<sup>255</sup>Sistem makanan ditakrifkan sebagai: 'Rangkaian aktiviti yang kompleks yang melibatkan pengeluaran, pemprosesan, pengangkutan dan penggunaan makanan.' Lihat: <https://www.futureoffood.ox.ac.uk/what-food-system>.

<sup>256</sup>Ibid, ms 6.

<sup>257</sup>Folke C, J Colding, and F Berkes, *Navigating social-ecological systems: building resilience for complexity and change*. Cambridge University Press, Cambridge, U.K. 2003, ms 352-387. Lihat juga: International Institute for Sustainable Development (IISD), *Climate Resilience and Food Security A framework for planning and monitoring*, Jun 2013, ms 6.

<sup>258</sup>United States Environmental Protection Agency, "Climate Impacts on Agriculture and Food Supply", *Climate Change Impacts*, <https://climatechange.chicago.gov/climate-impacts/climate-impacts-agriculture-and-food-supply>

<sup>259</sup>Surh Yunus, 10:24, Surah An-Nahl, 16:68.

وَالْأَرْضَ مَدَدْنَاهَا وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوْسِيَ وَأَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ شَيْءٍ مَوْزُونٍ. وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعْيِشَ وَمَنْ لَسْتُمْ لَهُ بِرِزْقِينَ. وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا عِنْدَنَا خَزَائِنُهُ وَمَا نُنزِلُهُ إِلَّا بِقَدَرٍ مَعْلُومٍ. وَأَرْسَلْنَا الرِّيحَ لَوَاقِحَ فَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَسْقَيْنَاكُمُوهُ وَمَا أَنْتُمْ لَهُ بِخَازِنِينَ

*“Dan bumi ini Kami bentangkan, dan Kami letakkan padanya gunung-ganang yang kukuh terdiri, serta Kami tumbuhkan padanya tiap-tiap sesuatu yang tertentu timbangan-nya. Dan Kami jadikan untuk kamu pada bumi ini segala keperluan hidup, juga untuk makhluk-makhluk yang kamu bukanlah orang yang menyediakan rezekinya. Dan tidak ada sesuatupun melainkan pada sisi Kami sahaja perbendaharaannya dan Kami tidak menurunkannya melainkan dengan menurut kadar dan masa yang tertentu. Dan Kami hantarkan angin sebagai pembawa air dan pemindah benih; maka dengan itu Kami menurunkan air (hujan) dari langit, kemudian Kami berikan kamu meminumnya; dan bukanlah kamu yang (berkuasa menurunkannya atau) menyimpannya.” (Surah Al-Hijr, 15:19-22)*

Ayat di atas mengingatkan kita bahawa biodiversiti juga diciptakan untuk memelihara makhluk lain yang tidak terhitung banyaknya. Hal ini juga sejajar dengan pandangan dalam dunia sains bahawa biodiversiti alam tercipta dengan tujuan yang lebih besar dari hanya untuk memenuhi kepentingan manusia. Hal ini juga diakui oleh sains bahawa biodiversiti alam tercipta dengan tujuan yang lebih besar dari hanya untuk memenuhi kepentingan manusia.

Berkaitan dengan kelestarian alam sekitar, ayat di atas memberitahu bahawa Allah taala wujudkan pelbagai ukuran yang seimbang yang boleh dicerapi bagi setiap ciptaannya. Secara tersirat, ini memberitahu akan kepentingan mengkaji segala ukuran ini supaya penggunaan sumber alam dapat dilakukan dengan cekap, tanpa pembaziran dan juga untuk meletakkan piawai bagi sifat aktiviti yang melampau batas yang boleh menghancurkan kehidupan yang ada di bumi ini, iaitu apabila aktiviti itu melanggar ukuran yang telah ditetapkan seperti ukuran bagi kewujudan pokok-pokok untuk memastikan kebersihan udara dan air, ukuran bagi kadar hujan bagi mengelak atau menjangka kemarau, ukuran keluasan hutan bagi mengelakkan spesis sesuatu binatang dari pupus.

Hari ini, terdapat pelbagai usaha untuk menghidupkan gaya hidup yang menjamin kelestarian alam, dari peringkat individu hingga ke tahap antarabangsa. Antara usaha antarabangsa ialah ketas kerja komprehensif terawal mengenai konsep pembangunan mampan (*sustainable development*) di dalam Laporan Brundtland, bertajuk *Our Common Future*, yang ditakrifkan sebagai pembangunan yang dapat memenuhi keperluan pada masa sekarang tanpa menjejaskan keupayaan memenuhi keperluan pada masa depan.

260

<sup>260</sup>World Commission on Environment and Development, *Our Common Future*, London, Oxford University Press, 1987, ms 43-44



Pada tahun 2012, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengadakan persidangan berkenaan isu pembangunan lestari di Rio De Janeiro<sup>261</sup> yang kemudiannya pula mengemukakan 17 matlamat yang dinamakan sebagai Matlamat Pembangunan Mampan atau Matlamat Pembangunan Lestari dan dalam Perhimpunan Agung pada bulan September 2015, di New York, Amerika Syarikat.<sup>262</sup> Matlamat ke 15 dari senarai ini ialah melindungi, memulihkan dan menggalakkan penggunaan lestari ekosistem daratan serta menguruskan hutan-hutan secara mampan, memerangi penggurunan, dan menghentikan dan membalikkan degradasi tanah serta menghentikan kehilangan biodiversiti.<sup>263</sup>

Matlamat ini dianggap penting kerana salah satu penyumbang utama kepada perubahan iklim adalah aktiviti penebangan hutan-hutan yang merupakan pusat berkembangnya biodiversiti yang berbeza sepertimana yang telah ungkapkan di dalam bab yang lalu. Hal ini dilalukan dengan usaha-usaha seperti inisiatif penanaman pokok. Usaha menanam pokok untuk membantu mengurangkan kesan perubahan iklim adalah penting hingga dijadikan tema untuk tahun 2019.<sup>264</sup> Di UK, kerajaan melaporkan menanam lebih 3,281,000 pokok di sebidang tanah seluas 1,956 hektar. Di negara Brazil pula, lebih 4.7 juta pokok telah ditanam untuk membantu memulihkan litupan hutan yang hilang akibat kebakaran.<sup>265</sup> China menduduki tempat teratas, dengan jumlah pokok yang mereka tanam pada 2021 berjumlah hampir 2.5 bilion pokok.<sup>266</sup> Adalah diharapkan usaha-usaha yang sebegini dapat mengimbangi kerosakan yang telah timbul akibat kemusnahan hutan rimba dan tumbuhan di alam ini.

Segala usaha-usaha ini selari dengan ruh Al-Quran yang menyebutkan tentang penjagaan biodiversiti, khususnya alam tumbuhan dan hubungan kerosakannya dengan perbuatan manusia seperti firmanNya:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي  
عَمَلُوا ۗ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

*“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).” (Surah Ar-Rum, 30:41)*

<sup>261</sup>United Nations Conference on Sustainable Development, Rio+20, di <https://sustainabledevelopment.un.org/rio20>

<sup>262</sup>United Nations, 17 Sustainable Development Goals (SDGs), di <https://sdgs.un.org/goals> .

<sup>263</sup>Ibid.

<sup>264</sup>Ben McInerney, How Many Trees Are in The World?, 19 January 2023 di <https://www.gotreequotes.com/how-many-trees-in-world/>

<sup>265</sup>Ibid.

<sup>266</sup>Ben McInerney, Tree Planting Statistics 2023, January 2023 di [https://www.gotreequotes.com/tree-planting-statistics/#Tree\\_planting\\_by\\_country](https://www.gotreequotes.com/tree-planting-statistics/#Tree_planting_by_country)

Ayat ini memberitahu bahawa apa jua yang menyebabkan pencemaran atau kerosakan alam sekitar dianggap sebagai *fasād* (kerosakan) yang merupakan sesuatu yang dianggap keji oleh Al-Quran. Celaan terhadap perbuatan manusia menyebabkan kerosakan alam sekitar atau mengurangkan kesesuaian intrinsiknya untuk kehidupan manusia dan makhluk di muka bumi ini memberi makna tersirat akan kewajiban manusia sebagai khali-fah Allah, iaitu melakukan yang sebaliknya – melestarikan alam sekitar sebagaimana hukum ciptanya dan memanfaatkan sumber alam tanpa merosakkannya.<sup>267</sup>

## INOVASI DAN KESELAMATAN MAKANAN

Selain penjagaan alam sekitar, hutan dan biodiversiti, timbul juga kepentingan untuk mencari penyelesaian yang bersifat transformatif untuk mengatasi kekurangan sumber dan mencapai masa depan yang mampan menerusi kehidupan daya pembangunan lestari sesuai dengan konsep keselamatan makanan. Hal ini berkait dengan matlamat ke 12 daripada 17 Matlamat Pembangunan Mampan, iaitu memastikan perkembangan tabiat penggunaan dan pengeluaran yang mampan.<sup>268</sup>

Matlamat ini bertujuan untuk mengalakkan negara-negara memanfaatkan inovasi sains dan teknologi untuk menghasilkan tanaman dan sumber makanan dengan cara yang mampan. Atas sebab ini, negara bandar seperti Singapura tetap perlu memberi perhatian dan membangun industri pertanian dalam negeri. Hal ini telah disedari oleh pemerintah Singapura yang telah pun melakar pelan yang dinamakan Pelan Utama Lim Chu Kang (*Lim Chu Kang Master Plan*) di bawah Agensi Makanan Singapura (*Singapore Food Agency*), sebagai agensi utama bagi memastikan keselamatan makanan Singapura terjamin.<sup>269</sup>

Singapura juga melancarkan skema “30-by-30”<sup>270</sup> pada tahun 2019 yang bermatlamatkan untuk menghasilkan 30 peratus keperluan pemakanan negara secara tempatan menjelang 2030<sup>271</sup> bagi mengurangkan kebergantungan tinggi Singapura kepada negara asing bagi bekalan makanan rakyatnya. Ini pula adalah sebahagian dari langkah memastikan keselamatan makanan negara ini.

Bagi menjayakan inisiatif ini, inovasi baharu dalam teknologi pertanian dimanfaatkan dan diteroka sebagai contoh ialah syarikat Sustenir, sebuah ladang sayur yang diwujudkan dalam bangunan, yang menyalurkan semula karbon dioksida dan hasil sampingan industri petrokimia, untuk meningkatkan hasil sayuran.<sup>272</sup>

<sup>267</sup>Muhamad, A., Syihab, A. H., & Achour, M., Quranic Messages on Environmental Sustainability: an Expository Study of Its Relevance, *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, Vol. 17, No.1, 2019, ms. 38-59.

<sup>268</sup>United Nations, 17 Sustainable Development Goals (SDGs), di <https://sdgs.un.org/goals/goal12>

<sup>269</sup>Singapore Food Agency, Master Planning LCK, di <https://www.ourfoodfuture.gov.sg/master-planning-lck/ourvision>

<sup>270</sup>Masagos Zulkifli, Towards Singapore's Sustainability - Key Tenets of Our Approach to Sustainable Development, *Horizons*, summer 2019, <https://www.cirsd.org/en/horizons/horizons-summer-2019-is-sue-no-14/towards-singapores-sustainability-key-tenets-of-our-approach-to-sustainable-development>

<sup>271</sup>Ibid

<sup>272</sup>Masagos Zulkifli, Towards Singapore's Sustainability - Key Tenets of Our Approach to Sustainable Development, *Horizons*, summer 2019, <https://www.cirsd.org/en/horizons/horizons-summer-2019-is-sue-no-14/towards-singapores-sustainability-key-tenets-of-our-approach-to-sustainable-development>

Melalui teknik hidroponik, sistem pertanian persekitaran terkawal dan kemajuan teknologi, lebih 90 tan tanaman dapat dihasilkan setiap tahun.<sup>273</sup> Hal ini juga menunjukkan kepentingan model pertanian baru yang berteraskan inovasi sains dan teknologi bagi memenuhi tujuan keselamatan makanan.

## MUSLIM SEBAGAI PENYUMBANG

Kesejajaran konsep keselamatan makanan dengan ajaran Al-Quran menuntut Muslim untuk tidak hanya menjadi pemerhati dan pengguna sahaja dalam soal pemakanan. Yang betul ialah Muslim perlu turut melibatkan diri dan menyumbang dalam bidang ini sebagai satu fardu kifayah di sisi agama dan warga yang kontributif pada kepentingan nasional. Hal ini perlu dilihat sebagai satu bentuk manifestasi rasa syukur pada nikmat yang Allah taala berikan dan penghargaan pada usaha negara yang telah berusaha untuk menjaga kebajikan dirinya, masyarakat Muslim dan warga Singapura secara keseluruhan.

Imam Al-Bukhari memberi isyarat tentang kepentingan penglibatan Muslim dalam bidang ini apabila di menetapkan di dalam kitab *Sahihnya* satu bab khusus yang bertajuk, *Bab Kelebihan Pertanian Dan Bercocok Tanam Apabila Seseorang Itu Memakan Daripadanya*. Di dalam bab ini, beliau memuatkan hadis yang diriwayatkan oleh Anas,

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا، أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا، فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ  
بَهِيمَةٌ، إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ


*“Tidak ada seorang pun di kalangan umat Islam yang menanam pokok atau menabur benih, dan kemudian burung, atau manusia atau binatang makan daripadanya, tetapi dianggap sebagai amal jariah baginya.”* (Riwayat Al-Bukhari)<sup>274</sup>

Muslim juga wajib berusaha dan menyokong inisiatif-inisiatif yang menghidupkan budaya melestarikan alam dan mengurangkan kerosakan pada bumi dan isisnya, samada melalui kaedah-kaedah tradisional atau inovasi teknologi.

<sup>273</sup>Singapore Food Agency, *Sustenir agriculture: Futuristic farming for SG’s food security*, 2022, <https://www.sfa.gov.sg/fromSGtoSG/farms/farm/Detail/sustenir-agriculture>

<sup>274</sup>Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, no. 2320: book 41, hadith 1; book 39, hadith 513 (cf. <https://sunnah.com/bukhari/41/1>).

## ISU 2 - KESAN TERAPEUTIK DARI TUMBUHAN



Tumbuhan sebagai bahan perubatan bagi merawat sakit pada tubuh fizikal manusia telah diketahui ramai. Ia adalah amalan yang wujud dalam semua masyarakat sejak dari zaman dahulu kala sebagaimana yang dapat dilihat dalam jamu-jamu hasilan masyarakat Jawa dan Indonesia, amalan perubatan sinseh oleh kaum Cina dan perubatan Ayurveda dari India.

Namun, peranan terapeutik tumbuhan pada sudut kerohanian manusia (psikologi, emosi, mental dsb.) melalui interaksi visual dan persekitaran masih belum disedari ramai. Hal ini menjadi sebab untuk isu ini dipilih bab ini. Tambahan pula, pengamatan pada Al-Quran menunjukkan bahawa fungsi terapeutik tumbuhan melalui interaksi visual dan persekitaran mempunyai sandaran pada ayat-ayatnya yang menjadi fokus kajian buku ini. Selain itu, kajian-kajian sains akan dibentangkan di dalam bahagian ini bagi menunjukkan apa kesan terapeutik tumbuhan dan bagaimana ia dapat dicapai dengan tujuan agar Muslim dapat melihat kebenaran pada Al-Quran dan kecintaan yang mendalam pada alam tumbuhan.

### PERSPEKTIF AL-QURAN

Al-Quran menggambarkan syurga (*jannah / taman*) dengan dua cara; a) sifat-sifat fizikal syurga, dan b) kesan psikologi dan emosi syurga terhadap para penghuninya. Topik ini hanya akan membincangkan cara kedua iaitu kesan persekitaran syurga terhadap psikologi dan emosi penghuninya.

Dalam Surah Al-Hijr, Allah taala menyifatkan sesiapa yang memasuki syurga akan disambut dengan keamanan dan keselamatan.<sup>275</sup> Penghuni syurga juga bebas dari segala masalah yang membelenggu, sifat takut, dan kekhuatiran.<sup>276</sup> Hubungan sesama mereka semuanya rapat seperti ahli keluarga dan tiada kebencian di antara mereka,<sup>277</sup> sebagaimana juga disebut dalam hadis,

<sup>275</sup>Surah Al-Hijr, 15:46, Surah Ad-Dukhan, 44:51, Surah Qaf, 50:34-35.

<sup>276</sup>Surah Al-A`raf, 7:49, Surah Al-Fatir, 35:34, Surah Yasin, 36:55.

<sup>277</sup>Surah Al-A`raf, 7:43, Surah Al-Hijr, 15:47, Surah Al-Ghashiyah, 88:10-16.

... لَا اِخْتِلَافَ بَيْنَهُمْ وَلَا تَبَاغُضَ، قُلُوبُهُمْ قَلْبٌ وَاحِدٌ، يَسْبِحُونَ اللَّهَ بُكْرَةً  
وَعَشِيًّا

“...tidak ada perselisihan (pertengkaran) di sana dan tidak ada pula saling benci. Hati mereka bagaikan hati yang satu yang sentiasa bertasbih pagi dan petang.” (Riwayat Al-Bukhari).<sup>278</sup>

Mereka tidak merasa penat atau lelah.<sup>279</sup> Mereka hidup dalam keadaan berkasih sayang, bergembira, bahagi dan kekal selama-lamanya,<sup>280</sup> sebagaimana dinyatakan dalam hadis,

يُنَادِي مُنَادٍ إِنَّ لَكُمْ أَنْ تَحْيَوْا فَلَا تَمُوتُوا أَبَدًا وَإِنَّ لَكُمْ أَنْ تَصِحُّوا فَلَا  
تَسْقُمُوا أَبَدًا وَإِنَّ لَكُمْ أَنْ تَشِبُّوا فَلَا تَهْرَمُوا أَبَدًا وَإِنَّ لَكُمْ أَنْ تَنَعَّمُوا فَلَا  
تَبْأَسُوا أَبَدًا

“Penyeru (di surga) menyeru: Sesungguhnya kalian hidup dan tidak mati selamanya, kalian sehat dan tidak sakit selamanya, kalian muda dan tidak tua selamanya, kalian bersenang-senang dan tidak akan bersedih selamanya.” (Riwayat At-Tirmizi)<sup>281</sup>

Bab yang lalu telah membincangkan tentang konsep kehidupan syurgawi di dunia (*heavenly life*) yang bertolak dari beriman dengan kewujudan syurga di Akhirat kelak. Konsep ini menggagaskan bahawa kehidupan di syurga bukan hanya perlu diimani tetapi juga dijadikan model bagi kehidupan yang ideal di dunia bagi manusia, iaitu kehidupan yang bersifat syurgawi. Di sisi konsep ini, walaupun pada hakikatnya, nikmat di syurga berlipat kali ganda bagusnya dari apa yang ada di dunia, ia tidak bermakna prinsip dan idea besar dari kehidupan di syurga tidak boleh diterapkan di dalam kehidupan dunia ini.

Maka dari sini, dapat difahami bahawa jika kesan positif syurga ke atas penghuninya terkait dengan persekitarannya yang penuh dengan tumbuhan dan air yang mengalir, sudah tentu kesan-kesan baik ini dapat dinikmati di dunia juga dan ini sejajar dengan maksud dari perkataan “*bahī*” dalam firman Allah taala,

<sup>278</sup>Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, no. 3245, Book 59, Hadith 56.

<sup>279</sup>Surah Al-Hijr, 15:49, Surah Al-Fatir, 35:35.

<sup>280</sup>Surah As-Sajdah, 32:17, Surah Ar-Ra'd, 13:29, Surah As-Sajdah, 32:17, Surah Yasin, 36:55.

<sup>281</sup>Jami' Tirmidhi 3246, Book 47, Hadith 298.; HR. Muslim No. 2873.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِن كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن  
 تُرَابٍ ثُمَّ مِّن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِّن عَلَقَةٍ ثُمَّ مِّن مَّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ  
 مُخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ وَنُقِرُّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَىٰ أَجَلٍ  
 مُّسَمًّى ثُمَّ نَخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لَتَبْلُوهُنَّ أَشَدَّكُمْ وَمِنْكُمْ مَّن  
 يَتُوفَىٰ وَمِنْكُمْ مَّن يَرُدُّ إِلَىٰ أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِن بَعْدِ عِلْمٍ  
 شَيْئًا ۗ وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً ۖ فَإِذَا أَنزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ  
 اهْتَزَّتْ وَرَبَّتْ وَأَنَّ بَتَّتْ مِّن كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ

“...Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh) dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang **bahīj** (indah permai).” (Surah Al-Haj, 22:5)

وَالْأَرْضَ مَدَدْنَاهَا وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوْسِيَ وَأَنَّ بَتْنَا فِيهَا مِّن كُلِّ زَوْجٍ  
 بَهِيجٍ

“Dan juga (keadaan) bumi ini, (bagaimana) Kami bentangkan ia sebagai hamparan, dan Kami letakkan padanya gunung-ganang yang terdiri kukuh, serta Kami tumbuhkan padanya pelbagai jenis tanaman yang **bahīj** (indah subur)?” (Surah Qaf, 50:7)

Di sisi bahasa, perkataan *bahīj* bukan hanya memberi makna indah, tetapi juga menyenangkan mereka yang memandangnya atau dengan erti kata lain, ia bermakna keindahan yang mempunyai sifat intrinsik memberi kesan positif kepada yang lain.<sup>282</sup>

Makna yang sama juga wujud pada perkataan bahjah dalam firman Allah taala,

<sup>282</sup>Lihat “Bahij”, Al-Ma`aniy, di <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/%D8%A8%D9%87%D9%8A%D8%AC/>; Lihat Siti Nurwanis Mohamed, Monika@Munirah Abdul Razak dan Najihah Mohd Hashim, “Elemen Keindahan Dalam Tumbuhan Menurut Al-Qur’an dan Hadith: Satu Tinjauan Awal”, Jurnal al-Turath, 5:2, 2020, ms. 1-10.

أَمَّنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً  
فَأَنْبَتْنَا بِهِ حَدَائِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ مَا كَانَ لَكُمْ أَنْ تُنْبِتُوا  
شَجَرَهَا ۗ أَأَلِهَةٌ مَعَ اللَّهِ ۚ بَلْ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ

“Bahkan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman kebun-kebun yang **bahjah** (yang menghijau subur dengan indah), yang kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkan pohon-pohonnya. Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan mereka (yang musyrik itu) adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran (tauhid).” (Surah An-Naml, 27:60)

Hal ini kerana *bahjah* dan *bahij* adalah dua perkataan yang akar yang sama, iaitu *ba ha ja*.

Pendapat ini juga dipegang oleh Al-Baghawi dan Al-Shawkani, yang mana kededuanya mentafsirkan perkataan *bahij* dan *bahjah* dalam ketiga-tiga ayat di atas sebagai keindahan yang menyenangkan mata yang memandang.<sup>283</sup>

Kesan positif tumbuhan pada jiwa manusia sama juga terdapat pada perkataan *rayhān* dalam firman Allah taala,

أَمَّنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً  
فَأَنْبَتْنَا بِهِ حَدَائِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ مَا كَانَ لَكُمْ أَنْ تُنْبِتُوا  
شَجَرَهَا ۗ أَأَلِهَةٌ مَعَ اللَّهِ ۚ بَلْ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ

“Demikian juga terdapat biji-bijian yang ada jerami serta daun dan terdapat lagi bunga-bunga yang harum.” (Surah Ar-Rahman, 55:12)

Para ahli tafsir mentafsir perkataan ini dengan makna haruman yang mempunyai kesan positif yang intrinsik pada jiwa manusia – rasa nyaman, selesa, ketenangan dan bersemangat.<sup>284</sup>

<sup>283</sup>Al-Baghawi, *Ma`alim Al-Tanzil*, Surah Al-Haj, 22:5, Surah Qaf, 50:7 dan Surah An-Naml, 27:60; Al-Shawkani, *Fath Al-Qadir*, Surah Al-Haj, 22:5, Surah Qaf, 50:7 dan Surah An-Naml, 27:60.

<sup>284</sup>Ibn Al-Sa`di, *Taisir Al-Karim Al-Rahman Fi Tafsir Kalam Al-Mannan*, Al-Rahman, 55:12; Al-Tantawi, *Al-Wasit Fi Tafsir Al-Qur'an Al-Karim*, Al-Rahman, 55:12. Lihat Siti Nurwanis Mohamed, Monika@Munirah Abdul Razak dan Najihah Mohd Hashim, “Elemen Keindahan Dalam Tumbuhan Menurut Al-Qur'an dan Hadith: Satu Tinjauan Awal”.

## PERSPEKTIF SAINS

Terdapat banyak kajian sains yang memberitahu bahawa tumbuh-tumbuhan hijau dapat memberi kesan positif pada psikologi dan emosi serta menerapkan sifat-sifat murni dalam diri seseorang, sebagaimana gambaran Al-Quran terhadap keadaan penghuni syurga.<sup>285</sup> Ada juga kajian yang mendapati bahawa alam semula jadi dan tumbuhan mempunyai kesan positif terhadap kesihatan kognitif manusia.<sup>286</sup>

Dari kajian-kajian ini, para pakar mengiktiraf apa yang dikenali sebagai *Green Therapy*, *Green Exercise*, *Plant Therapy*, atau *Horticultural Therapy*, iaitu terapi bagi merawat dan menyihatkan tubuh, mental dan kerohanian manusia dengan menggunakan alam sekitar, khususnya hutan, taman dan tumbuhan hijau.

Penggunaan tumbuhan terapi dimulakan sebagai cara untuk membantu askar-askar yang menghidap PTSD selepas Perang Dunia Pertama.<sup>287</sup> Ini patinya ialah kegiatan di alam semulajadi yang dianggap mempunyai keberkesanan bagi kesihatan badan secara keseluruhan.<sup>288</sup>

Para pengkaji mendapati sekitaran tumbuhan hijau mempunyai peranan dalam, meredakan keresahan,<sup>289</sup> mengatasi defisit perhatian,<sup>290</sup> meningkatkan keberkesanan diri,<sup>291</sup> menimbulkan kebermaknaan (*meaningfulness*) dan rasa dihargai,<sup>292</sup> mewujudkan mekanisme mengatasi (*coping mechanism*) bagi berhadapan dengan situasi mencabar,<sup>293</sup> mengurangkan tekanan dan simptom-simptom depresi, memulihkan keletihan minda, memberikan emosi dan mood yang positif dan meningkatkan keyakinan diri dan

<sup>285</sup>Emily W. McMane, *Growing Empathy: An Exploratory Study on the Effects of School Gardens on Children's Social and Emotional Development: A project based upon an investigation at Berkeley Independent Study, Berkeley, California, Master Thesis, Smith College, Northampton, 2013*; <https://scholarworks.smith.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1704&context=theses>

<sup>286</sup>Barton J., *Green Exercise: Linking Nature, Health and Well-being*, Oxford: Taylor & Francis Group, 2016.; Barton J. and Pretty J., What is the best dose of nature and green exercise for improving mental health? A multi study analysis, *Environment Sci. Technology*, 2010, Vol. 44, ms. 3947-3955.; Pretty P.J., Peacock J., Sellens M., Griffin M., The mental and physical health outcomes of green exercise, *Int. J. Environ. Health Res.*, 2005, No. 15, ms. 319–337.

<sup>287</sup>Dorthe Varning Poulsen, Ulrika K Stigsdotter, Dorthe Djernis and Ulrik Sidenius, 'Everything just seems much more right in nature': How veterans with post-traumatic stress disorder experience nature-based activities in a forest therapy garden, *Health Psychology Open*, January – June 2016, ms. 1-14.

<sup>288</sup>Barton J., *Green Exercise: Linking Nature, Health and Well-being.*; Barton J. and Pretty J., What is the best dose of nature and green exercise for improving mental health? A multi study analysis, 3947-3955.; Pretty P.J., Peacock J., Sellens M., Griffin M., The mental and physical health outcomes of green exercise, *Int. J. Environ. Health Res.*, 2005, Vol. 15, ms. 319–337.

<sup>289</sup>Martyn P., Brymer E., The relationship between nature relatedness and anxiety, *J. Health Psychol.*, 2016, no. 21, ms. 1436– 1445.

<sup>290</sup>Kuo F.E., Faber Taylor A. A Potential Natural Treatment for Attention-Deficit/Hyperactivity Disorder: Evidence from a National Study, *Am. J. Public Health*, 2004, no. 94, ms. 1580–1586.

<sup>291</sup>Starling P.E., *An Investigation of Unstructured Play in Nature and its Effect on Children's Self-Efficacy*, USA: University of Pennsylvania, 2011, di [https://repository.upenn.edu/edissertations\\_sp2/15/](https://repository.upenn.edu/edissertations_sp2/15/)

<sup>292</sup>Lumber R., Richardson M., Sheffield D., Beyond knowing nature: Contact, emotion, compassion, meaning, and beauty are pathways to nature connection, *PLoS ONE*, 2017.

<sup>293</sup>Linda Powers Tomasso et. al., The relationship between Nature Deprivation and Individual Wellbeing across urban gradients under Covid-19, *International Journal of Environmental Research and Public Health*, Vol. 18, No. 4, Feb ed., 2021, ms. 1511.



membaiki kesihatan mental dan fizikal.<sup>294</sup>

Tumbuhan juga didapati mengurangkan kadar kemarahan, ketakutan dan tekanan. Pendedahan kepada tumbuhan dapat meningkatkan mood yang baik dan kecergasan (*vitality*). Ia juga memastikan tekanan darah, kadar degupan jantung, ketegangan otot dan kadar hormon tekanan berada di paras yang sihat dan stabil.<sup>295</sup>

Kajian yang dilakukan di hospital menunjukkan dengan meletakkan satu tumbuhan kecil di dalam satu ruang sudah mampu memberi kesan positif yang ketara dalam menangani tekanan dan keresahan.<sup>296</sup> Selain pesakit dapat sembuh dengan baik, hasil kajian juga menunjukkan para pekerja dan jururawat dapat mengendalikan kerja dengan lebih cekap, bermutu tinggi dan memuaskan sekaligus memastikan hospital lebih selamat untuk semua.<sup>297</sup>

Kini, banyak institusi kesihatan menggunakan alam semula jadi dan aktiviti berkaitan pertanian sebagai intervensi sebahagian dari program rawatan pesakit kerana aktiviti berkaitan dengan tumbuhan dan alam semula jadi terbukti dapat mengurangkan dan membantu isu mental yang disebabkan oleh tekanan psikososial, seperti keletihan, kepenatan, 'burnout', kemurungan, kebimbangan atau penyakit penyesuaian.<sup>298</sup> Ia dikenali sebagai "nature-based interventions" (NBI).<sup>299</sup>

Satu kajian yang menggunakan fMRI untuk mengukur/membaca aktiviti otak menunjukkan apabila seseorang melihat tumbuhan, bahagian otak berkaitan dengan empati dan sayang menjadi aktif. Apabila ditunjukkan pula pemandangan urban dan bandar, bahagian otak berkaitan dengan keresahan dan ketakutan menjadi aktif. Ini menunjukkan flora mendorong hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam sekitar.<sup>300</sup>

Tumbuhan juga membantu seseorang dalam mengatasi kesakitan kerana ia mengalihkan perhatian seseorang dari kesakitan dan ketidakselesaan yang dihadapinya ketika itu lalu melegakannya dengan mood dan mentaliti yang lebih baik, apabila seseorang diselubungi tumbuhan dan alam sekitar. Dengan mencari peluang untuk memulihkan diri

<sup>294</sup>Van den Berg M, Wendel-Vos W, van Poppel M, et al., Health benefits of green spaces in the living environment: a systematic review of epidemiological studies, *Urban For Urban Green*, 2015, no. 14, ms. 806–16.; Lee I, Choi H, Bang KS, et al., Effects of forest therapy on depressive symptoms among adults: a systematic review, *Int J Environ Res Public Health*, no. 14, 2017, ms. 321.

<sup>295</sup>Jo H, Song C, Miyazaki Y., Physiological Benefits of Viewing Nature: A Systematic Review of Indoor Experiments, *Int J Environ Res Public Health*, 2019, Nov 27, Vol. 16, No. 23, ms. 4739.

<sup>296</sup>Park, SH; Mattson, RH, "Ornamental indoor plants in hospital rooms enhanced health outcomes of patients recovering from surgery". *J Altern Complement Med.*, Vol. 15, No. 9, 2009, ms. 975–80.; Deborah Franklin, How Hospital Gardens Help Patients Heal, *Scientific American*, 2012, <https://www.scientificamerican.com/article/nature-that-nurtures/>

<sup>297</sup>University of Minnesota, *What is Happening in Healthcare Settings Today?*, What is Happening in Healthcare Settings Today? | Taking Charge of Your Health & Wellbeing (umn.edu)

<sup>298</sup>Maas, J., Verheij, R. A., Groenewegen, P. P., De Vries, S., & Spreeuwenberg, P., Green space, urbanity, and health: how strong is the relation?, *Journal of epidemiology & community health*, Vol. 60, No. 7, 2006, ms. 587-592.

<sup>299</sup>Staniewska, A., Gardens of Historic Mental Health Hospitals and Their Potential Use for Green Therapy Purposes, *Land*, Vol. 11, No. 10, 2022, ms. 1618.

<sup>300</sup>Kim GW, Jeong GW, Kim TH, Baek HS, Oh SK, Kang HK, Lee SG, Kim YS, Song JK., Functional neuroanatomy associated with natural and urban scenic views in the human brain: 3.0T functional MR imaging, *Korean J Radiol.*, 2010, Sep-Oct, Vol. 11, No. 5, ms. 507-13.

dengan pendedahan alam sekitar,<sup>301</sup> seseorang membina keupayaan mengekalkan daya tahan mental (*psychological resilience*) untuk menangkis cabaran kehidupannya.<sup>302</sup>

Tumbuhan juga dapat meningkatkan rentang perhatian (*attention span*) seseorang dan membolehkannya untuk fokus dengan lebih lama.<sup>303</sup> Manusia secara lumrahnya menjadi fokus dan segar apabila berada di persekitaran yang alami. Oleh itu, kegiatan di alam sekitar memberi peluang bagi minda yang terlalu aktif untuk berehat seketika dan membuatnya lebih cergas untuk melakukan tugas-tugas baru. Bahkan, kajian mendapati rentang perhatian kanak-kanak yang menghidapi ADHD bertambah baik apabila didedahkan kepada alam sekitar.<sup>304</sup>

Satu kesan terapeutik tumbuhan ialah ia memberikan rangsangan visual yang membawa minda seseorang menjadi lebih santai dan tenang.<sup>305</sup>

Kesan jangka panjang keberadaan seseorang di persekitaran luar yang hijau seperti menetap di kawasan tumbuhan hijau didapati dapat mengurangkan kemungkinan penyakit jantung, masalah pernafasan, barah, obesiti, kencing manis, semput asma, tekanan mental dan jangka hayat yang lebih panjang bagi orang dewasa dan mengurangkan risiko obesiti dan myopia di kalangan kanak-kanak.<sup>306</sup>

Alam semula jadi telah diakui sangat baik untuk tumbesaran bayi dalam kandungan dan kanak-kanak kecil. Ibu-ibu hamil yang banyak luangkan masa di alam sekitar biasanya melahirkan bayi yang berat badannya sihat.<sup>307</sup> Kanak-kanak yang didedahkan kepada mikrobiota yang hidup di persekitaran mempunyai sistem imun dan pencernaan yang baik sekali gus mencegah dari pelbagai alahan dan penyakit keradangan dan mengurangkan risiko penyakit mental seperti skizofrenia.<sup>308</sup>

<sup>301</sup>University of Minnesota, *What is Happening in healthcare Settings Today?*, di *What is Happening in Healthcare Settings Today? | Taking Charge of Your Health & Wellbeing* (umn.edu)

<sup>302</sup>Ingulli K., Lindbloom G. Connection to Nature and Psychological Resilience, *Ecopsychology*, 2013, Vol. 5, ms. 52–55.

<sup>303</sup>American Psychological Association, Nurtured by nature, *Monitor on Psychology*, 2020, April 1, Vol. 51, No. 3, <https://www.apa.org/monitor/2020/04/nurtured-nature>

<sup>304</sup>Faber Taylor, A., & Kuo, F. E., Children With Attention Deficits Concentrate Better After Walk in the Park, *Journal of Attention Disorders*, 2009, Vol. 12, No. 5, ms. 402–409.

<sup>305</sup>Chen, K., Zhang, T., Liu, F., Zhang, Y., & Song, Y., How Does Urban Green Space Impact Residents' Mental Health: A Literature Review of Mediators, *International Journal of Environmental Research and Public Health*, Vol. 18, No. 22, 2021, ms. 11746.

<sup>306</sup>James P, Banay RF, Hart JE, et al., A review of the health benefits of greenness, *Curr Epidemiol Rep* 2015, Vol. 2, ms. 131–42.; Gascon M, Triguero-Mas M, Martínez D, et al., Residential green spaces and mortality: a systematic review, *Environ Int* 2016, Vol. 86, ms. 60–7.; Gascon M, Triguero-Mas M, Martínez D, et al., Mental health benefits of long-term exposure to residential green and blue spaces: a systematic review, *Int J Environ Res Public Health* 2015, Vol. 12, ms. 4354–79.; Liddicoat C, Bi P, Waycott M, et al., Landscape biodiversity correlates with respiratory health in Australia, *J Environ Manag* 2018, Vol. 206, ms. 113–22.

<sup>307</sup>Dzhambov AM, Dimitrova DD, Dimitrakova ED. Association between residential greenness and birth weight: systematic review and meta-analysis, *Urban For Urban Green*, 2014, Vol. 13, ms. 621–9.; Banay RF, Bezold CP, James P, et al., Residential greenness: current perspectives on its impact on maternal health and pregnancy outcomes. *Int J Women's Health*, 2017, Vol. 9, ms. 133–44.; Engemann K, Pedersen CB, Arge L, et al., Childhood exposure to green space – a novel risk-decreasing mechanism for schizophrenia?, Vol. 199, Sept 2018, ms. 142-8.

<sup>308</sup>Ruokolainen L, von Hertzen L, Fyhrquist N, et al., Green areas around homes reduce atopic sensitization in children, *Allergy*, 2015, Vol. 70, ms. 195–202.

Sebaliknya, seseorang yang tidak atau kurang pendedahan kepada alam semula jadi boleh menghasilkan kesan buruk terhadap kesihatannya secara keseluruhan.<sup>309</sup> Keadaan ini disifatkan sebagai kekurangan alam semulajadi (*nature deprivation/nature deficiency*). Ia mungkin berpunca daripada cara pendekatan yang kurang sesuai atau tiada akses ke alam semulajadi.<sup>310</sup> Bagi kes-kes yang tertentu terutama sekali di kalangan kanak-kanak, para pakar mungkin menyarankan rawatan berteraskan alam bagi kondisi yang bersesuaian.<sup>311</sup>

Bagi melengkapkan kefahaman tentang fungsi terapeutik tumbuhan, adalah baik untuk mengetahui peranan tumbuhan dan pelbagai sumbangannya kepada alam sekitar. Ini juga membantu untuk memahami dengan lebih mendalam hikmah disebalik penciptaan tumbuhan bagi memanfaatkannya dengan lebih berkesan sesuai dengan pembincangan tentang konsep *taskhir* dalam bab yang lalu.

Ilmu sains memberitahu bahawa tumbuhan memainkan empat peranan besar untuk memastikan keseimbangan alam dan kemampuannya untuk menampung kehidupan. Empat peranan yang dikenali sebagai khidmat bagi eko-sistem (*ecosystem services*) ialah;

1. *Provisioning services* - membekal makanan, bahan bakar, minyak, air, ubatan dan sebagainya.
2. *Regulating services* - mengawal iklim, mutu udara, proses pendebungaan, hama dan perosak (*pests*), penularan penyakit berjangkit
3. *Supporting services* - menyediakan tempat tinggal sesuai untuk flora dan fauna, memastikan keragaman genetik.
4. *Cultural services* - menyediakan ruang untuk kerohanian, rekreasi dan ilmu pengetahuan. Ia juga mengurangkan pendedahan kepada bahan merbahaya yang boleh menggugat ekosistem seperti pencemaran udara, panas yang keterlaluan, dan aras bunyi bising (*noise level*).<sup>312</sup>

Kefahaman terhadap tumbuhan menerusi konsep khidmat di atas sejajar dengan segala huraian yang terdapat dalam bab-bab yang lalu.

<sup>309</sup>Linda Powers Tomasso et. al., The relationship between Nature Deprivation and Individual Wellbeing across urban gradients under Covid-19, *International Journal of Environmental Research and Public Health*, Vol. 18, No. 4, Feb ed., 2021, ms. 1511.

<sup>310</sup>Davis J.A., A Formal Interpretation of the Theory of Relative Deprivation, *Sociometry*, 1959, Vol. 22, ms. 280–296.; Smith H.J., Pettigrew T.F., *Advances in Relative Deprivation Theory and Research*, *Soc. Just. Res.*, 2015, Vol. 28, ms. 1–6.

<sup>311</sup>Shanahan DF, Astell-Burt T, Barber EA, Brymer E, Cox DTC, Dean J, Depledge M, Fuller RA, Hartig T, Irvine KN, Jones A, Kikillus H, Lovell R, Mitchell R, Niemelä J, Nieuwenhuijsen M, Pretty J, Townsend M, van Heezik Y, Warber S, Gaston KJ., Nature-Based Interventions for Improving Health and Wellbeing: The Purpose, the People and the Outcomes, *Sports (Basel)*, 2019, Jun 10, Vol. 7, No. 6, ms. 141.

<sup>312</sup>Raf Aerts, Oliver Honnay and An Van Nieuwenhuysse, Biodiversity and human health: mechanisms and evidence of the positive health effects of diversity in nature and green spaces, *British Medical Bulletin*, Vol. 127, 2018, ms. 5-22.

## CARA MERAH MANFAAT

Bagi mendapat kesan optimal dari alam tumbuhan, perlu kepada pendekatan yang betul dan berkesan, bukan yang bersifat rambang dan ikut selera diri semata-mata. Dalam hal ini, terdapat beberapa cara untuk mendekati alam semulajadi secara efektif seperti yang diketengahkan dalam *Biophilia Hypothesis*.

*Biophilia Hypothesis* adalah satu idea di mana manusia secara semulajadinya berusaha untuk mendekati alam sekitar agar merasa seperti sebahagian daripada alam.<sup>313</sup> Ia juga melakarkan sembilan pendekatan berbeza sesuai dengan keinginan dan keperluan seseorang daripada alam sekitar tersebut. Ia juga boleh difahamkan sebagai dorongan di dalam diri seseorang untuk mendekati alam dengan tujuan mendapatkan manfaat peribadi.

*Biophilia Hypothesis* mengemukakan sembilan nilai;<sup>314</sup>

1. *Utilitarian* - memanfaatkan hasil tumbuhan secara praktikal untuk menampung kehidupan bagi memperkasakan diri dengan kemahiran bertukang, serta perkembangan mental dan fizikal.
2. *Naturalistic* - menghayati alam dengan panca indera (*sensory experience*) seperti, mendengar kicauan burung, melihat matahari terbit dan terbenam.
3. *Ecologicistic-Scientific* - membina minat dengan ilmu saintifik berkaitan dengan alam.
4. *Aesthetic* - mengguna keindahan alam sebagai punca kedamaian serta hubungan positif antara manusia secara lumrah dengan memanfaatkan naluri manusia yang suka kecantikan dan keindahan.
5. *Symbolic* - menggunakan alam untuk menzahirkan sesuatu idea dan metafora dan menjadikan alam sebagai berekspresi dan mengungkap satu pengalaman secara jelas dan visual.<sup>315</sup>
6. *Humanistic* - melihat banyak persamaan antara diri dengan alam sehingga memupuk sifat empati yang tinggi.<sup>316</sup>
7. *Moralistic* - membina keperihatinan akan aspek etika dan moral yang terkait dengan alam dan rasa tanggungjawab terhadap kesejahteraan alam dan menitikberatkan alam dalam keputusan seharian (*pro-environmental attitudes*).<sup>317</sup> Golongan ini selalu rasa terpengil untuk terus berusaha untuk melestarikan alam.<sup>318</sup>

<sup>313</sup>Zelenski JM, Nisbet EK., Happiness and feeling connected: The distinct role of nature relatedness, *Environment and Behaviour*, Vol. 46, No. 1, 2014, di [https://www.researchgate.net/publication/268034689\\_Happiness\\_and\\_Feeling\\_Connected\\_The\\_Distinct\\_Role\\_of\\_Nature\\_Relatedness](https://www.researchgate.net/publication/268034689_Happiness_and_Feeling_Connected_The_Distinct_Role_of_Nature_Relatedness)

<sup>314</sup>Perkins HE., Measuring love and care for nature, *Journal of Environmental Psychology*, 2010, Vol. 30, ms. 455–463.; Ryan Lumber, Miles Richardson, David Sheffield, Beyond knowing nature: Contact, emotion, compassion, meaning, and beauty are pathways to nature connection, *PLOS ONE*, Vol. 12, No. 5, 2017.

<sup>315</sup>Zylstra MJ, Knight AT, Esler KJ, Le Grange LLL., Connectedness as a core conservation concern: An interdisciplinary review of theory and a call for practice, *Springer Science Review*, 2014.

<sup>316</sup>Tam K-P, Lee S-L, Chao MM., Saving Mr. nature: Anthropomorphism enhances connectedness to and protectiveness toward nature, *Journal of Experimental Social Psychology*, 2013, No. 49, ms. 514–521.; Mayer FS, Frantz CM., The connectedness to nature scale: A measure of individuals' feeling in community with nature, *Journal of Environmental Psychology*, 2004, No. 24, ms. 503–515.

<sup>317</sup>Mayer FS, Frantz CM. The connectedness to nature scale: A measure of individuals' feeling in community with nature, *Journal of Environmental Psychology*, 2004, No. 24, ms. 503–515.

<sup>318</sup>Kahn PH., Developmental psychology and the Biophilia hypothesis: Children's affiliation with nature, *Developmental Review*, 1997, No. 17, ms. 1–61; Kellert SH. The biological basis for human values of nature, dalam Kellert SH, Wilson EO. (eds), *The Biophilia Hypothesis*. Washington D. C: Island, 1993.

8. *Dominionistic* - mendekati alam kerana suka menakluk dan rasa berkuasa ke atas sesuatu. Golongan ini lebih cenderung kepada mengeksploitasi dan bereksperimentasi dengan alam menggunakan kemahiran mekanikal, teknologi dan sebagainya dan rasa tercapai dengan menakluki alam seperti sukan memanjat batu, melayar dan lain-lain.<sup>319</sup>

9. *Negativistic* - memanfaatkan rasa takut untuk berinteraksi dengan alam kerana merasa alam sekitar tidak selamat bagi mencapai keselamatan dan perlindungan diri.<sup>320</sup>

## RUMUSAN

Adalah penting bagi Muslim untuk menyedari bahawa sikap tidak peduli untuk memahami hakikat tumbuhan di sekitaran hidupnya dan peranan penting yang dimainkan olehnya atau tiada usaha langsung untuk mendekati alam sekitar adalah satu gejala yang patut dirisaukan kerana ia menunjukkan tanda awal pengabaian alam sekitar yang boleh membawa kemudaratan besar seperti kepupusan flora dan haiwan.<sup>321</sup> Jika berleluasa, ia mampu mengakibatkan alam tidak dapat berfungsi dengan baik dan beransur lemah.<sup>322</sup> Walhal, peranan alam dalam mengawal tahap kepanasan, aras bunyi bising dan pencemaran sangat penting untuk kesihatan dan kesejahteraan manusia sendiri.<sup>323</sup>

Kesedaran bahawa manusia adalah sebahagian daripada ekosistem alam semulajadi ini serta sifat empati terhadap persekitaran pula dapat membentuk rasa tanggungjawab untuk terus memastikan ekosistem berfungsi dengan lancar. Hakikatnya, manusia bukan entiti tunggal yang boleh bertahan tanpa ekosistem dan persepsi bahawa manusia adalah unggul kerana diberikan akal lalu mengabaikan dan tidak menitiberatkan ciptaan lain tidak seharusnya ada dalam diri seorang Muslim.

Namun yang lebih penting, memahami tumbuhan, fungsi ekosistem dan konsep khidmat yang dinyatakan membuatkan peranan dan misi manusia sebagai khalifah untuk mentadbir dan memakmurkan bumi lebih jelas lagi. Sikap tidak peduli pula bercanggah dengan anjuran Al-Quran ke atas manusia untuk merenung alam dalam banyak ayat-ayat yang telah dihuraikan sebelum ini. Merenung alam pastinya bukan hanya melihat sahaja tapi merenung untuk faham dan ambil tahu sebagai asas bagi peranan memakmurkan bumi.

<sup>319</sup>Ryan Lumber, Miles Richardson, David Sheffield, Beyond knowing nature: Contact, emotion, compassion, meaning, and beauty are pathways to nature connection, *PLOS ONE*, Vol. 12, No. 5, 2017.; Kahn PH., Developmental psychology and the Biophilia hypothesis: Children's affiliation with nature, *Developmental Review*, 1997, No.17, ms. 1–61.

<sup>320</sup>Ibid.

<sup>321</sup>Van Den Bosch M, Nieuwenhuijsen M, No time to lose – green the cities now. *Environ Int*, 2017, Vol. 99, ms. 343–50.; Shen YS, Lung SC., Mediation pathways and effects of green structures on respiratory mortality via reducing air pollution, *Sci Rep*, 2017, Vol. 7, ms. 42854.; Markevych I, Schoierer J, Hartig T, et al., Exploring pathways linking greenspace to health: theoretical and methodological guidance, *Environ Res*, 2017, Vol. 158, ms. 301–17.

<sup>322</sup>Ishbell F, Calcagno V, Hector A, et al., High plant diversity is needed to maintain ecosystem services, *Nature*, 2011, Vol. 477, 199–202.; Cardinale B, Duffy JE, Gonzalez A, et al., Biodiversity loss and its impact on humanity, *Nature*, 2012, Vol. 486, ms. 59–67.

<sup>323</sup>Romanelli C, Cooper D, Campbell-Lendrum D, et al., *Connecting Global Priorities: Biodiversity and Human Health: a State of Knowledge Review*, Geneva: WHO, UNEP, Secretariat of the CBD, 2015.; Diaz S, Fargione J, Chapin FS III, et al., Biodiversity loss threatens human well-being, *PLoS Biol*, 2006, Vol. 4, ms. 277.

Muslim juga akan lebih dapat mengerti dan menghargai akan rahmah Allah taala terhadap hamba-hambanya. Di kala Allah taala mencipta kehidupan dunia sebagai medan ujian dan kesusahan supaya kita raih kebaikan dan ketaatan, Allah juga menghiasi bumi penuh dengan tumbuhan yang menghijau dan air yang mengalir yang bukan hanya bertujuan sebagai sumber makanan tetapi ia juga mampu memulihkan jiwa, rohani dan minda yang lelah.

Bagi menutup perbincaraan mengenai topik ini, enam pelajaran dapat dirumuskan.

Pertama, Allah memberi gambaran keadaan para penghuni syurga bersama kesan-kesan positif kehidupan di sana boleh diraih dan dimanfaatkan di dunia juga.

Kedua, tumbuhan hijau sememangnya memberi kesan positif terhadap fisiologi, psikologi dan juga emosi manusia. Ia mampu untuk menyembuhkan, menenangkan, memulihkan dan menerapkan sifat-sifat murni dalam diri seseorang sebagaimana syurga (taman) memberi kesan kepada penghuninya.


Ketiga, setiap orang berhubung dengan alam dengan cara yang berbeza. Mengetahui cara yang betul dapat memaksimumkan manfaat dari alam dengan sebaiknya.

Keempat, tumbuhan memainkan empat peranan besar untuk memastikan alam berfungsi dengan baik. Memahami dan mendalami fungsi tumbuhan dan peranannya bagi kesejahteraan manusia di bumi dapat memberi kesedaran akan misi dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah di bumi ini.

Kelima, Allah taala Maha Mengetahui bahawa manusia akan lelah dan lemah tatkala diuji. Maka Allah taala menghias dan mewujudkan juga penawarnya dalam alam itu sendiri. Sebab itu, Allah taala amat menganjurkan manusia sentiasa melihat dan meneroka alam. Sehingga hanya dengan melihat dan menyentuh kebesaran Allah taala ini, jiwa manusia menjadi tenang dan mendapat kekuatan untuk menjalani kehidupan.

Keenam, Muslim yang baik mempunyai naluri yang merindui kehidupan yang bahagia di syurga. Naluri ini hendaklah hendaklah mendorong Muslim untuk melestari alam hijau sebagai representasi kehidupan syurga di dunia ini. Tidakkah seorang kekasih akan mewujudkan dan menjaga representasi kekasihnya dalam bentuk gambar, ukiran, lukisan, bau-bauan dan sebagainya? Maka, Muslim menjaga taman-taman hijau di dunia kerana ia mengingatkan dirinya pada kehidupan di taman-taman syurga sebagaimana yang digambarkan oleh Allah taala di dalam Al-Quran. Beriman pada syurga, bagi seorang Muslim, bukan hanya satu nilai yang ada di dalam diri, tapi membuahkan tindakan yang positif bagi alam sejagat juga.

### ISU 3 - MAKSUD PERKATAAN KĀFŪR DAN PANDANGAN UNIK PAK HAMKA



Bahagian ini akan membicarakan secara khusus mengenai pandangan Pak Hamka dalam kitab tafsirnya, *Tafsīr Al-Azhar*, apabila mentafsirkan perkataan *kāfūr* dalam firman Allah taala,

إِنَّ الْأَبْرَارَ يَشْرَبُونَ مِنْ كَأْسٍ ۖ كَانَ مِزَاجُهَا كَافُورًا

“*Sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan taat dan kebajikan), akan meminum dari piala: Sejenis minuman yang bercampur dengan “Kafur”.*” (Surah Al-Insan, 76:5)

Pendapat Pak Hamka dipilih kerana keunikannya berbanding pendapat-pendapat ulama tafsir dalam pelbagai karya mereka sejak dahulu hingga kini. Selain dari mengaitkan perkataan itu pada satu bahan yang khusus, tanpa andaian bagi kemungkinan ia merujuk pada bahan-bahan lain, Pak Hamka juga mengaitkannya dengan kota bernama Baros yang terletak di Sumatera sebagai tempat utama penghasilan *Kāfūr* terbaik di zaman kuno sehingga ia dikenali hingga kini dirantau ini dengan nama kapur barus. Dengan ini Pak Hamka juga membuat dakwaan bahawa;

- perkataan *Kāfūr* berasal dari bahasa pertuturan rumpun Melayu yang diasimilasi ke dalam bahasa kaum Arab lama sebelum Al-Quran diturunkan
- wujud hubungan yang lama antara kaum di rantau ini dengan kaum Arab sejak zaman kuno melalui perdagangan
- bekalan bahan kapur yang popular digunapakai oleh kaum Arab di zaman kuno berasal dari rantau ini hingga perkataan itu menjadi sebahagian dari kosakata Arab, iaitu *Kāfūr*
- Al-Quran mengandungi perkataan yang berasal dari kaum rumpun Melayu di Nusantara.

Gabungan semua elemen-elemen ini menjadikan pendapat Pak Hamka unik, bahkan, tidak terjumpa dalam karya-karya tafsir yang lain.

Namun tulisan Pak Hamka dalam persoalan ini yang dirakam olehnya dalam *Tafsir Al-Azhar* tidak menyatakan dengan jelas rujukan-rujukan dan bukti ilmiah yang kukuh bagi menyokong pendapatnya. Tiada rujukan atau sandaran pada mana-mana kajian ilmiah yang disebut dan ini mewujudkan lopang dari sudut nilai ilmiah.

Selain itu pendapat Pak Hamka boleh dianggap asing dalam pemikiran masyarakat Melayu di Nusantara, sehingga di kalangan mereka yang berkelulusan institusi tinggi pengajian Islam jua kerana kebanyakan sumber pembelajaran mereka dalam ilmu tafsir adalah kitab-kitab berbahasa Arab yang tidak umumnya kurang membicarakan isu-isu berkaitan Islam dan alam Nusantara.

Bahagian ini akan berusaha melakukan kajian kepustakaan bagi mengenalpasti maklumat-maklumat ilmiah yang dapat menyokong pendapat Pak Hamka bagi mengisi kelopangan yang sedia ada semampu mungkin. Selain dari kaitan kapur dengan kajian kerana ia adalah sesuatu yang terhasil dari tumbuhan sebagaimana yang diakui oleh para saintis, kajian ini juga mempunyai signifikan jika dilihat bahawa perkataan *Kāfūr* mengandungi simbol *tashrīf* (kemuliaan) dari Allah taala kepada kaum dan tamadun di rantau ini apabila kosa katanya dirakam dalam kitab suciNya dan dijadikan pula sebagai simbol bagi nikmat di syurga kerana sudah pasti pilihan perkataan itu dan penggunaannya dalam Al-Quran, bukan rambang, atau tanpa hikmah yang mendalam untuk dikaji, sebagaimana sebutan Allah taala tentang kaum Saba' dan Rom.

Diharapkan kajian ini akan menyumbang juga pada peningkatan kesedaran umat Melayu tentang warisan ilmu peninggalan tokoh-tokoh agama mereka.

Bahagian ini akan membentangkan pendapat penuh Pak Hamka tentang *Kāfūr*, makna *Kāfūr* di sisi ulama tafsir bagi dibandingkan dengan pendapat Pak Hamka dan menunjukkan keunikannya, hakikat kapur di kalangan ahli sains dan pendapat Pak Hamka dari sudut etimologi dan sejarah.

## **PANDANGAN PAK HAMKA**

Bagi memudahkan rujukan, di bawah ini dinukil secara penuh tulisan penuh apabila menafsirkan perkataan *Kāfūr* yang terdapat dalam ayat 5, surah Al-Insan yang telah dinyatakan di atas:

“Kaafuur artinya ialah kapur atau kamver. Zat putih dan wangi, dikeluarkan dari dalam pohon kayu, yang biasa tumbuh di hutan-hutan pulau Sumatera. Lebih populer lagi dengan sebutan Kapur Barus. Karena di zaman dahulukala di rimba-rimba pantai Sumatera sebelah Baruslah yang banyak tumbuh pohon kapur itu.

Hamzah Fanshuri pernah merangkumkan syair tentang Kaafuur Barus itu demikian;

‘Hamzah Fanshuri di negeri Melayu, tempatnya kaafoor di dalam kayu,  
Asalnya manikam tiadakan layu, dengan ilmu dunia manakan payu.’



Dan syairnya pula;  
*Hamzah Syahrūn-nawī terlalu hapus,  
 seperti kayu sekalian hangus,  
 asalnya laut tiada berarus,  
 menjadi kaafuur di dalam Barus.*

Fanshur juga disebutkan untuk Fanshur, sebuah negeri di pesisir Barat Pulau Sumatera, agak ke Utara berbatasan dengan Aceh

Rupanya kapur yang diucapkan dalam bahasa Arab dengan kaafuur itu telah lama dikenal dan diingini dunia. Besar sekali kemungkinan bahwa di zaman Kerajaan Tubba di Arabia Selatan kaafuur itu telah dicari orang juga dalam pelayaran yang jauh. Selain dari rempah-rempah yang banyak tumbuh di kepulauan Melayu (Indonesia) ini sejak zaman purbakala, seumpama kayu manis, pala dan cengkeh, setinggi, gaharu dan cendana, kaafuur inilah yang dicari orang, sehingga sudah lama dikenal sampai ke Tanah Arabia dan Mesopotamia.

Tersebutnya kaafuur di dalam ayat 5 dari Surat al-Insan ini memberikan ilham kepadaku untuk membuktikan bahwa orang Arab telah belayar ke kepulauan kita Indonesia ini, lama sebelum Nabi kita Muhammad s.a.w. lahir, sebagai bangsa-bangsa lain juga, yaitu mencari rempah-rempah. Dan kaafuur sebagai salah satu hasil bumi yang harum wangi yang keluar dari kepulauan kita telah lama jadi bahasa Arab, terutama bahasa Arab Quraisy. Dan bahasa Arab Quraisy inilah bahasa yang terpakai untuk menyampaikan wahyu Ilahi.

Tentu saja kaafuur yang akan jadi campuran minuman orang-orang yang berbuat kebajikan di dalam syurga itu kelak, namanya yang serupa dengan kaafuur yang ada di dalam dunia ini, namun dia adalah kaafur akhirat atau kaafur syurga yang berlipat-ganda lebih wangi, lebih harum dan dapat dijadikan campuran minuman. Hal ini dijelaskan Tuhan pada Surat 2, al-Baqarah ayat 25; yaitu seketika penduduk-penduduk syurga diberi makanan buah-buahan yang sangat enak rasanya, mereka berkata; 'Inilah yang pernah diberikan kepada kami dahulu.' Padahal yang diberikan itu adalah buah-buahan yang serupa saja, namun rasanya tidaklah sama, malahan jauh berlipat-ganda lebih enak!

'Mata-air yang akan minum daripadanya hamba-hamba Allah.' (pangkal ayat 6). Sebagai lanjutan daripada ayat 5, yaitu minuman pengisi piala yang bercampur dengan kaafuur itu adalah berasal dari mata-air yang sangat jernih, yang disediakan buat minuman bagi hamba-hamba Allah. 'Yang akan mereka alirkan dianya seindah-indah aliran.' (ujung ayat 6).

Artinya bahwa mata-air yang menumbuhkan air minuman yang melepaskan dahaga perjuangan hidup di dunia ini mereka alirkan terus ke dalam mahligai atau istana-istana indah tempat diam mereka di syurga. Tidak pernah berhenti dan tidak pernah membosankan. Bila saja dikehendaki, air selalu tersedia dan selalu enak. Lebih dari saluran air yang kita masukkan ke rumah-rumah di dunia ini."<sup>324</sup>

<sup>324</sup>Prof. Dr. Hamka, *Tafsir Al-Azhar*, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1988, jilid 10, m.s. 7790-1.

Dalam buku yang bertajuk *Antara Fakta dan Khayal Tuanku Rao*,<sup>325</sup> Pak Hamka ada menulis bahawa orang Arab dan Poenie telah mencari kapur di Nusantara, tepatnya di Pulau Sumatera, lama sebelum kelahiran Nabi Muhammad s.a.w lagi.<sup>326</sup> Menurutnya juga, pedagang Arab yang dimaksudkan di atas berasal dari Mekah, bukannya Gujerat atau Mesir.<sup>327</sup> Pada tahun 684 Masihi penempatan pedagang Arab di pantai barat Sumatera telah pun terbentuk. Mereka berniaga rempah ratus di situ sementara menunggu perubahan angin monsun untuk meneruskan perjalanan atau pulang ke kampung halaman.

## KENALI KAPUR BARUS

Kapur barus ialah sejenis bahan pepejal lutsinar atau keputihan berlilin (*waxy*) yang berasal dari pokok. Ia banyak diperolehi dari kulit pokok *Cinnamomum Camphora*<sup>328</sup> yang terdapat di daerah Asia Tenggara dan Timur Jauh (Cina, Jepun dan Korea) dan pokok balak *Dryobalanops Aromatica* yang mana kayunya dikenali dengan nama dagangan Kapur. Jenis inilah yang lebih dikenali sebagai pokok kapur barus, atau dalam bahasa Inggerisnya ialah *Sumatran Camphor* atau *Borneo Camphor*.<sup>329</sup> Kapur juga boleh didapati dari

- pokok *Ocotea usambarensis* yang terdapat di timur Afrika, Tanzania dan Uganda<sup>330</sup>
- minyak dari daun *Rosemary (Rosmarinus Officinalis)* yang mengandungi antara 10-20 peratus kapur barus<sup>331</sup>
- tumbuhan *Heterotheca* yang mengandungi sekitar lima peratus kapur barus.<sup>332</sup>

Kapur barus adalah bahan mudah terbakar dan mempunyai bau dan rasa yang masam, walaupun sesetengah orang sangat menyukai baunya yang seperti mentol.

Manfaat kapur barus adalah banyak dan boleh digunakan dalam pelbagai cara. Ia banyak diamalkan sebagai ubat tradisional untuk merawat pelbagai penyakit seperti demam, sawan, strok, sakit kronik, pengsan, dan penyakit mulut.<sup>333</sup> Di Korea, ia digunakan untuk melegakan penyakit keradangan seperti artritis.<sup>334</sup>

<sup>325</sup>Naimul Qohar, *Teori masuknya Islam di Nusantara Dalam tafsir Al-Azhar*, 2022, di <https://tafsiralquran.id/teori-masuknya-islam-di-nusantara-dalam-tafsir-al-azhar/>

<sup>326</sup>Ibid.

<sup>327</sup>Ibid.

<sup>328</sup>Emily Cronkleton, *How to Use Camphor Safely: Benefits and Precautions*, 2019, di <https://www.healthline.com/health/what-is-camphor>

<sup>329</sup>National Park Flora and Fauna Web (2022), *Dryobalanops aromatica*, 18 Februari, di <https://www.nparks.gov.sg/florafauweb/flora/2/8/2862> ; M. Grieve, *Camphor*, di <https://www.botanical.com/botanical/mgmh/c/campho13.html>

<sup>330</sup>JSTOR Global Plants, *Ocotea usambarensis*, di <https://plants.jstor.org/compilation/Ocotea.usambarensis>

<sup>331</sup><https://www.drugs.com/npp/rosemary.html>

<sup>332</sup>Lincoln, D.E.; Lawrence, B.M., "The volatile constituents of camphorweed, *Heterotheca subaxillaris*", *Phytochemistry*, Vol. 23, No. 4, 1984, ms. 933-934.

<sup>333</sup>Choi J.K. *Longevity Way with Traditional Ethnopharmacology in Korea (Tojong Yakcho Jangsubeob)* Taeil Publication; Seoul, Korea: 1997.

<sup>334</sup>Pharmacopoeia Commission of the Ministry of Health of the People's Republic of China . *Pharmacopoeia of the People's Republic of China*. Volume I People's Medical Publishing House; Beijing, China: 2010.

Dalam kaedah Ayurveda, ia digunakan untuk merawat penyakit bronchitis, cirit birit dan penyakit jantung.<sup>335</sup> Ia diguna sebagai ubat dalam bentuk wap, balsam dan minyak gosok kerana dapat mengurangkan kesakitan dan mengurangkan kegatalan. Ia berfungsi sebagai penghalau serangga seperti lipas, rama-rama, semut dan lain-lain dari almari, laci dan kotak simpanan barang. Ia juga yang digunakan dalam upacara keagamaan atau pengebumian mengikut kepercayaan tertentu.<sup>336</sup> Selain sebagai ubat, kapur barus juga digunakan dalam masakan sejak 10 M lagi seperti dalam nukilan Ibn Sayyar Al-Warraq dalam bukunya *Al-Kitab Al-Tabikh*.<sup>337</sup>

Di zaman dahulu kala, ia dianggap sebagai komoditi penting untuk tujuan perubatan, minyak wangi dan ritual keagamaan hingga pernah dijual beli dengan timbangan emas.<sup>338</sup>

Kajian sains tidak menyangkal kapur barus bersifat antibiotik,<sup>339</sup> anti kulat,<sup>340</sup> antioxida,<sup>341</sup> dan sebagai racun serangga,<sup>342</sup> akan tetapi banyak kajian lain juga telah menunjukkan kadar toksisiti tinggi dalam kapur yang membuat konsumsi kapur tidak digalakkan.<sup>343</sup> Kadar maksima selamat untuk konsumsi ialah 1.43 mg/kg sehari tetapi kesan jangka masa panjang belum dapat diketahui. Campuran kapur dengan bahan tertentu misalnya, boleh menaikkan risiko barah (karsinogenik) dan komplikasi dalam sistem pernafasan dan saraf.<sup>344</sup>

Adakala perkataan kapur digunakan juga bagi bahan pepejal dari tumbuhan yang mempunyai sifat dan fungsi yang sama, walaupun secara saintifiknya ia bukan kapur barus.<sup>345</sup>

<sup>335</sup>Singh R., Jawaid T. *Cinnamomum camphora* (Kapur) *Pharmacogn. J.* 2012;4:1–5. doi: 10.5530/pj.2012.28.1.

<sup>336</sup>Airina Zamri, *Kapur Barus: Kegunaan Dan Bahaya Yang Anda Perlu Tahu*, 2020, di <https://www.ceriasihat.com/kapus-barus-kegunaan-dan-bahaya-yang-anda-perlu-tahu/#:~:text=Kapur%20barus%20boleh%20digunakan%20dalam,lain%20daripada%20almari%20pakaian%20kita>.

<sup>337</sup>Nasrallah, Nawal, *Annals of the Caliphs' Kitchens: Ibn Sayyâr al-Warrâq's Tenth-century Baghdadi Cookbook, Islamic History and Civilization*, Leiden, The Netherlands: Brill, ms. 70.

<sup>338</sup>Wilfred H. Scoff, *Camphor, Journal of the American Oriental Society*, Vol. 42, 1922, ms. 355-370, di <https://www.jstor.org/stable/pdf/593648.pdf>

<sup>339</sup>Poudel D.K., Rokaya A., Ojha P.K., Timsina S., Satyal R., Dosoky N.S., Satyal P., Setzer W.N., The Chemical Profiling of Essential Oils from Different Tissues of *Cinnamomum camphora* L. and Their Antimicrobial Activities, *Molecules*, 2021, No. 26, ms. 5132.

<sup>340</sup>Wang J., Cao X., Song L., Ding Z., Tang F., Yue Y., Comparative chemical composition and antifungal activity of the essential oils of *Cinnamomum camphora* L. Presl Leaves from three geographic origins. *Food Sci.* 2017;38:131–136.

<sup>341</sup>Liu Z., Kong L., Lu S., Zou Z., Application of a combined homogenate and ultrasonic cavitation system for the efficient extraction of flavonoids from *cinnamomum camphora* leaves and evaluation of their antioxidant activity in vitro, *J. Anal. Methods Chem*, 2019.

<sup>342</sup>Xu Y., Qin J., Wang P., Li Q., Yu S., Zhang Y., Wang Y., Chemical composition and larvicidal activities of essential oil of *Cinnamomum camphora* (L.) leaf against *Anopheles stephensi*, *Rev. Soc. Bras. Med. Trop.* 2020, No. 53.; Jiang H., Wang J., Song L., Cao X., Yao X., Tang F., Yue Y., GCx GC-TOFMS analysis of essential oils composition from leaves, twigs and seeds of *Cinnamomum camphora* L. Presl and their insecticidal and repellent activities, *Molecules*, 2016, Vol. 21, ms. 423.

<sup>343</sup>MedlinePlus, "Camphor overdose", *National Library of Medicine*, di <https://medlineplus.gov/ency/article/002566.htm>

<sup>344</sup>Lee SH, Kim DS, Park SH, Park H. Phytochemistry and Applications of *Cinnamomum camphora* Essential Oils, *Molecules*, 2022, Apr 22, Vol. 27, No. 9, ms. 2695.

<sup>345</sup>M. Grieve, *Camphor*, di <https://www.botanical.com/botanical/mgmh/c/campho13.html>

Kapur barus juga boleh dihasilkan secara sintetik dari minyak turpentin (*turpentine*).<sup>346</sup>

### **Adakah *Kāfūr* dalam Al-Quran merujuk pada kapur?**

Ulama tafsir mempunyai pelbagai tafsiran bagi perkataan *Kāfūr*. Dengan erti kata lain, pendapat Pak Hamka bahawa *Kafur* bermaksud kapur barus bukan sesuatu yang dipegang oleh ramai ahli tafsir.

Di bawah ini disenaraikan pendapat para ulama tentang maksud perkataan *Kāfūr*.<sup>347</sup>

Nama	Pendapat
1. Al-Tabari	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kebanyakan ahli tafsir berpendapat bahawa <i>Kāfūr</i> dalam ayat yang dibicarakan ialah sifat bagi minuman ahli syurga, iaitu berbau harum seperti <i>Kāfūr</i>.</li> <li>● Ada pula yang berpendapat bahawa ia adalah nama bagi mata air di syurga</li> </ul>
2. Al-Zamakhshari	Nama mata air di syurga yang berbau, berwarna dan sejuk seperti <i>Kāfūr</i>
3. Al-Razi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Nama bagi mata air di syurga yang berbau dan sejuk, seperti <i>Kāfūr</i>, tapi ia bukan <i>Kāfūr</i> kerana <i>Kāfūr</i> sebenar bermudarat dan tidak lazat di makan.</li> <li>● Berpendapat juga tidak masalah jika ia bermaksud <i>Kāfūr</i> sebenar kerana Allah taala mampu menjadikan <i>Kāfūr</i> di syurga enak dan baik untuk di makan.</li> <li>● Pendapat Al-Razi tentang <i>Kāfūr</i> menepati sifat kapur (camphor) di sisi sains, iaitu bahan yang boleh memudaratkan jika dimakan.</li> </ul>
4. Al-Qurtubi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Nama mata air di syurga yang bercampur <i>Kāfūr</i>. Sifat air yang rasa seperti <i>Kāfūr</i>.</li> <li>● Sifat air yang bau seperti <i>Kāfūr</i>.</li> </ul>
5. Ibn Kathir	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Air minuman berbau <i>Kāfūr</i>.</li> <li>● Nama mata air di syurga.</li> <li>● Air bercampur <i>Kāfūr</i>.</li> </ul>

<sup>346</sup>Lihat I. Gubelmann and H. W. Elley, "American Production of Synthetic Camphor from Turpentine", *Industrial & Engineering Chemistry*, Vol. 26, No. 6, 1934, ms. 589-594.

<sup>347</sup>Semua pendapat-pendapat yang dinukil bersumber dari kitab karya pentafsir yang dirujuk dari halaman [www.altafsir.com](http://www.altafsir.com) ketika membicarakan perkataan Kafur dalam surah Al-Insan, 76:5, kecuali yang dinyatakan sebaliknya. Lihat juga Muhammad Widus Sempo, Nurulwahidah Binti Fauzi, Robiatul Adawiyah Mohd @ Amat, Norzulaili Mohd Ghazali, "Kearifan tempatan Mengenai Kapur Barus (Cinnamomum Camphora) Menurut Perspektif Islam Dan Budaya Masyarakat Melayu Abad Ke 19M", *Al-Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, Vol. 19, No. 1, September, 2019, ms. 79-81.

<b>6. Al-Baidawi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Nama air di syurga yang berbau dan berwarna seperti <i>Kāfūr</i>.</li> <li>● Minuman arak yang bau dan suhunya seperti <i>Kāfūr</i>.</li> </ul>
<b>7. Al-Jalalain</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Minuman arak yang bercampur dengan <i>Kāfūr</i>.</li> </ul>
<b>8. Al-Shawkani</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Nama mata air di syurga yang dicampurkan ke dalam minuman arak untuk diminum oleh penduduk syurga.</li> <li>● Air yang bercampur <i>Kāfūr</i>.</li> <li>● Air yang bau, warna, rasa dan suhunya seperti <i>Kāfūr</i>, bukan rasa kerana <i>Kāfūr</i> yang sebenar tidak boleh diminum.</li> <li>● Tukil pendapat Muqatil yang mengatakan bahawa <i>Kāfūr</i> di syurga bukan seperti yang di dunia. Digunakan perkataan <i>Kāfūr</i> supaya hati mudah faham.</li> </ul>
<b>9. Al-Laith Al-Samarqandi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Arak yang sifat sejuknya seperti <i>Kāfūr</i>.</li> <li>● Nama air mata air di syurga yang dicampurkan airnya ke dalam arak untuk diminum ahli syurga.</li> <li>● <i>Kāfūr</i> di syurga tidak sama seperti <i>Kāfūr</i> di dunia. Namanya di gunakan hanya untuk memudahkan hati untuk memahami.</li> </ul>
<b>10. Al-Mawardi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Nama mata air di syurga.</li> <li>● Minuman yang sejuk dan segar seperti <i>Kāfūr</i> dan berperisa halia.</li> <li>● Minuman bercampur <i>Kāfūr</i> dan berbau kasturi.</li> <li>● Minuman yang rasanya seperti <i>Kāfūr</i>.</li> </ul>
<b>11. Al-Baghawi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Nama mata air di syurga.</li> <li>● Minuman yang bercampur <i>Kāfūr</i>.</li> <li>● Minuman yang sifatnya sahaja seperti <i>Kāfūr</i> dari segi warna putih, bau dan suhunya kerana <i>Kāfūr</i> sebenar tidak diminum.</li> </ul>
<b>12. Al-Nasafi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Nama mata air di syurga yang sifatnya seperti <i>Kāfūr</i> dari segi warna putih, bau dan suhu.</li> </ul>
<b>13. Al-Khazin</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Nama mata air di syurga.</li> <li>● Minuman yang bercampur <i>Kāfūr</i>.</li> <li>● Minuman yang sifatnya seperti <i>Kāfūr</i> dari segi warna, bau dan suhunya.</li> </ul>
<b>14. Al-Tha`alibi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Minuman yang bercampur <i>Kāfūr</i></li> <li>● Nama mata air di syurga.</li> </ul>
<b>15. Al-Suyuti</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Minuman yang bercampur <i>Kāfūr</i>.</li> </ul>

<b>16. Al-Jazairi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Minuman yang bercampur <i>Kāfūr</i>.</li> </ul>
<b>17. Al-Sa`di</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Minuman dari arak yang sedap dan bercampur <i>Kāfūr</i>.</li> </ul>
<b>18. Al-Alusi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama mata air di syurga yang airnya mempunyai sifat-sifat <i>Kāfūr</i>.</li> </ul>
<b>19. Ibn `Ashur</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Air yang berbau dan rasa seperti <i>Kāfūr</i>, bukan yang diminum <i>Kāfūr</i> sebenar.</li> <li>• Air yang bercampur <i>Kāfūr</i> seperti yang dilakukan oleh orang-orang Arab yang kaya kerana harga <i>Kāfūr</i> sangatlah mahal.</li> <li>• Nama mata air di syurga yang airnya adalah <i>Kāfūr</i>.</li> </ul>
<b>20. Tantawi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Kāfūr</i> adalah satu cecair berbau sedap dan berwarna putih dan disukai ramai orang.</li> <li>• <i>Kāfūr</i> dalam ayat bermaksud minuman arak yang airnya bersumber dari mata air yang sifatnya seperti <i>Kāfūr</i> pada warna, bau dan suhu. Ia menyegarkan jiwa dan disukai kerana baunya yang sedap.</li> <li>• Segala benda yang disebut kewujudannya di syurga seperti <i>Kāfūr</i> tidaklah sama seperti yang ada di dunia. Persamaannya hanyalah pada nama sahaja.</li> </ul>
<b>21. Tantawi Jawhari</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Minuman arak di syurga yang bercampur <i>Kāfūr</i>.</li> <li>• Mata air di syurga.</li> <li>• Namun segala benda yang ada di syurga berbeza dengan apa yang ada di dunia. Penggunaan nama benda hanya sebagai kiasan sahaja. Sebab itu <i>Kāfūr</i> di dalam ayat tidak boleh disamakan dengan <i>Kāfūr</i> di dunia kerana <i>Kāfūr</i> dunia tidak sedap rasanya dan memudaratkan pula jika diminum. Persamaannya hanyalah pada sifat-sifat seperti warna, rasa, bau dan suhu sahaja.<sup>348</sup></li> </ul>
<b>22. Al-Zuhaili</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Minuman arak yang dibuat dari mata air syurga dan dicampur dengan <i>Kāfūr</i> berwarna putih dan berbau sedap.</li> <li>• Nama mata air di syurga.<sup>349</sup></li> </ul>
<b>23. M. Quraish Shihab</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menukil pendapat Ibn `Ashur sepenuhnya dalam mentafsirkan makna <i>Kāfūr</i>.<sup>350</sup></li> </ul>

<sup>348</sup>Tantawi Jawhari, *Al-Jawahir fi tafsir al-Quran al-Qarim al-syamil ala ajaib ala bada' al-malakutat wa gharaib al-ayat*, Mesir: Mustafa Al-Babi Al-Halabi Wa Awladuh, Cet. 1, jld. 21, (1417 H). ms. 311.

<sup>349</sup>Wahbah Al-Zuhaili, *Al-Tafsir Al-Munir*, Beirut: Dar Al-Fikr Al-Mu`asir, 1991, jld 29, ms. 288.

<sup>350</sup>M. Quraish Shihab, *Tafsir Al-Mishbah*, Jakarta: Lentera Hati, 2017, jld. 14, ms. 657-8.

## 24. Ahmad Sonhadji

- Menukil pendapat Qatadah.
- Penghuni *Jannatun Na'im* meminum minuman khamar yang berisi di dalam gelas yang bercampuran air *Kāfūr*.
- *Kāfūr* merupakan nama satu mata air di syurga yang airnya putih jernih dan baunya harum serta enak sekali rasanya.<sup>351</sup>

Pendapat-pendapat di atas mewakili semua kitab-kitab tafsir yang dikategorikan sebagai kitab-kitab induk (no. 1-8), tujuh kitab era klasik (no. 9-15), dan dari era moden (no. 16-24). Pasti terdapat banyak lagi kitab tafsir dalam khazanah ilmu umat Islam, namun apa yang dinukil memadai untuk memberi gambaran menyeluruh bagi pendapat-pendapat ulama tafsir tentang perkataan *Kafur* dalam Al-Quran.

Rumusan dari pendapat-pendapat ini ialah *Kāfūr* mempunyai maksud-maksud berikut di sisi ulama tafsir;

1. air minuman ahli syurga yang mempunyai sifat-sifat benda bernama *Kāfūr* pada warna putih, bau yang sedap, suhu dan menyegarkan tubuh
2. air minuman yang bercampur bahan *Kāfūr*
3. arak yang bercampur bahan *Kāfūr*
4. nama bagi mata air di syurga
5. mata air di syurga yang airnya mempunyai sifat-sifat bahan bernama *Kāfūr*.

Walau bagaimanapun, kebanyakan ulama tafsir berpendapat bahawa hakikat *Kāfūr* di syurga tidak sama dengan apa jua benda dunia yang dikiaskan kepadanya, kerana berdasarkan pada hadis,

" يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى أَعَدَدْتُ لِعِبَادِي الصَّالِحِينَ مَا لَا عَيْنٌ رَأَتْ، وَلَا أُذُنٌ سَمِعَتْ، وَلَا خَطَرَ عَلَى قَلْبِ بَشَرٍ، ذُخْرًا، بَلَّهَ مَا أُطْلِعْتُمْ عَلَيْهِ ". ثُمَّ قَرَأَ (فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَا أُخْفِيَ لَهُمْ مِنْ قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَاءً بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ)

"Allah berkata: Aku telah menyediakan untuk hamba-hamba Ku yang soleh *apa yang mata tidak pernah melihatnya, yang telinga tidak pernah mendengarnya, dan tidak pernah terlintas dalam hati manusia*. Jika kamu mahu bacalah ayat: 'Tiada sesiapa yang tahu apa yang disembunyikan untuk mereka daripada penyujuk mata.' (Surah As-Sajdah, 32:17)" (Riwayat Al-Bukhari).<sup>352</sup>

<sup>351</sup>Ahmad Sonhadji Mohamad, *'Ibr al-Athir: Tafsir Al-Quran*, juz/jld. 29, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1997, ms. 5506.

<sup>352</sup>Al-Bukhari, Sahih Al-Bukhari, Hadith No. 7498, Kitab Tauhid.

Hal ini sama seperti ayat Al-Quran yang menyebut tentang sungai yang mengalirkan susu, arak dan madu.<sup>353</sup> Pendapat sebegini diutarakan juga bagi mengharmonikan pernyataan Al-Quran akan *Kāfūr* sebagai bahan minuman dengan sifat kapur di sisi sains yang toksik dan bahaya untuk dimakan atau minum. Selain itu, ulama tafsir berkata persamaan, kalau ada, hanyalah sifat-sifat tertentu, bukan pada kemudaratannya.

Dalam kajian kepustakaan terhadap kitab-kitab dalam jadual di atas, hanya Ibn `Ashur sahaja yang memberi deskripsi tentang zat *Kāfūr*, iaitu minyak yang dihasilkan dari pokok yang seumpama *Al-Difla* yang tumbuh di Cina dan Jawa apabila ia berusia lebih kurang 200 ratus tahun. Kayunya direbus hingga mengeluarkan minyak yang dinamakan *Kāfūr*. Minyak ini boleh menjadi pepejal (damar) seperti mentega. Jika kayu dari pokok ini dimasukkan ke air, ia boleh menjadi *nabidh* (bir) yang memabukkan. *Kāfūr* berwarna putih, mempunyai bau yang sedap dan menyegarkan.

Namun deskripsi ini berbeza dengan hakikat kapur barus kerana pokok ialah pokok Oleander. Ia adalah jenis pokok renek (*shrub*), atau pokok berukuran kecil dan berketinggian rendah. Sedangkan pokok yang menghasilkan kapur barus pula ialah pokok bersaiz besar yang kayunya dikategorikan sebagai jenis balak.

Kesimpulannya, kitab-kitab tafsir tidak jelas bagi mengaitkan perkataan *Kāfūr* dengan kapur barus seperti yang didakwa oleh Pak Hamka.

Adakah kesamaran tentang zat *Kāfūr* dalam Al-Quran dikalangan ahli tafsir boleh dibantu dengan melihat pula kepada penggunaannya dalam hadis Nabi s.a.w kerana hadis dan Al-Quran berkongsi bahasa dan zaman yang sama dan penggunaan hadis bagi menjelaskan maksud ayat Al-Quran adalah prinsip penting dalam ilmu tafsir?

Dalam hal ini, penelitian pada hadis pula menghasilkan maklumat tentang *Kāfūr* yang berikut;

1. bahan bagi membersihkan tubuh badan jenazah, seperti apa yang telah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w dalam hadisnya, yang diriwayatkan oleh Um `Atiyyah Al-Ansariyah berkata,

دَخَلَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ نَغْسِلُ ابْنَتَهُ فَقَالَ " اغْسِلْنَهَا ثَلَاثًا أَوْ خَمْسًا أَوْ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ بِمَاءٍ وَسِدْرٍ، وَاجْعَلْنَ فِي الْآخِرَةِ كَافُورًا، فَإِذَا فَرَّغْتَنَّ فَأَذِّنِي ". فَلَمَّا فَرَّغْنَا آذْنَاهُ، فَأَلْقَى إِلَيْنَا حَقْوَهُ فَقَالَ أَشْعِرْنَهَا إِيَّاهُ "

<sup>353</sup>Surah Muhammad, 47:15.



“Rasulullah s.a.w telah masuk kepada kami ketika mana kami memandikan jenazah puteri baginda, lalu Baginda bersabda: “Mandikan dia dengan tiga kali, atau lima atau lebih dari tu, dengan air dan bidara kemudian letakkan bersama kapur barus pada mandian yang akhir. Apabila kamu selesai, maklumkan kepadaku” setelah kami selesai kami memaklumkan kepada Baginda s.a.w dan memberikan kain kepada kami, dan bersabda “kafankan dia dengan sarung ini”<sup>354</sup> (Riwayat Al-Bukhari)

Hadis ini memberitahu bahawa Nabi s.a.w memandikan jenazah puterinya, Zainab, dengan menggunakan kapur barus.

2. bahan pewangi, seperti hadis oleh Nafi` Maula Ibn Umar yang berkat

كان ابنُ عمرَ، إذا استجمرَ بالألوةِ، غيرَ مطرأةٍ، وبكافورٍ  
يَطْرَحُهُ معِ الألوَّةِ. ثم قال: هكذا كان يَسْتَجْمِرُ رسولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عليه  
وسلم

“Daripada Nafi`, dia berkata, “Jika Ibn Umar menggunakan minyak wangi, maka dia menggunakan minyak gaharu yang tidak dicampur dengan minyak wangi lain (seperti kasturi). Terkadang juga Ibn Umar menggunakan kapur barus (sebagai wanigan) bersama dengan minyak gaharu. Nafi` berkata, “Seperti itulah cara Baginda s.a.w menggunakan minyak wangi.”<sup>355</sup> (Riwayat Muslim)

Hadis ini memberitahu bahawa Nabi s.a.w menggunakan kapur barus sebagai wangian.

3. bahan perisa dalam minuman, seperti hadis,

حدثنا عبدان بن أحمد ، ثنا حميد بن مسعدة ، ثنا عمرو بن النعمان  
الباهلي ، ثنا مزاحم بن عبد العزيز الثقفي ، ثنا مسلم بن عمير ، قال :  
أهديت إلى رسول الله - صلى الله عليه وسلم - جرة خضراء فيها كافور  
فقسمها بين المهاجرين والأنصار ، وقال : " يا أم سليم انتبذي لنا فيها "

<sup>354</sup>Al-Bukhari, Sahih Bukhari, Dar Tawq Al-Najah. Kitab Al-Janaiz. Bab Ghasl Al-Mayyit Wa Wudu`ih Bi Al-Ma` Wa Al Sidr.

<sup>355</sup>Muslim bin Al-Hajjaj Al-Qusyaeri Al-Nisaburi. t.th. Sahih Muslim. Tahkik Muhammad Fuad Abd Al-Baqi. Beirut: Dar Ihya` Al-Turath Al-Arabi. Kitab AL-Janaiz. Bab Fi Ghasl Al-Mayyit.

“Daripada Muslim Ibn Umair, dia berkata, “Dihadiahkan kepada Rasulullah s.a.w teko besar yang berwarna hijau yang berisikan kapur barus. Lalu Baginda membahagikan kapur barus itu kepada kaum Muhajirin dan Ansar. Kemudian Baginda s.a.w berkata, “Wahai Ummi Sulaim! Buatlah kami air nabiz dengan campuran kapur barus ini.”<sup>356</sup>  
(Riwayat At-Tabarani)

Hadis ini memberitahu tentang penggunaan kapur sebagai perisa minuman seperti *nabiz* (jus dari anggur yang diperam).

Menurut Imam Ibn Hajar Al-Asqalani, tokoh fikih dan hadis yang menulis kitab huraian bagi kitab *Sahih Al-Bukhari*, keharuman kapur barus bersesuaian dengan fitrah para malaikat dan orang beriman. Selain dari bau yang sedap, *Kāfūr* juga dapat mengeringkan dan menyejukkan badan, membuat badan seseorang keras, menghalau virus, menghalang keluarnya kotoran dalam badan dan mencegah daripada kerosakan badan.

Kesimpulannya, penggunaan *Kāfūr* dalam hadis hanya menjelaskan tentang fungsi kegunaannya sahaja, tetapi tidak menjelaskan tentang hakikat zat *Kāfūr* itu, samada ia boleh dikatkan dengan kapur barus dan jenis tumbuhan yang menghasilkannya, walaupun fungsi-fungsi yang disebutkan mempunyai persamaan dengan fungsi dan penggunaan kapur barus di rantau ini.<sup>357</sup>

Atas dasar ini, mencari sokongan bagi pendapat Pak Hamka perlu bergantung pada sumber dari bidang ilmu lain, bukan dari sumber pengajian Islam sendiri. Untuk ini, tahap selanjutnya ialah untuk melihat dari sudut etimologi bagi mencari sandaran bahawa perkataan *Kāfūr* berasal dari perkataan kapur dan dari sudut sejarah bagi mencari kebenaran pada peranan Barus sebagai pelabuhan penting yang membekalkan kapur berkualiti tinggi ke tanah Arab hingga melahirkan kosakata Kafur di kalangan orang Arab.

## KĀFŪR DARI SUDUT BAHASA

Kajian Saipolbahrin Ramli dkk. yang menganalisa perkataan *Kāfūr* dari sudut bahasa Arab merumuskan pelbagai erti dalam penggunaannya. Ada yang memberi erti mayang pokok palma. Ada yang merujukkannya dengan sesuatu bahan pepejal berwarna putih, berbau wangi berserta dengan kegunaannya. Ada yang mengaitkan dengan bahan dari pokok, tapi berbeza pendapat tentang jenis pokoknya. Sebahagian mengaitkannya dengan pokok Oleander dan yang lain pula dengan pokok *Cinnamomum Camphora*. Kedua-dua pokok ini pula berbeza dengan pokok yang menghasilkan kapur dari Barus, iaitu *Dryobalanops Aromatica*.<sup>358</sup>

<sup>356</sup>Al-Tabrani, Sulayman bin Ahmad bin Ayyub. t.th. Al-Mu'jam al-kabir. Tahkik Hamdi bin Abd Al-Majid Al-Salafi. Cet. 2. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyah.

<sup>357</sup>Lihat Muhammad Widus Sempo, Nurulwahidah Binti Fauzi, Robiatul Adawiyah Mohd @ Amat, Norzulaili Mohd Ghazali, “Kearifan tempatan Mengenai Kapur Barus (*Cinnamomum Camphora*) Menurut Perspektif Islam Dan Budaya Masyarakat Melayu Abad Ke 19M”.

<sup>358</sup>Saipolbahrin Ramli dkk., “Analisis Leksikografi dan Semantik Perkataan al-Kafur dalam Al-Qur’an”, GEMA Online Journal of Language Studies, Vol. 18, No. 2, May 2018, ms. 273-4 dan 278-81.

Walaupun ahli bahasa Arab akui *Kāfūr* adalah perkataan yang berasal dari bahasa asing, tapi mereka pula tidak sepakat akan asal usulnya. Kebanyakannya berpendapat ia berasal dari bahasa Sanskrit melalui bahasa Parsi.<sup>359</sup>

Para pengkaji bahasa juga tidak sepakat tentang samada perkataan *Kāfūr* berasal dari perkataan *Kapuram* dari bahasa Sanskrit atau berasal dari bahasa proto Melayu Polinesia disebabkan kaitan yang erat antara keddua bahasa dan daerah ini di zaman dahulu dari segi budaya dan perdagangan.<sup>360</sup>

Yang menarik ialah banyak sumber-sumber rujukan bahasa Inggeris meletakkan susur galur perkataan camphor dari bahasa Perancis tua (*camphre*), dari Latin zaman pertengahan (*camfora*), dari bahasa Arab (*Kafur*) dan dari bahasa Melayu (*kapur*).<sup>361</sup> Pendapat kalangan inilah yang dapat dijadikan sandaran bagi pendapat Pak Hamka. Namun mereka yang dari kalangan ini tidak mempunyai pendirian yang jelas samada perkataan Kafur dalam bahasa Arab adalah pengaruh langsung dari bahasa Melayu kerana kemungkinan ia berlaku melalui perantara bahasa lain, iaitu Sanskrit atau Parsi sebagaimana yang masyhur di kalangan ahli bahasa Arab seperti yang dinyatakan di atas.<sup>362</sup>

### **Adakah *Kāfūr* di tanah Arab berasal dari Barus?**

Pokok kapur barus juga dikatakan berasal dari Hiroshima, Jepun dan boleh didapati di Cina, India, Mongolia, Jepun dan Taiwan.

Atas dasar ini, boleh diandaikan bahawa produk kapur juga dihasil dan dijual di negeri-negeri ini ke pasaran yang memerlukannya. Namun terdapat banyak catatan sejarah yang mengaitkan bahan kapur dengan sebuah daerah bernama Barus di wilayah di Sumatera. Di zaman purba, Barus dikatakan mempunyai pelabuhan dan kota perdagangan yang penting di rantau ini, selain Aceh, Melaka dan Brunei.<sup>363</sup> Kerana kedudukan

<sup>359</sup>Al-Ma`ani, *Kafur*, t.t, di <https://www.almaany.com/ar/name/%D9%83%D8%A7%D9%81%D9%88%D8%B1/#:~:text=%D8%A7%D8%B3%D9%85%20%D8%B9%D9%84%D9%85%20%D9%85%D8%B0%D9%83%D8%B1%20%D9%87%D9%86%D8%AF%D9%8A%20%D8%B3%D9%86%D8%B3%D9%83%D8%B1%D9%8A%D8%AA%D9%8A,%D9%87%D8%B4%D9%91%20%D8%AE%D9%81%D9%8A%D9%81%D8%8C%20%D9%88%D9%84%D9%88%D9%86%D9%87%20%D9%86%D8%A7%D8%B5%D8%B9%20%D8%A7%D9%84%D8%A8%D9%8A%D8%A7%D8%B6>; Alankaa, *Al-Kafur*, t.t, di <https://alankaa.com/etymology/%D8%A7%D9%84%D9%83%D8%A7%D9%81%D9%88%D8%B1> ; Ma`ajim, *Kafur*, t.t, di <https://www.maajim.com/dictionary/%D9%83%D8%A7%D9%81%D9%88%D8%B1> .

<sup>360</sup>Seslisozluk, *Camphor*, t.t, di <https://www.seslisozluk.net/en/what-is-the-meaning-of-camphor/> ; Fine Dictionary, *Camphor*, t.t, di <https://www.finedictionary.com/camphor> ; Simon Online, *Kaffor*, 5 Mei, 2016, di <http://www.simonofgenoa.org/index.php?title=Kaffor> ; Alexander S. Eremin, "Arabic Borrowings in the Lexical-Semantic System of the English Language: Etymological Analysis", *Theoretical and Applied Linguistics*, 2020, Vol. 6, No. 2, ms. 14-25, di <http://rllinguistics.ru/en/journal/article/2060/>

<sup>361</sup>Online Etymology Dictionary, *Camphor*, 22 September, 2017, di [https://www.etymonline.com/word/camphor#etymonline\\_v\\_643](https://www.etymonline.com/word/camphor#etymonline_v_643) ; Merriam Webster Dictionary, *Camphor*, 26 Februari, 2023, di <https://www.merriam-webster.com/dictionary/camphor#h1> ; Educalingo, *Camphor*, March, 2023, di <https://educalingo.com/en/dic-en/camphor> ; <https://www.wordreference.com/definition/camphor>

<sup>362</sup>Alfred H. Schoff, "Camphor", *Journal of American Oriental Study*, vol. 42, 1922, ms. 359-66; Medieval Indonesia, *Camphor in the Qur`an*, 11 Mei, 2020, di <https://indomedieval.medium.com/camphor-in-the-qur%C4%81n-8201083b17f6> ; Medieval Indonesia, *Two Early Descriptions of Camphor Production*, 26 Disember, 2020, di <https://indomedieval.medium.com/two-early-descriptions-of-camphor-production-ba3054e60375>

<sup>363</sup>Nurfaisal, *Kesaksian barus dan kapur barus dalam sejarah awal Islam Nusantara*, Pekanbaru: LP2M UIN Suska Riau, 2013, ms. 22.

rantau ini yang menghubungkan antara Lautan Hindi dan Lautan Cina Selatan yang menghubungkan negeri-negeri sebelah Timur, seperti Cina dan Jepun, dan dengan negeri-negeri sebelah Barat, iaitu India, Parsi dan negara-negara Arab, Afrika serta benua Eropa,<sup>364</sup> Barus yang berada di pintu selat Melaka dikunjungi oleh pedagang-pedagang dari merata daerah dunia yang jauh seperti India, Timur Tengah dan Cina.

Kapur merupakan antara hasil bumi yang mendapat sambutan tinggi dari para pedagang selain rempah ratus yang banyak tumbuh di kepulauan Melayu seperti kayu manis, cengkik, pala, setinggi, gaharu dan cendana.<sup>365</sup> Walaupun pokok kapur mempunyai habitat di China, India, Mongolia, Jepun dan Taiwan, habitat terbesar pokok kapur terletak di Sumatera, Borneo, dan Malaysia.<sup>366</sup> Dikatakan juga variasi kapur yang dihasilkan Barus bermutu paling tinggi dan sifatnya yang murni.<sup>367</sup>

Perniagaan rempah ratus dan kapur barus di sekitar Kepulauan Sumatera banyak dicatat dan dinukilkan dalam catatan sejarawan.<sup>368</sup> Aktiviti perdagangan di kawasan Barus dianggarkan aktif sejak zaman Pheonesia dan Saba', Yaman dan menjadi laluan bagi kapal-kapal Arab dan Persia yang berdagang ke Cina seawal abad ke-7 M.<sup>369</sup> Namun, tidak dinafikan kemungkinan ia bermula lebih awal dari abad ke-7 M kerana wujud catatan sejarah tentang penggunaan kapur barus dalam proses pengawetan mumi di Mesir pada zaman Mesir kuno, pendaftaran kapur barus dalam obat-obatan kerajaan Sassanid dan bukti hubungan perdagangan sejak abad ke-4 M.<sup>370</sup>

Dalam satu catatan sejarah ada tercatat bahawa tentera Muslim menemukan tempayan berisi kapur ketika merebut istana raja Parsi di ibu kotanya, *Madain* atau dikenali dengan *Ctesiphon* di abad ke-6 M yang menunjukkan penggunaan kapur di rantau itu.<sup>371</sup>

Beberapa catatan sejarah lain ialah catatan pertama barat dalam karya Actius dari Amida, seorang tabib Yunani berasal dari Mesopotamia sekitar pertengahan 500 M<sup>372</sup> dan istilah kamper Po-lu digunakan bagi kapur di Cina menurut catatan sejarah Dinasti

<sup>364</sup>Teuku Ibrahim Alfian, *Wajah Aceh Dalam Lintasan Sejarah*, Banda Aceh: Pusat Dokumentasi dan Informasi

<sup>365</sup>Muhammad Widus Sempo et al., *Kearifan tempatan Mengenai Kapur Barus (Cinnamomum Camphora) Menurut Perspektif Islam Dan Budaya Masyarakat Melayu Abad Ke 19M*; Esther Katz, *Pengolahan Kemenyan di Dataran Tinggi Batak: Keadaan Sekarang*, dalam Claude Guillot, *Lobu Tua Sejarah Awal Barus*, terj. Daniel Perret, École française d'Extrême-Archipel, Jakarta: Pusat Penelitian Arkeologi Yayasan Obor Indonesia, 2001, ms. 251.

<sup>366</sup>Zuccarini, Paulo, *Camphor: Risks and benefits of a widely used natural product*, *Journal of Applied Sciences and Environmental Management*, Vol. 1, No. 2, 2009, ms. 69-74.

<sup>367</sup>Irini Dewi Wanti, *Barus: Sejarah Maritim dan Peninggalannya di Sumatera Utara*, Banda Aceh: Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional, 2006, ms. 21.; Misri A. Muchsin, *Barus dalam sejarah: Kawasan percaturan Politik, Agama dan Ekonomi Dunia*, ADABIYA, Vol. 19, No. 1, Feb 2017, ms. 3.

<sup>368</sup>Puar, Yusuf Abdullah, *Masuknya Islam ke Indonesia*, Jakarta: CV. Indradjaja, 1984, ms. 64; Drakard, Jane, *Sejarah Raja-raja Barus*. Jakarta dan Bandung: Usaha Bersama Penerbit Angkasa dan Ecole Francaise D"ektreme-Orient, 1988, ms. 31.

<sup>369</sup>Azra, Azyumardi, *Jaringan ulama timur tengah dan kepulauan nusantara abad XVII-XVIII: Melacak akar-akar pembaharuan pemikiran Islam di Indonesia*, Bandung: Mizan, 1994.

<sup>370</sup>Misri A. Muchsin, *Barus dalam sejarah: Kawasan percaturan Politik, Agama dan Ekonomi Dunia*, ms. 4.

<sup>371</sup>Ibid

<sup>372</sup>Claude Guillot merujuk: R.A. Donkin, *Dragon's Brain Perfume, A Historical Geography of Camphor*, Leiden, Brill, 1999, ms. 105.

Liang pada sekitar 502 ke 557 M yang mana Po-lu dikatakan merujuk pada Barus.<sup>373</sup> Berkaitan dengan ini juga ialah catatan Duan Chengshi dalam bukunya *Miscellaneous Morsels from Youyang* menerangkan tentang sejenis pokok yang sifatnya mirip kapur yang terdapat di kawasan Borneo dan Sumatera. Beliau menyebut tentang Po-lu yang dirujuk kepada Barus<sup>374</sup>

Bukti lain tentang kepentingan Barus dalam hubungan perdagangan antara rantau ini dan tanah Arab boleh didapati juga dari sejarah Islam. Sejarah penyebaran Islam di Nusantara mencatat tentang Barus dan kepulauan Sumatera sebagai jalur perdagangan dan antarabangsa penting yang menghubungkan rantau ini dan tanah Arab. Sejarawan mencatat bahawa Islam datang ke Indonesia secara beransur-ansur, bermula dari abad pertama hijrah (abad ke-7 M) melalui pedagang-pedagang Arab yang beragama Islam yang berdakwah secara aman, dan bukan melalui kekuatan tentera. Mereka datang ke rantau ini sebagai meneruskan tradisi yang telag wujud dari zaman berzaman. Dalam hal ini, salah satu pusat persinggahan pedagang Arab dan kemudiannya pedagang Arab Muslim ialah Barus kerana kedudukannya di pesisir pantai dan mempunyai pelabuhan yang sudah terkenal. Dalam buku *The Religious Life of Chinese Muslims*, ada menerangkan kedatangan Islam di Barus mempunyai kaitan dengan misi Dinasti Tang di bawah kepemimpinan Kaisar Kao Tsung ke Madinah dan ke Cina. Pada ketika itu, misi dari Madinah pula dalam perjalanan ke Cina sebelum menyinggah di Barus untuk menambah keperluan makanan dan menunggu peralihan angin musim. Keberadaan utusan dari Madinah di Barus diisi dengan usaha dakwah dan penyebaran Islam ke penduduk setempat.

Dikatakan pula, selepas Barus, misi dari Madinah ini kemudian ke Tulang Bawang, Lampung, Sriwijaya di Palembang, ke Brunei dan kemudian ke Kanton, Cina.<sup>375</sup>

Kapur merujuk kepada kapur dari Barus juga ditemui dalam tulisan Abu Salih Al-Armini pula yang menukil kapur berasal dari Fansur-Barus dan Ibn Khurradadhbih dalam buku bertajuk *Kitab Al-Masalik Wa Al-Mamalik (Book of Routes and Kingdoms)* sekitar tahun 870 M yang menerangkan suasana *Zabaj* (diketahui sekarang sebagai Sumatera) dan ciri-ciri pokok kapur serta teknik menghasilkan kapur barus. Ibn Kurradadhbih juga menggunakan *Jabah* untuk merujuk kepada pulau Jawa. Terdapat juga nukilan-nukilan lain menggunakan *Fansur* atau *Balus* bagi kawasan yang sama.<sup>376</sup>

<sup>373</sup>Ibid.; Roderich Ptak, Possible Chinese References to the Barus Area (Tang to Ming) dalam C. Guillot (ed.), *Histoire de Barus, Sumatra, Le site de Lobu Tua. Études et Documents*, Paris, Cahier d'Archipel 30, ms. 119-148 (ms. 105-138 dalam edisi bahasa Indonesia).

<sup>374</sup>Medieval Indonesia, Two Early Descriptions of Camphor Production, di <https://indomedieval.medium.com/two-early-descriptions-of-camphor-production-ba3054e60375>

<sup>375</sup>Irini Dewi Wanti, *Barus: Sejarah Maritim dan Peninggalannya di Sumatera Utara*, ms. 22; dan Dada Meraxa, *Sejarah Masuknya Islam ke Bandar Barus Sumatera Utara*, Medan: Sasterawan, 1973, ms. 16.

<sup>376</sup>Al-Idrisi's "Tabula Rogeriana". Paris, BnF, Arabe 2221, f. 36v-37r. 1325 CE.; Ibn Khuradadhbih, *al-Masaalik wa al-Mamaalik*.

## RUMUSAN

Yang pertama dan utama dari rumusan yang boleh dibuat dari pembahasan di atas ialah pujian buat almarhum Pak Hamka kerana mengemukakan tafsiran yang unik dan berbeza dari karya-karya tafsir yang lain bagi perkataan *Kāfūr*. Hal ini menunjukkan keluasan ilmu beliau yang menjangkau bidang di luar ilmu tradisi pengajian Islam yang pada umumnya memang dikuasai oleh tokoh agamawan. Dapat diandaikan bahawa Pak Hamka bukan hanya tahu secara cetek (*superficial*) tapi mempunyai kefahaman yang mendalam dan mantap akan sandaran ilmiah bagi pendapat yang hendak dikemukakan hingga beliau bersedia untuk memberi pendapat yang lain dari yang lain. Ini adalah satu kualiti peribadi yang patut dicontohi oleh tokoh agama sepanjang zaman, khususnya tokoh agama Nusantara.

Walaupun Pak Hamka tidak menyatakan sandaran ilmiah atau rujukan bagi pendapatnya, kajian kepustakaan yang dibuat di atas menunjukkan pendapatnya itu memang mempunyai asas dalam bidang ilmu yang lain;

- *Kāfūr* bermakna kapur barus diakui oleh banyak kajian ilmiah di era moden, khususnya dari sarjana Barat, walaupun terdapat pendapat yang memungkinkan ia bermakna bahan atau kapur jenis lain<sup>377</sup>
- Penggunaan kapur barus di tanah Arab dan daerah sekelilingnya sejak zaman kuno mempunyai sandaran dalam kajian sejarah terhadap manuskrip kuno<sup>378</sup>
- Barus sebagai pelabuhan yang disinggahi oleh para pedagang dari merata daerah di dunia dan membekalkan bahan kapur terbaik hingga dikenali ramai sebagai kapur barus mempunyai sandaran pada pendapat ramai sarjana sejarah<sup>379</sup>
- Perkataan *Kāfūr* dalam bahasa Arab dan digunapakai oleh Al-Quran berasal dari perkataan kapur dari bahasa kaum di Nusantara juga mempunyai sandaran pada kajian ilmiah dalam bidang etimologi, khususnya di kalangan sarjana Barat. Yang menjadi persoalan ialah samada pengaruh bahasa kaum Nusantara berlaku secara langsung atau melalui perantara bahasa asing seperti bahasa Parsi dan Sanskrit, iaitu orang Arab ambil dari bahasa Parsi atau Sanskrit yang mengambilnya dari bahasa kaum di Nusantara.<sup>380</sup> Kalangan ini tidak membuat sikap yang pasti tentang pengaruh langsung perkataan kapur kerana kemungkinan ia berlaku melalui perantara bahasa belum boleh diketepikan.

Kewujudan pendapat yang berbeza atau saingan yang mencabar pendapat Pak Hamka tidak semestinya mencacatkan kredibiliti pendapat beliau kerana perbezaan sebegini adalah lumrah dalam dunia akademik. Yang penting ialah kajian yang dijadikan sandaran

<sup>377</sup> Alfred H. Schoff, "Camphor"; Medieval Indonesia, *Two Early Descriptions of Camphor Production*.

<sup>378</sup> Ibid; Ibid.

<sup>379</sup> Ibid; Ibid. Lihat Jane Drakard, "An Indian Ocean Port: Sources of the Earlier History of Barus", *Archipel*, vol. 37, 1989, ms. 53-82.

<sup>380</sup> Ibid; Ibid; Alexander S. Eremin, "Arabic Borrowings in the Lexical-Semantic System of the English Language: Etymological Analysis", 2020; Waruno Mahdi and Russel Jones, "Loan-words in Indonesian and Malay", *Archipel*, Vol. 76, 2008, ms. 321-2; Waruno Wahidi, "Linguistic philological data towards a chronology of Austronesian activity in India and Sri Lanka", *Archaeology And Language IV: Language Change And Cultural Transformation*, edited by Roger Blench and Matthew Spriggs, London: Routledge, 2005, ms. 165, 212-7.

diakui mempunyai kewibawaan ilmiah oleh pakar dalam bidang yang berkaitan dan hal ini boleh dinilai oleh pembaca yang berminat melalui rujukan-rujukan yang diberi di notakaki.

Adapun tentang samada perkataan *Kāfūr* dipinjam langsung dari bahasa kaum di Nusantara atau melalui perantara bahasa Parsi atau Sanskrit sebagaimana yang banyak dipegang oleh pengkaji bahasa Arab juga tidak mencatatkan pendapat Pak Hamka kerana beliau, dalam tulisannya, tidak membuat dakwaan bahawa proses pinjaman berlaku langsung dan ini boleh dirujuk pada tukilan penuh pendapat Pak Hamka dari kitab *Tafsir Al-Azhar* di atas.

Akhir sekali, penggunaan perkataan *Kāfūr* bagi minuman di syurga yang berasal dari Nusantara mengandaikan satu penghormatan bagi satu tamadun tinggi hingga dapat menghasilkan bahan kapur terbaik dan mendominasi bekalannya di rantau Arab dan pelbagai daerah lain di dunia. Hal ini dapat diperkuatkan melalui penemuan-penemuan arkeologi terkini tentang sejarah Nusantara seperti penemuan arkeologi di Lembah Bujang dan Sungai Batu di Kedah, Malaysia yang melaporkan kemampuan membuat besi oleh penduduk di situ sejak 100 Masihi dan binaan candi yang berusia ratusan tahun sebelum Masihi.<sup>381</sup> Begitu juga dengan pelbagai penemuan arkeologi terkini di Indonesia.<sup>382</sup> Diharapkan perkara ini dapat menjadi dorongan bagi Muslim untuk meneroka kajian yang dapat membongkar perkara ini.

## KESIMPULAN



<sup>381</sup>Lihat Mohd Hasfarisham Abd Halim, Nor Khairunnisa Talib, Shyeh Sahibul Karamah Masnan, Ahmad Fadly Josoh and Mokhtar Saidin, "Chronometric Dating of Monuments and Iron Smelting Site at the Sungai Batu Archaeological Complex, Bujang Valley, Kedah, Malaysia to Fulfill Requirement of Urbanization and Land Use Development Since 788 Bc.", SSRN, 21 Oktober, 2022, di [https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract\\_id=4254542](https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=4254542) ; Mohd Hafarisham Abdul Halim, Azman Adam, Shyeh Sahibul Karamah Masnan dan Mokhtar Saidin, "Bukti Tapak 23, Pengkalan Bujang Sebagai Kuil Hindu Berdasarkan Kajian Arkeologi Trekini", Jurnal Arkeologi Malaysia, 2022, Vol. 35, No. 1, ms. 61-79.

<sup>382</sup>Wahyoe Boediwardhana, "Ancient structures could rewrite Indonesian history", The Jakarta Post, 16 Januari, 2016, di <https://www.thejakartapost.com/news/2016/01/16/ancient-structures-could-rewrite-indonesian-history.html>

Bab ini telah membahaskan tiga isu pilihan yang mempunyai hubungan dengan kandungan ayat-ayat Al-Quran berkaitan tumbuhan yang dihuraikan pula dari sudut pelbagai disiplin ilmu.

Hasil dari perbahasan ketiga-tiga isu terpilih, beberapa pelajaran dapat dirumuskan sebagai penutup bagi bab ini untuk dijadikan bahan renungan.

Pertama, konsep keselamatan makanan mempunyai sandaran dalam Al-Quran, iaitu dalam kisah Nabi Yusuf a.s yang mentafsirkan mimpi raja Mesir dan mengurus perbendaharaan negeri Mesir bagi memastikan maksud mimpi itu terpenuhi bagi menyelamatkan negeri Mesir dari musibah yang menjejaskan bekalan makanan di daerah itu.

Atas dasar ini, Muslim dianjurkan untuk menyumbang aktif dalam menjayakan konsep keselamatan Makanan sebagaimana yang dicontohkan oleh Nabi Yusuf a.s. yang secara proaktif menawarkan diri untuk menyelamatkan Mesir dari musibah mungkin berlaku.

Kedua, wujud dalam Al-Quran sandaran bagi peranan tumbuhan terhadap kesejahteraan emosi, psikologi dan kerohanian manusia, bukan hanya sebagai ubat bagi sakit fizikal. Hal ini dapat dilihat pada makna perkataan *bahij* dan *bahjah* dalam ayat-ayat Al-Quran yang membicarakan tentang tumbuhan.

Ketiga, memahami Al-Quran bukan hanya perlu kepada ilmu-ilmu tradisi dalam bidang pengajian Islam tapi juga ilmu-ilmu dari bidang pengajian lain seperti ilmu sains tulen dan sains kemanusiaan dan kemasyarakatan. Hal ini dapat dilihat dalam pembahasan mengenai fungsi terapeutik tumbuhan dan makna bagi perkataan *Kāfūr*. Melalui kajian sains, maksud perkataan *bahij* dan *bahjah* dapat difahami secara terperinci. Kajian sejarah dan bahasa pula membantu untuk melihat kemungkinan yang lebih luas bagi makna perkataan *Kāfūr* berbanding jika bergantung hanya pada tafsiran ulama tafsir sahaja. Ini pula meluaskan lagi pengetahuan tentang kemungkinan sikap positif Al-Quran terhadap kaum dan tamadun di Nusantara sebagaimana yang ditunjukkan terhadap kaum dan tamadun Saba'.

Selain meluaskan ilmu, ilmu-ilmu di luar pengajian Islam juga mampu menunjukkan keagungan Allah taala yang mencipta tumbuhan dengan segala manfaatnya sebagaimana yang dapat dilihat dalam perbahasan mengenai fungsi terapeutik tumbuhan.

Muslim hendaklah berusaha untuk menggunakan kajian-kajian dari luang bidang pengajian Islam untuk menggali makna-makna dalam Al-Quran dan mengukuhkan iman terhadap Al-Quran sebagai kalam Allah taala.

Keempat, kajian tafsir Al-Quran juga berguna memberi sudut pandangan agama bagi konsep-konsep dalam bidang pengajian lain. Sudut pandangan agama ini boleh membantu memberi keabsahan bagi sesuatu konsep bagi menarik perhatian Muslim terhadapnya hingga mereka mahu menyokong dan menyumbang ke arahnya. Hal ini dapat dilihat dapat konsep keselamatan makanan muncul dalam bidang pengajian strategik dan keselamatan (*strategic and security studies*) yang keabsahannya dapat dibina atas kisah Nabi Yusuf a.s dan mimpi raja Mesir.



Kelima, golongan asatizah patut mencontohi Pak Hamka yang mempunyai pengetahuan yang luas meliputi bidang-bidang ilmu yang lain dan menggunakan ilmu-ilmu itu untuk memberi tafsiran yang luas bagi makna perkataan Kāfūr. Dapat diandaikan juga, Pak Hamka berani untuk memberi tafsiran yang unik dan berbeza dari apa yang boleh ditemui dari kebanyakan kitab-kitab tafsir karangan ulama-ulama besar dari sejak zaman silam kerana keyakinan pada ilmu yang dia ketahui dari bidang lain. Pak Hamka berbeza bukan hanya untuk berbeza, tapi berbeza dengan sandaran ilmu. Ini adalah sikap terpuji yang harus dijadikan inspirasi.

Keenam, mempelajari ilmu sains tentang tumbuhan adalah sesuatu yang penting bagi Muslim kerana ia sesuai dengan anjuran ayat-ayat Al-Quran kepada manusia untuk merenung, berfikir dan mengkaji alam tumbuhan yang dikaji oleh kajian ini. Pasti ini tidak harus dilakukan secara rambang atau tanpa metodologi yang betul kerana ia akan membawa kepada fahaman yang salah yang tidak sejajar dengan Al-Quran. Maka cara terbaik bagi melakukannya secara bermetodologi ialah dengan mempelajari ilmu sains yang berkaitan tumbuhan seperti ilmu botani (ilmu mengkaji tumbuhan), herbalogi (ilmu mengkaji tumbuhan untuk tujuan perubatan) dan pomologi (ilmu mengkaji buah-buahan). Hendaklah ada Muslim yang mendalami bidang-bidang ini. Ibu bapa Muslim juga hendak berperanan membina minat di kalangan anak-anak mereka terhadap sains berkaitan tumbuhan sejajar dengan anjuran Al-Quran.

## **BAB 6**

### **PENUTUP: PELAJARAN DAN RUMUSAN**

## **PENDAHULUAN**

Bab ini adalah yang terakhir bagi kajian ini yang bertujuan untuk mengumpulkan rumusan dan pelajaran yang dapat diambil dari keseluruhan bab yang lalu. Bab ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama mengandungi rumusan umum dari kajian ini. Bahagian kedua pula akan menyenaraikan 22 pelajaran yang dapat disimpulkan dari bab-bab yang lalu.

Pengumpulan rumusan umum dan pelajaran-pelajaran dalam satu bab penutup ini juga bagi memudahkan pembaca untuk mendapat gambaran umum dan rujukan pantas bagi keterangan penting dari kajian ini.

## RUMUSAN UMUM

Buku ini mengandungi kajian dan perbahasan tentang ayat-ayat Al-Quran yang terkait dengan tumbuhan dan flora. Buku ini sekali gus berminat untuk membentangkan sudut pandangan Al-Quran mengenai alam tumbuhan dengan harapan ia membantu menambah kefahaman pembaca akan kandungan Al-Quran dan pengetahuan tentang alam sekitar. Selain itu, diharapkan pula kajian ini akan menatijahkan juga pelajaran-pelajaran umum yang berguna bagi kehidupan pembaca juga. Kesemua ini sesuai dengan anjuran ke atas Muslim untuk menjadikan Al-Quran kitab petunjuk dan pedoman melalui proses merenung dan berfikir akan ayat-ayatnya.

Kajian ini dibuat dengan menggunakan pendekatan *Tafsir Maudu'ii* yang berteraskan *Tafsir 'Ilmii* - tafsir tematik yang membentangkan topik berunsurkan saintifik. Antara langkah yang diterapkan dalam kajian ini ialah mengenal pasti segala ayat-ayat Al-Quran yang berkaitan dengan tema, topik atau isu yang hendak dikaji, iaitu ayat-ayat tentang tumbuhan-tumbuhan dalam konteks kajian ini. Justeru itu, pemilihan topik berkenaan tumbuhan-tumbuhan selaras dengan konsep *Tafsir 'Ilmii* yang membincangkan dan mengetengahkan topik berkaitan dengan pengetahuan sains ilmiah yang sesuai dengan definisi *Tafsir 'Ilmii* menurut para pentafsir mahir dalam bidang tersebut. Seterusnya ialah untuk menjana makna dan maksud setiap ayat secara individu dan kemudian menerapkan pula *ilmu al-munāsabah* (kaedah menjana maksud dan makna dari kaitan setiap-ayat dengan ayat-ayat lain yang berkaitan) hingga dapat menatijahkan kefahaman yang menyeluruh dan bersepadu bagi topik yang dikaji.

Buku ini mengambil pendekatan bersifat spesifik iaitu menghadkan pembicaraan Al-Quran kepada tema dan tajuk yang tertentu – misalnya alam tumbuhan. Ia bukanlah satu pendekatan yang baru dan unik, bahkan ia sebuah penerusan dan menerima pakai tradisi yang diamalkan para ulama bidang tafsir. Walau sebahagiannya mengandungi idea-idea baru sesuai dengan semangat yang ada pada apa jua kajian ilmiah, kaedah yang diambil untuk mencernakannya adalah jalan yang tidak berbeza dari yang sebelumnya.

Kajian ini telah mengumpulkan ayat-ayat yang dikenalpasti membicarakan tentang tumbuhan agar analisa dan perbahasan dapat dilakukan. Keseluruhannya, hasil analisa awal telah menghasilkan dua jadual sebagai rujukan di bab dua. Jadual 1 mengumpulkan sebanyak 132 ayat-ayat yang dikenalpasti bersesuaian dengan tema alam tumbuhan dan flora dari tidak kurang dari 52 surah di dalam Al-Quran. Kemudian dari ayat-ayat tersebut, Jadual 2 menyenaraikan 81 jenis tumbuhan dan hasil tumbuhan dikenalpasti ada disebut dalam ayat-ayat Al-Quran seperti pokok dan rumput dan hasil tumbuhan yang tabi'ii seperti buah dan bunga serta hasil tumbuhan yang diproses seperti minyak dan gambir.

Al-Quran mengetengahkan tumbuhan dalam banyak sifat, konteks dan bagi fungsi yang berbagai. Contohnya, tumbuhan disebut dalam Al-Quran dalam dua dimensi alam: alam dunia ini yang nyata dan alam ghaib yang meliputi syurga, neraka dan di langit tertinggi. Tumbuhan di syurga yang disebut dalam Al-Quran ialah pokok, iaitu pokok khuldi dan buahan-buahan. Tiga jenis buah disebut secara khusus sebagai makanan ahli syurga iaitu anggur, delima dan *ṭalḥ mandūd* yang banyak ditafsirkan sebagai pisang. Satu jenis buah iaitu tamar tidak disebut secara khusus, tetapi diandaikan kewujudannya dari pokok tamar yang ada disebut di dalam syurga. Tumbuhan di neraka pula ialah pokok yang

menghasilkan buah *zaqqūm* dan sejenis buah bernama *ḍarī`*. Selain di syurga dan neraka, terdapat pokok *Sidrat Al-Muntahá*, di langit tertinggi yang tidak diketahui lokasi sebenarnya, dan berdasarkan tafsir kebanyakan ulama, yang kewujudannya terpisah dari syurga dan neraka dan hari akhirat. Di sini juga dapat dirumuskan, pilihan nama *jannah* sebagai nama umum bagi syurga serta mengaitkan tumbuhan sebagai simbol utama syurga walaupun syurga merangkumi banyak nikmat-nikmat dan sifat-sifat lain mengetengahkan satu pelajaran penting. Ini menunjukkan tumbuhan mempunyai tempat istimewa dalam Islam dan unsur penting bagi kehidupan sejahtera di syurga.

Ada yang disebut secara khusus jenis tumbuhannya seperti, pokok (*shajar, shajarāt*), merayap di tanah (*yaqṭīn; creeper*), rumput rampai (*ab, sunbul, sanābil*) yang boleh meliputi juga tumbuhan paku pakis (*fern*) dan jenis menjalar (*ma`rushāt*) yang meliputi tumbuhan yang memanjat (*climber*). Ada pokok yang disebut secara khusus oleh Al-Quran untuk menunjukkan keistimewaannya, iaitu pokok bidara (*sidr*) dan pokok kurma (*an-nakhil, an-nakhīl*) yang boleh juga merujuk pada pokok-pokok palma yang lain (*dhāt al-ak-mām, ṭal` naḍīd*).

Selain membicarakan tumbuhan secara individu, Al-Quran juga menyebutkan ia secara kolektif dalam banyak ayat-ayatnya dalam bentuk kebun (*ḥadīqah, ḥadā'iq*), taman (*jannah, jannāt*), ladang (*zar`, zurū`*) dan tanah untuk bercucuk tanam tumbuhan (*ḥarth*).

Al-Quran juga ada menyebut pelbagai manfaat tumbuhan dunia dalam bentuk hasil tumbuhan yang tabi`ii dan yang diperolehi melalui proses atau usaha tambahan dari manusia. Hasil tumbuhan yang tabi`ii ialah pelbagai buah, sayuran dan bijian yang boleh dimakan. Begitu juga, hasil tumbuhan yang diproses yang ditemukan dalam Al-Quran ialah minyak cair (*zayt*), minyak lemak (*duhn*), pewarna (*ṣibgh*), kapur barus (*kāfūr; camphor*) dan damar (*manna; gum*).

Di sini dapat diraih bahwasanya kepelbagaian dalam jenis tumbuhan yang disebut dalam Al-Quran menunjukkan sifat rencamnya sesuai dengan sifat pelbagai ciptaan-ciptaan Allah taala yang lain.

Di samping itu, Allah menciptakan tumbuhan yang banyak manfaatnya untuk manusia sebagai satu bentuk kenikmatan dengan berbagai tujuan. Antaranya ialah sebagai bahan renungan bagi sifat yang disebut dalam Al-Quran dan juga sifat-sifat lain yang terkandung. Manfaat yang banyak disebut ialah tumbuhan sebagai sumber makanan dalam bentuk buah-buahan dan sayur-sayuran yang berbeza-beza pula kadar kekerapannya. Ada yang kerap dan ada yang jarang-jarang. Ada yang mengandungi khasiat sebagai penawar (*shifa`*).

Begitu juga Al-Quran melakarkan beberapa sifat dalam alam tumbuhan yang berkongsi persamaan dengan sifat binatang dan manusia seperti sifat berpasangan (*zawj, azwāj*). Tumbuhan juga disifatkan sebagai satu ciptaan yang indah (*dhāt bahjah, bahīj*) ibarat hiasan cantik (*zukhruf*) yang menyenangkan mata dan jiwa dan satu aspek keindahannya yang disebut ialah kepelbagaian warna (*mukhtalif alwān*).

Selain nilai estetik dan kosumsi peribadi, tumbuhan juga disifatkan mempunyai nilai ekonomi yang penting bagi tamadun manusia seperti yang digambarkan dalam kisah Nabi Yusuf mengurus hasil pertanian negeri Mesir bagi menghadapi musim kemarau yang mendatang.

Seterusnya, Al-Quran ada menyentuh tentang proses pertumbuhan dan pembesaran tumbuhan. Peranan penting awan, langit, angin, air dan tanah bagi proses pertumbuhan tumbuhan sesuai dengan yang dijelaskan dalam ilmu sains. Bagi elemen air, Al-Quran menunjuk pada sumber-sumber tabi`ii, iaitu mata air yang keluar daripada bumi, hujan yang turun dari langit dan sungai yang bersumber dari bumi dan langit, dan sumber-sumber yang boleh terhasil dari usaha tangan manusia dengan tujuan mengajak manusia berfikir tentang irigasi yang membolehkan pertanian besar-besaran bagi kemajuan sesuatu bangsa seperti empangan yang dibina oleh kaum Saba' yang terkenal kehebatannya dalam sejarah yang menyalurkan air-air melalui saluran-saluran air hingga dapat menyuburkan tanah kering di Yaman. Al-Quran bicara juga tentang elemen tanah untuk manusia kaji perbezaan-perbezaan kualiti pada potongan-potongan tanah dan kesannya pada tumbuhan. Ini pula bertujuan bagi mengajak manusia mendalami ilmu tentang tanah bagi membantu memajukan ekonomi tentang teknik tanaman, iaitu teknik tanaman campuran (*mixed crop technique*) dan teknik bagi menghasilkan pokok jenis *sinwan*, iaitu pokok yang bercambah dari batang utamanya beberapa batang pokok. Kededua teknik ini hanyalah simbol bagi berfikir tentang kaedah-kaedah pertanian yang dapat memaksimumkan hasil tanaman bagi memajukan ekonomi melalui industri pertanian untuk diteroka oleh manusia.

Al-Quran apabila membicarakan tentang tumbuhan dalam bentuk dua cara. Cara pertama ialah membicarakan tumbuhan sebagai satu realiti untuk diteliti dan kaji. Cara kedua pula ialah membicarakannya sebagai metafora bagi menyampaikan pesan tertentu. Dalam cara kedua, pesan yang tersirat yang ingin disampaikan itu lebih penting dari tumbuhan yang dibicarakan kerana tumbuhan hanyalah wasilah bagi penyampaian yang berkesan sahaja. Secara keseluruhan, terdapat tidak kurang dari 11 metafora tumbuhan dalam Al-Quran bagi pelbagai pelajaran tentang agama dan kehidupan dunia manusia.

## PELAJARAN-PELAJARAN



Sebanyak 22 pelajaran dapat disimpulkan dari kajian ini yang dibentangkan dalam bab-bab yang lalu.

Pertama, Al-Quran dalam pembicaraannya tentang tumbuhan tersirat tujuan yang lebih

besar bagi manusia. Tujuan ini bagi menggalak manusia menggunakan akal dengan berfikir tentang tumbuhan dan dengan itu pula dapat mencapai pada keyakinan bahawa segala tumbuhan ini tidak mungkin wujud dengan sendiri sehingga melahirkan penghargaan dan kesyukuran kepada yang mewujudkannya pula atas manfaat yang terlalu banyak dari nikmat tumbuhan yang diberi. Satu perkara yang Al-Quran mahu manusia berfikir ialah soal hakikat kewujudan tumbuhan yang ada di dunia sebagai makhluk yang dicipta, bukan wujud dengan sendiri. Maka satu soalan yang wajar difikirkan ialah siapakah yang mewujudkan tumbuhan dan kenapa dan bagaimana ia boleh wujud? Lebih-lebih lagi, sebagai manusia yang telah mendapat banyak manfaat dari tumbuhan yang ada di muka bumi ini, manusia wajib berterima kasih kepada yang mencipta segala tumbuhan dan alam dengan berusaha untuk mencari dan mengenali Yang Maha Pencipta dahulu dan tidak biarkan diri mereka melusuri kehidupan dalam kejahilan tentang perkara ini.

Kedua, Al-Quran ingin menerapkan dalam diri manusia satu tabiat berfikir tentang perkara ini dengan memperkenalkan pencipta tumbuhan dan alam ini sebagai sebuah rezeki dan nikmat bagi mereka ialah Allah taala, Tuhan yang bersifat Esa dan Tunggal. Hal ini wajib diimani oleh manusia dan seharusnya juga menjadi rumusan logik kerana keindahan dan ketertiban ciptaan alam ini mustahil berlaku dengan kewujudan banyak Tuhan sebagaimana yang diakui oleh fikiran manusia dalam mitologi mereka sepanjang zaman.

Ketiga, selain dari logik akal, Al-Quran adalah bukti proksi yang wibawa bagi membenarkan kewujudan Tuhan dan kemestian Tuhan bersifat Esa. Kewibawaan Al-Quran dalam hal ini dapat ditunjukkan melalui kajian pelbagai sarjana Muslim dan bukan Muslim yang merumuskan bahawa naskhah Al-Quran yang ada hari ini berasal dari naskhah asal dari zaman awal Islam dan Al-Quran tidak mungkin dikarang oleh Nabi Muhammad s.a.w atau oleh Muslim yang datang setelah kematian Nabi s.a.w.

Keempat, pembincangan Al-Quran tentang hal ini sebagai penggalakan bagi Muslim mendalami ilmu dan kemahiran berkaitan tumbuhan yang mana ia adalah perkara kritikal bagi kelangsungan hidup manusia sepanjang zaman. Ia membuka ruang bagi Muslim untuk mempelajari ilmu sains berkaitan tumbuhan dan menyumbang kepada kemaslahatan majmuk. Pastinya ini cara terbaik bagi melakukannya dengan berdasarkan saluran dan metodologi yang betul iaitu dengan mempelajari ilmu sains yang berkaitan tumbuhan seperti ilmu botani (ilmu mengkaji tumbuhan), herbalogi (ilmu mengkaji tumbuhan untuk tujuan perubatan) dan pomologi (ilmu mengkaji buah-buahan). Begitu juga dengan para ibu bapa yang berperanan dalam membina minat di kalangan anak-anak mereka terhadap sains berkaitan tumbuhan sejajar dengan anjuran Al-Quran.

Kelima, Al-Quran memberitahu tujuan penciptaan tumbuhan dan alam sebagai rezeki yang baik bagi manusia dan ini menjadikan tumbuhan harus dan halal bagi manusia nikmati bagi memenuhi keperluan hidup, sama ada sebagai bahan makanan atau lain-lain. Ini adalah hukum asal tentang tumbuhan bagi manusia. Ia hanya berubah menjadi haram jika ada dalil jelas yang mengharamkannya atau jika ia terbukti memudaratkan manusia. Namun, manusia dianjurkan agar berfikir dan meneliti dahulu sebelum menikmati tumbuhan kerana Al-Quran ada memberitahu bahawa tumbuhan boleh mempunyai manfaat dan mudarat. Manusia hendaklah mengamalkan hemah dengan kenal pasti dahulu tumbuhan yang ingin dinikmati tidak memudaratkan diri.

Keenam, Al-Quran menganjurkan sikap berpeda-pada dalam menikmati tumbuhan sekali gus ia menegah manusia menikmati secara melampau dan berlebihan sehingga akibatnya, menyebabkan kerosakan pada diri dan alam sekitar. Ayat-ayat Al-Quran tentang tumbuhan juga menegaskan kepentingan tumbuhan bagi alam sekitar dan kepentingan memelihara kelestarian alam sekitar bagi kehidupan yang baik di dunia ini.

Ketujuh, Al-Quran mengingatkan agar manusia tidak rakus dengan kemewahan yang didapati dari tumbuhan hingga lupa bahawa tumbuhan dan segala nikmat darinya bersifat *fana'* (pasti akan musnah). Sementara itu, manusia juga diperingatkan agar tidak mengabaikan nikmat yang abadi iaitu di Akhirat disebabkan mengutamakan kenikmatan dunia yang sementara.

Kelapan, ayat-ayat Al-Quran tentang tumbuhan mengandungi dalil akan kewujudan Akhirat yang mana manusia diadili sama ada hidup sesuai dengan aturan Allah taala atau, sebelum ditentukan syurga tempat hidup bahagia yang abadi atau neraka tempat siksaan bagi mereka.

Kesembilan, Al-Quran menjadikan tumbuhan sebagai contoh bagi manusia dalam soal bersyukur kepada Tuhan, iaitu dengan bertasbih dan bersujud kepadaNya selalu dan akur akan aturan yang telah Allah taala tetapkan bagi setiap makhluknya. Tumbuhan tunduk pada Allah taala dengan mengikut aturan yang telah ditetapkan dalam alam tabi`ii. Begitulah juga manusia, wajib tunduk pada aturan yang Allah taala telah tetapkan untuk mereka dalam Al-Quran. Keharmonian manusia dan alam bukan hanya dicapai melalui pelestarian hukum tabi`ii yang ada, tapi juga pada keharmonian dalam bertasbih dan sujud pada Tuhan yang sama. Malah, natijahnya, melahirkan kesyukuran kepada Tuhan atas segala nikmat tumbuhan yang dikurniakan adalah antara jalan bagi manusia untuk capai kebahagiaan yang abadi di Akhirat.

Kesepuluh, Al-Quran menyebutkan satu kitaran kehidupan tumbuhan yang boleh direnungkan sebagai hubungan manusia dengan Akhirat. Melalui ayat-ayat tersebut, Allah taala mendemonstrasikan kemampuannya dan kuasanya untuk membangkitkan semula manusia sebagaimana ia mampu mewujudkan tumbuhan dari tiada kepada ada, kemudian tumbuh membesar hingga layu dan musnah, lalu tumbuh semula tumbuhan di tanah yang sama. Kitaran ini seharusnya menanam iman dalam diri manusia bahawa Akhirat yang kekal itu pasti dan jangan digadaikan dengan nikmat dunia yang sementara.

Kesebelas, kehidupan syurga seharusnya dijadikan sebagai model kehidupan yang ideal bagi manusia. Bahkan, syurga bukan hanya satu kehidupan yang abstrak dan sekadar dambaan Muslim di Akhirat kelak. Lantas dengan gambaran dan sifat syurga dalam Al-Quran, ia dapat dijadikan satu panduan dan piawai kehidupan yang ideal iaitu kehidupan syurgawi di dunia untuk diwujudkan oleh Muslim sebelum kehidupan di syurga di Akhirat kelak.

Kedua belas, Al-Quran membuat kaitan yang rapat antara syurga dengan alam tumbuhan dengan menjadikan *jannah* (taman) sebagai nama yang dominan bagi syurga. Lafaz *jannah* dalam Al-Quran juga sering dikaitkan pula dengan sungai-sungai yang mengalir, iaitu kewujudan bekalan air bersih dan segar. Hal ini memberitahu bahawa kehidupan syurgawi di dunia memerlukan alam sekitar yang menghijau dan bersih airnya. Atas dasar ini, sikap peka dengan keadaan alam sekitar dan usaha dalam kelestariannya sangat wajar diterapkan di dalam diri seorang Muslim kerana ia adalah sifat utama syurga dan sifat utama kehidupan syurgawi juga. Maka, untuk mewujudkan kehidupan

syurgawi di dunia, pelestarian alam sekitar seharusnya dipraktikkan. Kehidupan dalam keadaan alam sekitar yang rosak tidak sejajar dengan ambisi seorang Muslim untuk menikmati kehidupan syurga di Akhirat. Muslim yang ingin masuk syurga haruslah hidup dengan alam sekitar yang terpelihara sifat alaminya di dunia ini.

Ketiga belas, Al-Quran menggalakkan Muslim mengutamakan diet yang berteraskan buah-buahan dan tumbuhan. Hal ini dilakukan dengan membanyakkan buah, sayur dan bahan dari tumbuhan dalam setiap hidangan makanan atau menjarangkan memakan daging dan bahan-bahan darinya, sesuai dengan apa yang dianjurkan oleh pakar kesihatan dan sains pemakanan. Dalam isu mengamalkan gaya hidup vegetarianisme dan veganisme dalam pemakanan, hukumnya harus bagi seorang Muslim dengan syarat, a) ia adalah pilihan peribadi sahaja, b) tidak mengiktikadkan memakan daging sebagai haram bagi dirinya dan Muslim yang lain kerana ia menyalahi secara jelas dalil-dalil dari Al-Quran dan hadis, dan c) tidak bertanggapan Muslim yang memakan daging sebagai golongan yang rendah statusnya berbanding dirinya kerana ia adalah sifat "*self-righteous*" yang dilarang Al-Quran.

Keempat belas, Muslim yang baik ialah yang mesra dengan keberagaman, bukan yang cenderung kepada penseragaman. Hidup harmoni dengan keberagaman adalah cara hidup yang mengharmonikan Muslim dengan sifat alam tumbuhan dan ciptaan Allah taala yang lain banyak dilakarkan dalam ayat-ayat Al-Quran. Oleh itu, Muslim seharusnya memperkasakan dirinya dengan nilai, ilmu dan kemahiran untuk hidup dengan keberagaman. Muslim juga hendaklah mencorak dakwah yang akur dengan keberagaman alam, bukan berusaha untuk menseragamkan Muslim atau manusia dalam satu bentuk acuan. Keberagaman dijadikan satu prinsip dalam usaha dakwah. Manakala, penseragaman adalah pengecualian, yang tertakluk pada perkara-perkara yang memberi maslahat yang lebih besar, seperti menseragamkan tarikh bermula dan berakhir puasa kerana ia lebih baik daripada satu keadaan yang mana terdapat kelompok Muslim yang memulakan puasa dan berhari raya pada tarikh yang berbeza-beza di satu daerah yang berdekatan.

Kelima belas, Muslim dianjurkan untuk terlibat dalam bidang pertanian supaya dengan itu, kewajipan zakat pertanian dapat terus dihidupkan, menjadi penyumbang dalam pelestarian alam dan prihatin terhadap kepentingan negara, iaitu memenuhi keselamatan makanan dengan memastikan bekalan makanan dalam negeri terpelihara.

Keenam belas, antara cara menzahirkan kesyukuran atas kenikmatan yang diberikan Tuhan sebagai seorang Muslim adalah dengan menunaikan kewajipan zakat bagi tanaman yang dituai hasil dari usaha pertanian mereka. Walau di dalam keadaan zakat tidak diwajibkan kerana tidak mencukupi syarat, berkongsi sedikit dari nikmat yang diperolehi melalui bersedekah kepada mereka yang kurang rezekinya amatlah dianjurkan.

Ketujuh belas, konsep keselamatan makanan (*food security*) mempunyai sandaran dalam Al-Quran. Jika ditelusuri kisah Nabi Yusuf a.s yang mentafsirkan mimpi raja Mesir dan mengurus perbendaharaan negeri Mesir bagi memastikan maksud mimpi itu terpenuhi bagi menyelamatkan negeri Mesir dari musibah yang menjejaskan bekalan makanan di daerah itu, Muslim sepatutnya mencontohi Nabi Yusuf a.s yang secara proaktif menawarkan diri untuk menyelamatkan Mesir dari musibah mungkin berlaku. Atas dasar ini, sewajarnya seorang Muslim aktif dalam menjayakan konsep keselamatan makanan bagi menjaga kemaslahatan umum.



Kelapan belas, terdapat sandaran dalam Al-Quran dari makna perkataan *bahij* dan *bahjah* dalam ayat-ayat Al-Quran bahawa tumbuhan bukan hanya sebagai ubat bagi sakit fizikal, bahkan mempunyai peranan dalam memelihara kesejahteraan emosi, psikologi dan kerohanian manusia.

Kesembilan belas, Al-Quran bukan hanya perlu difahami melalui ilmu-ilmu tradisi dalam bidang pengajian Islam tapi juga bagus untuk diperkembangkan kefahamannya melalui lensa ilmu-ilmu dari bidang pengajian lain seperti ilmu sains tulen dan sains kemanusiaan dan kemasyarakatan. Hal ini dapat dilihat dalam pembahasan mengenai fungsi terapeutik tumbuhan dan makna bagi perkataan *Kāfūr*. Melalui kajian sains, maksud perkataan *bahij* dan *bahjah* dapat difahami secara terperinci. Kajian sejarah dan bahasa pula membantu dalam memberi sokongan untuk melihat kemungkinan yang lebih luas bagi makna perkataan *Kāfūr* berbanding jika bergantung hanya pada tafsiran ulama tafsir sahaja. Ini pula meluaskan lagi pengetahuan tentang kemungkinan sikap positif Al-Quran terhadap kaum dan tamadun di Nusantara sebagaimana yang ditunjukkan terhadap kaum dan tamadun Saba'.

Kedua puluh, Muslim hendaklah berusaha untuk menggunakan kajian-kajian dari luar bidang pengajian Islam untuk menggali makna-makna dalam Al-Quran dan mengukuhkan iman terhadap Al-Quran sebagai kalam Allah taala. Kajian ini menunjukkan bahawa usaha bagi memahami ayat-ayat tumbuhan dalam Al-Quran melalui ilmu di luar pengajian Islam boleh membantu memahami keagungan Allah taala yang mencipta tumbuhan dengan segala manfaatnya sebagaimana yang dapat dilihat dalam pembahasan mengenai fungsi terapeutik tumbuhan.

Kedua puluh satu, kajian tafsir Al-Quran berguna memberi sudut pandangan agama bagi konsep-konsep dalam bidang pengajian lain. Sudut pandangan agama ini boleh membantu memberi keabsahan bagi sesuatu konsep bagi menarik perhatian Muslim terhadapnya hingga dapat memperkasa Muslim untuk menyokong dan menyumbang ke arahnya. Hal ini dapat dilihat dapat konsep keselamatan makanan muncul dalam bidang pengajian strategik dan keselamatan (*strategic and security studies*) yang keabsahannya dapat dibina atas kisah Nabi Yusuf a.s dan mimpi raja Mesir.

Kedua puluh dua, Pak Hamka adalah contoh yang baik bagi para asatizah masa kini tentang penguasaan ilmu di luar bidang ilmu tradisi pengajian Islam. Keluasan ilmu Pak Hamka yang meliputi bidang-bidang ilmu yang lain membolehkan beliau dengan yakin memberi tafsiran yang luas dan unik bagi makna perkataan *Kāfūr*, walaupun berbeza dari apa yang boleh ditemui dari kebanyakan kitab-kitab tafsir karangan ulama-ulama besar dari sejak zaman silam. Pak Hamka berbeza bukan hanya untuk berbeza, tapi berbeza dengan sandaran ilmu. Ini adalah sikap terpuji yang harus dijadikan inspirasi.

## **PENUTUP**

Dengan berakhirnya bab ini, maka berakhirilah juga perbahasan bagi kajian tentang ayat-ayat tumbuhan dalam Al-Quran.

Sudah pasti kajian ini tidak bersifat sempurna kerana yang sempurna hanyalah Allah taala. Namun diharapkan agar kajian ini dapat menambah ilmu para pembaca, membangkitkan minat untuk terus mengkaji dan berfikir tentang Al-Quran, mengukuhkan keimanan kepada kitab Allah taala dan kepada Allah taala itu sendiri dan akhir sekali memperelokkan lagi kehidupan sebagai Muslim di dunia ini. Diharapkan juga isu-isu yang dibangkitkan dalam kajian ini dapat mendorong pengkaji-pengkaji lain untuk meluaskan kajian mengenainya.

## BIBLIOGRAFI

Al-Quran Al-Karim

Abd Al-Sattar Fath Allah Sa`id. (1991). Al-Madkhal Ila Al-Tafsir Al-Maudu`ii.

Abdullah bin Muhammad bin Abdurahman bin Ishaq Al-Sheikh. (2003). Tafsir Ibnu Katsir. Indonesia: Pustaka Imam asy-Syafi'i. Jilid. 5.

Adi Setia. (2004). "Taskhir, fine-tuning, intelligent design and the scientific appreciation of nature". Islam & Science. Jilid 2. No. 1. Di <https://go.gale.com/remote/ntu.edu.sg/ps/i.do?p=ITOF&u=nantecun&id=GALEIA119627477&v=2.1&it=r>

Adrian Brockett. (1988). "The Value of the Hafs and Warsh Transmissions for the Textual History of the Qur'an". Approaches to the History of the Interpretation of the Qur'an. Edited by Andrew Rippin. Oxford: Clarendon Press.

AgriFarming. (t.t). Modern farming Methods, Techniques. Di [https://www.agrifarming.in/modern-farming-methods-techniques#Modern\\_Farming\\_Methods](https://www.agrifarming.in/modern-farming-methods-techniques#Modern_Farming_Methods)

Ahmad Sonhadji Mohamad. (1997). 'Ibr al-Athir: Tafsir Al-Quran. Juz/Jilid 29. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Airina Zamri. (2020). Kapur Barus: Kegunaan Dan Bahaya Yang Anda Perlu Tahu. Di <https://www.ceriasihat.com/kapus-barus-kegunaan-dan-bahaya-yang-anda-perlu-tahu/#:~:text=Kapur%20barus%20boleh%20digunakan%20dalam,lain%20daripada%20almari%20pakaian%20kita>.

Alankaa, Al-Kafur, t.t, di <https://alankaa.com/etymology/%D8%A7%D9%84%D9%83%D8%A7%D9%81%D9%88%D8%B1>

Al-Baghawi, Ma`alim Al-Tanzil, Al-Haj, 22:5, Qaf, 50:7 dan Al-Naml, 27:60; Al-Shawkani, Fath Al-Qadir, Al-Haj, 22:5, Qaf, 50:7 dan Al-Naml, 27:60.

Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, no. 2320: book 41, hadith 1; book 39, hadith 513 (cf. <https://sunnah.com/bukhari/41/1>).

Alexander Antonelli et. Al. (2020). State of the World's Plants and Fungi 2020. Royal Botanic Garden, Kew.

Alexander S. Eremin. (2020). "Arabic Borrowings in the Lexical-Semantic System of the English Language: Etymological Analysis". Theoretical and Applied Linguistics. Vol. 6. No. 2. Di <http://rllinguistics.ru/en/journal/article/2060/>

Al-Fayruzabadi. (2005). Al-Qamus Al-Muhit. Damsyiq: Muassasat Al-Risalah. cetakan kelapan.

Alfred H. Schoff. (1922). "Camphor". *Journal of American Oriental Study*. Vol. 42.  
 \_\_\_\_\_, "Camphor"; *Medieval Indonesia, Two Early Descriptions of  
 Camphor Production*.

Al-Ghazali, Abu Muḥammad (t.t.). *Iḥya' `Ulum Al-Din*. Kitab Kasr Al-Shahwatayn. Jeddah:  
 Dar Al-Minhaj. Jilid 5.

Al-Idrisi's "Tabula Rogeriana". Paris, BnF, Arabe 2221, f. 36v-37r. 1325 CE.

Al-Islām Su'āl Wa Jawāb. (2002). *Hukm Tark Akl Al-Mushtaqqāt Al-Hayawaniyah Wa  
 Al-Iqtisār `Ala Al-Nabātāt*. 4 Jun 2002. Di <https://islamqa.info/ar/answers/2521/%D8%AD%D9%83%D9%85-%D8%AA%D8%B1%D9%83-%D8%A7%D9%83%D9%84-%D8%A7%D9%84%D9%85%D8%B4%D8%AA%D9%82%D8%A7%D8%AA-%D8%A7%D9%84%D8%AD%D9%8A%D9%88%D8%A7%D9%86%D9%8A%D8%A9-%D9%88%D8%A7%D9%84%D8%A7%D9%82%D8%AA%D8%B5%D8%A7%D8%B1-%D8%B9%D9%84%D9%89-%D8%A7%D9%84%D9%86%D8%A8%D8%A7%D8%AA%D8%A7%D8%AA> ;

Alliance Bioversity & CIAT. (2018). More than a thousand vegetables, many of them forgotten. 19 September 2018. Di <https://alliancebioversityciat.org/stories/more-thousand-vegetables-many-them-forgotten>

Al-Ma`aniy, "Kafur". Di <https://www.almaany.com/ar/name/%D9%83%D8%A7%D9%81%D9%88%D8%B1/#:~:text=%D8%A7%D8%B3%D9%85%20%D8%B9%D9%84%D9%85%20%D9%85%D8%B0%D9%83%D8%B1%20%D9%87%D9%86%D8%AF%D9%8A%20%D8%B3%D9%86%D8%B3%D9%83%D8%B1%D9%8A%D8%AA%D9%8A,%D9%87%D8%B4%D9%91%20%D8%AE%D9%81%D9%8A%D9%81%D8%8C%20%D9%88%D9%84%D9%88%D9%86%D9%87%20%D9%86%D8%A7%D8%B5%D8%B9%20%D8%A7%D9%84%D8%A8%D9%8A%D8%A7%D8%B6>

Al-Ma`aniy. "Bahij". Di <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/%D8%A8%D9%87%D9%8A%D8%AC/>

Al-Nawawi, Abu Zakariyya. (1392H). *Sharḥ Sahih Muslim*. Beirut: Dar Iḥya' Al-Turath Al-`Arabi. Jilid 10.

Al-Qurtubi, *Tafsir Al-Qurtubi*, Al-Baqarah: 35 dan 265, Al-Insan, 76:5. Di [www.altafsir.com](http://www.altafsir.com)

\_\_\_\_\_ (2006). *Tafsir Al-Qurtubiy*. Surah Al-Baqarah, 2:267. Di [www.altafsir.com](http://www.altafsir.com)

Al-Razi, *Tafsir Al-Razi*, Al-Insan, 76:5 Di [www.altafsir.com](http://www.altafsir.com)

Al-Sa`diy, *Taisir Al-Karim Al-Rahman Fi Tafsir Kalam Al-Mannan*. Al-Anbiya'. Di [www.altafsir.com](http://www.altafsir.com)

Al-Shawkani, *Fath Al-Qadir*, Al-Shura, 42:20. Di [www.altafsir.com](http://www.altafsir.com)

Al-Suyuti. (1983). *Al-Ashbah Wa Al-Naza'ir*. Beirut: Dar Al-Kutub Al`Ilmiyah, 1983.

Al-Tabari, *Tafsir Al-Tabari*, Al-Baqarah, 2:57, Al-Insan, 76:5. Di [www.altafsir.com](http://www.altafsir.com)

- Al-Tabrani, Sulayman bin Ahmad bin Ayyub. (t.t.). *Al-Mu'jam al-Kabir*. Tahkik Hamdi bin Abd Al-Majid Al-Salafi. Cetakan 2. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyah.
- Al-Tantawi, Al-Wasit Fi Tafsir Al-Qur'an Al-Karim, Al-Rahman, 55:12.
- Alvin I. Goldman. (2001). "Experts: Which Ones Should You Trust?". *Philosophy and Phenomenological Research*. Jilid 63. No. 1.
- Al-'Umari, Ahmad Jamal. (1986). *Dirasat Fi Al-Tafsir Al-Maudu'ii Li Al-Qasas Al-Qur'ani*. Qahirah: Maktabat Al-Khanji. Di <https://quranpedia.net/ar/book/21934>
- Al-Zamakhshari, Al-Kashshaf, Al-Baqarah: 265. Semua rujukan kitab tafsir di buku ini bersumber dari halaman sesawang [www.altafsir.com](http://www.altafsir.com) Al-Insan, 76:5
- American Psychological Association. (2020). *Nurtured by nature*. *Monitor on Psychology*. April 1. Vol. 51. No. 3. Di <https://www.apa.org/monitor/2020/04/nurtured-nature>
- Arin Salamah Al-Qudsi. (2019). "The Spiritual Culture of Food: Eating Customs in Early Sufism". *Acta Orientalia Academiae Scientiarum Hung*. Vol. 72. No. 4.
- Aroosa Mahmood, Shahzad Ahmad, dan Amtul Razzaq Carmichael. (2020). "Is Meat Consumption Essential for Healthy Diet? An Islamic Perspective". *The Review of Religions*. 29 Julai 2020. Di <https://www.reviewofreligions.org/23928/veganism-vegetarianism-meat-consumption-islamic-perspective/>
- Asheley R. Landrum, Baxter S. Eaves Jr, and Patrick Shafto. (2015). "Learning to trust and trusting to learn: A theoretical framework". *Trends in Cognitive Sciences*. March 2015. Jilid 19. No. 3.
- Associated Press. (2022). *Distress in Singapore as Malaysia bans chicken export*. 31 Mei 2022. Di <https://apnews.com/article/russia-ukraine-politics-global-trade-malaysia-4188e124f886aeea8549f3bb363b3d3b>
- Atik Wartini. (2017). "Tafsir Tematik Kemenag (Studi Al-Quran Dan Pendidikan Anak Usia Dini)". *Thufula*. Jld. 5. No. 1. (Januari-Jun).
- Azadeh Hamedi, Shirin Farjadian, and Mohammad Reza Karami. (2015). "Immunomodulatory Properties of Taranjebin (Camel's Thorn) Manna and Its Isolated Carbohydrate Macromolecules.". *Journal of Evidence-Based Complementary & Alternative Medicine*. October 2015. Di <https://doi.org/10.1177/2156587215580490> .
- Azra, Azyumardi. (1994). *Jaringan ulama timur tengah dan kepulauan nusantara abad XVII-XVIII: Melacak akar-akar pembaharuan pemikiran Islam di Indonesia*. Bandung: Mizan.
- Az-Zuhaili, Wahbah. (2006). *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatiha fi al-Mazahib al-Arba'ah*. Dimasyq: Dar al-Fikr. Jilid 1.
- Banay RF, Bezold CP, James P, et al.. (2017). Residential greenness: current perspectives on its impact on maternal health and pregnancy outcomes. *Int J Women's Health*. Vol. 9.

- Barton J. (2016). *Green Exercise: Linking Nature, Health and Well-being*. Oxford: Taylor & Francis Group.
- Barton J. and Pretty J. (2010). What is the best dose of nature and green exercise for improving mental health? A multi study analysis. *Environment Sci. Technology*. Vol. 44.
- Belinda Hawkins. (2018). *Plants for life: Medicinal plant conservation and botanic gardens*. UK:Botanic Gardens Conservation International. Di <https://www.bgci.org/files/Worldwide/Publications/PDFs/medicinal.pdf>
- Ben McInerney. (2023). How Many Trees Are in The World?. 19 January 2023. Di <https://www.gotreequotes.com/how-many-trees-in-world/>
- Ben McInerney. (2023). Tree Planting Statistics 2023. January 2023. Di [https://www.gotreequotes.com/tree-planting-statistics/#Tree\\_planting\\_by\\_country](https://www.gotreequotes.com/tree-planting-statistics/#Tree_planting_by_country)
- Better Health Channel. (t.t.). Fruit and Vegetables. Di <https://www.betterhealth.vic.gov.au/health/healthyiving/fruit-and-vegetables#bhc-content>
- Brittanica, "Botany", di <https://www.britannica.com/science/botany>
- \_\_\_\_\_, "Polination", di <https://www.britannica.com/science/pollination>
- Cardinale B, Duffy JE, Gonzalez A, et al. (2012). Biodiversity loss and its impact on humanity. *Nature*. Vol. 486.
- Chen, K., Zhang, T., Liu, F., Zhang, Y., & Song, Y. (2021). How Does Urban Green Space Impact Residents' Mental Health: A Literature Review of Mediators. *International Journal of Environmental Research and Public Health*. Vol. 18. No. 22.
- Choi J.K. (1997). *Longevity Way with Traditional Ethnopharmacology in Korea (Tojong Yakcho Jangsubeob)* Seoul, Korea: Taeil Publication.
- Christina Nunez. (t.t.). "Climate 101: Deforestation". *National Geographic*. Di <https://www.nationalgeographic.com/environment/article/deforestation>
- Claude Guillot (1999). *Merujuk: R.A. Donkin, Dragon's Brain Perfume, A Historical Geography of Camphor*. Leiden, Brill.
- Da-Cheng Hao and Pei-Gen Xiao. (2015). "Genomics and Evolution in Traditional Medicinal Plants: Road to a Healthier Life". *Evolutionary Bioinformatics*. Jilid 11. Januari-Disember 2015.
- Dada Meraxa. *Sejarah Masuknya Islam ke Bandar Baru Sumatera Utara*. Medan: Sasterawan.
- Daud Abdul-Fattah Batchelor. (2019). "Islamic Perspective on Reducing Meat Consumption to Promote Earth's Sustainability". *Islamic Civilisational Renewal*. Vol. 10. No. 2.

David Ellison et al. (2017). "Trees, forests and water: Cool insights for a hot world". *Global Environmental Change*. Vol. 43, UK: Grantham Research Institute. Di <https://reader.elsevier.com/reader/sd/pii/S0959378017300134?toKen=6166D7338963973AFCE88AE9D427B817159293AF9885381A058F2A4DCC23CF6B2B619FAEA349E3D0B826E67B5B6F5D63&originRegion=eu-west-1&originCreation=20221214034336>

Davis J.A., (1959). *A Formal Interpretation of the Theory of Relative Deprivation*. *Sociometry*. Vol. 22.

Deborah Franklin. (2012). *How Hospital Gardens Help Patients Heal*. *Scientific American*. <https://www.scientificamerican.com/article/nature-that-nurtures/>

dictionary.com. "Stylometry". Di <https://www.dictionary.com/browse/stylometry>

Díaz S, Fargione J, Chapin FS III, et al. (2006). Biodiversity loss threatens human well-being. *PLoS Biol*. Vol. 4.

Dorthe Varning Poulsen, Ulrika K Stigsdotter, Dorthe Djernis and Ulrik Sidenius. (2016). 'Everything just seems much more right in nature': How veterans with post-traumatic stress disorder experience nature-based activities in a forest therapy garden. *Health Psychology Open*. January – June 2016.

Drakard, Jane. (1988). *Sejarah Raja-raja Barus*. Jakarta dan Bandung: Usaha Bersama Penerbit Angkasa dan Ecole Francaise D'ektreme-Orient.

Dzhambov AM, Dimitrova DD, Dimitrakova ED. (2014). Association between residential greenness and birth weight: systematic review and meta-analysis. *Urban For Urban Green*. Vol. 13.

Educalingo, Camphor, March, 2023, di <https://educalingo.com/en/dic-en/camphor> ; <https://www.wordreference.com/definition/camphor>

Emily Cronkleton. (2019). *How to Use Camphor Safely: Benefits and Precautions*. Di <https://www.healthline.com/health/what-is-camphor>

Emily W. McMane. (2013). *Growing Empathy: An Exploratory Study on the Effects of School Gardens on Children's Social and Emotional Development: A project based upon an investigation at Berkeley Independent Study, Berkeley, California*, Master Thesis, Smith College, Northampton, 2013. Di <https://scholarworks.smith.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1704&context=theses>

Engemann K, Pedersen CB, Arge L, et al. (2018). Childhood exposure to green space – a novel risk-decreasing mechanism for schizophrenia?. Vol. 199. Sept 2018.

Estelle Whelan. (1998). "Forgotten Witness: Evidence for the Early Codification of the Qur'an". *Journal of the American Oriental Society*. Jan-Mar. Jilid 118. No. 1.

- Esther Katz. (2001). Pengolahan Kemenyan di Dataran Tinggi Batak: Keadaan Sekarang. Dalam Claude Guillot. Lobu Tua Sejarah Awal Barus. terj. Daniel Perret, École française d'Extrême-Archipel. Jakarta: Pusat Penelitian Arkeologi Yayasan Obor Indonesia.
- F. Garret Boudinot and Joseph Wilson. (2020). "Does a proxy measure up? A framework to assess and convey proxy reliability". *Climate of the Past*. Jld. 16.
- Faber Taylor, A., & Kuo, F. E. (2009). Children With Attention Deficits Concentrate Better After Walk in the Park. *Journal of Attention Disorders*. Vol. 12. No. 5.
- FAO. (2013). *Forests and Water: International Momentum and Action*. Rome: FAO.
- Fine Dictionary, Camphor, t.t, di <https://www.finedictionary.com/camphor> ; Simon Online, Kaffor, 5 Mei, 2016, di <http://www.simonofgenoa.org/index.php?title=Kaffor> ;
- Folke C, J Colding, and F Berkes. (2003). *Navigating social-ecological systems: building resilience for complexity and change*. Cambridge University Press, Cambridge, U.K.
- Food and Agricultural Organization of the United Nations. (t.t.). International Plant Day. 12 May. Di <https://www.fao.org/plant-health-day/en>
- \_\_\_\_\_ (2003). *Trade Reforms and Food Security: Conceptualizing the Linkages*. Chapter 2. Di <https://www.fao.org/3/y4671e/y4671e00.htm#Contents>
- \_\_\_\_\_ (2008). "An Introduction to the Basic Concepts of Food Security". EC-FAO Food Security Programme. Di <https://www.fao.org/3/al936e/al936e00.pdf>
- Francis W. Kelsey. (1889). *An Outline of Greek and Roman Mythology*. Boston: Allyn and Bacon.
- Francisco. J. Ayala. (1982). "Beyond Darwinism? The Challenge of Macroevolution to the Synthetic Theory of Evolution". PSA: Proceedings of the Biennial Meeting of the Philosophy of Science Association.
- Gary Miller. (1994). *The Amazing Quran*. Jeddah: Abul-Qasim Publishing House.
- Gascon M, Triguero-Mas M, Martínez D, et al. (2015). Mental health benefits of long-term exposure to residential green and blue spaces: a systematic review. *Int J Environ Res Public Health* 2015. Vol. 12.
- \_\_\_\_\_, et al. (2016). Residential green spaces and mortality: a systematic review. *Environ Int* 2016. Vol. 86.
- Halim Sayoud. (2021). Investigation on the Author's Style and the Authenticity of the Holy Quran. T.tpt: EDT-Scholarpage. Di [http://sayoud.net/Book\\_Quran\\_Authenticity\\_New.pdf](http://sayoud.net/Book_Quran_Authenticity_New.pdf).
- Hamka. (2001). *Tafsir Al-Azhar*. jld. 6. Singapura: Pustaka Nasional.



- Hamza Yusuf. (2011). Fair Trade Commerce for a Better World. RIS Talk Canada. 25 Desember 2011. Di <https://www.youtube.com/watch?v=Mf10XwsMK1g>
- Hannah Ritchie and Max Roser. (2021). "Forests and Deforestation". OurWorldInData.org. Di <https://ourworldindata.org/forest-area>
- Harold Motzki. (2001). "The Collection of the Qur'an: A Reconsideration of Western Views in Light of Recent Methodological Development". Der Islam.
- Harvard Health Publishing Staff. (2020). "Harvard to USDA: Check out the Healthy Eating Plate". Harvard Health. Di <https://www.health.harvard.edu/staying-healthy/comparison-of-healthy-eating-plate-and-usda-myplate>
- Harvard T. H. Chan School of Public Health. (t.t.). The Nutrition Source - Vegetables and Fruits. Di <https://www.hsph.harvard.edu/nutrition-source/what-should-you-eat/vegetables-and-fruits/>
- Hashim Abu Khamsin. (2017). Al-Madkhal Ila Al-Tafsir Al-Maudu`ii: Durus Manhajiyah. Baghdad: Muassasat Al-`Irfan Li Al-Thaqafah Al-Islamiyah.
- Henry M. Morris. (t.t.). The Scientific Case Against Evolution. Institute for Creation Research. Di [https://www.icr.org/home/resources/resources\\_tracts\\_scientificcaseagainstevolution/](https://www.icr.org/home/resources/resources_tracts_scientificcaseagainstevolution/)
- <https://www.drugs.com/npp/rosemary.html>
- I. Gubelmann and H. W. Elley. (1934). "American Production of Synthetic Camphor from Turpentine". Industrial & Engineering Chemistry. Vol. 26. No. 6.
- Ibn `Abd Al-Barr. (t.t.). Al-Istī`āb Fī Ma`rifāt Al-Aṣḥāb. Beirut: Dār Al-Jayl. Jilid 1.
- Ibn `Ashur. Al-Tahrir Wa Al-Tanwir. Al-Abiya'.
- Ibn `Atiyyah Al-Makki. (2005). Qut Al-Qulub Fi Mu`alamat Al-Mahbub Wa Tariq Al-Murid Ila Maqam Al-Tauhid. Beirut: Dar Al-Kutub Al-`Ilmiyah. Jilid 2.
- Ibn Al-Athīr. (t.t.). Usud Al-Ghābah Fī Ma`rifāt Al-ṣahābah. Beirut: Dār Ibn Hazm. Jilid. 1.
- Ibn Al-Jawzi. (2001). Talbis Iblis. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Ibn Al-Sa`di, Taisir Al-Karim Al-Rahman Fi Tafsir Kalam Al-Mannan, Al-Rahman, 55:12.
- Ibn Khardadhbih, al-Masaalik wa al-Mamaalik.
- Ibn Manzur. (t.t.). Lisan Al-`Arab. Beirut: Dar Sadir, jld. 5; jld. 13.
- Ibrahim Al-Humaidi. (1443H). Al-Madkhal Ila Al-Tafsir Al-Maudu`ii. Al-Dammam: Dar Ibn Al-Jawzi.
- Ingulli K., Lindbloom G. (2013). Connection to Nature and Psychological Resilience. Ecopsychology. Vol. 5.

- Irini Dewi Wanti (1973). Barus: Sejarah Maritim dan Peninggalannya di Sumatera Utara. Banda Aceh: Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional.
- Irvin D. Yalom. (1998). *The Yalom Reader: Selection of the Work of a Master Therapist and Storyteller*. New York: Perseus Books.
- Isbell F, Calcagno V, Hector A, et al. (2011). High plant diversity is needed to maintain ecosystem services. *Nature*. Vol. 477.
- Ishrak Khafagi, Amirah Zakaria, Ahmad Dewedar, and Khaled Al-Zahdany (2006), "A Voyage in the World of Plants as Mentioned in the Holy Quran", *International Journal of Botany*, 2:3, 2006,
- Islam Question and Answer. (1998). Ruling on not eating meat or dairy products (veganism). 15 September 1998. Di <https://islamqa.info/en/answers/2521/ruling-on-not-eating-meat-or-dairy-products-veganism>
- IslamWeb. (2016). Al-Razi Wa Manhajuh Fi Al-Tafsir. 16 September, 2016. Di <https://www.islamweb.net/ar/article/38861/%D8%A7%D9%84%D8%B1%D8%A7%D8%B2%D9%8A-%D9%88%D9%85%D9%86%D9%87%D8%AC%D9%87-%D9%81%D9%8A-%D8%A7%D9%84%D8%AA%D9%81%D8%B3%D9%8A%D8%B1>
- Jacqueline Adam. (2018). *Meat and Islam: How Vegetarian in Egypt Navigate Faith and Contemporary Food Ethics*. Master's thesis. Harvard Extension School.
- James Alan Bassham. (2022). "Photosynthesis". *Encyclopedia Britannica*. 4 Desember 2022. Di <https://www.britannica.com/science/photosynthesis>
- James P, Banay RF, Hart JE, et al. (2015). A review of the health benefits of greenness. *Curr Epidemiol Rep*. Vol. 2.
- Jami' Tirmidhi 3246, Book 47, Hadith 298.; HR. Muslim No. 2873.
- Jane Drakard. (1989). "An Indian Ocean Port: Sources of the Earlier History of Barus". *Archipel*. Vol. 37.
- Jiang H., Wang J., Song L., Cao X., Yao X., Tang F., Yue Y. (2016). GC× GC-TOFMS analysis of essential oils composition from leaves, twigs and seeds of *Cinnamomum camphora* L. Presl and their insecticidal and repellent activities. *Molecules*. Vol. 21.
- Jo H, Song C, Miyazaki Y. (2019). Physiological Benefits of Viewing Nature: A Systematic Review of Indoor Experiments. *Int J Environ Res Public Health*. Nov 27. Vol. 16. No. 23.
- JSTOR Global Plants, *Ocotea usambarensis*, di <https://plants.jstor.org/compilation/Ocotea.usambarensis>
- Justin Parrot. (2017). *The Case for Allah's Existence in the Quran and Sunnah*. T.tpt: Yaqeen Institute for Islamic Research.

- Kahn PH. (1997). Developmental psychology and the Biophilia hypothesis: Children's affiliation with nature. *Developmental Review*. No. 17.
- Kalinga Seneviratne. (2012). "Farming in the Sky in Singapore". *Our World*. 12 Desember 2012. Di <https://ourworld.unu.edu/en/farming-in-the-sky-in-singapore>
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, "Tafsir". Di [https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?key word=tafsir](https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?key%20word=tafsir)
- Kecia Ali. (2015). "Muslims and Meat-eating: Vegetarianism, Gender and Identity". *Religious Ethics*. Vol. 43. No. 2. June 2015.
- Keith Forbes dan Jeremy Broadhead. (2013). *Forest and Landslides: The Role of Trees and Forests in the Prevention of Landslides and Rehabilitation of Landslide-Affected Areas In Asia*. Bangkok: FAO. Di <https://www.fao.org/3/i3245e/i3245e.pdf>
- Kellert SH. (1993). The biological basis for human values of nature. Dalam Kellert SH, Wilson EO. (eds). (1993). *The Biophilia Hypothesis*. Washington D. C: Island.
- Kim GW, Jeong GW, Kim TH, Baek HS, Oh SK, Kang HK, Lee SG, Kim YS, Song JK. (2010). Functional neuroanatomy associated with natural and urban scenic views in the human brain: 3.0T functional MR imaging. *Korean J Radiol*. Sep-Oct. Vol. 11. No. 5.
- Krishnamacharya, N.V.R. (1983). *The Mahabharata*. Tirupati: Tirumala Tirupati Devasthanams.
- Kuo F.E., Faber Taylor A. (2004). A Potential Natural Treatment for Attention-Deficit/Hyperactivity Disorder: Evidence from a National Study. *Am. J. Public Health*. No. 94.
- Lajnah Pentashih Al-Qur'an. Badan Litbang dan Diklat Departmen Agama RI (2007-2017). *Tafsir Al-Qur'an Tematik*. Jakarta: Kementerian Agama Republik Indonesia. Di <https://pustakalajnah.kemenag.go.id/koleksi?kategori=tafsir-tematik>
- Laura Wright. "Framing vegan studies: Vegetarianism, veganism, animal studies, eco-feminism". *Routledge Handbook of Vegan Studies*.
- Lee I, Choi H, Bang KS, et al. (2017). Effects of forest therapy on depressive symptoms among adults: a systematic review. *Int J Environ Res Public Health*. No. 14.
- Lee SH, Kim DS, Park SH, Park H. (2022). Phytochemistry and Applications of *Cinnamomum camphora* Essential Oils. *Molecules*. Apr 22. Vol. 27. No. 9.
- Liddicoat C, Bi P, Waycott M, et al. (2018). Landscape biodiversity correlates with respiratory health in Australia. *J Environ Manag* 2018. Vol. 206.
- Lihat: <https://www.futureoffood.ox.ac.uk/what-food-system>.
- Lincoln, D.E., Lawrence, B.M. (1984) "The volatile constituents of camphorweed, *Heterotheca subaxillaris*". *Phytochemistry*. Vol. 23. No. 4.

- Linda Powers Tomasso et. al. (2021). The relationship between Nature Deprivation and Individual Wellbeing across urban gradients under Covid-19. *International Journal of Environmental Research and Public Health*. Vol. 18, No. 4, Feb ed.
- Liu Z., Kong L., Lu S., Zou Z. (2019). Application of a combined homogenate and ultrasonic cavitation system for the efficient extraction of flavonoids from *Cinnamomum camphora* leaves and evaluation of their antioxidant activity in vitro. *J. Anal. Methods Chem.*
- Lumber R., Richardson M., Sheffield D. (2017). Beyond knowing nature: Contact, emotion, compassion, meaning, and beauty are pathways to nature connection. *PLoS ONE*.
- M. Grieve, Camphor, di <https://www.botanical.com/botanical/mgmh/c/campho13.html>
- M. Quraish Shihab. (2017). *Tafsir Al-Mishbah*. Jakarta: Lentera Hati. Jilid 14.
- Ma`ajim, Kafur, t.t, di <https://www.maajim.com/dictionary/%D9%83%D8%A7%D9%81%D9%88%D8%B1>
- Maas, J., Verheij, R. A., Groenewegen, P. P., De Vries, S., & Spreeuwenberg, P. (2006). Green space, urbanity, and health: how strong is the relation?. *Journal of epidemiology & community health*. Vol. 60. No. 7.
- Magfirah Dahlan. (2021). "Veganism in Islam". *Routledge Handbook of Vegan Studies*. edited by Laura Wright. New York; Routledge.
- Mahmud Shaltut. (1951). *Al-Qur'an Wa Al-Qital*. Qahirah: Matba`at Al-Kitab Al-`Arabi. Di [https://archive.org/details/skrdieh\\_lau\\_20160606/mode/2up](https://archive.org/details/skrdieh_lau_20160606/mode/2up)
- \_\_\_\_\_. (2000). *Al-Qur'an Wa Al-Mar'ah: Fusul Shar`iyah Ijtima`iyah, Tahdid Al-Nasl Fi Al-Shari`ah*. Al-Wakalah Al-Sahafah Al-`Arabiyah.
- \_\_\_\_\_. (2004). *Tafsir Al-Qur'an Al-Karim – Al-Ajza' Al-`Ashrah Al-Ula*. Qahirah: Dar Al-Shuruq.
- Majlis Agama Islam Negeri Johor. (t.t.). Zakat Pertanian. Di <https://www.maij.gov.my/zakat-pengenalan/zakat-pertanian>
- Markaz Tafsir Li Al-Dirasat Al-Qur'aniyyah. (2019). *Mausu`at Al-Tafsir Al-Maudu`ii*. Riyad: Markaz Tafsir Li Al-Dirasat Al-Qur'aniyyah. "An Al-Mausu`ah", *Mausu`at Al-Tafsir Al-Maudu`ii*, di <https://modoe.com/about-us>
- Markevych I, Schoierer J, Hartig T, et al. (2017). Exploring pathways linking greenspace to health: theoretical and methodological guidance. *Environ Res*. Vol. 158.
- Martyn P., Brymer E. (2016). The relationship between nature relatedness and anxiety. *J. Health Psychol*. No. 21.
- Masagos Zulkifli. *Towards Singapore's Sustainability - Key Tenets of Our Approach to Sustainable Development*, Horizons, summer 2019, <https://www.cirsd.org/en/horizons/horizons-summer-2019-issue-no-14/towards-singapores-sus>

tainability-key-tenets-of-our-approach-to-sustainable-development

Maurrice Bucaille. (2021). *The Bible, the Quran and Science*. Kuala Lumpur: Dar al Wahi.

Mayer FS, Frantz CM. (2004). The connectedness to nature scale: A measure of individuals' feeling in community with nature. *Journal of Environmental Psychology*. No. 24.

Mediaval Indonesia. (2020). Camphor in the Qur'an. 11 Mei, 2020, Di <https://indomedieval.medium.com/camphor-in-the-qur%C4%81n-8201083b17f6> ;

\_\_\_\_\_. Two Early Descriptions of Camphor Production. 26 Disember, 2020, di <https://indomedieval.medium.com/two-early-descriptions-of-camphor-production-ba3054e60375>

MedlinePlus, "Camphor overdose", National Library of Medicine, di <https://medlineplus.gov/ency/article/002566.htm>

Merriam Webster Dictionary, Camphor, 26 Februari, 2023, di <https://www.merriam-webster.com/dictionary/camphor#h1> ;

Misri A. Muchsin. (2017). Barus dalam sejarah: Kawasan percaturan Politik, Agama dan Ekonomi Dunia. *ADABIYA*. Vol. 19. No. 1. Feb 2017.

Moh. Tulus Yamani. (2015). "Memahami Al-Qur'an Dengan Metode Tafsir Maudhu'i", *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 1:2, Januari-Juni, 2015.

Mohammad Najeeb Qasmi. (2015). "Muhammad Mustafa Al-Azami & His Contributions to Hadith". *IlmGate*. 1 Oktober. Di <https://www.ilmgate.org/mawlana-muhammad-mustafa-azami/>

Mohd Abbas Abdul Razak. (2014). "Man and Nature: An Islamic Perspective". *Peshawar Islamicus*. Jilid 5. No. 2. Julai-Dis.

Mohd Hafarisham Abdul Halim, Azman Adam, Shyeh Sahibul Karamah Masnan dan Mokhtar Saidin. (2022). "Bukti Tapak 23, Pengkalan Bujang Sebagai Kuil Hindu Berdasarkan Kajian Arkeologi Trekini". *Jurnal Arkeologi Malaysia*. Vol. 35. No. 1.

Mohd Hasfarisham Abd Halim, Nor Khairunnisa Talib, Shyeh Sahibul Karamah Masnan, Ahmad Fadly Josoh and Mokhtar Saidin. (2022). "Chronometric Dating of Monuments and Iron Smelting Site at the Sungai Batu Archaeological Complex, Bujang Valley, Kedah, Malaysia to Fulfill Requirement of Urbanization and Land Use Development Since 788 Bc.". *SSRN*. 21 Oktober, 2022. Di [https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract\\_id=4254542](https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=4254542) ;

Mohd Zaki, Muhammad Nasrullah and Jamaludin, Mohammad Aizat and Mohd Nor, Nur Suriya and Azlan, Aishah. (2021). "Veganism sentiments and preferences among Muslims". *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*. Vol. 29. No. 2.

Monique Tello. (2018). "Eat more plants, fewer animals". *Harvard Health*. 29 November

2018. Di <https://www.health.harvard.edu/blog/eat-more-plants-fewer-animals-2018112915198#:~:text=Science%20has%20shown%20us%20over,lower%20our%20body%20mass%20index>.
- Muhamad, A., Syihab, A. H., & Achour, M. (2019). Quranic Messages on Environmental Sustainability: an Expository Study of Its Relevance. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*. Vol. 17. No.1.
- Muhammad Al-Ghazali. (2000). *Tafsir Maudu`ii Li Suwar Al-Quran*. Qahirah: Dar Al-Shuruq. Di <https://archive.org/details/00518-pdf> .
- Muhammad Fu`ad `Abd Al-Baqi. (1988). *Al-Mu`jam Al-Mufahharas Li Alfaz Al-Qur'an Al-Karim*. Cairo: Dar Al-Hadith.
- Muhammad Haniff Hassan. "Interpreting Islam and Plural Society". *Islam and Civilisational Renewal*. Vol. 1. No. 1.
- \_\_\_\_\_. *Unlicensed to Kill: Countering Imam Samudra's Justification for the Bali Bombing*. Singapore: Peace Matters.
- Muhammad Husain Ali Al-Saghir. (2012). *Al-Mustashriqun Wa Al-Dirasat Al-Qur'aniyah*. Beirut: Dar Al-Muarrikh Al-`Arabi.
- Muhammad Mustafa Al-`Azami. (1978). *Studies in Hadith Methodology and Literature*. Oak Brook: American Trust Publications.
- \_\_\_\_\_. (1985). *On Schacht's Origins of Muhammadan Jurisprudence*. Riyadh: King Saud University.
- \_\_\_\_\_. (2010). *The History of the Qur'anic Text from Revelation to Compilation: A Comparative Study with the Old and New Testaments*. London: Turath Publishing.
- Muhammad Widus Sempo, Nurulwahidah Binti Fauzi, Robiatul Adawiyah Mohd @ Amat, Norzulaili Mohd Ghazali. (2019). "Kearifan tempatan Mengenai Kapur Barus (Cinamomum Camphora) Menurut Perspektif Islam Dan Budaya Masyarakat Melayu Abad Ke 19M". *Al-Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. Vol. 19. No. 1. September, 2019.
- Muslim bin Al-Hajjaj Al-Qusyaeri Al-Nisaburi. (t.t.). *Sahih Muslim*. Tahkik Muhammad Fuad Abd Al-Baqi. Beirut: Dar Ihya" Al-Turath Al-Arabi. Kitab AL-Janaiz. Bab Fi Ghasl Al-Mayyit.
- Mustafa Muslim. (2000). *Mabahith Fi Al-Tafsir Al-Maudu`ii*. Damsyiq: Dar Al-Qalam.
- Naimul Qohar. (2022). *Teori masuknya Islam di Nusantara Dalam tafsir Al-Azhar*. Di <https://tafsiralquran.id/teori-masuknya-islam-di-nusantara-dalam-tafsir-al-azhar/>
- Nasrallah, Nawal, (t.t.). *Annals of the Caliphs' Kitchens: Ibn Sanyâr al-Warrâq's Tenth-century Baghdadi Cookbook*. Islamic History and Civilization. Leiden, The Netherlands: Brill.

- National Park Flora and Fauna Web (2022), *Dryobalanops aromatica*, 18 Februari, di <https://www.nparks.gov.sg/florafaunaweb/flora/2/8/2862>
- Nicole Harris. (2020). "Why Can't Babies Have Honey?". Parents. 15 April. Di <https://www.parents.com/baby/feeding/when-can-my-baby-eat-honey/>
- Nurfaisal. (2013). Kesaksian baru dan kapur baru dalam sejarah awal Islam Nusantara. Pekanbaru: LP2M UIN Suska Riau.
- Online Etymology Dictionary, Camphor, 22 September, 2017, di [https://www.etymonline.com/word/camphor#etymonline\\_v\\_643](https://www.etymonline.com/word/camphor#etymonline_v_643) ;
- Park, SH; Mattson, RH. (2009). "Ornamental indoor plants in hospital rooms enhanced health outcomes of patients recovering from surgery". *J Altern Complement Med*. Vol. 15. No. 9.
- Paul Teng. (2013). "Food Security: What It Means for a Food-Importing Country". RSIS Commentary. 4 Desember. Di <https://www.rsis.edu.sg/rsis-publication/nts/2110-food-security-what-it-means-f/#.YzVZaHZByHs>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (Office of Mufti of Federal Territory). (2017). "The Ruling of Becoming Vegetarian". *Al-Kafi Fi Al-Fatawi* #552. 23 Februari 2017. Di <https://www.muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/988-al-kafi-552-the-ruling-of-becoming-a-vegetarian>
- Pergas. *Moderation in Islam in the Context of Muslim Community in Singapore*. Singapore: Pergas.
- Perkins HE. (2010). Measuring love and care for nature. *Journal of Environmental Psychology*. Vol. 30.
- Pharmacopoeia Commission of the Ministry of Health of the People's Republic of China. (2010). *Pharmacopoeia of the People's Republic of China*. Volume 1. Beijing, China: People's Medical Publishing House.
- Poudel D.K., Rokaya A., Ojha P.K., Timsina S., Satyal R., Dosoky N.S., Satyal P., Setzer W.N. (2021). The Chemical Profiling of Essential Oils from Different Tissues of *Cinnamomum camphora* L. and Their Antimicrobial Activities. *Molecules*. No. 26.
- Pretty P.J., Peacock J., Sellens M., Griffin M. (2005). The mental and physical health outcomes of green exercise. *Int. J. Environ. Health Res*. No. 15.
- Prof. Dr. Hamka. (1988). *Tafsir Al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd. Jilid 10.
- Puar, Yusuf Abdullah. (1984). *Masuknya Islam ke Indonesia*, Jakarta: CV. Indradjaja.
- Pusat Pungutan Zakat MAIWP. (t.t.). *Zakat Pertanian*. Di <https://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-pertanian/>
- Raf Aerts, Oliver Honnay and An Van Nieuwenhuyse. (2018). Biodiversity and human health: mechanisms and evidence of the positive health effects of diversity in nature and

green spaces. *British Medical Bulletin*. Vol. 127.

Raymond Farrin. (2014). *Structure and Qur`anic Interpretation: A Study of Symmetry and Coherence in Islam's Holy Text*. Oregon: White Cloud Press.

Richard C. Foltz. (2006). *Animals in Islamic Tradition and Muslim Cultures*. Oxford: One World.

Richard Dawkins. (2006). *The God's Delusion*. New York: A Mariner Book.

Robet Jimison. (2017). "Why we all need green in our lives". *CNN Health*. 5 Jun 2017. Di <https://edition.cnn.com/2017/06/05/health/colorscoope-green-environment-calm/index.html>

Roderich Ptak. Possible Chinese References to the Barus Area (Tang to Ming) dalam C. Guillot (ed.). *Histoire de Barus, Sumatra, Le site de Lobu Tua. Études et Documents*, Paris, Cahier d'Archipel 30.

Romanelli C, Cooper D, Campbell-Lendrum D, et al. (2015). *Connecting Global Priorities: Biodiversity and Human Health: a State of Knowledge Review*. Geneva: WHO, UNEP, Secretariat of the CBD.

Ruokolainen L, von Hertzen L, Fyhrquist N, et al. (2015). Green areas around homes reduce atopic sensitization in children. *Allergy*. Vol. 70.

Ryan Lumber, Miles Richardson, David Sheffield. (2017). Beyond knowing nature: Contact, emotion, compassion, meaning, and beauty are pathways to nature connection. *PLOS ONE*. Vol. 12. No. 5.

S. Miyagi, N. Iwama, T. Kawabata, and K. Hasegawa. (2003). "Longevity and Diet in Okinawa, Japan: The Past, Present and Future". *Asia Pacific Journal of Public Health*. Vol. 15. No. 1. Supplement March 2003.

Sabir `Abd Al-Rahmad Rishwani. (2009). *Manhaj Al-Tafsir Al-Maudu`ii Li Al-Qur'an Al-Karim: Dirasah Naqdiyah*. Halb: Dar Al-Multaqa.

Sahih Muslim, Hadith no. 1955a, Hadith no. 1957a; Sunan Abi Dawud 4941.

Saipolbahrin Ramli dkk. (2018). "Analisis Leksikografi dan Semantik Perkataan al-Kafur dalam Al-Qur'an". *GEMA Online Journal of Language Studies*. Vol. 18. No. 2. May 2018.

Salim Al-Hassani. (2009). "1000 Years Amnesia: Environment Tradition in Muslim Heritage". *muslimheritage.com*. 10 September. Di <https://muslimheritage.com/1000-years-amnesia-environment-tradition-in-muslim-heritage/>

Sayid Sabiq. (2000). *Al`Aqa'id Al-Islamiyah*. Cairo: Dar Al-Fath Al-`lam Al-`Arabiyy.

ScienceDirect, "Gum Arabic", di <https://www.sciencedirect.com/topics/medicine-and-dentistry/gum-arabic>



- Seslisozluk, Camphor, t.t, di <https://www.seslisozluk.net/en/what-is-the-meaning-of-camphor/>
- Seyyed Hossein Nasr. (2019). "Can We Live in Harmony With Nature?". *Renovatio: The Journal of Zaytuna College*. 17 Jun, 2019.
- Shaima` Abd Al-Hadi. (2019). "Khilal Nadwah `An "Imam Taqrib" Al-Sukri: Shaltut Wada` Bazrat "Al-Tafsir Al-Maudu`ii" Li Al-Qur'an Al-Karim", *Al-Ahram*, 3 Februari, 2019. Di <https://gate.ahram.org.eg/News/2105237.aspx>
- Shanahan DF, Astell-Burt T, Barber EA, Brymer E, Cox DTC, Dean J, Depledge M, Fuller RA, Hartig T, Irvine KN, Jones A, Kikillus H, Lovell R, Mitchell R, Niemelä J, Nieuwenhuijsen M, Pretty J, Townsend M, van Heezik Y, Warber S, Gaston KJ., (2019). *Nature-Based Interventions for Improving Health and Wellbeing: The Purpose, the People and the Outcomes*. *Sports (Basel)*. Jun 10. Vol. 7. No. 6.
- Shen YS, Lung SC. (2017). Mediation pathways and effects of green structures on respiratory mortality via reducing air pollution. *Sci Rep*. Vol. 7.
- Silsilat Al-Ma`arif Al-Ta`limiyah. (2020). *Al-Tafsir Al-Maudu`ii: Al-Mafhum Wa Al-Manhaj*. Lebanon: Dar Al-Ma`arif Al-Islamiyah Al-Thaqafiyah.
- Singapore Food Agency. (2022). *Sustenir agriculture: Futuristic farming for SG's food security*. <https://www.sfa.gov.sg/fromSGtoSG/farms/farm/Detail/sustenir-agriculture>
- \_\_\_\_\_. (t.t.). *Master Planning LCK*. Di <https://www.ourfoodfuture.gov.sg/master-planning-lck/ourvision>
- Singh R., Jawaid T. (2012). *Cinnamomum camphora (Kapur) Pharmacogn. J*. Vol. 4. doi: 10.5530/pj.2012.28.1.
- Siti Nurwanis Mohamed, Monika@Munirah Abdul Razak dan Najihah Mohd Hashim. (2020). "Elemen Keindahan Dalam Tumbuhan Menurut Al-Qur'an dan Hadith: Satu Tinjauan Awal". *Jurnal al-Turath*. Vol. 5. No. 2.
- Smith H.J., Pettigrew T.F.. (2015). *Advances in Relative Deprivation Theory and Research*. *Soc. Just. Res*. Vol. 28.
- Staff Writer. (2020). *How Many Types of Fruits are There in the World?*. *Reference*. 30 Mac 2020. Di <https://www.reference.com/science-technology/manly-types-fruits-world-ef78fe775fd75a9b>
- \_\_\_\_\_. (2020). *How Many Types of Fruits are There in the World?*. *Reference*. 30 Mac 2020. Di <https://www.reference.com/science-technology/manly-types-fruits-world-ef78fe775fd75a9b>
- Staniewska, A. (2022). *Gardens of Historic Mental Health Hospitals and Their Potential Use for Green Therapy Purposes*. *Land*. Vol. 11. No. 10.
- Starling P.E. (2011). *An Investigation of Unstructured Play in Nature and its Effect on*

- Children's Self-Efficacy. USA: University of Pennsylvania. Di [https://repository.upenn.edu/edissertations\\_sp2/15/](https://repository.upenn.edu/edissertations_sp2/15/)
- Stephen R. Gliessmann. (t.t.). "Agriculture, Modern". encyclopedia.com. Di <https://www.encyclopedia.com/science/news-wires-white-papers-and-books/agriculture-modern>
- Tam K-P, Lee S-L, Chao MM. (2013). Saving Mr. nature: Anthropomorphism enhances connectedness to and protectiveness toward nature. *Journal of Experimental Social Psychology*. No. 49.
- Tantawi Jawhari. (1417 H). *Al-Jawahir fi tafsir al-Quran al-Qarim al-syamil ala ajaib ala bada'i' al-malakutat wa gharaib al-ayat*. Mesir: Mustafa Al-Babi Al-Halabi Wa Awladuh. Cetakan 1. Jilid 21.
- Tawfiq `Ulwan. (2006). *Faid Al-Rahman Fi Al-Tafsir Al-Maudu`ii Li Al-Qur'an*. Riyad: Maktabat Al-Rushd.
- Teuku Ibrahim Alfian. (1999). *Wajah Aceh Dalam Lintasan Sejarah*. Banda Aceh: Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh.
- The Editors (2022). "Fruit". *Britannica Encyclopedia*. 21 Oktober 2022. Di <https://www.britannica.com/science/fruit-plant-reproductive-body>
- \_\_\_\_\_. (2022). "Carbon Dioxide". *Encyclopedia Britannica*. 21 November 2022. Di <https://www.britannica.com/science/carbon-dioxide>
- \_\_\_\_\_. (2022). "Vegetarianism", *Britannica Encyclopedia*. Di <https://www.britannica.com/topic/vegetarianism>
- Time. (1966). *Is God Dead?*. Jld. 87. No. 14. 8 April, 1966.
- Toko Buku Nasional. (2019). *Tafsir Maudhu`i Al-Qur'an Tematik Kementerian Agama RI Edisi Terbaru 2019*. Di <https://tokobukunasional.com/products/pt-len-tera-ilmu-makrifat/tafsir-maudhui-kementerian-agama-ri-edisi-terbaru-2019/>
- UN News. (2019). Plants, the 'core basis for life on Earth', under increasing threat, warns UN food agency. 2 Desember 2019. Di <https://news.un.org/en/story/2019/12/1052591>
- United Nation. "UN Milestones". *Food Security and Nutrition – A Global Issue*. <https://research.un.org/en/foodsecurity/un-milestones>
- \_\_\_\_\_. 17 Sustainable Development Goals (SDGs), di <https://sdgs.un.org/goals> United Nations Conference on Sustainable Development. (t.t.). Rio+20, di <https://sustainabledevelopment.un.org/rio20>
- United States Environmental Protection Agency, "Climate Impacts on Agriculture and Food Supply", *Climate Change Impacts*, <https://climatechange.chicago.gov/climate-impacts/climate-impacts-agriculture-and-food-supply>

University of Minnesota, What is Happening in healthcare Settings Today?, What is Happening in Healthcare Settings Today? | Taking Charge of Your Health & Wellbeing (umn.edu)

University of Minnesota. What is Happening in healthcare Settings Today?, di What is Happening in Healthcare Settings Today? | Taking Charge of Your Health & Wellbeing (umn.edu)

Van den Berg M, Wendel-Vos W, van Poppel M, et al. (2015). Health benefits of green spaces in the living environment: a systematic review of epidemiological studies. *Urban For Urban Green*. No. 14.

Van Den Bosch M, Nieuwenhuijsen M. (2017). No time to lose – green the cities now. *Environ Int*. Vol. 99.

Viktor E. Frankl. (1985). *Man's Search for Meaning*. New York: Pocket Books.

Wahbah Al-Zuhaili. (1991). *Al-Tafsir Al-Munir*. Beirut: Dar Al-Fikr Al-Mu`asir. Jilid 29.

Wahyoe Boediwardhana. (2016). "Ancient structures could rewrite Indonesian history". *The Jakarta Post*. 16 Januari, 2016. Di <https://www.thejakartapost.com/news/2016/01/16/ancient-structures-could-rewrite-indonesian-history.html>

Wang J., Cao X., Song L., Ding Z., Tang F., Yue Y. (2017). Comparative chemical composition and antifungal activity of the essential oils of *Cinnamomum camphora* L. *Presl Leaves from three geographic origins*. *Food Sci*. Vol. 38.

Waruno Mahdi and Russel Jones. (2008). "Loan-words in Indonesian and Malay". *Archipel*. Vol. 76.

Waruno Wahidi (2005), "Linguistic philological data towards a chronology of Austronesian activity in India and Sri Lanka", *Archaeology And Language IV: Language Change And Cultural Transformation*, edited by Roger Blench and Matthew Spriggs, London: Routledge

Wilfred H. Scoff. (1922). *Camphor*. *Journal of the American Oriental Society*. Vol. 42. Di <https://www.jstor.org/stable/pdf/593648.pdf>

World Commission on Environment and Development. (1987). *Our Common Future*. London, Oxford University Press.

World Food Summit. (1996). *The World Bank*. Di <https://www.worldbank.org/en/topic/agriculture/brief/food-security-update/what-is-food-security#:~:text=Based%20on%20the%201996%20World,an%20active%20and%20healthy%20life>.

Xu Y., Qin J., Wang P., Li Q., Yu S., Zhang Y., Wang Y. (2020). Chemical composition and larvicidal activities of essential oil of *Cinnamomum camphora* (L.) leaf against *Anopheles stephensi*. *Rev. Soc. Bras. Med. Trop*. No. 53.

Yasien Muhammad. (1995). "The Interpretations of Fitrah". Islamic Studies. Jld. 34. No. 2.

Yusuf Al-Qaradawi. (1973). Fiqh Al-Zakah. Beirut: Mu'assat Al-Risalah. Jilid 1.

Zahir bin `Awad Al-Alma`ii. (1405H). Dirasat Fi Al-Tafsir Al-Maudu`ii Li Al-Qur'an Al-Karim.

Zelenski JM, Nisbet EK. (2014). Happiness and feeling connected: The distinct role of nature relatedness. Environment and Behaviour. Vol. 46. No. 1. Di [https://www.researchgate.net/publication/268034689\\_Happiness\\_and\\_Feeling\\_Connected\\_The\\_Distinct\\_Role\\_of\\_Nature\\_Relatedness](https://www.researchgate.net/publication/268034689_Happiness_and_Feeling_Connected_The_Distinct_Role_of_Nature_Relatedness)

Zinnirah Shaikh. (2020). "Towards and Islamic Basis for Veganism". Astrolabe. Vol. 2020. No. 2.

Zuccarini, Paulo. (2009). Camphor: Risks and benefits of a widely used natural product. Journal of Applied Sciences and Environmental Management. Vol. 1. No. 2.

Zylstra MJ, Knight AT, Esler KJ, Le Grange LLL. (2014). Connectedness as a core conservation concern: An interdisciplinary review of theory and a call for practice. Springer Science Review.

